

*Naskhah belum disemak*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 23

Rabu

14 Disember 2016

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 2017

(Halaman 34)

**USUL:**  
Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 39)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 14 Disember 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mulakan Majlis kita ini dengan pertanyaan-pertanyaan dan saya mulakan, minta Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, dipersilakan.

1. **Dato' Indera Hoh Khai Mun** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa tatacara piawaian atau *standard operating procedure* (SOP) untuk mengawasi dan memastikan rumah kebajikan diurus dengan sempurnanya.

**10.04 pg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994.

Langkah standard operasi yang digunakan oleh KPWKM untuk memastikan penghuni yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan mendapat hak dan kebajikan yang sewajarnya ialah berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994. Setiap pengusaha pusat jagaan hendaklah mengikut keperluan dan kehendak yang dinyatakan dalam peraturan yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan pusat-pusat jagaan diurus dengan sempurna, kementerian melalui JKM juga menjalankan pemantauan kepada pusat jagaan berkaitan. Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah:

- (i) menjalankan aktiviti pengesanan ke pusat jagaan yang tidak berdaftar dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM;
- (ii) menjalani pemeriksaan berkala dan mengejut ke premis pusat jagaan dan taska oleh pegawai diberi kuasa; dan
- (iii) mengambil tindakan penguatkuasaan seperti dalam peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 seperti arahan bertulis tutup sementara, batal pendaftaran, LAD kompaun dan menjalankan pendakwaan di mahkamah.

Jika sabit kesalahan pengendali pusat jagaan berkenaan boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kedua, bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda dengan tidak lebih RM20,000 atau dipenjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Dari Januari hingga ke Oktober 2016, JKM telah mengeluarkan arahan bertulis kepada enam buah pusat jagaan. Sebuah pusat jagaan diambil tindakan LAD dan 11 buah pusat jagaan dibatalkan pendaftaran dan enam buah pusat jagaan telah didakwa. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat di pihak yang berkata bahawa rumah kebajikan yang tidak mempunyai kemudahan yang sewajarnya untuk berurus dengan sebaik mungkin perlu ditutup. Walau bagaimanapun, penutupan rumah-rumah kebajikan secara tidak langsung akan menyebabkan ketidakadilan kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Dengan ini, soalan tambahan saya kepada kementerian adalah untuk mendapatkan penjelasan tentang tindakan kementerian terhadap isu-isu berkaitan dengan kekurangan kemudahan dan kakitangan di rumah-rumah kebajikan tersebut.

Selain itu, apa usaha kementerian untuk bekerjasama dengan pihak pakar atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi membantu menjaga rumah kebajikan dalam pengendalian dia. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti apa yang tadi saya telah pun jawab, kita kementerian berterima kasih kepada semua NGO yang menujuhkan pusat jagaan untuk manfaat kepada rakyat yang memerlukan.

Oleh itu, kementerian tidak berniat untuk menutup pusat jagaan yang telah pun ditubuh tetapi kami sentiasanya pertama, kita perlu memastikan semua pusat jagaan ini mereka

berdaftar dengan kementerian supaya kementerian dapat beri bantuan kepada mereka dan di samping itu kementerian dapat menjalankan kerja-kerja memantau supaya jagaan yang diberi kepada penghuni-penghuni atau *client-client* yang berada di pusat jagaan itu adalah di bawah satu tahap memuaskan.

Oleh itu, bagi yang tidak ada kemudahan yang memuaskan dengan ikut peraturan yang telah ditetapkan, kami biasanya akan beri nasihat kepada pusat jagaan itu supaya bagi satu tempoh yang munasabah untuk mereka menyediakan kemudahan itu.

#### ■1010

Sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh pusat-pusat jagaan bukan sahaja daripada segi kemudahan yang sedia ada tetapi juga ada masa yang mereka mengalami masalah bantahan daripada kejiranannya.

Oleh itu, JKM telah pun mewujudkan satu *one stop* mesyuarat yang mana kita menjemput semua agensi yang terlibat termasuk Jabatan Kesihatan, PBT, bomba dan juga JKM. Kita akan berbincang dan kita akan menyelesaikan masalah dalam mesyuarat itu dan kita akan beri bantuan kepada pusat jagaan untuk mereka memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kalau nasihat telah pun diberi kepada pusat jagaan yang berkenaan tetapi mereka tidak ada tindakan yang diambil, kita akan mengikut keadaannya iaitu pertama sekali, kita akan beri arahan bertulis, kedua, kita mungkin akan LAD atau kompaun dan tutup sementara dan batalkan pendaftaran dan akhirnya, kita akan mendakwakan mereka di mahkamah.

Mengenai kemahiran penjaga-penjaga di pusat jagaan, pada masa yang akan datang, KPWKM menyasarkan semua pengendali, penyelia dan penjaga supaya memiliki sekurang-kurangnya SKM iaitu pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang penjagaan warga emas, OKU atau kanak-kanak sekiranya ingin mengoperasi sesebuah pusat jagaan. Kita juga akan menyediakan kursus-kursus melalui Institut Sosial Malaysia supaya kita beri peluang kepada semua penyelia, mereka ambil bahagian dalam kursus-kursus yang dijalankan oleh Institut Sosial Malaysia.

Kementerian memang bekerjasama dengan pakar-pakar seperti Universiti Putra Malaysia dalam membangunkan peraturan atau kursus-kursus untuk kita beri bantuan atau latihan kepada pusat jagaan warga tua. Untuk kanak-kanak, kita ada kursus asuhan PERMATA. Dan untuk OKU pula, kita akan bekerjasama di bawah JKM dan juga ISM, kita akan menyediakan kursus-kursus atau seminar untuk memberi kemahiran kepada semua penjaga. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah melawat kawasan penempatan gelandangan ini dan pernah tidur dengan mereka, Yang Berhormat Timbalan Menteri, selaku Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM kerana kami melihat ramai anak-anak kita yang terlibat dengan dadah merupakan gelandangan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian membuat kajian? Kerana semasa kami bercakap-cakap dengan gelandangan ini dan tidur bersama mereka, ada yang menyatakan bahawa mereka ini terdiri daripada golongan profesional dan mereka ini *frustrated* kerana dibuang kerja. Salah seorang daripada mereka *pilot*. Jadi soalan saya, adakah kementerian membuat kajian apakah gelandangan ini terdiri daripada anak-anak sekolah, anak-anak miskin, profesional ataupun yang bukan profesional? Sama ada mereka ini daripada dari luar negara ataupun dalam negara ataupun mereka ini pendatang haram?

Soalan saya, sekiranya mereka ini menjadi gelandangan akibat daripada *frustration* kerja mereka, dengan izin, apa kementerian ada hubung kait dengan kementerian-kementerian lain, adakah perbincangan diadakan dengan kementerian-kementerian lain, contohnya Kementerian Pertanian, untuk mereka ini dihantar bekerja di ladang-ladang kelapa sawit ataupun di tempat-tempat pertanian yang lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Untuk menguruskan masalah gelandangan di bawah kementerian, kita ada sebuah Yayasan Kebajikan Negara yang mana mereka diberi peranan untuk mengendali Anjung Singgah yang mana kita telah pun tubuhkan di beberapa buah negeri termasuk Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching.

Kalau mengikut gelandangan yang dimasukkan ke Anjung Singgah ini, kebanyakannya mereka ada masalah-masalah sendiri yang berbeza. Bagi yang berada di Johor Bahru, daripada maklumat yang kita terima, kebanyakannya mereka gelandangan yang minat atau mereka hendak pergi ke Singapura atau pergi ke Johor Bahru untuk mendapatkan pekerjaan. Untuk di Kuala Lumpur ini, ada juga mereka yang hendak cari kerja dan ada juga yang ada masalah mental, masalah dengan keluarga dan juga masalah dengan mungkin kerjaya mereka.

Oleh itu, kita telah menyediakan kaunselor yang mana kita akan memberi bimbingan kepada mereka dan kita akan membantu mereka supaya mereka mendapat kerja. Sesiapapun yang dimasukkan ke dalam Anjung Singgah ini, biasanya kita hanya benarkan mereka berada di dalam dua minggu sahaja. Dalam dua minggu, kita akan bantu supaya mereka dihantar balik ke rumah keluarga atau dapat mencari kerja masing-masing. Sekiranya mereka tidak lagi mampu untuk menyewa rumah untuk kediaman, kita akan lanjutkan tempoh sampai ke satu tempoh yang terdekat selepas mereka dapat berdikari. Sekian, terima kasih.

2. **Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana sumbangan industri akuakultur (ternakan ikan dan udang) menyumbang kepada tambahan pengeluaran ikan dan udang negara. Dan sejauh mana peranan Jabatan Perikanan Laut dalam kemajuan industri ini dan adakah semua negeri telah mempunyai Pusat Penetasan termasuk juga di Negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Negara kita penduduknya bertambah dan dijangka bertambah kepada 50 juta pada tahun 2050. Ikan makanan utama perlu ditambah juga mengikut pertambahan penduduk. Dan kita menghadapi pelbagai cabaran- pertambahan penduduk, *population explosion*, dengan izin, dan juga kadang-kadang cuaca yang tidak menentu yang menyebabkan tangkapan ikan daripada laut juga tidak menentu jumlahnya untuk memenuhi keperluan rakyat kita. Begitu juga jumlah ikan marin ini, laut ini, makin lama makin kurang juga disebabkan oleh penangkapan yang berterusan dan perlu dijaga supaya sumber ikan laut tidak pupus.

Jadi, berlatar belakangkan senario yang sedemikian, langkah-langkah untuk menambah pengeluaran ikan daripada sektor akuakultur itu penting. Jadi dengan sebab itu, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator ini sangat relevan kepada keperluan rakyat dan negara kita. Jadi, pada hari ini umpamanya, kita menghasilkan tangkapan ikan pada keseluruhannya 1.98 juta metrik tan.

#### ■1020

Daripada jumlah tersebut, 506,000 metrik tan ikan ternakan ataupun daripada akuakultur. Ia merupakan hanya 25 peratus daripada pengeluaran hasil ikan negara kita. Ini tidak begitu baik daripada segi memastikan kestabilan pengeluaran pembekalan ikan. Oleh sebab itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kerajaan akan menstrukturkan semula nisbah di antara ikan tangkapan laut, ikan laut dengan ikan ternakan. Kita menyasarkan pada tahun 2020 Tuan Yang di-Pertua, jumlah ikan, tiga juta metrik tan. Kita akan meningkatkan nisbahnya kepada 50:50. Daripada 25 peratus tadi, kita akan tingkatkan kepada 50 dan akan mengeluarkan hasil ikan daripada ternakan sebanyak 1.4 juta, untuk makluman Dewan dan Tuan Yang di-Pertua.

Bahagian kedua soalan ialah berkenaan Jabatan Perikanan Laut Sarawak. Apakah peranan Jabatan Perikanan Laut Sarawak dalam hal ini? Jabatan Perikanan Laut Sarawak, nama Sarawak tetapi Kerajaan Pusat juga yang menguruskannya. Kakitangannya,

belanjawannya, Kerajaan Pusat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, peranan utamanya ialah untuk meningkatkan produktiviti tangkapan ikan dengan pelbagai khidmat nasihat, latihan dan sebagainya. Saya sebutkan secara ringkaslah ya.

Selain daripada itu, Jabatan Perikanan Laut Sarawak ini juga mempunyai pusat-pusat pemberian, Tuan Yang di-Pertua. Pusat pemberian mereka di sana ada ditaraf bahagian Serian, bukan bahagian UMNO, ya. Di Sarawak bahagiannya, *division*. *Division* ini macam *district* lebih kurang. Kita kalau di sini, bahagian UMNO lah, ya. Selepas itu, di bahagian Sarikei pula, ada juga pusat pemberian di Sungai Paoh, satu lagi di Semenggoh. Pusat pemberian ini penting. *Hatchery*. Jenis ikan yang terlibat dalam projek pemberian ikan ini, ikan lampau jawa walaupun di Sarawak, Jawa pun pergi sana juga. Ikan sungai tilapia merah dan pelbagai jenis ikan lagi lah, saya sebut sebagai contoh.

Kita telah menghasilkan tiga juta benih ikan, untuk makluman Dewan sebagai *general knowledge*, pengetahuan am. Seluruh Malaysia, 16 juta benih ikan yang dihasilkan. Banyak betul kita hasilkan benih-benih ikan. Selain daripada itu, berbalik kepada peranan jabatan tadi, satu lagi ialah jabatan menguruskan pusat-pusat penyelidikan, *research*. *Fisheries Research Institute* (FRI). Di Sarawak ada dua buah pusat penyelidikan. Satu di Santubong dan satu di Belawai. Saya tanya pegawai, Belawai ini orang Sarawak kata Belawai tetapi orang sini sebut Belawan. Kita berlawan antara UMNO dengan pembangkang berlawan tetapi di Sarawak kata Belawai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan penjelasan yang telah diberikan tadi. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan di sini.

Seperti mana yang kita ketahui bahawa Sarawak mempunyai beberapa jenis spesies, *indigenous* ikan seperti ikan terubuk, ambal, kita ada ikan puput besar, kita ada udang harimau, ikan kurau, ikan tuna, udang kara dan lain-lain. Apa tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengembangkan penternakan spesies-spesies ikan ini bagi mengurangkan kemasukan spesies ikan eksotik dari luar. Saya juga hendak bertanya, adakah cadangan daripada kerajaan untuk mengkomersialkan penternakan ikan tuna dan lain-lain ikan di Pulau Layang Layang di Gugusan Semarang Peninjau atau di Gugusan Patinggi Ali di Laut China Selatan yang berhampiran dengan perairan Sarawak? Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua jenis ikan yang ada potensi untuk pasaran dan juga yang ada permintaan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi banyak jenis ikan. Saya pun sudah merasa *some of your fish*, dengan izin, ikan empura, sedap tetapi mahal betul. Sampai satu ekor sampai RM2,000, RM3,000. Seorang tidak boleh makan itu. Walau bagaimanapun, ada kualiti dan untuk pasaran tertentu. Orang-orang yang ada duit, umpamanya. Lain-lain jenis itu pun boleh ada permintaan. Bagi kementerian, *all the fish*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita terlibat dalam pusat penyelidikan yang saya sebutkan tadi untuk kita hasilkan pengeluarannya.

Soalan yang kedua, berhubung dengan *commercialization*. Tuna salah satu daripadanya. Yang Berhormat Datuk Senator, kita sudah buat dah di Tanjong Manis, RM300 juta kompleks LKIM. *We are waiting*, dengan izin. Kita menunggu *the players to come*. Sekarang dekat situ, kompleks RM300 juta lebih, lengkap dan moden tetapi *under utilized*. *But I want to say this* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *It is not the fault of the government. Government is doing this project for Sarawak and for the nelayan. It is for the people to respond, to sambut* tetapi kita menghadapi ramai nelayan dia tidak menggunakan tempat itu.

Ada satu lagi hendak buat di mana, yang saya hendak pergi dua tiga hari lagi ke Sarawak sana. Di Bako. Itu satu lagi. *That one under PFI*. Entah macam mana dahulu PFI project pula buat satu lagi. Tanjong Manis belum guna sepenuhnya, ini ada permintaan satu lagi, buat juga lagi. Kerajaan kita ini apa saja rakyat hendak, kita buat. Apa hendak, buat. Akan tetapi apabila sudah buat, kadang-kadang sambutan kurang. *So we are to be blamed*. So, *don't blame us*. Jangan salahkan kita. Kalau ikut, duit. You tidak boleh pakai sana, kita pakai tempat lain. Pasir Salak umpamanya. Ini kita tidak boleh buat Pasir Salak kerana hendak buat di Sarawak, ya. *That's how the government works*, Tuan Yang di-Pertua. kita jaga semua, ya bukan? So, kita kena kempen. Yang Berhormat kena kempen duit ada. Nelayan-nelayan memanfaatkan semua ini, kemudahan yang telah dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Sila.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, oleh sebab Yang Berhormat Menteri tadi menjelaskan bahawa pada tahun 2050, penduduk negara kita akan bertambah dalam anggaran 50 juta, sudah tentulah makanan sangat penting untuk kita kembangkan termasuk dalam soal perikanan secara akuakultur. Saya ingin bertanya untuk lima tahun yang akan datang.

**■1030**

Apakah program kementerian daripada segi mengembangkan sektor perikanan akuakultur di negara kita? Saya nampak perkara ini tidak dititikberatkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih sahabat saya Dato' Adam dari Johor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, geng lama ini, 40 tahun ini. Hidup lagi kita ya? *[Ketawa] I think from the 80's. Duk support Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib sejak tahun berapa?*

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tahun 2002.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sampai masuk ISA. You tidak masuk, / masuk. Ini duduk atas ini terangguk-angguk Tuan Yang di-Pertua pun, *one of them*. Suka cerita lama ye tidak? Tidak betullah Yang Berhormat kata tidak ada program untuk— saya sudah sebut tadi. Kita hendak tingkatkan kita punya pengeluaran daripada 25 peratus kepada 50 peratus. *That means-* maksudnya *there is a programme*, yang kita buat untuk akuakultur. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman yang telah menyampaikan segala terus terang dan jelas kepada kita perancangan kementerian dia tadi sangat baik.

Saya juga minta Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid dipersilakan.

3. **Dato' Adam bin Abdul Hamid** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, tentang program MATRADE mengenai '*Best Exporters Program*' bagi membangunkan PKS bumiputera melalui kerjasama strategik antara TERAJU, SME Bank dan MATRADE. Apa kemajuan dan kejayaannya.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid. Saya diminta oleh pihak MITI untuk menjawab bagi pihak MITI. Jadi saya sampaikan salam daripada Yang Berhormat Menteri kerana kedua-duanya berada di Mesyuarat Kabinet pada hari ini dan kedua-dua Timbalan Menteri pun ada sesuatu urusan yang tidak dapat dielakkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab persoalan tersebut ialah pertamanya bagi mengukuhkan daya saing pengeksport Malaysia, TERAJU dengan kerjasama MATRADE dan juga SME Bank telah membangunkan program *Best Exporters* iaitu platform terbaik untuk membawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera ke pasaran antarabangsa mulai tahun ini. Program tersebut selama dua tahun ini menasarkan syarikat PKS milikan bumiputera dari pelbagai sektor. Antaranya minyak dan gas, peralatan kesihatan dan perubatan,

perkhidmatan kejuruteraan serta perkhidmatan penyelenggaraan dan sektor-sektor lain yang mempunyai nilai tambah dan berimpak tinggi.

Program ini dirangka khusus untuk membangun dan meningkatkan pertumbuhan eksport syarikat-syarikat PKS di Malaysia di samping mewujudkan lebih ramai pengeksport bumiputera melalui pelbagai aktiviti intervensi yang menyeluruh. Melalui program ini syarikat PKS akan dibantu daripada segi keupayaan teknikal, kewangan dan modal insan, keperluan untuk mengeksport, aspek pemasaran serta pengetahuan dan prosedur peraturan serta dasar-dasar berkaitan pasaran antarabangsa.

Sehingga ini 46 buah syarikat telah pun dipilih di bawah program ini. MATRADE dan SME Bank telah mengadakan program pembangunan kepada Ketua Pegawai Eksekutif ataupun CEO syarikat bagi memberi pendedahan mengenai prosedur penyelidikan pasaran dan lain-lain berkaitan yang melibatkan penglibatan syarikat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti eksport bagi menjana pertumbuhan jualan syarikat dan eksport secara keseluruhan.

Program-program yang telah dijalankan ataupun telah diadakan adalah pertamanya Program *Introductory Session* iaitu pada 29 Ogos 2016, program *One World One Company* pada 4 Oktober 2016, program *Export Boot Camp* pada 26 dan 27 Oktober 2016 dan program *Market Immersion* ke Myanmar pada 6 hingga 9 Disember tahun ini. Setelah melalui fasa pembangunan ini, syarikat akan dibimbing mengenai peluang serta program promosi untuk mengeksport bagi mempromosi produk dan perkhidmatan di pasaran-pasaran strategik. Salah satu buah komponen dalam program ini setiap PKS akan dibimbing oleh *trade accelerator* yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang eksport serta mengetahui cabaran dan halangan yang sering dihadapi.

Sejak November 2016, mereka telah mula menjalankan khidmat nasihat dan sesi bimbingan kepada PKS bagi mencapai hala tuju yang telah ditetapkan oleh agensi pelaksana. Pihak INSKEN juga terlibat dalam memberi bimbingan terutama dalam bidang pengurusan kewangan serta pengurusan rekod yang terutama melibatkan transaksi luar negara. Akhirnya selain daripada kemudahan pembiayaan, SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu Centre for Entrepreneur Development and Research Sendirian Berhad (CEDAR) turut menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan melalui sesi *coaching* kepada setiap peserta. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih kepada penjelasan yang diberikan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak puas hati fasal wakil sebenar kementerian tidak

menjawab. Akan tetapi penilaian saya ialah ada perancangan yang jelas di pihak kementerian mengenai program jangka panjang. Tidaklah sama seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tadi.

Soalan tambahan saya, oleh sebab isu TPPA masih lagi terawang-awang dan kita masih lagi mengharapkan supaya ada reaksi yang positif daripada Amerika Syarikat. Saya ingin mendapatkan pandangan, apakah program kita membangunkan usahawan bumiputera ini supaya mendapat pasaran melalui TPPA akan terencat? Kalau terencat, apakah tindak balas daripada pihak kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun bukan daripada- walaupun bukan penjawat di Kementerian MITI saya pernah berada di MITI selama setahun lebih. Jadi roh MITI itu masih ada dalam jiwa saya. Sikit-sikit pengalaman dan pengetahuan itu adalah.

Jadi berkaitan dengan kemungkinan TPPA itu tidak berlaku, sebenarnya banyak lagi potensi di pasaran lain selain daripada anggota TPPA. Program ini dijalankan khusus untuk sebenarnya meningkatkan bina upaya atau *capacity building* pengeksport Bumiputera. Kalau TPPA itu berlaku, itu merupakan satu bonus dan dalam pasaran kita bukanlah di negara-negara anggota TPPA sahaja. Buat masa ini pun, melalui program ini pengeksport yang telah pun dilatih, telah pun capai- telah pun berjaya mengeksport produk mereka melalui program ini di UK, di Jepun dan terbaru di Myanmar. Ini baru permulaan dan selebihnya *insya-Allah* kalau program ini berjaya dan saya nampak ada potensi baik saya ingat saya yakin eksport kita lebih luas lagi khususnya untuk PKS bumiputera dan TPPA itu kita tunggulah mudah-mudahan ada sesuatu- ada cahaya di hujung terowong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi soalan?

**Dato' Fahariyah binti Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada pihak kementerian.

#### ■1040

Saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kementerian sama ada kalau kita tengok industri halal akan dijangkakan pada tahun 2019 akan mencapai sehingga ke RM3.7 trilion dan soalan saya, adakah program *Best Exporters Programme* ini mengambil kira potensi-potensi yang terdapat di dalam industri sama ada produk dan perkhidmatan halal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua. Ini juga subjek yang paling saya suka. Kalau ikut KPI eksport produk halal- produk industri halal bagi agensi *by 2020*,

dengan izin, ialah RM20 bilion. Akan tetapi capaian kita tahun lepas telah pun ke tahap RM37 bilion, makna telah melebihi KPI. Sudah tentulah program ini akan membantu syarikat-syarikat PKS bumiputera termasuklah atau khususnya oleh bumiputera khususnya produk halal untuk dieksport kerana kita sedia maklum produk halal yang dieksport telah dan sekarang ini sedang mendapat permintaan tinggi. Negara-negara lain juga berebut-rebut untuk mengeksport produk halal dan saya fikir negara Malaysia- kami fikirlah kita di kerajaan tidak sewajarnya tidak semestinya tertinggal untuk turut sama mengambil peluang pasaran ataupun *demand* produk halal berjumlah lebih kurang RM7 trillion. Sekian, terima kasih.

**4. Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail** minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan, adakah pihak kementerian boleh mengambil apa-apa langkah untuk membantu para penoreh getah yang terjejas dengan harga getah yang rendah dan cuaca yang panas.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Harga getah asli telah mula menunjukkan peningkatan bermula pada bulan September 2016. Harga getah gred SMR20 FOB telah meningkat kepada RM8.93 sekilogram pada hari semalam berbanding dengan RM5.15 sekilogram pada 1 September 2016. Dalam pada itu, keadaan cuaca yang panas membolehkan pekebun kecil untuk meneruskan aktiviti penorehan dan seterusnya meningkatkan bilangan hari menoreh.

Kerajaan juga akan terus melaksanakan insentif pengeluaran getah (IPG) bagi mengurangkan beban pekebun dan penoreh getah sekiranya berlaku kejatuhan harga getah. IPG akan diaktifkan apabila paras harga pengaktifan (PHP), IPG bagi getah gred SMR20 FOB berada pada paras RM5.50 sekilogram atau RM2.20 sekilogram bagi harga *cup lump*. Sehingga bulan September 2016, bilangan pemohon tuntutan IPG adalah sebanyak 349,240 orang yang melibatkan pembayaran sebanyak RM50.9 juta kepada pekebun kecil getah di seluruh negara.

Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan margin perniagaan iaitu harga di antara SMR20 FOB dan harga yang diterima oleh pekebun kecil mulai bulan November 2014. Bagi maksud ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urus niaga jual beli getah. Setakat ini, sebanyak 18 buah koperasi sedang terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan pada puratanya 10 sen hingga 20 sen sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen.

Selain daripada koperasi, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan dalam bentuk pinjaman mudah sebanyak RM300,000 untuk membantu peniaga getah peruncit bagi membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil bermula tahun 2017. Bantuan modal ini akan membantu peniaga untuk menawarkan harga getah yang lebih baik kepada pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih. Soalan tambahan saya. Jika kita lihat kepada harga getah skrap pada tahun 2015 dan 2016 yang mencatatkan yang paling rendah iaitu 29 Mei 2015, harga getah skrap ialah RM2.15 sekilogram dan pada 16 Mei 2016, harganya turun kepada 2,004 sen sekilogram.

Soalan saya, apa asas penetapan harga lantai bagi getah skrap ini pada RM2.00 sekilogram pada masa ini dan apakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan harga lantai ini kepada harga yang lebih sesuai khusus bagi membantu pekebun-pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga PHP ataupun harga Paras Harga Pengaktifan ialah RM5.50 bagi sekilogram SMR20 FOB dan bagi *cup lump* harga PHPnya ialah RM2.20 bukan RM2 ya, RM2.20. Memang kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji keadaan ini sebabnya dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ialah dengan kajian tertentu dan kajian beberapa tahun kebelakangan ini bahawa sekiranya RM2.20 sekilogram bagi *cup lump* pendapatan seorang penoreh ataupun pemilik ialah RM1,100. RM1,100 ini atas paras pendapatan minimum bagi pekerja-pekerja di Malaysia. Itu anggaran yang telah dibuat RM1,100.

Akan tetapi kita tahu bahawa ini pendapatan bagi satu buah ladang. Kita tahu penoreh-penoreh dia tidak menoreh satu buah ladang sahaja. Dia menoreh tiga empat buah ladang dalam masa yang tertentu bergilir-gilir. Jadi, maknanya pendapatannya lebih daripada RM1,100. Walaupun RM1,100 ini sebenarnya dibahagi di antara penoreh dan pemilik, dia akan dibahagi bergantung pada perjanjian di antara dua belah pihak. Jadi, memang kerajaan akan mengkaji paras ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sekiranya ada keperluan menunjukkan bahawa paras RM5.50 ataupun RM2.20 ini masih lagi tidak membantu kepada penoreh-penoreh dan juga pemilik, maka kerajaan akan kaji dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Di sini soalan ini, fokus kepada membantu penoreh getah yang terjejas. Saya lihat, dengar tadi Yang

Berhormat Menteri memberitahu bahawa penoreh getah ini dia bukan menoreh satu tuan sahaja- banyak orang, banyak kebun ya mungkin. Saya melihat pemilik kebun getah yang mungkin ada dua ekar, tiga ekar- mereka ini ada di antara mereka yang tidak berdaya untuk melaksanakan kerja menoreh getah masing-masing.

Saya tengok keadaan ini bagaimana hendak membantu mereka juga kerana kita fokus kepada penoreh getah. Penoreh getah ini memang dia menoreh. Ada menoreh boleh dapat rezeki, dapat pendapatan. Akan tetapi bagi tuan kebun getah itu yang dia tidak menoreh dan bantuannya mungkin juga tidak sampai kepada mereka. Saya rasa dia jadi lebih miskin daripada penoreh getah itu.

#### ■1050

Jadi saya hendak tahu, apakah pekebun penoreh getah ini diistilahkan sama-sama dengan pekebun itu sendiri atau dia berasingan? Satu. Kemudian kalau saya boleh tambah sedikit, saya hendak tahu bantuan kerajaan untuk pekebun kecil ini dari sudut tanam semula. Adakah masih diteruskan ataupun setakat ini dibekukan buat sementara? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bantuan yang kerajaan beri kepada penoreh-penoreh getah ini dan juga sebenarnya bukan penoreh sahaja. Penoreh ini, dia perlu mendapat keizinan daripada tuan tanah untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan. Dia sahaja tidak boleh. Kalau dia pergi minta tidak gunakan ataupun surat daripada tuan tanah, dia tidak boleh mendapat bantuan daripada kerajaan.

Jadi bermakna, pemilik akan mendapat hasil daripada torehan itu sebab mereka adakan perjanjian. Di dalam borang yang diisi oleh pekebun kecil ataupun penoreh itu, dia ada ditulis pembahagian di antara kedua-dua pihak. Kadang-kadang ada 50:50, ada juga 60:40-bergantung kepada perjanjian di antara dua pihak. Ini sebenarnya, LGM akan membayar langsung kepada mereka. Bukan dibayar kepada penoreh sahaja, penoreh akan mendapat bahagiannya dan pemilik itu pun mendapat bahagiannya secara langsung sebab dimasukkan dalam akaun. Mereka akan membuat akaun dan akaunnya akan dimasukkan dari semasa ke semasa. Jadi, tidak timbul di mana pemilik akan terjejas ataupun tertindas. Tidak timbul ya. Dia mesti mendapat bahagian dia.

Akan tetapi kalau dalam kajian kita bahawa pemilik ini dia tidak bergantung harap sebulat-bulatnya kepada ladang yang ada. Dia ada perusahaan sendiri. Takkanlah dia hendak duduk diam di rumah sahaja. Dia ada usaha, yang ini diusahakan oleh penoreh-penoreh, dia mendapat bahagian. Selain daripada itu dia juga berusaha, ada usaha, ada *business* lain. Jadi sebenarnya, pemilik-pemilik kebun getah ini sebenarnya mereka, hidup mereka lebih lumayan

daripada penoreh. Penoreh ini hanya bergantung harap kepada torehan-torehan mereka sahaja. Akan tetapi mereka boleh menoreh beberapa buah ladang. Jadi boleh menambahkan pendapatan mereka.

Jadi, bantuan untuk tanam semula masih ada dan boleh dipohon daripada LGM. Dari semasa ke semasa, kerajaan memberi bantuan untuk tanam semula. Selain daripada itu juga, kerajaan juga akan memberi bantuan kepada mereka yang menanam getah tetapi juga ada tanaman-tanaman sampingan. Itu juga kerajaan akan beri bantuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan tambahan ini, saya ingin bertanya kepada Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi ini. Adakah sebarang perancangan oleh pihak kerajaan atas pengenalan komoditi baru kepada rakyat? Misalnya, kita akan kembali kepada tanaman tembakau sebagai gantian kepada kenaf. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tadi macam jauh lari daripada soalan asal. Kita bercerita tentang getah, dia tanya fasal kenaf dan tembakau. Akan tetapi tidak apa *because* saya akan menjawab juga sedikit berhubung dengan tembakau.

Sebenarnya, penanaman tembakau menghadapi masalah. So banyak kerajaan menggalakkan pekebun-pekebun, penanam-penanam tembakau ini untuk menanam kenaf. Sebabnya ialah, macam ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menandatangani *tariff agreement, Free Trade Agreements* dengan Indonesia, maka maknanya, Indonesia bebas untuk mengeksport ke Malaysia tembakaunya. Akan tetapi kita harus tahu, di Indonesia, harga kos pengeluaran tembakau terlalu murah. Kos dia terlalu murah. Jadi bila kita menanam tembakau, kos penanaman kita terlalu tinggi. Jadi tidak mampu. Kita tidak boleh bersaing dengan mereka dan mereka boleh jual tembakau mereka ke Malaysia.

Oleh sebab itu, kerajaan menggalakkan pekebun-pekebun yang dahulunya menanam tembakau untuk hendak menanam kenaf. Kenaf ini banyak gunanya. Bukan macam tembakau, tembakau untuk hisap rokok sahaja. Akan tetapi kenaf banyak gunanya. Kita boleh bikin tilam, kita boleh buat sofa, malahan kereta *BMW*, digunakan kenaf untuk dia punya *dashboard*, kenapakah? Sebab dia ringan, *very light* berbanding dengan bahan-bahan yang lain.

Jadi itu sebabnya kerajaan menggalakkan kenaf, sebab kenaf ini mempunyai penggunaan yang lebih luas seperti juga minyak sawit. Minyak sawit pun banyak penggunaan yang boleh digunakan melalui sawit, demikian juga kenaf. Jadi itu sebabnya kerajaan menggalakkan penanaman kenaf. Akan tetapi kalau ada pekebun-pekebun yang

hendak tanam tembakau, kita tidaklah halang. Cuma, dia tidak boleh bersaing dengan Indonesia. Maka tidak lakulah dia punya tembakau. Itu sebabnya kerajaan menggalakkan penanaman kenaf. Sekian terima kasih.

5. **Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, status dan tindakan terkini hasil rundingan ketiga-tiga buah negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Filipina bagi menjamin keselamatan perairan di Laut Sulu daripada pengganas.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pertanyaan yang dikemukakan. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada aspek keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan-tindakan yang sewajarnya termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa.

Oleh sebab perairan yang luas serta aspek keselamatan maritim yang bersifat rentas sempadan, kerjasama antara negara adalah amat penting. Justeru, bagi menangani isu keselamatan di Laut Sulu dan Laut Sulawesi dan di pantai timur Sabah, kerajaan telah menggerakkan usaha untuk mewujudkan satu bentuk kerjasama yang lebih komprehensif iaitu kerjasama tiga hala, dengan izin, *trilateral-* Malaysia, Filipina dan juga Indonesia. Menteri-menteri Luar Negeri dan panglima angkatan tentera dari Malaysia, Indonesia dan Filipina telah bertemu pada 5 Mei 2016 di Yogyakarta, Indonesia bagi membincang satu isu keselamatan di Laut Sulu dan Laut Sulawesi dan mengeluarkan satu deklarasi bersama. Deklarasi ini antara lainnya menzahirkan komitmen ketiga-tiga negara untuk meningkatkan usaha menangani ancaman terhadap keselamatan maritim, termasuklah penculikan serta rompakan bersenjata.

Susulan daripada itu, pada 14 Julai 2016, ketiga-tiga negara telah menandatangani dengan izin, *Framework on Trilateral Cooperative Arrangement Indonesia, Malaysia and Philippines on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern. Framework* ini telah melibatkan aktiviti rondaan maritim, perkongsian maklumat dan risikan serta pewujudan *focal point* dan *hotline*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperincikan elemen-elemen kerjasama ini, satu kumpulan kerja iaitu *Joint Working Group on Trilateral Cooperative Arrangement (JWG TCA)* telah ditubuhkan dan telah mengadakan dua mesyuarat iaitu pada 17 hingga ke 18 Ogos 2016 di Kuala Lumpur dan 24 hingga 26 November 2016 di Manila. Kumpulan kerja ini telah

memuktamadkan *Standard Operating Procedure*, dengan izin, yang berkaitan termasuklah *Operating Guidelines on Information and Intelligence Sharing*, standard perkongsian daripada segi maklumat dan juga risikan, *Combine Communication Plan* dan *Maritime Patrol* dan juga *Rendering Immediate Assistance*.

Melalui SOP ini, pasukan keselamatan negara yang bertindak balas terhadap ancaman penculikan dan rompakan di laut diberikan kebenaran untuk memasuki kawasan perairan negara lain bagi mengejar penjenayah terbabit terutamanya di kawasan perairan Filipina.

#### ■1100

Kerajaan berharap usaha sama tiga buah negara ini dapat mengekalkan keselamatan dan seterusnya meningkatkan keselamatan maritim di kawasan Laut Sulu dan Laut Sulawesi dan seterusnya menyumbangkan kepada kemakmuran ekonomi di wilayah tersebut. Terima kasih.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan tambahan saya, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Wisma Putra dalam memastikan perjanjian yang telah ditandatangani ini tidak akan mewujudkan sebarang konflik di antara Kerajaan Filipina dan Kerajaan Indonesia jika sebarang kejadian tidak diingini berlaku apabila negara yang terlibat terpaksa memasuki sempadan negara masing-masing bagi tujuan memburu penganas di perairan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi, sememangnya kerjasama dalam bentuk *trilateral cooperative arrangement* ini mekanisme bagi membolehkan pengawasan rondaan dan juga jaminan keselamatan di kawasan tersebut dapat dilakukan secara lebih komprehensif dan tuntas. Saya nak bawa contoh barangkali mungkin kita boleh rujuk bagaimana berlakunya di *Strait of Malacca* ataupun Selat Melaka. Keselamatan di Selat Melaka dahulunya pada penghujung 1990-an juga telah menyaksikan berlakunya banyak kes rompakan dan pelanunan dan akhirnya kita telah adakan *trilateral* di antara Indonesia, Malaysia dan juga Singapura yang membawa kepada *Maritime Strait of Malacca Patrol* yang ditandatangani pada tahun 2003.

Sejak itu, tidak ada langsung dikatakan ataupun bahkan kes-kes rompakan sekalipun telah berkurangan secara begitu drastik. Dalam kita nak mengawal lautan atau Laut Sulu yang begitu luas, tentulah keupayaan sebuah negara sahaja tidak memadai kerana kerap kali yang berlakunya ialah ia dilakukan oleh apa yang disebut sebagai *kidnappers for ransom* ini yang beroperasi di negara lain, memasuki perairan kita, kemudian melakukan rompakan dan

melerikan masuk ke perairan yang menjadikan keadaan begitu sulit untuk pihak pengawasan negara ataupun pihak keselamatan negara kita untuk mengejar.

Namun bila ada *trilateral arrangement* ini, maka sudah ada satu bentuk SOP yang telah dibentuk. Pertama, SOP daripada segi *sharing of intelligence and information*.

Kedua, daripada segi *combine communication plan* sebagaimana yang disebut tadi. Maknanya ada *combined centre* ketiga-tiga negara beroperasi. Dan saya nak maklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini, ketika lawatan Presiden Rodrigo Duterte baru-baru ini, Presiden *Philippines* tersebut telah memberi persetujuan kepada Kerajaan Malaysia untuk melakukan *hot pursuit*. *Hot pursuit* ini bererti kalau ada aksi kejar-mengejar, yang akhirnya telah menyebabkan penjenayah memasuki lautan atau perairan kawasan *Philippines*, maka *hot pursuit* ini mengizinkan pasukan-pasukan keselamatan negara untuk masuk ke perairan bagi memungkinkan mereka untuk menangkap bersama-sama dengan kerjasama pihak *Philippines*.

Jadi saya mengandaikan bahawa apa yang telah dilakukan sebelum ini, testimonial, kejayaan yang kita lakukan di Laut China Selatan itu, kalau diambil dan diguna pakai untuk dilaksanakan di Laut Sulu, *insya-Allah*, saya melihat bahawa ia akan membawa kepada kesan yang positif. Terima kasih.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat fenomena yang berlaku di seluruh dunia, salah satu sebab berlakunya rompakan di laut, *kidnapping*, dengan izin, faktor kemiskinan. Misalnya di Somalia. Saya ingin bertanya, apa pandangan Kerajaan Malaysia kalau kita melakukan satu pendekatan di mana melalui kerjasama ketiga-tiga pihak. Wilayah-wilayah yang terlibat seperti di sebelah Sulu dan Sulawesi yang tentunya dalam keadaan jauh lebih mundur daripada kita, dibangunkan atas inisiatif Malaysia dan untuk jangka panjangnya, kita akan dapat menyelesaikan masalah keselamatan bukan sahaja untuk Malaysia tapi ketiga-tiga negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang amat bersetuju dan itu juga sebenarnya daripada awal merupakan pendekatan yang digunakan oleh kerajaan. Kalau kita ingat dahulu, kita ada guna sebuah dasar luar yang disebut '*prosper thy neighbour*' makna memakmurkan jiran. Sebab apa kalau kita makmurkan jiran kalau jiran juga *equally prosperous, economically* macam kita, maka ia akan ada kesan limpahan. Kalau ada masalah negara jiran, masalah yang berada di negara jiran itu juga akan membawa kesan *spill over* kepada kita.

Maka sebab itulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu amat bertepatan dan ini sememangnya dilakukan daripada awal. Sebab itulah pelan damai Bangsamoro yang dilakukan

di *Southern Philippines* itu diterajui oleh Malaysia dan Malaysia dikenali di *Philippines* sebagai mereka yang mengusahakan secara bersungguh-sungguh. Namun pimpinan yang lalu di bawah kepimpinan Aquino cuba sedaya upaya, namun ketika nak meluluskan Bangsamoro *basic law* di Kongres, ia tidak dapat diluluskan, kerana pilihan raya.

Saya dapat beri jaminan bahawa dengan adanya presiden yang baru Duterte, yang datangnya daripada Davao, kebetulannya merupakan dalam wilayah di *Southern Philippines*. Saya lihat bahawa Presiden Rodrigo Duterte ini adalah seorang yang dianggap sebagai *Southern Philippines centric* yang ingin lihat keamanan, pembangunan yang lebih luas berlaku. Sebab itu ketika dia jadi Presiden, dia memanggil semua *the actors* yang terlibat dalam sama ada rusuhan, keganasan yang dikatakan berlaku di *Southern Philippines* untuk bertemu dengan dia termasuk, pemimpin daripada MNLF iaitu Misuari. Sedangkan Misuari mempunyai waran tangkap, tetapi waran tangkap *has been lifted up* untuk enam bulan, untuk memungkinkan dia bertemu dengan Duterte.

Kerana apa? Kerana Duterte nak melihat pembangunan yang lebih mapan berlaku di kawasan *Southern Philippines*. Dan antara negara yang telah dihulurkan permintaan untuk terlibat negara Malaysia. Pada waktu ini perkara itu sememangnya merupakan antara perkara yang diberi pertimbangan cukup mendalam bagi memastikan bila mana berlakunya suasana pembangunan, ekonomi makmur, tentu sekali ada suasana *unrest situation can be curtailed down*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican telah menjawab dengan baik dan terima kasih banyak-banyak. Dan sekarang saya pergi kepada soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

**6. Tuan Ramli bin Shariff** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, sejauh mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menjalankan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi menyekat orang ramai dalam melayari laman-laman web yang merbahaya serta tidak bermoral.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan beberapa pertanyaan lain iaitu empat pertanyaan lain daripada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh yang bertarikh pada 15

Disember 2016; Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin; dan Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib yg bertarikh pada 20 Disember 2016; serta Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin bertarikh 21 Disember 2016.

Ini kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan penyalahgunaan media sosial dan internet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sebarang kes atau kesalahan yang dilakukan dalam talian adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan juga Akta Komunikasi Multimedia 1998.

#### ■1110

Dalam hal ini, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi penguatkuasaan dalam memantau serta mengambil tindakan sewajarnya termasuklah mengambil langkah sekatan laman web terhadap kandungan-kandungan yang berunsur negatif serta kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat YM. Engku Naimah iaitu berkaitan dengan kegiatan militan dan keganasan, perkara tersebut adalah tertakluk di bawah bidang kuasa PDRM. Namun demikian, pihak kementerian sentiasa memberi kerjasama yang erat dengan PDRM iaitu di mana pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengambil langkah sewajarnya untuk mengumpul maklumat, mengenal pasti butiran yang berkaitan dan seterusnya berkongsi maklumat tersebut dengan pihak PDRM bagi membanteras kegiatan militan termasuklah penyebaran ideologi Daish. Sehingga akhir bulan Oktober 2016, pihak SKMM telah membantu menyekat sebanyak 72 laman web berkaitan penyebaran ideologi Daish.

Berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin, kesalahan fitnah adalah tertakluk di bawah Akta Fitnah 1957 yang diguna pakai bagi mengawal selia tuntutan fitnah di bawah undang-undang sivil manakala Kanun Keseksaan diguna pakai bagi fitnah di bawah undang-undang jenayah. Jadi, perlakuan kesalahan fitnah tidak kira sama ada berlaku di alam nyata ataupun di platform media sosial seperti *Facebook* adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang tersebut berlandaskan prinsip apa yang salah di alam nyata juga salah di alam maya.

Jadi, apa-apa aduan yang diterima oleh pihak SKMM daripada mana-mana pihak yang didakwa difitnah akan dimajukan kepada pihak PDRM untuk penelitian dan siasatan lanjut di bawah akta yang dikuasakan. SKMM atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan memberikan bantuan kepada pihak PDRM termasuklah daripada segi bantuan teknikal.

Manakala bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh dan juga Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin daripada segi aspek penguatkuasaan iaitu selain daripada aspek penguatkuasaan, pihak kementerian melalui SKMM juga turut mengerakkan pelbagai inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara yang antara lain bertujuan mendidik masyarakat daripada aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial dan internet. Melalui program sebegini, masyarakat dididik agar tidak berkongsi kandungan dan maklumat yang tidak ditentu-sahkan serta lebih peka dan tidak terlalu mudah mempercayai setiap perkara yang tersebar tanpa membuat semakan dengan semua yang betul. Ini kerana sekarang ini banyak sangat isu demam *viral* dengan memviralkan apa-apa maklumat tanpa kesahihannya.

Selain daripada itu, antara usaha terkini pihak SKMM inisiatif aplikasi saringan kendiri kandungan oleh ibu bapa yang dikenali sebagai, dengan izin, *parental control tools* yang mana ia digerakkan dengan kerjasama pihak penyedia perkhidmatan internet bertujuan mengupayakan pengguna internet khususnya golongan ibu bapa dengan kemudahan untuk memantau dan menyaring kandungan yang diakses oleh keluarga serta anak-anak bagi mengelakkan penularan kandungan yang tidak diingini. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia yang telah memberi penjelasan dan respons di atas beberapa perkara ataupun soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Bagi soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, yang juga kembali kepada soalan asal, saya ada dua soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, berapakah bilangan kes penyalahgunaan internet dan media sosial yang disiasat oleh SKMM?

Soalan kedua, apakah pendekatan kerajaan dalam memperkasakan keselamatan siber? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya maklumkan tadi, bahawa terdapat beberapa pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya dari tahun 2015 hingga Oktober 2016, lebih kurang dalam 5,044 laman web yang telah disekat atas pelbagai kesalahan sama ada di bawah Akta Fitnah, Akta Hasutan dan Kanun Keseksyen. Daripada jumlah tersebut, 5,044 tadi, sejumlah 4,277 merupakan laman web yang berunsur lucu, jelik, palsu dan mengancam yang disekat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Manakala baki sebanyak

767 laman web seperti laman judi, pelacuran, penipuan dan lain-lain di mana ia berdasarkan kepada permohonan oleh pihak PDRM, KPDKKK, Kementerian Kesihatan dan sebagainya.

Jadi secara keseluruhan antara tahun 2013 hingga Oktober 2016, pihak SKMM telah menyiasat sejumlah 809 kes penyalahgunaan internet yang melibatkan penyebaran kandungan melalui platform *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kes yang telah dihadapkan ke mahkamah sehingga Oktober tahun ini ialah enam kes dan daripada enam kes tersebut, bilangan kes yang telah dijatuhi hukuman adalah lima dan telah dikompaun sejumlah 10 kes.

Manakala persoalan kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan keselamatan siber, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar berkaitan dengan keselamatan siber dan ia diambil pendekatan secara holistik di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Terdapat beberapa buah agensi yang terlibat dalam menangani isu-isu ini. Pertama daripada segi ancaman siber kepada sektor kewangan dan juga khususnya sektor perbankan iaitu Bank Negara Malaysia telah menujuhkan *internet banking task force* pada tahun 2004. Ini lebih kepada kegunaan industri perbankan.

Keduanya di bawah MOSTI melalui *CyberSecurity* yang menyediakan bantuan teknikal dalam mengendalikan insiden siber di mana *CyberSecurity* memberikan latihan teknikal kepada sektor awam dan juga sektor swasta.

Ketiga, agensi yang terlibat ialah kementerian ini sendiri iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM, di mana SKMM merupakan peneraju bagi sektor informasi dan komunikasi. Di sinilah ia menjalankan pemantauan secara berterusan bagi melindungi infrastruktur kritikal terutamanya komunikasi dan maklumat negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Isa bin Ab Hamid:** Saya ingin bertanya, apa langkah yang boleh diambil oleh masyarakat Orang Asli terhadap kata-kata hinaan dan cercaan, kejian seperti sakai, jakun dalam media massa, internet dan *Facebook*? Beberapa langkah laporan polis telah dibuat tetapi sehingga kini tiada tindakan. Mohon jawapan daripada pihak Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya maklumkan tadi, kita terdapat pelbagai akta iaitu Akta Fitnah, Akta Hasutan, Kanun Keseksaan dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia. Sekiranya maklumat tersebut ataupun aduan tersebut disalurkan kepada pihak PDRM dan saya percaya perkara itu dalam tindakan pihak

PDRM. Biasanya sekiranya pihak SKMM diminta untuk memberi bantuan secara teknikal, kita akan membantu.

Juga saya ingin berkongsi bahawa terdapat pelbagai interpretasi ataupun takrifan daripada segi bagaimana kita menyatakan bahawa kandungan itu adalah bersifat fitnah dan sebagainya. Cuma, saya ingin kongsikan di sini bahawa kandungan berbentuk sindiran, kritikan dan parodi, biasa kita lihat dalam TV dan sebagainya, tidak disifatkan sebagai melangkau batasan undang-undang melainkan ia berbentuk sumbang, luah, palsu, mengancam atau jelik seperti yang termaktub dalam seksyen 211 dan 233 akta dan jika disabitkan kesalahan, ia akan didenda lebih kurang RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadi, bagi kandungan yang melibatkan elemen fitnah, penghinaan Raja dan sebagainya, saya ada sentuh tadi, Yang Berhormat, di mana beberapa tindakan telah diambil dan saya percaya bahawa perkara ini sedang ditangani secara holistik bersama dengan agensi-agensi berkaitan. Cuma, saya ingin maklumkan juga bahawa kebanyakan media sosial dan laman blog ini, ia berada di luar negara dan kadangkala ia tidak tertakluk di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia.

#### ■1120

Akan tetapi biasanya kita akan membuat permohonan terus kepada pengendali laman blog sama ada minta untuk menurun laman-laman tersebut ataupun menyekat. Jadi ini proses yang mengambil masa. Jadi pada masa yang sama terdapat juga sifat *anonymity* ataupun ketampanan internet dan rekod pengguna yang tidak jelas menjadikan proses pengesan, *what we call it*, pesalah yang sukar dilakukan. Ini antara beberapa cabaran yang dihadapi oleh pihak agensi penguatkuasaan sama ada PDRM, KPDKKK ataupun pihak SKMM sendiri. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jailani bin Johari yang telah memberi jawapan yang baik.

Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

7. **Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Kewangan menyatakan, kemajuan perbincangan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengenai cadangan membolehkan pembeli rumah kali pertama mengeluarkan jumlah yang lebih besar untuk membantu merapatkan jurang kewangan antara bayaran pendahuluan dan pinjaman yang diluluskan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi membantu pencarum KWSP membeli rumah kali pertama dan merapatkan jurang kewangan antara bayaran pendahuluan dengan pinjaman yang diluluskan pada masa ini ahli boleh memilih untuk membuat pengeluaran akaun dua seperti berikut iaitu yang mana lebih rendah sama ada mengeluarkan kesemua baki dalam simpanan akaun dua atau mengeluarkan amaun perbezaan antara harga rumah dengan jumlah pinjaman dan tambahan 10 peratus daripada harga rumah. Simpanan KWSP boleh dikeluarkan daripada akaun dua ahli iaitu akaun dua ini mewakili 30 peratus daripada keseluruhan simpanan yang boleh digunakan untuk:

- (i) sama ada membeli atau membina rumah;
- (ii) mengurangkan baki pinjaman perumahan;
- (iii) membeli rumah kedua dengan syarat pemilikan rumah pertama telah pun dilupuskan;
- (iv) membantu pasangan untuk mengurangkan baki pinjaman perumahan; dan
- (v) membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat setelah mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah kali pertama, kerajaan melalui KWSP akan melancarkan skim pembiayaan eksklusif PR1MA mulai 1 Januari 2017 di mana ahli KWSP yang membeli rumah mampu milik melalui PR1MA akan menikmati keistimewaan mendapatkan pembiayaan lebih tinggi untuk pembelian rumah berkenaan. Melalui skim ini, kerajaan akan menyediakan pinjaman atau menyediakan jaminan sehingga 1/3 daripada harga rumah atau RM100,000 yang mana lebih rendah.

Langkah ini adalah untuk membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan daripada empat buah institusi perbankan yang mengambil bahagian iaitu CIMB, Maybank, AmBank dan juga RHB Bank. Peminjam yang layak akan hanya membayar faedah pinjaman untuk lima tahun pertama bagi mengurangkan bebanan kewangan pinjaman tersebut. Bagaimanapun ahli

KWSP yang berhasrat memilih kemudahan ini tidak boleh membuat pengeluaran pra persaraan yang lain seperti bagi tujuan pendidikan, kesihatan, menunaikan haji dan sebagainya. Langkah ini bertujuan membantu ahli membuat bayaran pinjaman perumahan PR1MA bagi kadar yang bersesuaian mengikut kemampuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dua soalan tambahan dan satu cadangan, soalan tambahan yang pertama ialah berkenaan dengan akaun dua itu. Dulu ada beberapa bulan sebelum ini ada satu cadangan hendak meningkatkan kadar dari 30 peratus ke-40 peratus untuk akaun dua sama ada kerajaan telah membuat keputusan. Jika sudah, bilakah dia akan dilaksanakan?

Soalan asal tadi berkenaan dengan *bridging* antara *loan* dengan *down payment*. Soalan kedua juga berkaitan dengan perumahan tetapi lebih fokus kepada skim pengeluaran ansuran bulanan. Saya cuma hendak tahu daripada segi sambutan kepada skim pengeluaran ansuran bulanan, kalau sambutan itu tidak berapa menggalakkan, adakah ia disebabkan fasal ramai ahli KWSP tidak tahu berkenaan dengan skim pengeluaran untuk ansuran. Itu soalan kedua.

Lagi satu. Ini cuma cadangan. Ini berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai skim khas untuk projek PR1MA. Cadangan saya kalau boleh kita kaji skim yang digunakan oleh CPF lebih kurang serupa, di CPF Singapore dia ada *Public Housing Scheme* (PHS) di mana di *whole financing* diberi oleh EPF, CPF dan tiap-tiap bulan bayaran balik dibuat kepada CPF. *That means end of the day* dia masih dapat rumah dan bila dia bersara nanti dia lagi ada dia punya duit. Kalau ini cadangan saya, tiga sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Pertama berkaitan dengan kenaikan untuk caruman kepada tabung dua menjadikan 40 peratus. Kita sebelum ini pun ada sampai tabung tiga, 60 peratus, 30 peratus, 40 peratus. Akan tetapi tabung tiga itu yang 10 peratus telah pun dimansuhkan dan ia dimasukkan dalam tabung satu. Jadi kita sedar bahawa antara matlamat utama EPF ini simpanan untuk hari tua. Jadi kita mahu supaya simpanan yang dibuat semasa mereka bekerja ini dapat digunakan setelah mereka berpencen.

Jadi sebab itulah kerajaan meningkatkan caruman ataupun simpanan dalam tabung tiga ke-70 peratus itu dan bakinya 30 peratus diletakkan di dalam tabung dua untuk beberapa kegunaan lain seperti pengeluaran untuk *advance down payment* untuk perumahan dan

sebagainya. Jadi cadangan untuk menaikkan ke-40 peratus itu sehingga kini belum lagi dilaksanakan oleh kerajaan.

Kedua, berkaitan dengan sambutan. Sambutan tentang skim ansuran bulanan yang dibuat oleh pencarum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini saya tak boleh bagi jawapan daripada segi bilangan yang dibuat peratus ketika ini. Namun saya boleh bagi secara bertulis. Saya melihat bahawa mungkin apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berbetulan di mana mungkin daripada segi promosi dan kesedaran ahli-ahli ini mungkin belum lagi. Jadi kita harapkan ia dapat diuar-uarkan untuk mereka dapat gunakan tabungan dalam tabung dua ini untuk tujuan bayaran skim ansuran bulanan.

Cadangan oleh Yang Berhormat seperti mana yang dibuat oleh CPF Singapore iaitu PHS apa semua ini saya ingat ini cadangan juga, cadangan yang cukup baik dan *insya-Allah* akan kita bincangkan kita bawa ke peringkat kerajaan dan juga EPF untuk kita pertimbangkan. Ini kerana ia boleh membantu rakyat untuk jangka panjang bagi memiliki rumah sehingga alih selesai mereka bekerja iaitu mereka sepatutnya ada rumah ketika mereka selesai kerja ataupun mereka berpencen. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan. Saya hendak sambung ke soalan nombor 8 iaitu...

**Tuan Chia Song Cheng:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, silakan.

**Tuan Chia Song Cheng:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan berkenaan. Meskipun langkah KWSP untuk membenarkan pembeli rumah pertama untuk mengeluarkan simpanan mereka daripada akaun satu inisiatif yang baik untuk merapatkan jurang kewangan, namun inisiatif kementerian mengambil tindakan mengeluarkan ahli dilihat akan mengurangkan hasil simpanan KWSP yang sepatutnya bertujuan untuk persaraan mereka.

Oleh itu soalan tambahan saya adalah untuk meminta kementerian menyatakan apakah inisiatif berikutnya dilaksanakan untuk memastikan hasil simpanan KWSP ahli adalah cukup dan memadai untuk persaraan mereka selepas mengeluarkan jumlah yang tinggi untuk membeli rumah.

Soalan tambahan lagi satu iaitu bagaimanakah kementerian boleh memastikan bahawa tidak akan ada penyalahgunaan inisiatif mengeluarkan tambahan KWSP oleh ahli yang membeli rumah pertama untuk tujuan yang spekulasi itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

■1130

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Pertama berkaitan dengan tujuan. Tujuan EPF ataupun KWSP ini saya sebut tadi untuk simpanan hari tua, tetapi kita melihat bahawa dalam masa yang sama kita kena tolong juga pencarum ini kerana mereka ini menabung untuk tujuan hari tua. Oleh sebab itulah untuk EPF ini kita tidak boleh mengeluarkan simpanan itu untuk sebarang tujuan ikut suka kita. Kita hendak beli kereta apa tidak boleh, kita hendak pinjam sekejap hendak pergi makan angin pun tidak boleh.

Jadi, antara perkara-perkara yang dibenarkan untuk kita keluarkan daripada tabung kedua atau 30 peratus itu adalah berkaitan dengan perumahan iaitu yang kita sebut tadi. Kemudian pendidikan iaitu untuk membolehkan ahli membiayai kos pengajian pendidikan di IPT dalam dan luar negara untuk anak.

Kemudian untuk kesihatan, mungkin kadang-kadang ahli ini dia ada masalah kesihatan, dia tidak ada coverage apa semua, mungkin memerlukan belanja yang agak lebih, dia boleh minta. Kemudian bila sampai umur 50 tahun dia boleh bawa keluar sedikit sebahagian daripada simpanannya. Kemudian pengeluaran melebihi RM1 juta. Maksudnya kalau disimpan lebih daripada RM1 juta dalam akaunnya, lebihan itu boleh dikeluarkan kerana kita menganggap RM1 juta baki yang disimpan dalam tabung itu cukup untuk menjaga mereka selepas mereka berpencen. Kemudian, ada juga satu skim lagi iaitu untuk menampung kos pergi ke haji. Contoh, ahli itu ada simpanan RM7,000, dia boleh buat keluar lagi RM3,000 untuk tampung kos untuk pergi mengerjakan haji. Jadi kita kena ingat, yang penting EPF ataupun KWSP adalah untuk digunakan selepas bersara.

Kedua, seperti mana soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat juga, bagaimana kita hendak pastikan pulangan yang cukup. Oleh sebab itulah pulangan ini daripada segi dividen dan sebagainya, EPF mempunyai dasar apabila kita mencarum, ahli-ahlinya mencarum, EPF ada pasukan pengurusan yang akan memastikan memberi pulangan setiap tahun kepada nilai yang dilaburkan atau disimpan itu. Contohnya 6 peratus ke-5 peratus berdasarkan kepada keadaan ekonomi dan sebagainya. Jadi, dilaburkan wang-wang tersebut untuk contohnya dengan membeli bon, sukuk kerajaan dan sebagainya untuk menjamin pulangan yang setimpal supaya boleh ditambah dalam tabung simpanan pekerja ataupun pencarum.

Kemudian berkaitan dengan penyalahgunaan, saya sedar. Ini tidak mahulah mananya pihak pun hendak ambil duit EPF Tabung II ini kemudian beli rumah untuk tujuan spekulasi dan sebagainya, tetapi kita juga ingat sebenarnya kalau orang itu mampu untuk

membeli rumah yang pertama kemudian dia sudah luluskan hak dia, mungkin dijual dan sebagainya, kemudian dia hendak ambil lagi baki dalam Tabung II itu untuk beli rumah baru kita benarkan.

Akan tetapi saya ingat, kita lebih fokus kepada pekerja ataupun pencarum sekurang-kurangnya memiliki sebuah rumah untuk diri mereka dan keluarga mereka selepas mereka bersara. Saya ingat kalau hendak gunakan duit EPF ini, Tabung II itu untuk hendak buat tujuan spekulasi dan sebagainya, dia ada undang-undang yang saya kira agak ketat yang menjamin supaya hal-hal ini tidak berlaku. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Othman Aziz telah menjawab dengan baik. Sekarang saya hendak beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid. Silakan.

**Tuan Isa bin Ab Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sorong papan tarik papan, soalan saya nombor 8.

**8. Tuan Isa bin Ab Hamid** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, perancangan hala tuju industri ternakan lebah kelulut yang mendapat permintaan yang tinggi dan sangat baik untuk kesihatan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Isa. Ada satu slogan sekarang kita pakai untuk madu kelulut ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua kena ingat ini, "*Mulakan Hari Anda Dengan Bermadu*", tetapi madu kelulutlah, bukan madu yang itu. Itu kita kempen kepada orang ramai supaya makan madu kelulut, lebah kelulut punya madu. Ini kerana madu kelulut ini satu buah produk yang mempunyai nilai tinggi bagi kesihatan, dia antioksidan. Kalau dimakan, dia boleh menjadikan *blood circulation* kita itu Tuan Yang di-Pertua, bertambah lancar dan juga perkumuhan kita juga menjadi baik. Kepada orang lelaki dia ada juga keistimewaannya, saya tidak hendak cerita lebih kepada itulah.

Jadi pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator, hala tuju industri ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *this is a new industry*, industri baru. Pada masa ini kedudukannya, kita ada cuma 402 orang penternak yang memiliki 40,318 koloni. Koloni ini maknanya dia punya tempat dia membela kelulut itulah. Tadi saya cakap dengan pegawai, saya ingat koloni ini Orang Putih sahaja. Orang Putih dahulu selalu ada koloni ya tidak? Sekarang tidak ada sudah British. Sebanyak 180,000 metrik tan pengeluarannya pada kadar RM200 satu metrik tan. Jadi, hasil

sebanyak RM36 juta. *Still* maknanya industri yang masih lagi kecil dan kita sedang mengembangkannya sebagaimana pertanyaan Yang Berhormat tadi, hala tuju.

Untuk mengembangkan ini, kita menghadapi sedikit cabaran iaitu madu kelulut ini, dia berada di pokok-pokok tertentu di mana dia membiak. Jadi kita ada masalah sedikit dengan NRE, dia tidak bagi kita guna sangat pokok ini untuk tujuan ini kerana akan merosakkan pokok-pokok, alam sekitar dan sebagainya. *So that*, ini satu cabaran kita hadapi dan mungkin kena bincang dengan NRE macam mana kita boleh perluaskan... *[Disampuk]* Yang Berhormat belakang kata setuju. Kalau setuju, okeylah. *No problem.*

Jadi, kita hendak mengembangkannya dengan menubuhkan tiga *centre of excellence* ataupun pusat kecemerlangan madu kelulut ini iaitu satunya di Taman Pertanian Negeri Sekayu. Lagi satu Pusat Repository Kelulut di mana kita buat kajian dengan Universiti Malaysia Terengganu untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini kita telah pun menghasilkan 30 jenis kelulut. Banyak jenis juga lebah kelulut ini, dia bukan satu. Macam manusia juga ada pelbagai bangsa, mereka pun ada pelbagai jenis. Saya hendak sebut satu contohnya kelulut yang paling produktif, *Trigona Itama*. Nama saintifik ini, hendak sebut pun susah. Kedua, *Torasika*. Ketiganya, *Terminata*. Boleh tahanlah sebut itu, betul agaknya. Inilah antara jenis lebah kelulut yang produktif dan menghasilkan banyak hasil madu sebagaimana yang kita harapkan untuk mengembangkan industri ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab dengan baik. Sila.

**Tuan Isa bin Ab Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang lengkap daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, apakah produk hiliran berasaskan madu kelulut ini semakin popular? Berapakah produk yang berasaskan madu kelulut, produk hiliran yang berasaskan contohnya sabun, kolagen yang berasaskan- yang produk apakah yang popular?

Soalan yang kedua, apakah bantuan yang disediakan oleh kementerian kepada pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya bumiputera untuk industri kelulut ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**■1140**

Pertama sekali kita membantu dengan pembangunan model pengurusan lebah kelulut oleh Jabatan Pertanian yang boleh diguna pakai oleh penternaknya. Ada satu cara kaedah, ada model contoh.

Kedua ialah pelaksanaan kajian penjenamaan mengikut kualiti madu kelulut, pembangunan teknik pemprosesan madu dan *standard* penternakan lebah kelulut dengan menggunakan *MyGap* iaitu cara-cara yang terbaik amalan terbaik untuk menternak lebah kelulut ini.

Ketiga, kerajaan juga menyediakan RM50,000 bagi satu orang petani ataupun pengusaha pada tahun 2016 yang merangkumi skop perolehan baka dan keperluan pemeliharaan lebah kelulut. Setakat ini 116 orang usahawan dan dua buah pusat pengumpulan telah dibangunkan, masing-masing berada di Johor dan di Pahang dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta bagi tahun 2016. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menerangkan tentang perihal pentingnya khasiat madu kelulut ini. Saya ada beberapa soalan bahkan saya hendak komen sedikit, saya setuju Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat dalam perubatan Islam pun di dalam Al-Quran banyak disebut beberapa kali tentang khasiat madu. Bahkan saya pun pagi ini batuk, saya bawa madu dengan saya. Ini dalam ini madu lemon. Madu ini memang baik. Semua madu saya suka. Tak kira madu kelulut, madu asli tak asli semua saya suka. Ia akan membaiki semua penyakit yang kita ada. Persoalan saya, dah kita tahu cukup banyak khasiat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, madu bukan sebarang madu ya tetapi jangan bermadu ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Bermadu pun saya suka juga [Ketawa] Semua saya suka.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab kita dah tahu ya khasiat madu dan madu kelulut cukup banyak yang diterangkan dalam Al-Quran cukup jelas. Adakah kerajaan, pihak kementerian tidak berhasrat untuk memperbanyakkan *research* terutamanya dalam bidang perubatan menggunakan madu ini supaya ia boleh dipakai bukan sahaja di peringkat negara kita tetapi boleh dieksport ke seluruh dunia? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu Yang Berhormat tak cerita pun saya tahu Yang Berhormat Tan Sri memang suka bermadu [*Ketawa*] Madu kelulut sudah pastinya. Jadi *research and development* ini untuk perubatan khasiat daripada produk madu kelulut ini yang ada kebaikannya daripada segi perubatan ini belum kita buat dan itu cadangan yang sangat baik daripada Yang Berhormat dan saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan di kementerian, *insya-Allah*. Terima kasih.

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

**9. Datuk Lihan Jok** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa punca utama yang menyebabkan beberapa buah bangunan sekolah di Sarawak terbakar, dan apa rancangan Kerajaan Pusat menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang menyentuh mengenai kebakaran yang berlaku di sekolah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok; yang kedua ialah Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim soalan 81. Oleh sebab perkara yang dibangkitkan adalah saling berkaitan, izinkan saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab memastikan setiap sekolah di bawah kawalan KPM sentiasa berada dalam keadaan selamat. Semua sekolah yang dibina di seluruh negara menepati piawaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat sekolah-sekolah di negara ini yang telah berusia lebih daripada 20 tahun dan pendawaian elektrik merupakan salah satu faktor berlakunya kebakaran. Oleh itu KPM telah memberi keutamaan kepada penyelenggaraan sistem pendawaian elektrik sekolah. Setakat ini sebanyak 2,046 buah sekolah yang berusia melebihi 20 tahun telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pendawaian semula.

Bagi tahun 2017, program pendawaian elektrik telah dirancang oleh KPM untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan bagi sekolah-sekolah yang kritikal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemalangan dan kebakaran di sekolah ialah:

- (i)      bangunan sekolah dinaik taraf dan penggantian semula pendawaian elektrik yang sudah uzur;

- (ii) semua sekolah akan dibekalkan dengan alat pemadam api termasuk sekolah-sekolah lama;
- (iii) menjalankan penyelenggaraan elektrik dan alat pemadam api bagi memastikan ia berfungsi dengan baik; dan
- (iv) warga sekolah diberikan latihan dan pendedahan berhubung pencegahan kebakaran di sekolah oleh pihak bomba.

Terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya mengalu-alukan kedatangan MIC Bahagian Bentong ke Dewan Negara... *[Tepuk]* Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab.

Soalan tambahan saya begini. Kebakaran di sekolah berlaku dalam bermacam-macam jenis. Kebakaran stor sukan, kebakaran yang melibatkan bilik darjah dan kebakaran yang melibatkan bilik pentadbiran ataupun kebakaran yang melibatkan bencana bilik guru. Jadi soalan saya kerana sekolah ini kita tidak boleh tinggalkan kalau terbakar, tindakan serta-merta harus diambil. Jadi adakah kementerian atau pihak sekolah mempunyai SOP yang boleh diguna pakai untuk supaya guru, murid boleh- maksud saya sistem P&P itu tidak terjejas dalam sehari pun? Adakah SOP yang jelas untuk diguna pakai?

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Memang betul Kementerian Pendidikan mempunyai SOP yang diguna pakai untuk kita menghadapi masalah kebakaran dan memang betul PDP itu tidak boleh berhenti walau sehari pun. Jadi sekiranya terdapat kebakaran terutamanya yang melibatkan bilik darjah itu kita berdasarkan kepada keseriusan keadaan sesebuah sekolah. Sekiranya hanya beberapa buah bilik darjah sahaja yang tergendala maka bilik darjah lain akan diguna pakai sementara kita membaik pulih. Kalau satu buah blok itu terbakar maka sekiranya sekolah itu mempunyai kelebihan bilik darjah maka boleh diguna pakai untuk blok-blok yang belum dipengaruhi itu.

Akan tetapi sekiranya keadaannya serius maka sekolah-sekolah yang berhampiran akan diguna pakai untuk menampung PDP untuk pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Untuk menyelesaikan keadaan kebakaran, kementerian menyediakan perolehan darurat untuk kepentingan penyelenggaraan dan membaiki semula untuk keadaan yang serius supaya sekolah itu boleh dipulihkan secepat mungkin.

**■1150**

Walau bagaimanapun, kita juga kena akur dengan prosedur yang dikeluarkan oleh pihak bomba. Pihak bomba perlu menyiasat forensik dan juga JKR kena kenal pasti keadaan sekolah sebelum kita boleh melaksanakan pembaikan. Walau bagaimanapun, daripada segi kementerian, kita akan memberikan keutamaan supaya anak-anak kita tidak terjejas walaupun sehari daripada segi PDP. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bangunan sekolah untuk bagi mengelakkan kebakaran ini. Sebelum dibina sebuah bangunan sekolah ini, saya hendak tanya pihak kementerian, ada atau tidak spec yang disediakan kepada kontraktor ataupun yang membuat bangunan ini terutama kita tengok daripada segi tangga untuk murid turun sekiranya berlaku kebakaran? Oleh sebab saya tengok, ada tangga yang dibina curam. Curam dan bila berlaku kebakaran, ini akan melibatkan kemalangan kepada murid juga.

Kedua, saya hendak tanya. Daripada segi keselamatan sekolah dan kebakaran, pintu rintangan api itu, siapakah yang menyelenggarakannya? Siapakah yang buka? Benda ini adakah berkunci dan saya hendak tanya, adakah pihak bomba datang menyiasat benda ini berfungsi atau tidak? Pintu rintangan api.

Ketiga, saya hendak tanya juga tentang keselamatan bagi mengelakkan kebakaran ini terutama di makmal sekolah. Adakah pihak kementerian menghantar wakil untuk check daripada segi keselamatan makmal kita ini, daripada segi peralatan untuk murid-murid kita ini membuat bahan uji kaji dan sebagainya. Saya hendak tahu di situ sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini soalan dari seorang cikgu.

**Datuk Chong Sin Woon:** [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Memang semua sekolah baru yang dibina oleh kementerian mengikuti piawaian yang ditetapkan khususnya oleh JKR dan piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan tempatan. Kalau tidak sekolah itu tidak akan mendapat kelulusan untuk diduduki.

Kedua, memang pihak bomba akan datang memeriksa keadaan persekitaran sekolah khususnya daripada segi pencegahan kebakaran.

Ketiga, makmal sekolah juga diperiksa oleh pihak KPM untuk menjaga keselamatan.

Untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini, kebanyakan kebakaran yang berlaku kebelakangan ini, tidak bermula dari makmal dan tidak juga berlaku kerana kekurangannya keselamatan. Contohnya pintu rintangan api tetapi kerana litar pintas. Oleh itu, fokus utama kementerian sekarang adalah untuk kita memastikan pendawaian semula kepada sekolah-

sekolah yang uzur dan yang melebihi 20 tahun. Antara sekolah yang lama itu pun ada yang blok baru dan ada yang blok lama. Jadi fokus kepada sekolah yang lama itu adalah kepada blok yang lama. Jadi seperti mana jawapan saya tadi lebih, 2,000 buah sekolah itu dikenal pasti kritikal, uzur dan akan diberikan keutamaan pendawaian semula mengikut kepentingan. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk sekejap. Yang Berhormat baru. So, Yang Berhormat kena bangun sekali soalan tambahan. Ini bukan perbahasan yang mana Yang Berhormat boleh bangun beberapa kali. Dia yang minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab atau tidak berkenaan dengan pintu kebakaran?

**Datuk Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, pintu rintangan api seperti yang saya kata, memang dijaga dan tidak ada kunci bila pintu rintangan api itu dikunci, dia tidak boleh menjadi rintangan api. Akan tetapi segala kunci terhadap pintu di sekolah itu dijaga oleh pejabat sekolah dan fungsi pintu rintangan itu juga diperiksa oleh Jabatan Bomba. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah terdapat juga tapak-tapak bangunan sekolah lama yang mengalami insiden tanah jerlus. Jadinya apabila perkara ini berlaku, maka sudah pastilah bangunan itu tidak selamat untuk digunakan lagi. Jadinya soalan saya, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi cabaran ini? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal, maka saya tidak boleh jawablah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sudah jawapan kepada soalan-soalan jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” [13 Disember 2016]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyambung jawapan.

**11.56 pg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk memberi jawapan atau sambungan menggulung kepada kementerian ini seperti mana yang dipinta dan pihak MITI memohon maaf atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Cuma lebih kurang dua muka lebih sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan isu berkaitan Dasar Automotif dalam kerjasama perdagangan antarabangsa dengan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat yang menyebabkan TPPA dikaji semula. Beliau juga memohon penjelasan berkaitan struktur cukai dan insentif yang diterima oleh syarikat pemasangan kenderaan dalam usaha berterusan kerajaan untuk menurunkan harga kenderaan.

Jadi harga kereta yang diimport daripada mana-mana negara termasuk negara anggota TPPA, tidak ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sebaliknya ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran ataupun *market forces* seperti harga komponen Completely Knocked-Down (CKD) yang diimport dan juga diperolehi daripada pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar kaedah pinjaman dan lain-lain kos.

Sehubungan itu, kerajaan tiada perancangan untuk mengkaji atau menstrukturkan semula cukai akses kenderaan memandangkan pengurangan cukai sedia ada boleh

dipertimbangkan sekiranya memberi manfaat daripada segi ekonomi dan sosial di Malaysia. Ini termasuk pemberian insentif secara *customized* bagi kenderaan *efficient* tenaga ataupun EEV seperti yang digariskan dalam Dasar Automatif Nasional 2014.

Purata penurunan harga kenderaan di Malaysia adalah berdasarkan struktur percukaian semasa yang mana syarikat pengeluar kenderaan memanfaatkan insentif secara *customized* tersebut bagi menurunkan harga kenderaan. Purata penurunan harga kenderaan sehingga kini adalah seperti berikut:

- (i) tahun 2014, sebanyak 12 peratus;
- (ii) tahun 2015, sebanyak 14.7 peratus; dan,
- (iii) sehingga September 2016 tahun ini, sebanyak 12.6 peratus.

Pelaksanaan Dasar Automatif Nasional 2014 juga telah berjaya mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan di mana hasil daripada usaha-usaha transformasi struktur perniagaan masing-masing, syarikat-syarikat pengeluar kenderaan seperti Proton dan Perodua telah dapat meningkatkan pegangan pasaran ataupun *market share* mereka.

Setakat bulan Disember 2016, pegangan pasaran Perodua sebanyak 33.7 peratus berbanding 31 peratus, 31 *percent*, dengan izin, pada bulan Oktober 2015. Manakala pegangan pasaran Proton pula telah melonjak naik kepada 16 peratus berbanding 14.4 peratus bagi tempoh yang sama pada tahun lepas.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah memohon kementerian bertanggungjawab untuk menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan sama ada menyokong atau tidak projek Petrokimia di Yan, Kedah.

Untuk makluman, sejak projek Petrokimia di Yan, Kedah tersebut mendapat kelulusan, pihak MIDA atau M.I.D.A, dengan izin pada tahun 2006, ia masih belum dilaksanakan. Sehubungan itu, MIDA kini sedang mengkaji semula, sedang mengkaji semula status tersebut.

Sekian sahaja jawapan MITI terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017. MITI mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya memanggil Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Terima kasih.

■1200

12.00 tgh.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perbahasan Bajet 2017, dua orang Yang Berhormat Senator membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ataupun dengan nama singkatnya KeTTHA.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff menyentuh perkara yang berkaitan dengan NRW di Kedah. Dalam usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan NRW ataupun menghapuskannya, di Kedah, Kerajaan Persekutuan telah pun memberi peruntukan RM53 juta untuk beberapa aktiviti yang perlu dibaik pulih ataupun dinaiktarafkan:

- (i) menggantikan meter pengguna. Sememangnya meter-meter pengguna ada yang sudah uzur dan sebagainya. Inilah yang boleh menyebabkan NRW;
- (ii) menggantikan meter SIV- SIV iaitu *System Input Volume*. Ini adalah amat penting kerana operator loji rawatan air seharusnya mesti tahu *volume* air yang dirawat dan sama ada ia bocor ataupun kehilangan apabila disalurkan kepada pengguna ataupun tidak. Jadi, meter ini juga penting;
- (iii) pemberian *reservoir* air. Simpanan air ini dalam *reservoir* sememangnya ia di situ sahaja. Kita tidak mahu air itu hilang. Oleh itu, pemberian *reservoir* adalah satu aktiviti yang dilakukan yang dikatakan baik; dan
- (iv) pemasangan GIS- GIS ialah *Geographical Information System*. GIS adalah penting bagi mengawal selia apa yang berlaku dalam sistem *piping* dan sebagainya di mana-mana negeri.

Perkara yang dibangkitkan juga ialah Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff bertanya tentang, adakah Kerajaan Persekutuan boleh membantu untuk baik pulih ataupun naik taraf loji rawatan air?

Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM100.3 juta untuk baik pulih dan untuk naik taraf loji-loji rawatan air di lima buah lokasi di Kedah. Jadi, ini akan memberi manfaat nanti kepada penduduk-penduduk di Kedah tentang kegunaan air dan sebagainya.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Yang

Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad menyentuh ataupun membangkitkan tentang status terkini industri air di Kelantan.

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Kelantan Sendirian Berhad telah pun memuktamadkan penstruktur semula industri air di Kelantan. Dalam perkara ini, PAAB akan mengambil alih semua hutang dan aset syarikat Air Kelantan Sendirian Berhad.

Oleh itu, PAAB juga akan menaiktaraf dan membina loji-loji baru jika diperlukan. Selepas itu, PAAB akan sewa loji-loji ini kepada Air Kelantan Sendirian Berhad. Ini sememangnya mengurangkan beban kepada Air Kelantan Sendirian Berhad daripada segi hutang piutang ataupun daripada segi pinjaman yang dibuat. Tidak perlu lagilah sebab itu sudah sewa dengan Air Kelantan Sendirian Berhad.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad adalah berkaitan dengan baik pulih, bina baru, naik taraf loji-loji rawatan air. Seperti mana yang saya telah sebut baru tadi, PAAB akan mengambil alih semuanya ini. PAAB akan bertanggungjawab tentang semuanya ini, naik taraf, baik pulih dan bina baru.

Perkara yang ketiga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ialah berkaitan dengan kualiti dan rizab air di Kelantan. Kelantan daripada segi rizab air permukaan sememangnya mencukupi. Ini berdasarkan satu kajian yang dilakukan oleh KeTTHA sudah lama dahulu.

Akan tetapi walaupun demikian, memang mencukupi tetapi yang sedihnya- ini yang sedih, saya pun sedih kalau saya tahu perkara seperti ini- rizab air terawat di Kelantan hanya ada 2.4 peratus. Jadi, ia *vulnerable* kepada perubahan cuaca. Sekarang dalam masalah perubahan iklim, perubahan cuaca pun boleh berlaku iaitu kemarau berpanjangan. Jika El-Nino melanda negara kita, ini buat kemarau lebih teruk lagi. Ini masalah besar pada Kelantan. Walaupun ia demikian, KeTTHA akan sedia membantu permasalahan tentang kekurangan air seperti ini.

## ■1210

Jadi saya harap Kelantan jangan bimbanglah. Akan tetapi, yang paling penting adalah Kelantan sekarang ada 35 buah loji air dan 10 daripadanya ialah loji rawatan air bawah tanah. Ini bandar-bandar yang terdedah kepada, seperti tadi saya sebut, masalah air jika kemarau berpanjangan berlaku iaitu Kota Bharu, Machang dan juga Pasir Puteh. Tiga buah tempat ini. Walaupun demikian, jika PAAB mengambil alih nanti, PAAB akan membina beberapa lagi loji rawatan air. Kalau PAAB membina loji rawatan air lebih banyak nanti, jadi masalah ini tidak

akan berlaku. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga telah pun meluluskan RM17 juta peruntukan pinjaman dalam Bajet 2017. Jadi RM17 juta ini akan digunakan untuk:

- (i) menaik taraf industri air di Machang;
- (ii) kajian sumber air di seluruh Kelantan; dan
- (iii) kajian NRW di Kelantan.

Itu adalah berkaitan dengan air di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah menyentuh tentang industri elektrik di Kelantan, status terkini dan penggunaan elektrik.

Yang terkini di Malaysia, satu Malaysia, elektrik telah pun dijanakan dan sebanyak 28,000 megawatt *electricity* sudah ada di negara kita. Dari itu, di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak 23,269 megawatt, di Sabah sebanyak 1,559 megawatt dan di Sarawak sebanyak 3,544 megawatt. Daripada *peak usage* ataupun penggunaan, di Semenanjung ialah sebanyak 17,000 megawatt, di Sabah sebanyak 989 megawatt, di Sarawak kita tidak tahu lah sebab Sarawak tidak beri kita statistiknya. Jadi, itulah yang *peak demand* ataupun *peak usage* di Semenanjung dan di Sabah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga sentuh tentang MySuria. Ini satu program yang sememangnya baik untuk rakyat miskin. Apabila bajet dibentangkan di Dewan Rakyat dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan juga memaklumkan bahawa program MySuria akan dilaksanakan dan akan diberi kepada golongan berpendapatan rendah iaitu B40 ataupun dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM3,900 sebulan.

Dalam perkara ini, panel solar akan dipasang di bumbung rumah golongan ini. Kesemuanya untuk permulaan, sebanyak 1,600 buah rumah akan dipasang di mana panel solar dipasang di bumbung. Akan tetapi yang baiknya untuk mereka ini mereka dengan jualan bekalan elektrik kepada syarikat utiliti mendapat RM250 sebulan. Jadi, RM250 sebulan ini membantu mereka ini juga dengan pendapatan itu. Itulah keadaan MySuria.

Namun, sekarang Kementerian Kewangan sedang memperhalusi mekanisme untuk MySuria. Jadi selain daripada itu, kita belum mendapat lagi maklumat macam mana ia akan dilaksanakan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang saya boleh utarakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan KeTTHA. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada dua orang Senator ini kerana membangkitkan perkara-perkara yang saya anggapkan penting dan juga yang kementerian boleh ambil tindakan selepas meneliti dan menilai masalah-masalah yang sedia ada. Sekali lagi, terima kasih banyak-banyak kepada dua orang Senator ini, Yang

Berhormat Shahanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Mahamad. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ini memberi penggulungan tanpa *refer to* apa-apa. Dia menghafal jawapan beliau. So, saya kagumlah dengan kebolehan Yang Berhormat Menteri ini [*Tepuk*] Saya pun pelik macam mana boleh menghafal banyak-banyak macam itu. Tahniahlah.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.19 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 15 Disember 2016.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat Menteri, silakan.

**12.20 tgh.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua panjang tulis ini. Akan tetapi saya hendak ringkaskan. Masa terhad, jadi saya pergi *direct to the point*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Pertama, ucap terima kasih kepada yang bertanya- tujuh orang Yang Berhormat Senator yang telah menanyakan soalan-soalan semasa perbahasan. Secara pada keseluruhannya perkara yang dibangkitkan ialah satu, pengukuhan bekalan makanan negara; kedua, galakan dalam sektor pertanian dan yang ketiga berhubung dengan kebijakan pertanian dan juga nelayan.

Yang Berhormat Senator yang pertama bertanya ialah Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Beliau bertanyakan tentang *stockpile*.

*Stockpile* untuk makluman Dewan sebelum ini, 290,000 metrik tan yang boleh menampung 45 hari keperluan rakyat kita. Akan tetapi jumlah ini telah dikurangkan kepada 150,000 metrik tan yang hanya boleh menampung 23 hari. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian merasa bimbang kenapa daripada 45 hari diturun kepada 23 hari. Jangan bimbang ya, sebab kita juga ada stok, *trading stock*. Stok yang ada pada BERNAS sebanyak 180,000 metrik tan, *trading stock* dia. Selain daripada itu ada lagi *trading stock* yang dipegang oleh pemborong-pemborong. Jadi maknanya daripada segi stok yang *available*, dengan izin, yang ada, ada banyak. Bukan setakat hanya 150,000. Cuma istilahnya *stockpile* dengan *trading stock*.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah kita mengurangkan *stockpile* ini? Oleh sebab apa kita juga hendak memelihara kepentingan pengguna. Kalau beli banyak walaupun BERNAS beli simpan banyak pada harga itu masa itu. Jadi harga beras sekarang ini di pasaran dunia dia sudah menurun, dia menurun harganya. Kalau kita beli awal dengan harga yang tinggi nanti bila dijual, jual pada harga semasa itu. Ini merugikan pihak pengguna. Jadi kita fleksibel daripada segi jumlah *stockpile* yang perlu disimpan oleh Bernas yang mana akhirnya akan dijual kepada pengguna dan *whatever price is transferred to*, dengan izin, ditransfer kepada pengguna. Kita tidak hendak *transfer* pada harga yang tinggi.

Okey, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin ada beberapa soalan. Pertama bertanyakan tentang setakat manakah pengeluaran bekalan makanan bagi ikan, daging, ayam, telur dan sayur telah mencapai *self efficiency level* ataupun tahap sara diri.

Untuk makluman Dewan, Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2015 ini sahaja dua komoditi kita telah capai 100 peratus dan lebih iaitu ayam- 104 peratus; telur- 114 peratus. So we have exceeded kita punya SSL 100 peratus sebagaimana yang dikeluarkan oleh penternak-penternak. Bagi ikan pun tinggi, SSL kita 91 percent, dengan izin. Sayur-sayuran- 56 percent; buah-buahan- 80 percent; daging lembu dan kerbau kurang sedikit, 23 percent; daging kambing pun lagi kurang- 11.5 peratus; susu segar- 56.7 peratus; dan khinzir- 94 peratus- tingginya dia punya SSL.

So, masalah di sini Tuan Yang di-Pertua ialah daging yang kita rendah lagi. Kambing- 11 peratus- lembu dan kerbau- 23 peratus. So ini satu sektor yang sedang diberi perhatian bagaimana kita hendak meningkatkan pengeluaran lembu dalam negara kita ini, kerbau, lembu dan kambing. Kita mengimport terlalu banyak sekarang. Ada banyak faktor yang menyebabkan keadaan begitu. Saya mungkin ada masa yang lain untuk menceritakannya.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga bertanya Tuan Yang di-Pertua, mengapa harga ayam dan telur ayam terus meningkat sedangkan pengeluaran ayam dan telur ayam dikatakan tadi mencukupi.

Jawapannya, penjelasannya harga ayam dan telur di peringkat ladang dipengaruhi oleh kos pengeluaran. *The cost will determine the price.* Apakah jadinya kepada kos? Kos makanan ayam dan juga anak ayam berumur sehari, dua ringgit seekor. Ini sebab apa kita import banyak *animal feed*, makanan ternakan ini diimport. Harga import ini Tuan Yang di-Pertua dia naik dari semasa ke semasa. So, penternak menghadapi *increase in cost* penternakan mereka. Jadi mereka terpaksa jual pada harga yang tinggi *from time-to-time*, dengan izin. Walaupun *supply* cukup lebih daripada 100 peratus *but cost is factor*.

Jadi kos makanan ayam adalah bergantung kepada harga komoditi pasaran dunia serta kos logistik mengimport bahan makanan ternakan berkenaan 75 peratus daripada kos keseluruhan. Sebanyak 75 percent, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penternakan ayam ini, 75 peratus kos pengeluaran adalah daripada bahan yang diimport dan cuba kita gambarkan ya kesannya.

Selain itu kos pengeluaran juga dipengaruhi juga oleh kos buruh ubat-ubatan, logistik dan utiliti. Peningkatan mana-mana komponen ini boleh mengakibatkan peningkatan harga ayam dan telur. Kos pengeluaran ayam RM4.7 per kilogram manakala harga jualan di ladang

RM5. Sebenarnya penternak ayam ini tidak untung banyak pun, untung 50 sen seekor, untuk penternaklah. Akan tetapi syarikat besar dia *big volume*. Kita ada empat, lima buah syarikat yang besar-besar itu, kita sudah kira. *They go for*, dengan izin, *volume- big volume*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya izinkan Yang Berhormat Menteri gunakan bahasa Inggerislah kalau hendak gunakan juga.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh ya. Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua baguslah. *Thank you*, terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin banyak soalan tanya ya. *Thank you very much*. Dia minat hal pertanian. Manakah dia? Oh! Baru masuk, okey. Jadi soalan ketiga Yang Berhormat Senator tadi ialah berkenaan dengan langkah kerajaan bagi memajukan tanaman jagung bijirin. *This is a new commodity* ini, dengan izin, jagung bijirin. Setakat mana kejayaan yang telah dicapai?

Terima kasih Yang Berhormat bertanya. Untuk jawapannya- langkah bagi memajukan industri jagung adalah pertama membuka kawasan penanaman jagung bijirin dengan sasaran 20,000 hektar menjelang tahun 2020. Ini merupakan 10 peratus jumlah import bahan makanan ternakan. Itu pun baru *10 percent*, 10 peratus sahaja kita boleh orang kata *cover* dengan 20,000 hektar kalau kita boleh tanam. Sedikit sangat. Apakah fasal sedikit? Jadi Yang Berhormat bertanya kenapa tidak buat banyak-banyak, besar-besar? Tanah tidak ada. Tidak ada tanah kita kalau hendak buat katakan *20,000- 10 percent*. Kalau *100 percent* kalilah 10, 200,000 hektar. Manalah hendak cari tanah 200,000 hektar ini. Semenanjung tidak ada sudah. Sabah dan Sarawak pun sudah banyak sawit. Jadi *land is a problem* Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi jagung ini kita sudah buat *pilot project* nampak gayanya ini semua produktivitinya lebih tinggi daripada kelapa sawit, *the return, return to the investment* lebih tinggi. *But we have problem with the sketch of land*. Lagi mengkaji model yang sesuai bagi pembangunan industri jagung bijirin ini. *This is still* baru. Menteri saya baru memperkenalkan *new commodity* iaitu kelapa sawit, getah.

## ■1230

*So, for economy* negara kita untuk berkembang *is a new economy* di mana dia memperkenalkan- Menteri sayalah memperkenalkan. Kena puji juga Menteri ini sikit-sikit. Betul tidak? Bos kena jaga Tuan Yang di-Pertua.

Memastikan teknologi bersesuaian untuk tanaman jagung ini. Kita kena *mechanize* tidak boleh *labour intensive* lagi. Status semasa industri jagung bijirin negara status buat masa ini

projek tanaman jagung bijirin masih lagi di peringkat rintis, maknanya *pilot*. Lima projek perintis jagung bijirin sedang dilaksanakan adalah seperti berikut. Taman kekal TKPM Taman Kekal Pengeluaran Makanan Rhu Tapai Terengganu keluasan 0.6 hektar, *as i said tadi all this pilot project.*

Stesen Pertanian ideal Terengganu Kampung Dadong, Kemaman, Stesen Pertanian Titi Gantung Merbok, Kedah. Inilah tempat-tempat yang kita sedang menjalankan percubaan berhubung dengan tanaman jagung bijirin ini.

Beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Menteri saya tertarik dengan penanaman jagung ini. Terlebih dahulu saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kejayaan MAHA yang begitu terserlah sekali.

Soalan saya hendak tambah, saya hendak tanya apakah insentif yang diberikan oleh kerajaan berhubung dengan hendak tanam jagung. Apa insentif yang diberikan kepada petani-petani yang berminat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita ini apabila hendak buat semua hendak ada subsidi. *We must get rid of this subsidy mentality.* Insentif itu subsidilah lebih kurang, betul tidak. *You want to go- we must be competitive, must teach our people, our farmers, dengan izin, you know teach our people to be competitive. Cannot- forever ada such of this mentality, we are not competitive. Now globalize world- how to compete with the other producers kalau kita masih subsidi-subsidi.*

Petani padi umpamanya, *two billion subsidy. Every year we have to subsidize-kan, its not easy, where to get the money?* Kita buat GST dia orang bising padahal duit itu balik kepada rakyat juga. *Excuse so many things.* Bila kita *introduce GST but these all for the rakyat not for the Prime Minister, all the Minister, Deputy Minister tambah lagi Deputy Minister ada apa, tidak ada apa [Ketawa]* *It's all for the rakyat we are doing this-* Tuan Yang di-Pertua sudah bagi saya guna bahasa Inggeris. *We are doing this for the rakyat, you know. Don't poison mind of the rakyat- panjang pula cerita baik balik kepada [Ketawa]*

Jadi maknanya boleh bagi patut-patut kalau ada kes hendak buat projek marilah kepada kementerian kita bincang tengok macam mana apa yang boleh kita bantuan *but for me now to promise or sekian-sekian I think it's to-* ada lagi pula, lain ini [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *I think Minister is misread my question Tuan Yang di-Pertua. I asked because I want to compare- because he speaks English [Ketawa]*

Saya bertanya kerana saya hendak buat *comparison* antara subsidi yang diberikan kerajaan kepada petani-petani sekarang dengan subsidi kalau ada sekilo jagung ini kalaualah jagung ini kurang subsidinya saya hendak nyatakan di sini supaya tidak bagi subsidi langsung. *I'm not asking about subsidy, I am not provoking petani on the subsidy Tuan Yang di-Pertua. Please Minister. Thank you.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dulu ini kawan lama ini juga sokong kuat saya dulu itu. *Thank you-lah yang / menang MKT itu.*

*We give the credit where the credit due-kan.* Saya faham maknanya untuk menggalakkan dan sebagainya. So, kita bincanglah Yang Berhormat ada kes apa semua, sila datang ke MoA, we discuss.

Jadi balik kepada, apa perancangan kementerian untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan menggalakkan penggunaan pertanian moden. Ini Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Antara usaha kementerian dalam menggalakkan peningkatan produktiviti pembangunan benih dan bahan tanaman yang tinggi hasil dan rentang penyakit. Rentang penyakit *this a disease resistance.* Pengalaman *precision farming* pendekatan *control environment farming* seperti kaedah sistem fertigasi dan struktur pelindung hujan. Satu-satu saya sebut ya.

Yang ketiga, pembangunan pakej teknologi pembajaan dan penggunaan baja-baja organik tambahan seperti *plant booster* dan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi yang cekap dan berkesan bagi meminimumkan kehilangan lepas tuai. *This is a post-harvest punya losses banyak. So, we have to something about this* Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menggalakkan pertanian cara moden dan menggunakan teknologi. Antara insentif ini ada insentif disediakan [Ketawa] Oleh kementerian. Tidak boleh lari insentif mesti ada punya. Bagi menggalakkan pertanian moden insentifnya satu, pinjaman mudah melalui Agro Bank-mudah, easy mendapatkan pinjaman daripada Agro Bank iaitu Dana Pertanian Komersial. Kadar faedah 3.75 peratus Tuan Yang di-Pertua, *very low.* 50 buah pembiayaan bernilai RM602 juta. Geran berbentuk *in kind contribution* sehingga maksimum sehingga RM30,000 mengikut jenis projek pertanian yang dilaksanakan. 1806 orang peserta dengan jumlah pembiayaan

RM33.4 juta dan Tabung Pembiayaan Usaha Perniagaan Peladang bagi ahli PPK seluruh negara 593 orang peserta dengan jumlah RM20 juta. Inilah antara insentif-insentif yang diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya sejauh manakah pelaksananya Myberas adakah rakyat benar-benar memerlukan inisiatif ini untuk Myberas-MyBeras [*Ketawa*] Kerajaan memutuskan agar program MyBeras tidak diteruskan. So it's official-lah. Jadi tidak ada tanda tanya lagi-lah- *why* bantuan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan adalah melalui pelbagai agensi Tuan Yang di-Pertua *is not just MyBeras we have so many* bantuan untuk rakyat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan BR1M, bantuan sara hidup nelayan dan sebagainya. So many, jadi MyBeras ini peruntukan kalau ada kita salurkan melalui skim-skim yang telah sedia ada.

Masalah yang satu Yang Berhormat *to be honest with you* masalah senarai. Kita hendak dapatkan senarai yang komprehensif yang genuine penerima MyBeras ini is also a big problem. Jadi dengan sebab itu, *its better for us consider to channel* bantuan itu kepada program-program yang kita ada sekarang.

Seterusnya, Dato' juga bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk membuka dan memajukan jelapang padi di Terengganu. Dato' orang Terengganu ya tak, Dato' orang mana?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Kelantan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Orang rumah Terengganu, tidak juga [*Ketawa*] Tan Sri tengok saya sebelah itu- orang Terengganu tak, tidak ada [*Ketawa*] Mana sudah tadi- kerajaan telah membangunkan kawasan kemajuan Terengganu Utara (KETARA) seluas 5174 hektar di bawah pengurusan kawasan pembangunan pertanian bersepadu IADA dengan pelbagai infrastruktur pengairan dan saliran.

#### ■1240

Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan sebarang jelapang padi baru di Terengganu. Banyak sudah jelapang ini. Walau bagaimanapun kementerian bersedia untuk menimbulangkan bagi meluaskan kawasan di luar jelapang di daerah Besut dan Setiu sebagai zon jelapang padi dengan keluasan 5,046 hektar di bawah kendalian IADA KETARA tadi, tertakluk kepada keputusan kerajaan negeri. Ini banyak bergantung kepada kerajaan negeri.

Ada lagi satu Yang Berhormat tanya iaitu apakah langkah bagi membangunkan industri kelapa? Kelapa *is a very popular now* Tuan Yang di-Pertua, kelapa *you know?* Kita sudah import banyak kelapa dari luar negara sekarang ini. Dahulu orang tebang pokok kelapa,

sekarang hendak tanam balik pokok kelapa. Tebang pokok kelapa, tanam sawit. Apakah langkah bagi membangunkan industri kelapa dan madu lebah kelulut? Lebah kelulut sudah jawab tadi. *So I don't have to repeat* lah.

Di Terengganu, apakah langkah-langkah bagi memastikan kesediaan benih kelapa Matag? Kita kekurangan bekalan benih kelapa Matag ini. Jawapannya kawasan pengeluaran kelapa di negeri Terengganu adalah seluas 1,964 hektar pada tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian telah mengambil usaha untuk membangunkan kawasan industri kelapa di Terengganu seluas 124 hektar melibatkan 57 hektar kawasan untuk program penanaman semula kelapa dan 67 hektar bagi program pemulihan kawasan.

Pada tahun 2016 seluas 58.9 hektar kawasan telah dibangunkan di daerah Dungun, Kemaman dan Marang melalui penanaman semula kawasan kelapa yang melibatkan seramai 95 orang pekebun kecil. Program ini juga akan diteruskan pada tahun 2017. Kementerian telah dan akan melaksanakan pelbagai usaha bagi tujuan pengeluaran benih kelapa *variety* terpilih termasuk Matag melalui pendekatan seperti berikut. Pengeluaran benih kelapa *variety* terpilih oleh Jabatan Pertanian Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2015, kementerian telah diluluskan bajet sebanyak RM2 juta untuk pembangunan industri kelapa. Daripada jumlah tersebut, pengeluaran benih Matag yang telah dihasilkan adalah sebanyak 50,000 pokok anak benih.

Sementara itu anggaran pengeluaran benih Matag pada tahun 2016 h sebanyak 60,000 batang pokok. Bagi tahun depan kementerian telah meluluskan bajet sebanyak RM3 juta untuk pembangunan industri kelapa. Daripada jumlah tersebut, anggaran pengeluaran benih Matag yang akan dihasilkan adalah sebanyak 65,000 pokok anak benih. Galakan penglibatan pihak swasta seperti United Plantation Berhad dan *National Land Finance Co-Operative Society* dan kajian, pembangunan teknologi berterusan melalui MARDI.

Bagi pembangunan industri kelulut di Terengganu pula terdapat seramai 19 orang penternak lebah kelulut dengan 575 koloni. Secara amnya, industri madu kelulut telah mula berkembang dan mempunyai- ini tidak payahlah, tadi pagi sudah sebut kelulut ini. *So I don't have to repeat, skip* ya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Dato' soalan, rajin tanya ya [Ketawa] Apakah langkah kementerian bagi mengekalkan tanah pertanian- ini fasal dekat Kedah ini ya? Banyak tanah pertanian sudah kena ambil, projek perumahan, developer tidak, kan. Jadi dasar bagi mengekalkan tanah pertanian adalah seperti digariskan dalam

Rancangan Fizikal Negara di bawah seliaan Jabatan Perancangan Bandar dan Besa seperti berikut, Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang keenam.

Kawasan pertanian utama perlu dipulihara khusus bagi tujuan pertanian dan pembangunan bandar tidak digalakkan di dalam kawasan ini. Ini di bawah Rancangan Fizikal Negara yang keenam. Ketujuh, lapan buah kawasan jelapang padi strategik iaitu MADA, KADA, IADA Kerian Sungai Manik, IADA Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang, IADA Seberang Perak, IADA Terengganu Utara KETARA dan IADA Kemasin Semarak perlu dipulihara. Maknya tidak boleh sentuh. *Don't touch all these areas*. Kalau hendak buat perumahan kah apakah, *this is-* apa orang kata kawasan yang tidak boleh disentuh untuk pembangunan selain daripada untuk ini- kekal sebagai kawasan pertanian.

Rancangan Fizikal Negara Kelapan, tanah padi di luar kawasan jelapang padi yang berpotensi perlu disediakan dengan infrastruktur yang sesuai bagi membolehkan kawasan ini meningkatkan produktiviti dan pengeluaran. Selain itu, kementerian juga mengambil inisiatif untuk mengkaji semula memorandum persefahaman taman kekal pengeluaran dengan kerajaan negeri bagi mewartakan kawasan-kawasan TKPM sebagai kawasan pengeluaran makanan. *In other words you are going to have a fixed and permanent and forever stay areas* Tuan Yang di-Pertua sebagai kawasan tanah yang tidak boleh diusik selain daripada mengeluarkan hasil-hasil pertanian dan agro makanan.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili ada sini tidak? Ada ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, ingat tak ada tadi. Kalau tak ada tadi, saya hendak *skip* sahaja. Hendak cari peluang ya, ye tidak? *[Ketawa]* Hendak cari peluang kita hendak *anu* sahaja, *skip*. Yang Berhormat Senator, usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara adalah diselaraskan di peringkat kementerian di mana FAMA turut memainkan peranan dalam aspek pemasaran hasil pertanian. Akta FAMA telah menggariskan fungsi FAMA adalah bagi aspek pemasaran hasil pertanian Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu FAMA tidak dapat melaksanakan peranan meningkatkan pengeluaran makanan negara kerana perkara ini adalah di luar skop FAMA. Usaha peningkatan pengeluaran makanan seperti mana yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) dilaksanakan secara berterusan bersama dengan jabatan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), NEKMAT, NAFAS dan lain-lain dengan MoA, Kementerian Pertanian selaku peneraju.

Yang Berhormat Senator Haji- eh apakah berbalik kepada Haji Abdul Rahman ini? Banyak betul, mana dia Dato' tadi? Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanya sejauh manakah FAMA telah memainkan peranan yang berkesan bagi pemasaran hasil pertanian di dalam negara terutama buah-buahan bermusim. FAMA berperanan dalam pemasaran hasil pertanian negara adalah melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- (v) program pengukuhan bekalan dari ladang terus ke pasaran iaitu Program Kukuh;
- (vi) memperluaskan akses pasaran;
- (vii) program jualan terus dari ladang;
- (viii) pembukaan *MyFarm Outlet*;
- (ix) pasaran produk ke luar negara; dan
- (x) kempen dan promosi bagi menggalakkan pengambilan hasil tempatan.

Saya tidak- kita tidak ada masa hendak jelaskan satu-satu, *I just named it, list. I think* Ahli-ahli Yang Berhormat faham. *I don't have to elaborate each and every one of it.* Antara usaha FAMA bagi membantu memasarkan buah-buahan bermusim melalui pembelian harga yang lebih tinggi berbanding dengan pihak luar. Misalnya di negeri Terengganu, FAMA secara puratanya telah membeli duku pada harga ladang, RM1.30 per kilo dan di negeri Kelantan, RM1 berbanding dengan harga ladang pasaran semasa iaitu 60 sen sekilo.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin lagi yang bertanya berapakah bilangan Agropreneur Muda termasuk siswazah dan setakat manakah sokongan kerajaan dalam program Agropreneur Muda? *You are talking about* pengusaha-pengusaha daripada pemuda-pemuda, generasi muda kita. Kedua, sejauh manakah program Agropreneur Muda ini berjaya menyumbang pengeluaran makanan negara? Tuan Yang di-Pertua, program Agropreneur Muda telah dimulakan pada Januari 2014.

## ■1250

Sehingga kini, seramai 7,234 orang telah berdaftar dalam Program Agropreneur Muda. Bagi menyokong program ini, kementerian telah menyediakan geran berbentuk *in kind* RM30,000 dan dengan itu, 1,800 orang agropreneur muda telah menerima geran *in kind* ini dan peruntukan yang telah diberikan sebanyak RM33.4 juta.

Kedua, keutamaan kepada ahli kelab MyAgroSIS. Kelab bernama MyAgroSIS ini, pelajar-pelajar universiti, digalakkan menukuhan kelab untuk bermiaga, belajar bermiaga di universiti masing-masing, untuk mendapat bantuan pembiayaan geran yang disediakan di

bawah Agrobank, TEKUN dan Agropreneur Muda. Sehingga kini seramai 550 orang siswazah ahli MyAgroSIS telah mendapat pembiayaan dan geran di bawah agensi berkenaan.

Kementerian juga menyalurkan bagi pembangunan produk asas tani melalui bantuan geran pemandanan, *matching grant*. Program geran pemandanan, *high impact product* dan program geran pemandanan, *change upgrade product*, seramai 935 orang usahawan Industri Asas Tani (IAT) telah mendapat manfaat dengan nilai bantuan geran berjumlah RM29 juta. *So many grants*, pada tahun 2014 sahaja. Anggaran pengeluaran makanan tahunan daripada Program Agropreneur Muda mengikut sektor adalah seperti berikut. Sektor tanaman 80 metrik tan, sektor perikanan 215 metrik tan serta ternakan 75 metrik tan. Manakala bagi industri asas tani, *there is processed products actually*, nilai jualan sebanyak RM337 juta bagi tempoh 2014, 2016. RM330 juta yang dihasilkan oleh agropreneur muda.

Saya bagi peluang Yang Berhormat Menteri sampai *[Ketawa] Ya? [Disampuk]* Okey. Yang Berhormat Dr. Zaiedi juga bertanya, mengapa pihak swasta kurang berminat berebut peluang pertanian negara berjumlah RM45.2 bilion, produk-produk pertanian? *So, he is asking why we are not interested. Everybody wants to be a politician [Ketawa]*

Ada satu di MAHA itu, cerita pasal MAHA, ya? Siap terima kasih, puji. Seorang petani dari Bagan Datok, parti BN. Dia punya jualan, RM14 juta setahun. *You can imagine?* Kemudian seorang perempuan, pengusaha, RM4 juta setahun. *So, when I looked at it, I tell myself, I am in a wrong profession [Ketawa] [Disampuk]* Ahli Parlimen, kita sama-sama tahu lah berapa. Yang Berhormat Senator pun berapa yang dapat tetapi *for the nation*. *We are all here for the nation*. Betul atau tidak?

Jadi begitu banyak peluang. Kebanyakan industri pertanian diterajui oleh sektor swasta. Sebagai contoh, 70 peratus ke-80 peratus pengeluaran ayam negara diterajui oleh sektor swasta. Apabila sebut sini 70 peratus, 80 peratus ini, *I checked just now, it is actually in the hands of four or five companies*. Yang kita punya penternak di kampung-kampung yang kecil-kecil itu, *it is not here. This, we are talking about big players, you know*, Tuan Yang di-Pertua. *They are making billions, you know*. Apa tadi, company tadi, macam lupa nama.

*So I was telling my officers*, kalau macam ini, esok tidak jadi calon, lebih baik lah menternak ayam. Akan tetapi mereka panggil, *“touch chicken”*. *“Touch chicken”* maknanya apa? Pengecut. *Chicken*. Kita bukan orang yang pengecut punya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi atau tidak?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sudah hendak habis ini *[Ketawa]* *I am ending it, you know. Do not worry. It is only six minutes more, will finish it.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Thank you.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau tidak habis pun, buat jawapan bertulis. Okey. Sebagai 70 peratus ke-80 peratus pengeluaran ayam di negara diterajui oleh sektor swasta. Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam bidang pengeluaran melalui insentif berimpak tinggi iaitu insentif pengecualian cukai bagi Galakan Projek Pengeluaran Bahan Makanan. Kedua, pelaksanaan projek komersial dan berskala besar di bawah NKEA pertanian. Sehingga 2016, komitmen pelaburan pihak swasta RM7.6 bilion iaitu 44 peratus daripada sasaran pelaburan sebanyak RM17.2 bilion menjelang 2020.

Namun, Malaysia masih perlu mengimport produk makanan. 45 bilion pada tahun 2015 kerana terdapat produk perikanan yang tidak ekonomik dihasilkan dalam negara. *This is the problem. Competitiveness. Actually, between you and me. Even rice, padi. Actually it is cheaper to import because production cost is very high, you know.* Akan tetapi kita hendak membela nasib petani, hendak jaga *food security*, kita tanam juga dan kerajaan bagi subsidi. RM2,500 per hektar per musim. Satu tahun, dua musim. *So we are spending about* ini, saya punya *ex boss* ini, tahu. Kita *spend two billion, more than two billion. Actually, it is not very economic.* Dia ada ini, kena puji lah sedikit [*Ketawa*] Kena rujuk. Esok kita hendak minta tolong, senang bukan?

Lagi apa ini? So, itulah ceritanya. Ini ada sikit-sikit lagi, saya ingat kita buat jawapan bertulis sahajalah, ya? Bagi peluang *my ex boss to introduce himself with the answers. After that*, sambung selepas ini, bukan? Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang semua bertanya. *Insya-Allah*, apa yang dibangkitkan itu, kita akan beri perhatian sebaiknya kerana kita mempunyai *common agenda*. Agenda kita untuk, pertama sekali, *make sure* bekalan makanan cukup untuk negara, *food security* terjamin. Kedua, kita hendak bantu meningkatkan taraf hidup *stakeholders*, petani-petani khususnya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memberi keizinan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggunakan bahasa Inggeris. Bukan untuk menggalakkan di dalam Dewan yang mulia ini penggunaan bahasa Inggeris. Jangan salah faham. Ini hanya untuk beliau kerana beliau sering menggunakan bahasa Inggeris apabila dia berhujah. So untuk memberi dia kesenangan, saya memberi tetapi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong gunakan bahasa Malaysia... [*Dewan Ketawa*]

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Yang Berhormat Menteri.

**12.58 tgh.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2017 tempoh hari.

Pertama, cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim supaya projek-projek yang dilaksanakan di luar bandar tidak difokuskan kepada projek-projek besar dan perlu memfokuskan kepada projek-projek yang memberikan *touch point* kepada rakyat seperti memperbanyakkan program pemberian rumah-rumah dan menambah kursus-kursus kepada belia-belia luar bandar di bawah agensi KKLW.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah pelaksanaan projek atau program pada tahun 2017, memang kementerian ini memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program *touch point* yang bersifat rakyat *centric* dan boleh dilaksanakan dalam tempoh yang segera. Sebanyak RM2.1 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek yang memberikan impak terus kepada golongan sasaran di luar bandar termasuklah golongan belia pada tahun hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sambung lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya ingat fasal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu minit lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kementerian menumpukan kepada projek dekat di hati rakyat yang memberikan manfaat segera kepada masyarakat luar bandar seperti projek jalan kampung dengan peruntukan sebanyak RM284 juta untuk membina 550 kilometer jalan kampung, lampu jalan kampung dengan peruntukan sebanyak RM100 juta yang mana sebanyak 120,000 unit akan dilaksanakan pada tahun 2017.

Selain daripada itu, untuk projek *amenity social*, sebanyak 300 projek dengan peruntukan sebanyak RM60 juta akan dilaksanakan pada tahun 2017. Seterusnya, projek atau program yang terlibat adalah seperti projek perumahan rakyat termiskin ataupun PPRT yang melibatkan pembinaan rumah bina baru dan baik pulih yang sedia ada bagi golongan miskin dan miskin tegar dengan peruntukan sebanyak RM350 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, jam sudah pukul 1.01. Saya bagi satu minit tambahan kerana Yang Berhormat Menteri sudi datang ke Parlimen. So, Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 dan kita akan sambung balik. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 dan akan disambung balik dengan penggulungan Yang Berhormat Menteri.

*[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

## 2.32 ptg.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sehati sejahtera dan selamat sejahtera.

Ahli Yang Berhormat yang saya hormati dan kita hendak sambung semula dan saya minta Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob untuk meneruskan dia punya ucapan. Terus Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung penggulungan saya pagi tadi daripada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Sebelum saya berhenti tadi, saya maklumkan tentang rumah PPRT iaitu diperuntukkan sebanyak RM350 juta dan dianggarkan sebanyak 2,100 buah rumah bina baru akan dilaksanakan.

Manakala, sebanyak 12,500 buah rumah untuk projek baik pulih akan dilaksanakan pada tahun 2017. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan, bahawa dari segi polisi kita tahun ini iaitu dari segi *ratio* ataupun nisbah pembinaan rumah baru dan pembaik pulih rumah ialah sebanyak iaitu 85:15 iaitu 85 peratus baik pulih, 15 peratus bina baru. Selain daripada rumah PPRT, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, pihak kementerian juga diperuntukkan sebanyak RM200 juta di bawah- bagi projek binaan Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang akan dilaksanakan oleh Felcra Berhad dan RISDA bagi belia luar bandar.

Di sasarkan sebanyak 7,000 unit rumah mampu milik kepada golongan belia luar bandar ini akan dibina bagi belia-belia luar bandar yang belum memiliki rumah sendiri dan yang dikhaskan untuk mereka sendiri untuk tinggal di rumah tersebut. Jadi, kita tidak akan jual ataupun rumah-rumah ini untuk mereka yang hendak jadikan sebagai pelaburan dan sebagainya iaitu untuk disewakan. Manakala...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hadir sendiri pada petang ini untuk menjawab dan tidak ada wakil. Jadi, satu tahniah dan terima kasih. Cuma, berhubung dengan baik pulih rumah ini, kita hendak berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kerana amat prihatin sekali dalam usaha untuk membantu rakyat di luar bandar. Cuma, saya minta pertimbangan pihak kementerian supaya peruntukan yang diberi ini sebanyak RM1 juta ataupun RM2 juta setiap bahagian itu, kita jangan lantik kontraktor. Beri peluang kepada orang kampung buat sendiri secara gotong-royong. Saya rasa ini lebih menguntungkan. Ada *mileage* kepada parti dan kita tidak payah upah kontraktor, ambil untung lagi. Kita bagi cara gotong-royong dan lantik peneraju. duit masuk kepada peneraju, buat gotong-royong. Saya rasa ini lebih ada *mileage* kepada parti dan kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Pak Lah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang untuk tahun 2017 ini kita akan berikan keutamaan kepada pihak JKK itu sendiri untuk menganjurkan program gotong-royong untuk membaik pulih rumah, bukan untuk bina baru. Untuk bina baru mungkin agak sukar tetapi untuk baik pulih, misalnya *repair* atau- maaf. Baik pulih atap dan sebagainya yang merupakan kerja-kerja yang mudah seperti ini. Jadi, kita percaya tidak perlu dilantik kontraktor. Ini kerana kalau kerjanya setakat RM5,000 hingga RM6,000.

Kalau lantik kontraktor kita tahu mungkin daripada RM6,000 itu, RM4,000 sahaja untuk *repair* dan RM2,000 itu untuk margin keuntungan kontraktor dan sebagainya. Memang di peringkat Kabinet, kita pun sudah bincang perkara ini dan kita setuju bahawa kita akan beri keutamaan berdasarkan keperluan di kampung tersebut dan kita tidak mahu beri pukul rata semua hendak bagi kepada JKK. Sebab mungkin ada kampung yang tiada tukang untuk buat rumah itu nanti timbul isu seperti dulu-dulu juga. Akhirnya, simen keras di bawah rumah. Jadi, kita akan tengok berdasarkan kesesuaian kampung yang memerlukannya.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, hendak mencelah sedikit boleh?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya memang sebab Yang Berhormat Menteri hadir, saya pun seronok hendak cakap banyak pun. Ini asyik hantar wakil sahaja, jawab bagi kementerian lain pun ada, payahlah macam ini. Jadi, saya hendak tanya ini, asyik luar bandar sahaja ini, kami duduk Kuala Lumpur ini tidak ada kah? Peruntukan untuk bagaimana sebab kita miskin bandar pun tinggi. PPR pun ada 76 ribu lebih dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Asyik bagi depa ini, saya pun hendak balik kampung kalau macam ini. Bolehlah mohon. Jadi, saya hendak tahu lah apa benda yang ada dekat Kuala Lumpur ini daripada segi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, adakah ia terlibat dekat Kuala Lumpur ini? Itu sahajalah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini tentu sahaja peruntukannya untuk luar bandar. Luar bandar bermakna yang bukan di bawah pentadbiran majlis daerah, majlis bandaraya dan sebagainya. Jadi, di luar PBT adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Akan tetapi di bandar saya percaya KPKT, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sebagainya juga mempunyai peruntukan untuk membaik pulih rumah di bandar raya seperti di kawasan Yang Berhormat dan sebagainya. Saya hendak sambung.

Manakala, sebanyak RM30 juta di peruntukan di bawah Program *Mobilepreneur* yang akan memberikan bantuan kepada 3,000 orang belia di luar bandar dengan peruntukan RM10,000 bagi setiap peserta untuk memulakan perniagaan mereka. Iaitu perniagaan dengan menggunakan motosikal. *Mobilepreneur* ini kita akan beri peruntukan sebanyak RM10,000 untuk setiap usahawan belia. RM10,000 iaitu RM5,000 buah motosikal percuma, RM4,000 untuk peralatan dan RM1,000 untuk latihan.

#### ■1440

Jadi mereka yang habis latihan mendapat sijil boleh memohon untuk mendapatkan motosikal percuma ini dan memberikan perkhidmatan. Biasanya kita fokuskan kepada perniagaan perkhidmatan.

Kementerian juga melaksanakan program-program yang lain bagi membantu usahawan belia seperti program RBC iaitu *Rural Business Challenge*, Program Desa Lestari, Program Peningkatan Pendapatan serta program-program lain yang dapat mengurangkan beban kos sara hidup golongan miskin termasuk belia di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebanyak RM120 juta diperuntukkan bagi tujuan pembiayaan perniagaan golongan usahawan wanita dan juga usahawan belia.

Di samping itu, Program Tuisyen Rakyat@KKLW juga dilaksanakan di 171 buah kawasan Parlimen luar bandar bagi memberikan kelas bimbingan secara percuma kepada pelajar-pelajar sekolah di luar bandar untuk meningkatkan prestasi akademik masing-masing. Sebanyak 400 buah pusat Tuisyen Rakyat dengan penglibatan seramai 30,000 orang pelajar akan dilaksanakan bagi tahun 2017 ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh- ada di sini tidak? Tidak ada. Saya hendak dapat panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, yang tidak ada di Dewan perlu saya jawab atau saya *skip*?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau ada lebih masa.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Boleh? Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, kalau ada lebih masa...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kalau untuk menjimatkan masa, kerana saya difahamkan Dewan akan tamat pada malam ini juga, ada 13 lagi kementerian belum menggulung, kalau dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua, yang tiada dalam Dewan saya *skip* dan saya akan beri jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu cantik.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Boleh ya, terima kasih. Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib ada? Okey. Memohon penjelasan mengenai penyediaan kemudahan jalan-jalan kampung di Terengganu khususnya di kawasan Besut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian di bawah program Projek Jalan Kampung (PJK) telah melaksanakan lima buah projek berjumlah RM700,000 di kawasan Besut pada tahun 2016 yang melibatkan jalan-jalan berikut:

- (i) Jalan Kampung Padang Bual;
- (ii) jalan di Kampung Lak Lok ke Kampung Tok Motong;
- (iii) jalang di Kampung Gong Jaga, Kampung Gong Tok Tor;
- (iv) jalan di Kampung Air Kota Putra; dan
- (v) Jalan Simpang Tiga, jalan di Kampung Air Terjun.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili. Tidak ada. Saya...

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Manakah? Tolong berdiri ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada, ada. Minta maaf. Menyentuh mengenai peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk membina dan menaik taraf jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar. Yang Berhormat hendak tahu apa program ini, projek-projek ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion yang dimaksudkan siling peruntukan bagi gabungan dua buah projek iaitu jalan luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM887 juta dan juga projek jalan kampung dengan peruntukan RM284 juta bagi tahun 2017 dan ia termasuk pembinaan jambatan-jambatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili sekali lagi, juga memohon supaya kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak diberikan perhatian dalam pengagihan lampu-lampu jalan dan lampu LED.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan program Lampu Jalan Kampung (LJK) tahun 2017 di negeri Sarawak, kementerian menyasarkan pemasangan sebanyak sekurang-kurangnya 15,500 unit LJK di 1,364 buah kampung yang melibatkan kesemua 31 buah Parlimen di negeri tersebut yang dianggarkan setiap Parlimen mendapat *average*, pukul rata, sebanyak 500 unit. Itu *average* ya.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini, kementerian akan menitikberatkan pengagihan berdasarkan keperluan dan juga menepati kuota garis panduan semasa. Perhatian juga turut diberi atas pemasangan lampu LED iaitu di kawasan-kawasan strategik terutamanya di persimpangan utama di kampung-kampung, di kawasan selekoh-selekok berbahaya dan begitu juga di kawasan tumpuan orang ramai seperti balai raya, rumah keagamaan dan juga kawasan-kawasan penjanaan ekonomi.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, saya jawab bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid membangkitkan isu projek bekalan air di 42 buah kampung Orang Asli yang diklasifikasikan sebagai projek 'gajah putih' yang tidak memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli akibat masalah JAKOA yang tidak mempunyai kepakaran teknikal selepas projek diserahkan kepada kontraktor.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu projek di 42 buah kampung ini bukan akibat daripada kesilapan JAKOA iaitu tidak mampu untuk menyelenggarakan selepas projek itu diserahkan, telah siap. Sebenarnya isu yang berkaitan adalah kerana kegagalan kontraktor asal untuk menyempurnakan projek tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah pun melantik kontraktor penyelamat dan perunding yang mempunyai kepakaran teknikal bagi melaksanakan kerja-kerja pemberian sistem bekalan air yang dialami di 42 buah kampung yang terlibat. Sekarang ini, untuk makluman Yang Berhormat, dalam tindakan. *Insya-Allah*, saya percaya akan disiapkan.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada bertanyakan strategi kerajaan bagi memastikan skim bekalan air terawat bersih di bawah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dalam mencapai sasaran liputan seratus peratus isi rumah di seluruh negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada perancangan yang telah dibuat pada tahun 2015, program BALB dijangka mencapai sasaran liputan bekalan air luar bandar sebanyak seratus peratus di setiap rumah di Kelantan dalam tempoh lapan tahun. Perancangan ini adalah berdasarkan unjuran peningkatan liputan bekalan air luar bandar sebanyak 5.5 peratus untuk setiap tahun. Strategi ini juga tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, keberkesanan strategi ini adalah bergantung juga kepada keupayaan loji rawatan air dan tangki air bermenara yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim pula mencadangkan supaya kementerian memberikan penjelasan kepada rakyat secara berterusan mengenai insentif yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat seperti Rumah Bina Negara supaya rakyat faham dan sentiasa peka.

Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan dan cadangan Yang Berhormat tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah merancang pelan komunikasi melalui media cetak, media sosial, media elektronik dan sesi turun padang bagi memberikan penjelasan serta penerangan kepada rakyat secara berterusan berkaitan dengan insentif-insentif terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya mengenai Rumah Bina Negara dan juga program-program lain atau projek yang sedang ataupun yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

#### ■1450

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili membangkitkan mengenai pembinaan rumah untuk masyarakat yang miskin sama ada di kampung terpencil ataupun penempatan Orang Asli. Yang Berhormat mencadangkan supaya kementerian tidak begitu terikat dengan cara konvensional apabila membina rumah baru dan seharusnya mencari kaedah yang terbaik di mana kos pembinaannya boleh dijimatkan dan tempoh masa pembinaan boleh dipercepatkan serta kualiti pembinaannya adalah terjamin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menyambut baik akan cadangan tersebut untuk menggunakan kaedah-kaedah lain bagi pembinaan rumah baru dan ia perlu dikaji mengikut kesesuaian tempat dan sebagainya. Ini berikutan bagi kawasan yang terpencil biasanya. Kaedah pembinaan secara konvensional adalah lebih sesuai dan praktikal dengan mengambil masalah lokasi dan aspek-aspek teknikal yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa Bin Ab Hamid juga membangkitkan supaya kementerian mempertimbangkan kenaikan kos pembinaan rumah PPRT daripada RM40,000 kepada RM50,000 kerana kos lama dikira sudah tidak praktikal. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar bantuan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin atau PPRT telah ditambah baik dengan kenaikan 40 peratus daripada kadar lama. Kerajaan pada 10 Ogos 2016 telah bersetuju dengan cadangan kadar baru PPRT dengan kos asal iaitu RM40,000 dinaikkan kepada RM56,000 di Semenanjung manakala bagi Sabah dan Sarawak, daripada kos asal RM50,000 kepada RM68,000.

Seterusnya Yang Berhormat juga telah membangkitkan supaya kementerian menggiatkan aktiviti pemantauan audit pelaksanaan projek rumah PPRT JAKOA di kawasan luar bandar bagi memastikan kualiti pelaksanaan setara dengan kos yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menerusi Pejabat KKLW Negeri dan JAKOA sentiasa memantau pelaksanaan projek pembangunan yang dilaksanakan terutamanya pelaksanaan PPRT JAKOA di kawasan masyarakat Orang Asli. Selain daripada itu, projek-projek tersebut juga telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan Audit Dalam KKLW. Bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2016, Unit Audit Dalam KKLW telah melaksanakan pengauditan terhadap pembinaan rumah PPRT masyarakat Orang Asli sebanyak 886 unit berdasarkan sampel yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib memohon penjelasan mengenai langkah kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan desa termasuk daripada golongan belia di bawah Program Transformasi Luar Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah memperkenalkan program seperti yang saya sebutkan tadi, program *Mobilepreneur*, *Rural Business Challenge* dan program-program keusahawanan belia yang lain. Pada tahun 2016, seramai 500 orang usahawan *mobilepreneur* telah pun diwujudkan. Bagi tahun 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Bajet 2017 telah meluluskan sebanyak RM30 juta bagi mewujudkan 3,000 lagi usahawan *mobilepreneur*. Manakala bagi program *Rural Business Challenge* (RBC), setakat ini

sebanyak 107 orang usahawan telah dipilih sebagai pemenang pertandingan RBC iaitu 77 orang usahawan bagi kategori pengembangan perniagaan dan 30 orang usahawan bagi kategori idea perniagaan.

Selain daripada itu, KEMAS juga melaksanakan Program Usahawan Desa melalui Kursus *Quick Win* iaitu kursus kemahiran belia jangka pendek dan pembekalan peralatan kepada peserta kursus seramai 3,840 orang bagi tahun 2017 dengan peruntukan sebanyak RM5.12 juta.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, pihak kementerian mengadakan dasar baru untuk program-program kursus ini iaitu kita mementingkan *post* kursus, apa yang akan dilakukan selepas kursus ataupun pasca kursus. Kita bukan mementingkan berapa ramai yang berkursus dan mendapat sijil kursus kerana seperti yang kita tahu ramai yang berkursus akhirnya dapat sijil tetapi tidak melakukan apa-apa selepas mendapat sijil. Kemudian kursus yang lain lagi akhirnya sampai sepuluh keping sijil gantung di dinding rumah tetapi satu kerja pun, satu perniagaan pun tak buat.

Jadi apa yang kita buat hari ini, selepas sahaja kursus kita akan berikan peralatan yang berkaitan dengan kursus mereka tersebut. Sebagai contoh, kerana yang bertanya saya wanita. Sebagai contoh, kursus kecantikan diri misalnya. Habis sahaja kursus, kita terus memberi peralatan yang berkaitan dengan tata hias supaya mereka boleh memulakan perniagaan dan sebagainya. Jadi, ini di bawah program Kursus *Quick Win* KEMAS.

Manakala Program Pembangunan Keusahawanan Belia yang dilaksanakan pula oleh MARA adalah seperti berikut:

Program *Startup Accelerator* (STA). Ini untuk kita memberikan bantuan kepada usahawan-usahawan yang berkaitan dengan pelajar-pelajar lepasan institusi pendidikan MARA, program usahawan muda ataupun PUTRA juga kita akan memberi bantuan kewangan. Begitu juga dengan Pusat Usahawan Teknikal.

Di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA, setakat ini 534 orang usahawan Orang Asli telah pun diwujudkan. Antara bantuan yang JAKOA berikan adalah:

- (i) bantuan premis perniagaan;
- (ii) bantuan peralatan;
- (iii) bantuan menghadiri kursus perniagaan; dan
- (iv) bantuan pendaftaran perniagaan.

Selain daripada itu, FELCRA membantu seramai 1,740 orang usahawan di bawah Pelan Pembangunan Usahawan FELCRA melalui 12 program, antaranya:

- (i) ekotourism;
- (ii) ekonomi pertanian seperti ternakan kelulut; dan juga
- (iii) tanaman harumanis di Perlis.

RISDA juga turut melaksanakan program untuk bimbingan usahawan desa melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Pembangunan Keusahawanan yang turut melibatkan usahawan generasi muda seramai 26,934 orang. Antara program yang dilaksanakan adalah:

- (i) pembangunan produk;
- (ii) program *mentor-mentee*; dan
- (iii) “*Satu Desa Satu Usahawan*.”

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib juga memohon penjelasan mengenai maklumat pinjaman pelajaran dan perniagaan yang diberikan oleh MARA untuk tahun 2015 dan tahun 2016. Berapakah jumlah kutipan bayaran balik pinjaman-pnjaman perniagaan dan pelajaran? Apakah langkah MARA bagi memastikan pinjaman perniagaan dan pinjaman pelajaran dan kutipan balik mengikut jadual?

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman pelajaran yang telah diluluskan pada tahun 2015 ialah sebanyak RM2.3 bilion. Manakala untuk tahun 2016, jumlah pinjaman pelajaran MARA yang diluluskan adalah berjumlah RM1.9 bilion. Manakala jumlah peminjam pembiayaan perniagaan MARA pada tahun 2015- 8,962 orang dengan jumlah pembiayaan sejumlah RM708.3 juta. Setakat 30 November 2016, sebanyak RM452.7 juta jumlah pinjaman telah pun dikeluarkan kepada 4,334 orang peminjam.

Bagi jumlah kutipan pembayaran balik pinjaman pelajaran pada tahun 2015 dan tahun 2016 mengikut jadual. Jumlah kutipan bayaran balik jumlah pinjaman pelajaran MARA pada tahun 2015- RM249.7 juta dan pada tahun 2016 setakat 30 November 2016 adalah berjumlah RM253.3 juta. Manakala jumlah kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan, pada tahun 2015 berjumlah RM692.6 juta dan pada tahun 2016 setakat 30 November 2016 adalah sejumlah RM558.7 juta.

#### ■1500

Dalam memastikan pinjaman pelajaran dan perniagaan dikutip mengikut jadual, MARA telah melaksanakan berbagai-bagai-bagai langkah seperti berikut:

- (i) mengadakan Hari Bertemu Pelanggan;
- (ii) mengadakan *engagement* dengan peminjam;
- (iii) penerangan bayaran balik sebelum pelajar bertolak untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara;

- (iv) penerangan tanggungjawab dan kaedah bayaran balik semasa Majlis Konvokesyen;
- (v) bimbingan khidmat nasihat kepada peminjam;
- (vi) susulan dan rawatan secara sukarela; dan
- (vii) mewujudkan Pusat Panggilan Setempat MARA (*Call Center*) bagi tujuan membuat susulan ke atas peminjam, hebahan bayaran balik melalui e-mel dan juga penghantaran sms *blasting*, dengan izin.

Yang Berhormat juga ada memohon penjelasan mengenai kajian *feasibility* dan kemajuan cadangan untuk membina MRSM berbayar, MRSM swasta ataupun MRSM berbayar.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini MARA sedang menjalankan kajian terperinci untuk menubuhkan MRSM berbayar. MARA masih dalam peringkat perbincangan untuk mengenal pasti model pelaksanaan MRSM tersebut. Saya akan memberikan penjelasan bahawa polisi kita mulai tahun 2017 akan memberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar miskin luar bandar dan juga pelajar miskin bandar.

Jadi, kita percaya sebahagian besar yang akan memasuki MRSM terdiri daripada golongan miskin B40 luar bandar dan bandar termasuk dari Sabah, Sarawak, masyarakat orang-orang Asli dan sebagainya.

Jadi, oleh sebab kemungkinan, kerana dasar ini akan mengurangkan ruang kepada pelajar-pelajar daripada kalangan anak-anak yang berada dan sebagainya, maka mereka memohon kalau mereka juga diberi peluang untuk memasuki MRSM dan MARA memikirkan kalau boleh kita wujudkan MRSM berbayar maka anak-anak yang mampu yang tidak boleh memasuki MRSM kerana dasar kita yang baru tadi, iaitu keutamaan untuk golongan miskin luar bandar dan sebagainya boleh masuk ke MRSM berbayar. Walau bagaimanapun kita masih lagi mengkaji. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sila.

**Datuk Hamzah bin Mohd Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya mengemukakan soalan mencelah saya rasa saya berpandangan bahawa keseluruhan ahli-ahli Dewan Negara yang hadir pada hari ini merasakan amat teruja dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjawab soalan [*Tepuk*] Di mana semalam saya masih ingat bahawa ada kementerian lain yang menjawab soalan kepada soalan daripada Ahli Dewan. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya melihat tadi daripada sebelum *lunch* dan sanggup menunggu sehingga *lunch* dan terus menjawab.

Saya ingin membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung perkara menyumbang bakti kepada penyediaan modal insan yang disebutkan tadi. So, apabila kita melihat bahawa KEMAS juga, tadika KEMAS juga berperanan ke arah ini di mana mendidik anak-anak kita dari luar bandar dan di persekitaran bandar untuk melatih ataupun memberikan ilmu kepada kanak-kanak yang berumur 5 hingga ke-6 tahun. Cuma apa yang saya fahamkan iaitu sebahagian daripada tadika-tadika KEMAS ini tidak mempunyai bangunan sendiri. Mereka terpaksa menyewa ataupun menumpang di dewan-dewan orang ramai.

So, di Perak umpamanya apabila berlaku pembangkang 11 bulan, parti lain memerintah maka ia memberikan masalah kepada tadika-tadika ini di mana mereka dihalau daripada menggunakan dewan-dewan tersebut. So, jadinya pertanyaan saya apakah perancangan kementerian sama ada, ada untuk menyediakan seratus peratus bangunan tadika KEMAS ini secara sendiri mengikut keperluan-keperluan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima Kasih Yang Berhormat. Dalam transformasi tabika-tabika KEMAS memang selain daripada kita menumpukan kepada penambahbaikan daripada segi *sillibus* di dalam tadika KEMAS untuk menjadikan tadika KEMAS sebagai pilihan utama ibu bapa, kita juga merancang untuk menaik taraf bangunan-bangunan yang sedia ada.

Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa ada tadika KEMAS yang terpaksa menumpang di balai raya, ada tadika KEMAS yang masih di bangunan sendiri tetapi bangunan sudah kurang selamat untuk diduduki dan berbagai-bagi lagi. Akan tetapi daripada segi, kita juga bergantung kepada peruntukkan, jadi peruntukan yang ada pada hari ini tidak memungkinkan kita untuk menaik taraf keseluruhan bangunan KEMAS yang ada ataupun membina bangunan baru supaya dapat kita pindahkan mana-mana KEMAS yang menumpang di bangunan lain.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai perancangan ke arah perkara tersebut dan untuk mengurangkan bebanan bagi membaik pulih tadika KEMAS ini misalnya, kita mengadakan Program CSR, Program Anak Angkat bersama dengan agensi kerajaan dan juga GLC-GLC supaya mengambil tadika KEMAS yang memerlukan pembaikan segera itu sebagai anak angkat dan mereka memberikan sumbangan. Kita berjaya mengumpulkan sebanyak RM2.5 juta tahun ini 2016 untuk daripada GLC dan juga agensi-agensi kerajaan di bawah KKLW supaya dapat kita gunakan wang tersebut untuk membaik pulih bangunan-bangunan KEMAS yang usang dan perlu pembaikan dengan segera. Kita akan meneruskan program ini supaya bangunan yang usang dapat kita atasi dan juga dipindahkan bangunan ke KEMAS yang menyewa ataupun menumpang di bangunan-bangunan lain.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapakah bangun dulu?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya minta, saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Saya punya lampu menyala dulu. Nanti dulu.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Eh, ok tidak apa.

**Datuk Rabiyah Binti Ali:** Saya dulu tadi.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tapi tidak apa, *ladies first*.

**Datuk Rabiyah Binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Datuk Megat ini bahaya.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Kita bagi penghormatan, kita bagi laluan untuk perempuan. Gilir-gilir, sila.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, saya amat terharu dengan pencapaian ini yang begitu kadang-kadang saya lihat drastiknya semasa saya di Melaka baru-baru ini, saya nampaklah pertolongan yang diberikan oleh Yang Berhormat ini untuk kita bersama-sama pemimpin melihat bagaimana, adakah kekurangan-kekurangan ataupun dengan izin, *overlook* dengan pembangunan-pembangunan luar bandar yang didapati, contohnya macam hari ini saya daripada pemimpin dari negeri Melaka telah diberikan amanah untuk kami melihat kampung kita, jalan kita, lorong-lorong kita, masjid-masjid kita dan kita juga membantu sama-sama untuk membuat projek yang diberikan walaupun sedikit, tetapi kita dapat melaksanakannya dengan seberapa segera, saya amat berterima kasih.

Keduanya, saya lihat pada hari ini perkembangan yang banyak juga, cadangan-cadangan yang strategik untuk kita memajukan luar bandar, pada penduduk luar bandar. Maka saya juga mohon, kalau boleh ibu-ibu tunggal itu, saya pada baru-baru ini memang saya banyak menjumpai ibu-ibu tunggal yang mana ada Program KEMAS. Bila Program KEMAS menjalankan aktiviti macam buat kraf tangan, adakan kelas-kelas pembuatan buat kuih, buat apa semua, selepas itu peruntukan untuk mereka ini hendak menyambung usaha yang telah dipelajari itu saya minta daripada pihak Kementerian Luar Bandar ini dapatlah membantunya.

Saya lihat ramai ahli wanita-wanita ini sudah begitu meluas untuk datang, untuk belajar yang di mananya saya sendiri tengok dan Majlis Penutup itu kadang-kadang dengan hasil pembuatan mereka ini saya melihat boleh dipasarkan, itu ialah satu buah produk. Sebab di

Melaka ini kita lihat ada banyak pelancong yang datang, jadi dengan adanya kreativiti yang diajar oleh KEMAS ini maka boleh kita memasarkan kepada pelancong-pelancong. Itu satu daripada *income* untuk ibu-ibu tunggal dan juga kepada rumah-rumah PPRT ada di antara ibu-ibu tunggal ini yang tidak ada rumah.

■1510

Saya kalau boleh nak minta tolong, saya pun boleh sebab saya boleh membantu daripada segi nak mencari. Ada yang mengadu ada anak tiga, dilepaskannya tetapi tidak ada rumah duduk rumah mak sendiri dengan ramainya begitu tidak selesa. Saya harap benda-benda ini akan diberi perhatian dan juga kepada keutamaan pelajar-pelajar miskin di luar bandar, saya amat mengalu-alukan perancangan yang untuk kita adakan tuisyen, dan saya berharaplah moga berjayaalah pencapaian yang untuk kita menuju kepada kecemerlangan dan sasaran yang mana ini akan menjadikan kita berkhidmat kerana masyarakat dan juga berbakti kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih dan saya minta kerjasama Yang Berhormat, minta kerjasama supaya tepat dan ringkas sebab kita kejar masa. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat fasal meriah Dewan ini sebab Menteri sendiri yang datang jawab. Sekali lagi kita ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri ke Cewan. Cuma saya tertarik tadi soal Tabika KEMAS ini Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Menteri juga sini.

Saya pertamanya nak ambil kesempatan nak ucapkan tahniah kepada KEMAS sebab benda ini kita mesti *highlight*-kan dan mesti kita *acknowledge* apa yang KEMAS buat sebab dalam bulan November tempoh hari, di dalam kawasan saya di Parlimen Gombak. Hampir semua Tabika KEMAS membuat konvokesyen anak-anak walaupun anak-anak itu berumur lima dan enam tahun, tetapi dipakaikan dengan jubanya, dengan apa- ini sebenarnya satu rangsangan yang cukup besar dan saya nak ucap tahniah, *it has been noted*. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh kakitangan di kementerian yang telah mengangkat martabat anak-anak ini, kerana walaupun mereka lima, enam tahun tetapi mereka telah diberi satu rangsangan untuk mereka berjaya dalam pendidikan di masa-masa yang akan datang.

Cuma satu pertanyaan saya Yang Berhormat Menteri ialah, di Gombak ada satu Taska Permata KEMAS, yang ini saya juga hendak ucapkan tahniah sebab saya dimaklumkan Taska

Permata KEMAS ini ia bermula daripada pukul lapan pagi sehingga lima petang. *Level of education*, dengan izin, yang diajar adalah cukup hebat dan luar biasa sekali.

Jadi adakah boleh Yang Berhormat Menteri kalau dapat dipertimbangkan, walaupun saya memahami di Selangor ini kerajaan pemerintahnya lain. Kita juga menghadapi masalah yang sama juga dengan Perak dulu bila Tabika KEMAS ini dipolitikkan, ditutup, dirantai dan dikunci pagarnya oleh kerajaan negeri.

Walhal itu tempat kita nak mendidik anak-anak, jadi begitu hina dan zalimnya lah bila hilang kuasa ini. Tabika KEMAS pun nak dirampasnya. Jadi adakah perancangan Yang Berhormat Menteri, saya nak merayu kalau boleh dipertimbangkan supaya Taska Permata KEMAS ini dapat diperbanyakkan lagi kerana ia memberi satu pencapaian akademik yang cukup luar biasa kepada anak-anak kita, dan ini satu perkara yang luar biasa Yang Berhormat Menteri ilhamkan dan pegawai di peringkat kementerian. Jadi mohon keputusan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri KKLW ini yang banyak membantulah kita di pinggir bandar dan juga luar bandar. Hanya satu soalan saya tertarik dengan MRSM ini. Jadi saya minta apa kiranya Menteri anak-anak di bandar ini pun ada yang miskin, kalau boleh yang sekolah-sekolah di bandar ini anak-anak yang berjaya ini dengan anak-anak yang miskin mungkin ada yang kayuh beca, diambil kira juga untuk masuk Maktab Rendah Sains MARA. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Rabiyah ada membangkitkan mengenai kursus untuk ibu tunggal dan juga rumah PPRT untuk ibu tunggal *insya-Allah*, kita akan memberikan perhatian kepada perkara ini. Daripada segi kursus latihan ibu tunggal oleh KEMAS itu, *insya-Allah* itu di bawah- saya boleh beri jaminan kita akan beri- laksanakan dengan segera. Rumah PPRT ini sebenarnya walaupun di bawah KKLW tetapi daripada segi nama dan sebagainya dipilih oleh *Focus Group* Daerah. Setiap daerah ada yang dipanggil *Focus Group* di Pejabat Daerah dan pemilihan itu akan dibuat oleh Jawatankuasa *Focus Group* tersebut. Jadi kita akan tengoklah perkara ini, dan kita akan minta supaya pihak *Focus Group* di Pejabat Daerah memberikan juga perhatian masalah kepada ibu tunggal ini.

Mengenai Taska Permata KEMAS ditambahkan, terima kasih banyak *insya-Allah*. Kita akan bincang dengan pihak Permata Negara daripada segi tambahan. Walau bagaimanapun semuanya berdasarkan kepada bajet dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Abidullah, seperti yang saya sebutkan tadi MRSM ini dasarnya untuk orang miskin luar bandar termasuk bandar, jadi termasuk juga di bandar. Saya sambung mengenai pertanyaan daripada Senator Engku, mengenai belanja mengurus MARA yang dikatakan menurun. Sebenarnya komponen terbesar dalam belanja mengurus ini program pengajuran MARA dan dana bantuan pinjaman MARA. Cuma bagi tahun 2017, pinjaman MARA itu dimasukkan ke dalam pembangunan bukan mengurus. Jadi itu yang nampak kurang dalam belanja mengurus, nampak kurang sebab RM2 bilion itu dikeluarkan dan dimasuk di bawah pembangunan. Jadi itu yang nampak kurang sebenarnya tidak ada perubahan.

Daripada segi peruntukan untuk projek pembinaan MRSM, saya ingin maklumkan bahawa bagi tahun 2017, peruntukan sebanyak RM29.25 juta telah diluluskan bagi meneruskan pelaksanaan projek pembinaan MRSM termasuk RM50 juta untuk kerja-kerja selenggaraan. Berhubung dengan peruntukan Butiran 00601- Pembangunan Sistem MARA (*Multisectors*), untuk makluman Yang Berhormat peruntukan sebanyak RM32.67 juta telah diluluskan untuk pembangunan sistem *Enterprise Resource Planning* atau ERP MARA. Sistem ini bertujuan untuk menggantikan sistem maklumat berkomputer MARA yang sedia ada, yang telah pun dianggap lapuk kerana telah digunakan sejak tahun 1980 dan dibangunkan dengan menggunakan teknologi lama. Jadi kita perlukan perubahan.

Mengenai dengan peruntukan Butiran 00608 berhubung dengan Penilaian dan Kaunseling / Bimbingan Usahawan, peruntukan sebanyak RM27.68 juta telah diterima oleh MARA untuk tahun 2017 meliputi program latihan, bimbingan usahawan, pembangunan semula premis perniagaan serta Program Transformasi Industri Halal. Dijangkakan seramai 1,500 orang usahawan baru dan 16,700 orang usahawan sedia ada akan menerima manfaat dan kemudahan melalui pelbagai program keusahawanan yang dirancang dalam tahun 2017.

Selain daripada itu, sebanyak 73 lot premis perniagaan akan dinaik taraf dan seramai 150 orang usahawan akan menerima manfaat di bawah Program Transformasi Industri Halal. Berhubung dengan peruntukan bangunan perniagaan amat rendah iaitu hanya RM4 juta bagi tahun 2017, untuk maklumat Yang Berhormat di bawah RMK-11 peruntukan keseluruhannya sebanyak RM46 juta iaitu bagi pembinaan perniagaan yang baru, yang tahun 2017 yang tinggal RM4 juta itu projek sambung yang di peringkat akhir.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Muhammad, agar semua pelajar cemerlang daripada kalangan B40 dilayan secara adil untuk mendapat tempat di institusi berprestij di bawah MARA agar mobiliti sosial dalam kumpulan B40 dipercepatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sebenarnya memberikan keistimewaan dan keutamaan kepada pelajar-pelajar di bawah kumpulan B40 ini iaitu pelajar-pelajar miskin bandar dan luar bandar. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya nak bagi contoh kepada Yang Berhormat, untuk syarat kemasukan ke MRSM tahun depan kita turunkan lagi, daripada segi kelayakan minima bagi meramaikan lagi pelajar-pelajar luar bandar, pelajar-pelajar bandar yang miskin untuk mendapat tempat. Sebagai contoh, untuk pelajar Semenanjung, kelayakan minima diturunkan kepada 3A, 3B sahaja, manakala bagi Sabah dan Sarawak kepada 3A, 2B, 1C. Manakala bagi pelajar-pelajar, anak-anak golongan miskin tegar, anak-anak OKU dan sebagainya laluan khas akan diberikan, kelulusan melalui laluan khas akan diberikan kepada golongan-golongan ini supaya kita pastikan mereka akan mendapat tempat di MRSM dan sebagainya. Jadi ini dasar kita yang baru mulai tahun 2017 ini ya.

#### ■1520

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid memohon penjelasan mengenai cadangan supaya MRSM khas untuk pelajar Orang Asli diwujudkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, konsep MRSM Orang Asli pada dasarnya masih dalam peringkat kajian. Buat masa ini, seramai 87 orang pelajar Orang Asli sedang mengikuti pengajian Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di MRSM seluruh Malaysia. Pelajar-pelajar ini ditempatkan di MRSM di Kuala Lipis, Gombak, Bentong dan Gua Musang.

Kita sedang buat kajian Yang Berhormat kerana ada *advantage*, dengan izin, dan *disadvantage*. *Disadvantage*-nya, kalau kita masukkan kepada pelajar Orang Asli yang jumlahnya sangat kecil di satu-satu MRSM, dia ada perasaan mungkin rendah diri dan sebagainya. Kadang-kadang dibuli oleh rakan-rakan daripada kaum lain dan sebagainya yang menyebabkan akhirnya mungkin kadang-kadang mereka lari dan sebagainya. Itu *disadvantage*-nya.

Jadi kita perlu letakkan dia di MRSM khusus untuk Orang Asli tetapi *disadvantage* pula kalau kita letakkan mereka di MRSM khusus untuk Orang Asli, persaingan. Maka mereka akan belajar bersama kumpulan mereka daripada segi integrasi, persaingan sengit dan sebagainya, tidak ada. Jadi mungkin ini boleh melemahkan mereka daripada segi pencapaian dan

sebagainya. Sebab itu kita perlukan kajian yang lebih terperinci sebelum kita membuat keputusan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat membangkitkan persoalan mengenai Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah di mana bantuan tersebut diberikan kepada penoreh getah dan bukannya tuan tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah diberikan kepada tuan tanah atau penoreh getah dengan syarat tanah yang sah berkeluasan 2.5 hektar. Manakala bagi penoreh perlu mendapat persetujuan atau pengesahan daripada tuan kebun di atas lot yang sama.

Jadi, alasan kenapa kita hanya memberikan kepada penoreh kerana penoreh hanya memperoleh pendapatan daripada perkongsian pendapatan dengan tuan tanah. Itu sahaja pendapatan yang ada pada mereka. Sedangkan bagi tuan tanah, selain daripada mereka mendapat 50 peratus perkongsian tersebut, mereka mempunyai tanah iaitu 2.5 hektar dan kita menggalakkan pendapatan tambahan dari kebun tersebut yang mana RISDA, melalui RISDA misalnya, di bawah Program Aktiviti Ekonomi Tambahan, kita memberikan peruntukan, memberikan peralatan dan sebagainya supaya tuan-tuan tanah menggunakan kebun mereka untuk mendapatkan punca pendapatan lain selain daripada menoreh getah.

Bermakna tuan tanah, selain mendapat separuh sahaja daripada hasil tahanan kerana terpaksa berkongsi dengan penoreh tetapi mereka masih lagi mempunyai peluang untuk mendapatkan hasil lain melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan yang diperkenalkan oleh RISDA, sedangkan penoreh itulah semata-mata yang mereka ada. Sebab itu kita berikan kepada penoreh getah.

Akan tetapi Yang Berhormat, untuk insentif Musim Tengkujuh kerana waktu hujan, penoreh atau tuan tanah pun tidak akan dapat apa-apa. Maka untuk insentif Musim Tengkujuh, tuan tanah, penoreh getah akan dapat, sama-sama dapat. Ya, okey silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Saya hendak- terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kita yang telah memberi jawapan yang saya rasa lebih jelas daripada tadi. Tadi sudah ada bangkit dalam persoalan tambahan tetapi saya nampak petang ini lebih kerana Menteri jawab sendirilah. Tadi saya membangkitkan bahawa saya difahamkan daripada pelaksanaan di bawah sana iaitu tuan tanah yang mempunyai 2.5 hektar tadi, tidak dapat apa-apa daripada skim penoreh getah tadi. Walaupun

mereka ada tanah dan boleh diusahakan tetapi benda itu lambat lagi hendak dapat, kena usaha dulu dan sebagainya sedangkan bantuan ini segera. Itu satu.

Kedua, difahamkan juga bahawa tadi saya difahamkan bahawa mereka boleh berkongsi beberapa peratus antara dua tadi tentang bantuan tadi. Jadi saya difahamkan oleh pihak pelaksanaan apabila ditanya, dia kata ini hanyalah untuk penoreh getah sahaja, tuan tanah tidak dapat. Saya bangkitkan ini ialah bukan semua tuan tanah itu orang yang ada pendapatan sampingan yang lain. Itulah tanah dia, itu sahaja yang dia ada. Dia tidak ada pendapatan yang lain, tidak ada bermiaga. Itulah sahaja yang dia ada dan kes-kes macam ini ada, banyak, Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya ingin melihat secara terperinci, kalau sekiranya tuan tanah tadi ada lagi tanah yang lain, ada lagi aset yang lain, saya rasa itu tidak mengapa. Akan tetapi kalau itu sahajalah tanah dia, satu-satunya, dia pun tidak mampu seperti orang tua, maka dia tidak apa-apalah. Sedangkan penoreh getah, *alhamdulillah* ada juga. Walau bagaimanapun, saya sambut baik apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang musim tengkujuh yang kedua-duanya tidak boleh apa-apa tetapi masih ada bantuan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Maksud saya yang berkongsi tadi bukan berkongsi bantuan Yang Berhormat, berkongsi pendapatan. Akan tetapi sekali lagi saya tegaskan yang peluang untuk tuan tanah itu memperoleh pendapatan lain itu ada kerana RISDA membimbing mereka untuk mendapatkan pendapatan. Tanaman di dalam kebun getah mesti bukan tanaman yang lama untuk memperoleh hasil tetapi mesti tanaman kontan dan sebagainya yang perlu mendapatkan pendapatan yang cepat. *Insy-a-Allah*, RISDA akan bantu tuan-tuan tanah 2.5 hektar tadi untuk mendapatkan pendapatan tambahan.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid sekali lagi memohon penjelasan mengenai pelaksanaan Projek Bersepadu RPS Betau, Lipis dan RPS Kuala Betis.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan peruntukan untuk pembangunan di RPS Kuala Betis telah diluluskan sebanyak RM20 juta melalui Program Pembangunan Bersepadu Gua Musang. Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan bagi RPS Betau tidak diluluskan. Justeru, pihak kementerian akan mengangkat semula permohonan tersebut dalam permohonan bajet Pembangunan 2018.

Mengenai jumlah peruntukan biasiswa bagi pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran ke luar negara pula, JAKOA bersama dengan MARA telah membiayai peruntukan

kewangan dan bantuan teknikal bagi pelajar Orang Asli yang terpilih bagi melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara di bawah Program Ijazah Luar Negara JAKOA. Bagi penghantaran pelajar ke luar negara, MARA telah membelanjakan sebanyak RM1.5 juta untuk membiayai seramai sepuluh orang pelajar Orang Asli di luar negara bagi tahun 2016.

Mengenai kampung Orang Asli, pada masa kini, terdapat 853 buah kampung Orang Asli dengan keluasan 137,295.42 hektar yang diiktiraf oleh JAKOA. Status tanah- ini penting ya Yang Berhormat. Status tanah bagi kampung tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kategori pertama, telah diwartakan sebanyak 192 buah kampung dengan keluasan 32,779.37 hektar;
  - (ii) kategori kedua, telah lulus Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun Exco MMK tetapi belum diwartakan iaitu sebanyak 154 buah kampung dengan keluasan 19,870.08 hektar;
  - (iii) kategori ketiga, telah diangkat untuk kelulusan MMK tetapi belum lulus sebanyak 427 buah kampung dengan keluasan 74,838.86 hektar;
- 1530
- (iv) belum diangkat- okey, sudah diukur, telah pun diukur tetapi belum diangkat untuk kelulusan MMK, sebanyak 25 buah kampung dengan keluasan 4,664.38 hektar; dan
  - (iv) belum diukur atau sedang diukur iaitu sebanyak 55 buah kampung dengan keluasan 5,142.73 hektar.

Jadi, kalau ada lah suara-suara yang tak berapa bagus yang mengatakan kita meminggirkan Orang Asli, perkampungan Orang Asli ditinggalkan, tanah Orang Asli tidak dipedulikan daripada segi rizab tanah simpanan Orang Asli dan sebagainya, jawapan saya itu jelas bahawa daripada 853 buah kampung yang sedang diukur dan masih belum diukur adalah hanya 55 buah kampung sahaja. Yang lain, semua selesai ukur dan sedang dalam proses kelulusan MMK dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail telah membangkitkan isu terdapat guru KEMAS yang menerima elau RM400 ke RM500 sebulan membuat kerja sambilan kerana gaji yang diterima adalah lebih rendah daripada gaji minimum yang telah ditetapkan sehingga menyebabkan kanak-kanak KEMAS terabai.

Untuk makluman Yang Berhormat, sangkaan tersebut adalah kurang tepat ya. Saya tak kata dakwaan, sangkaan. Diplomasi saya ni. Mereka yang menerima sagu hati sebanyak RM500 tersebut bukanlah guru KEMAS ya. Sebaliknya mereka Pembantu Pemaju Masyarakat

Sukarela ataupun PPMS yang dilantik oleh Jawatankuasa Tabika KEMAS atas persetujuan mereka secara sukarela bagi membantu tugas penyediaan makanan dan minuman kanak-kanak, kebersihan dan keselamatan kanak-kanak serta membantu menguruskan kanak-kanak. Mereka tidak ditugaskan untuk mengajar kanak-kanak.

Daripada segi sejarahnya, saya hendak terangkan. Sebelum 31 Mac 2011, sagu hati PPMS dibayar melalui tabung tabika-tabika yang berkaitan lah, sebanyak RM50 hingga RM150 sahaja. Akan tetapi mulai 1 April 2011 kerana prihatinnya Kerajaan Barisan Nasional ini, maka pihak kerajaan telah meluluskan bayaran sagu hati sebanyak RM400 sebulan, dinaikkan sagu hati tersebut. Lebih baik lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam pengumuman Bajet 2017 telah menaikkan lagi RM100 menjadikan RM500 sebulan. Kenaikan sagu hati ini, bukan gaji, menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan sesiapa pun di dalam negara kita ini [Tepuk]

Yang Berhormat juga membangkitkan isu terdapat kanak-kanak KEMAS yang tidak boleh membaca dan mengira selepas dua tahun berada di Tabika KEMAS yang boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut mengalami masalah ketika hendak masuk belajar di sekolah rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap kanak-kanak Tabika KEMAS akan dinilai berdasarkan kepada pencapaian dan perkembangan masing-masing mengikut tahap penguasaan 4M- membaca, menulis, mengira dan menaakul yang merentasi setiap tunjang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Berdasarkan kepada Laporan Penilaian dan Pencapaian Penguasaan 4M, sebanyak 86 peratus kanak-kanak berumur enam tahun telah menguasai 4M. Maknanya, 86 peratus Yang Berhormat ya, daripada segi keseluruhan pelajar kita.

Manakala, selebihnya berada pada tahap penguasaan 4M yang sedang berkembang. Tidak dinafikan kemungkinan terdapat beberapa kes terpencil kanak-kanak yang kurang menguasai 4M disebabkan tahap perkembangan kanak-kanak adalah berbeza. Bagi kanak-kanak yang tidak menepati tahap penguasaan 4M, mereka akan mengikuti kelas pengukuhan dan pengayaan selama dua minggu pada masa cuti sekolah iaitu dalam bulan Disember sebagai persediaan untuk masuk ke Tahun Satu di sekolah rendah. Yang Berhormat...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Boleh minta mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey okey.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya nyatakan beberapa fakta tentang soal bagaimana keciciran pelajar-pelajar KEMAS ini kerana berlaku di kawasan bandar ya, bukan kawasan luar bandar. Contohnya di Ipoh, di kawasan rumah saya, di kawasan Pengkalan, ini kawasan bandar.

Akan tetapi ada beberapa buah sekolah Tabika KEMAS ini yang mana pelajarnya ini ramai yang tercicir dan ini boleh dirujuk dekat sekolah-sekolah yang berdekatan. Yang Berhormat Datuk Hamzah pun duduk dekat dengan rumah saya, boleh pergi Sekolah Kebangsaan Pengkalan. Baru-baru ini saya sendiri hadir, kebetulan anak saudara saya hendak mendaftar, tengok ramai ayah dan ibu yang menimbulkan perkara ini. Saya bangkitkan ini kerana saya minta kementerian untuk memperkasakan lagi agar isu keciciran ini tidak berlaku. Oleh sebab kita hendakkan juga daripada segi Permata kah, daripada segi KEMAS kah, keadilan itu berlaku di antara keduanya. Oleh sebab itu saya hanya minta kementerian tengok semula di bawah ini kalau boleh silibusnya ditukar semula, *time table* untuk belajar itu pun kita tengok semula agar tidak berlaku lagi soal keciciran ini. Itu sahaja yang saya bangkitkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan, memang benar daripada 100 peratus, ada lagi 86 peratus yang kita kata sudah menguasai dan ada lagi yang tidak menguasai dan kita tidak tinggalkan mereka kerana kita sediakan kelas pengukuhan dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan tengok secara menyeluruh supaya tidak ada pelajar-pelajar Tabika KEMAS yang akan ketinggalan. Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som a/l Inong ada? *[Ketawa]* Ini hari terakhir kot?

Memohon penjelasan sama ada ada pertimbangan dan kajian telah dibuat sebelum keputusan membuka *Rural Transformation Centre* (RTC) di Napoh kerana sambutan orang ramai yang tidak menggalakkan. Kita tahu perkara itu Yang Berhormat, kita pun mengakui bahawa memang tiada *feasibility study* dijalankan sebelum penubuhan RTC Kedah di Napoh. Waktu itu, pertimbangan kita adalah apabila ada bangunan kerajaan yang menjadi gajah putih yang tidak digunakan, kita gunakan bangunan tersebut untuk kita boleh gunakan supaya tidak dibiarkan tanpa penggunaan dan sebagainya. Sebab itu kita memilih kawasan tersebut kerana di dalam menepati kriteria yang diperlukan, bangunan yang tidak digunakan.

Walaupun kita faham, kita tahu, kita akui agak kurang sambutan ini, maka kita akan meningkatkan keberkesanan dan sambutan orang ramai dengan mengadakan beberapa aktiviti ekonomi yang lain. Kementerian bercadang untuk menjadikan RTC Napoh dan lain-lain sebagai pusat untuk program kementerian dan agensi di bawah kementerian seperti Pusat Tuisyen

Rakyat, *Mini Digital Mall, Rural Premium Outlet* iaitu untuk *show casekan produk-produk desa di kawasan sekitar, kedai serbaguna di bawah agensi kementerian seperti RISMART di bawah RISDA, HeMAT di bawah FELCRA dan sebagainya mengikut kesesuaian.*

Kita akan berusaha untuk menyemarakkan, memeriahkan tempat tersebut dengan pelbagai aktiviti dan sebagainya di samping mendapat input daripada pemimpin-pemimpin tempatan. *Insya-Allah*, bukan sahaja di Napoh tetapi di beberapa buah kawasan lain RTC yang kurang mendapat sambutan kita akan pastikan bahawa RTC itu akan menjadi meriah dan akan memberikan keuntungan kepada peniaga-peniaga yang meniaga di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua serta semua Ahli-ahli Dewan Negara sekalian, pihak kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dibentangkan dalam bajet tempoh hari. Kita juga sedia maklum bahawa masih banyak projek pembangunan dan kemajuan di kawasan luar bandar yang perlu kita laksanakan dan selesaikan.

#### ■1540

Akhir sekali, pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan input dan maklum balas daripada semua Ahli Yang Berhormat dan kita akan cuba menyelesaikan sebarang isu dan masalah dengan sedaya upaya kita. Sesungguhnya segala isu dan saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pastinya pihak kementerian akan mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dengan ini, saya mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita tepuk tangan semua kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri. Tadi Yang Berhormat masuk sahaja dengan langkah kanan, saya nampak ada cara dia, Yang Berhormat nampak tengah bawa sambutan keluarga saya di sini tadi. Dia senang hati Menteri datang memberitahu. Dia senang hati sebab ini tokoh-tokoh nasional ini, Yang Berhormat. Ada yang peringkat global, saya rasa.

Apakah lagi Yang Berhormat kata luar bandar. Luar bandar itu orang ingat siapa dia pejuang luar bandar? Tidak lain dan bukan pada mantan Perdana Menteri kita yang kedua, Allahyarham Tun Razak. Dia itu jaguh luar bandar. Kita ingat. Bukan sahaja kita ingat, termasuk kita punya presiden ingat lagi itu. Abbas tahu. Termasuk kita punya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat pun ingat. Itu sebenarnya.

Di sini tadi banyak cerita baik untuk orang luar bandar. Banyak cerita baik dan telah direkakan apa perancangan terbaik kita nampak. Jadi kami dengar dengan penuh yakin itu, janji ini tidak akan dimungkirkan. Itu sahaja. Ini kejayaan kita tadi. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Tuang air di dalam gelas,  
Tudung saji menutupkannya,  
Janji kerajaan janjinya ikhlas,  
Sudah pasti janji tidak dimungirkannya [Tepuk]*

Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat dan doakanlah segala-galanya berjaya. Inilah harapan kita semua. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Saya sekarang ini menjemput pula Menteri Kementerian Luar Bandar. Dipersilakan...  
[Dewan riuh] Maaf, maaf. Jadi saya minta Kementerian Luar Negeri.

### 3.42 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh isu-isu di bawah seliaan dan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menjawab isu-isu yang berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin berkaitan dengan isu Palestin iaitu berkaitan dengan penjelasan sejauh manakah bantuan-bantuan daripada Kerajaan Malaysia dan NGO kepada masyarakat Palestin ini diselaraskan bagi memastikan sumbangan ini benar-benar sampai bagi membantu rakyat Palestin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap nasib rakyat Palestin yang ditindas Israel. Didorong oleh sifat kemanusiaan dan tanggungjawab sosial, Malaysia secara konsisten memberi bantuan dan sumbangan kepada Palestin sama ada dalam bentuk tunai ataupun barang. Sumbangan diberikan melalui pertubuhan antarabangsa seperti PBB dan OIC, *Government-to-Government* (G2G) ataupun

melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia ini seperti Yayasan Keamanan, Perdana Global, Aman Palestin, Cakna Palestin, *MyCARE Malaysia*, *MERCY Malaysia*, Kelab Putera 1Malaysia dan sememangnya cukup banyak lagi yang tidak dapat dinyatakan satu persatu di sini.

Kerajaan Malaysia mempunyai empat projek kemanusiaan di Gaza yang dianggarkan bernilai USD6.5 juta hasil inisiatif dan komitmen daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa lawatan rasmi beliau pada 22 Januari 2013. Projek kemanusiaan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia antara lain yang sedang membina bangunan kementerian, membina semula Masjid An-Nour Al-Muhammady, membina blok bangunan baru bagi Hospital Ar-Rantisi serta mewujudkan sekolah vokasional Malaysia.

Blok baru Hospital Ar-Rantisi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bakal menempatkan jabatan baru termasuk *Coronary Care Unit (CCU)*, Unit Hemodialisis, Unit Kecemasan dan Unit Pesakit Luar. Unit Hemodialisis dan CCU ini adalah satu-satunya unit yang akan terdapat dan beroperasi di dalam Gaza.

Untuk waktu ini, Kedutaan Besar Malaysia di Mesir dipertanggungjawabkan untuk memantau perkembangan dan status pelaksanaan projek-projek kemanusiaan ini.

Kementerian Luar Negeri Malaysia juga telah menujuhkan Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin pada 6 September 2002. AAKRP ataupun akaun ini adalah bertujuan untuk mengumpul, menyelaras serta menyalurkan sumbangan kemanusiaan rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sempena Hari Raya Aidiladha pada 12 September yang lalu, Kerajaan Malaysia melalui akaun ini telah memberi sumbangan sebanyak USD25,000 ataupun hampir RM100,000. Wang sumbangan tersebut telah digunakan bagi tujuan korban dan memberi manfaat untuk sejumlah 2,750 buah keluarga di Gaza. Pada tahun 2015, akaun ini juga telah menyumbang sebanyak USD125,000 secara *one-off* kepada *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees* dan USD50,000 kepada *United Nations Register of Damage (UNRoD)*.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, persoalan mengenai bantuan-bantuan lain kewangan kepada rakyat Palestin khususnya wanita, kanak-kanak dan belia Palestin dalam membina hidup masa hadapan mereka termasuk pendidikan dan latihan, Kerajaan Malaysia memberi latihan kepada rakyat Palestin di bawah apa yang dinamakan Program Kerjasama Teknikal Malaysia, Kementerian Luar Negeri. Pada tahun 2016,

Kerajaan Malaysia telah menaja seramai 19 orang guru sekolah Palestin yang mengikuti kursus pendidikan kanak-kanak anjuran PKTM dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA) Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada itu, terdapat dua kursus lain yang dijalankan untuk peserta-peserta Palestin termasuk *Anti-Corruption Training for Palestine Delegates on Financial Investigation and Prevention* dan *Advance Course in Economic Planning and Development*.

Bagi soalan tambahan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menujuhkan Kedutaan Malaysia di Palestin, Malaysia sememangnya menyokong satu penyelesaian di mana Palestin wujud secara sebelah-menyebelah dengan Israel secara aman berdasarkan persempadanan sebelum tahun 1967. Disebabkan isu konflik dan keselamatan yang tidak menentu, Malaysia belum berpeluang dan bercadang untuk menujuhkan perwakilan diplomatik di Palestin. Pada waktu ini, Duta Besar Malaysia ke Mesir telah ditauliahkan serentak, *concurrent accreditation*, ke Palestin semenjak 12 Jun 2013.

Soalan berikutnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga berkaitan dengan penjelasan mengapakah peruntukan program hal ehwal pelbagai ataupun multilateral dikurangkan secara begitu drastik dan sejauh manakah pengurangan peruntukan ini memberi kesan kepada program-program hal ehwal pelbagai hala yang melibatkan negara kita.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia, secara umumnya peruntukan perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 adalah tidak banyak berbeza dengan peruntukan pada tahun 2016 sekiranya mengambil faktor bahawa peruntukan sejumlah RM34 juta yang pada tahun semasa diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus kementerian bagi pembiayaan sewaan dan penyelenggaraan Kompleks Wisma Putra. Namun pada tahun 2017, ia dibiayai di bawah tanggungan perbelanjaan pembangunan kementerian. Secara khusus, sejumlah RM12 juta di bawah sewaan dan RM10 juta di bawah penyelenggaraan diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan kementerian untuk tahun 2017 dan bukannya perbelanjaan mengurus.

#### ■1550

Dalam hal ini, pengurangan peruntukan bagi tahun 2017 secara amnya hanya melibatkan pengurangan sebanyak RM35 juta ataupun 5.8 peratus daripada peruntukan tahun 2016 yang berjumlah RM595 juta. Pengurangan drastik peruntukan bagi pengurusan hal ehwal pelbagai hala berikutan faktor bahawa semua perbelanjaan bagi sumbangan pertubuhan antarabangsa kepada PBB, OIC, ASEAN dan organisasi antarabangsa akan dibiayai melalui

satu program khusus bagi tahun 2017 iaitu yang dinyatakan di bawah Butiran 130600 – Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa.

Sumbangan ini pengurangan peruntukan di bawah OA4000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi setiap program Butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala dan juga Butiran 040000 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN – Malaysia tidak akan menjelaskan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa kerana peruntukkan ini dibiayai melalui program yang dinyatakan di bawah Butiran 130600 – Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa yang diperuntukkan dengan RM39,125,000 bagi tahun 2017.

Soalan seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 8 Disember 2016. Soalannya tentang pendekatan yang akan diambil memandangkan Presiden Amerika Donald Trump dalam kempenya yang selalu secara terang-terangan mengamalkan sikap tidak mesra kepada komuniti dan negara-negara Islam.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, saya pun sudah jawab sudah ketika soal jawab baru ini, soal jawab lisan. Pilihan raya Presiden Amerika Syarikat telah berlangsung pada 8 November dan telah dimenangi oleh Donald Trump dari Parti Republikan. Beliau telah berjaya memperoleh sejumlah 300 undi elektoral dan telah menewaskan Hillary Clinton daripada Parti Demokratik.

Pada masa ini proses peralihan pentadbiran masih berlangsung dengan pemilihan Ahli-ahli Kabinet dan beliau hanya dilantik secara rasmi sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45 pada 20 Januari 2017 dan selepas itu barulah bermulanya kerajaan pentadbiran beliau. Dalam hal ini Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa pentadbiran baru Amerika Syarikat tersebut tidak akan mengambil langkah-langkah yang boleh dianggap sebagai regresif di dalam dasar domestik dan dasar luar negara berkenaan termasuk terhadap hubungan dengan negara-negara Islam.

Tambahan pula sebagai sebuah negara demokrasi, dasar kerajaan Amerika Syarikat bukan hanya ditentukan oleh Presiden semata-mata malahan terdapat pembahagian kuasa yang jelas di antara eksekutif, legislatif dan perundangan bagi menentukan dasar yang digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat menepati aspirasi rakyat negara tersebut.

Daripada segi hubungan dua hala, kerajaan berpandangan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan kekal kukuh pada masa hadapan. Hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua adalah terbina atas dasar saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dalam pelbagai bidang kepentingan termasuk pertukaran lawatan,

dialog, perdagangan, pelaburan, pertahanan, keselamatan, pendidikan, pertanian, sains dan teknologi serta peningkatan hubungan antara rakyat ataupun *people to people relation*.

Peningkatan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat ke tahap *comprehensive partnership*, dengan izin, pada tahun 2014 di dalam pelbagai kerjasama telah memberi banyak manfaat kepada hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Sehubungan dengan itu, Malaysia akan bekerjasama dengan pentadbiran baru Amerika Syarikat untuk memastikan kesinambungan hubungan kerjasama tersebut akan terus kukuh dan memastikan kepentingan Malaysia terjamin pada masa hadapan. Sudah jawab boleh duduk ya.

Terakhir isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong berkaitan dengan isu Myanmar, memohon penjelasan daripada kerajaan apakah dan sejauh manakah langkah-langkah diplomatik dan tindakan yang telah sedang diambil oleh pihak kerajaan terutamanya melalui pertubuhan OIC, ASEAN, PBB bagi mengatasi atau mendesak Kerajaan Myanmar ini menghentikan kekejaman terhadap etnik Rohingya.

Kedua, mendesak agar keanggotaan Myanmar di dalam ASEAN dikaji semula berikutan penindasan kekejaman terhadap etnik ini dan dalam masa yang sama isu prinsip tidak campur tangan tidak boleh diguna pakai apabila berlaku pembersihan etnik besar-besaran dalam sebuah negara ASEAN.

Ketiga cadangan untuk mengambil langkah proaktif dan agresif yang munasabah untuk memberi tekanan yang berterusan kepada Kerajaan Myanmar termasuk memanggil Duta Besar Myanmar ke Kuala Lumpur dan menghantar nota bantahan daripada Wisma Putra dan menggunakan kedudukan Malaysia di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengambil gerakan satu langkah yang dianggap drastik bagi menjamin *genocide* kemanusiaan di Myanmar tidak berlaku sewenang-wenangnya. Mencadangkan agar Malaysia mengadakan satu mesyuarat yang tergempar untuk membincang isu penindasan etnik Rohingya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberikan penjelasan yang agak mendalam berkaitan isu ini. Pertamanya Malaysia sememangnya mengamalkan prinsip menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah, entiti nasional serta tidak campur tangan dalam urusan domestik sesebuah negara asing. Sungguhpun begitu, Malaysia amat prihatin dan memandang serius isu keganasan dan penindasan ke atas etnik Rohingya di Utara Rakhine. Dalam hal ini Malaysia dan sedang akan terus berusaha untuk mengetengahkan hal ini melalui pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan duta besar Myanmar dan telah pun memanggil Duta Besar Myanmar pada 25 November untuk menyatakan pendirian kita di samping memohon penjelasan berkaitan dengan keadaan terkini di Utara Rakhine. Begitu juga duta besar Myanmar ke Malaysia juga telah dipanggil untuk menyuarakan- di samping itu Yang Berhormat Menteri Luar telah bercadang untuk mengadakan pertemuan dengan Aung San Suu Kyi dalam masa terdekat bagi membincangkan situasi semasa di Rakhine.

Namun begitu, cadangan tersebut pada peringkat mulanya masih dalam pertimbangan Kerajaan Myanmar. Melalui platform ASEAN Yang Berhormat Menteri Luar telah menulis surat kepada Menteri Luar Negeri Laos selaku Pengurus ASEAN pada 27 November 2016 untuk mencadangkan supaya mesyuarat tergempar Menteri-Menteri Luar ASEAN diadakan bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian untuk menangani isu kemanusiaan di Utara Rakhine.

Namun begitu cadangan Yang Berhormat Menteri Luar telah ditolak oleh Myanmar dan mendakwa ia bertentangan dengan dasar campur tangan ASEAN. Malaysia masih bertegas bahawa situasi Utara Rakhine situasi isu antarabangsa dan yang mempunyai implikasi kepada kestabilan politik dan ekonomi serantau dan bukan hanya isu dalaman Kerajaan Myanmar. Setelah kedua-dua pihak berbalas kenyataan bagi menegakkan pendirian masing-masing akhirnya Myanmar akur dengan saranan yang dibuat berterusan oleh Malaysia dan pada hari ini telah dimaklumkan bersetuju untuk mengadakan mesyuarat di peringkat Menteri Luar Negara ASEAN pada 19 Disember 2016 di Yangon.

Pada mesyuarat tersebut Menteri-menteri Luar ASEAN akan berpeluang untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai situasi wilayah Rakhine dan mencadangkan jalan penyelesaian jangka panjang untuk menangani isu Rohingya. Pada waktu yang sama Malaysia juga telah berusaha mengetengahkan isu Rohingya di platform OIC dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menulis surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan OIC pada 24 November 2016 dan mencadangkan supaya satu mesyuarat tergempar Menteri-Menteri Luar OIC diadakan bagi membincangkan permasalahan berkaitan masyarakat Islam Rohingya di Myanmar.

#### ■1600

Susulan daripada mesyuarat tersebut Sekretariat OIC telah pun memaklumkan kepada semua negara ahli dan Malaysia juga menyatakan kesediaan untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat tergempar tersebut. Semasa mesyuarat di Majlis Keselamatan PBB pada 17

November 2016 bagi membincangkan isu situasi di Myanmar, Malaysia juga telah menzahirkan kebimbangan dan keresahan berkaitan situasi keselamatan di negara tersebut terutamanya golongan kanak-kanak Rohingya yang terperangkap dan terpisah daripada sebarang bentuk bantuan kemanusiaan sejak beberapa minggu yang lalu.

Sebelum ini Malaysia juga telah beberapa kali membangkitkan isu hak-hak asasi Rohingya dengan Kerajaan Myanmar di pelbagai peringkat, antaranya di peringkat Majlis Hak-hak Asasi Manusia terutamanya melalui apa yang dinamakan satu mekanisme Penilaian Sejagat Berkala ataupun *Universal Periodic Review*. Kerajaan telah membangkitkan pada 2011 dan telah membangkitkan juga pada 2015 dan menggesa supaya Kerajaan Myanmar menghentikan segala bentuk diskriminasi, tindakan keganasan dan sebarang bentuk pencabulan hak asasi manusia bagi etnik Rohingya. Selain daripada itu, Malaysia juga melalui OIC telah menaja satu resolusi yang bertajuk, “*Situation of Human Rights of Rohingya Muslim and Other Minorities in Myanmar*” pada Julai 2015 di Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Mesyuarat sesi ke-29.

Dalam hal ini, Malaysia akan terus menyuarakan pendiriannya dan sedia menghulurkan apa jua bentuk bantuan melalui pelbagai platform sama ada dua hala mahupun pelbagai hala ataupun peringkat rantau bagi menyelesaikan konflik ini. Mengenai cadangan di dalam ASEAN untuk dikaji semula, izin saya memberi penjelasan sedikit bahawa di dalam ASEAN prinsip yang diamalkan adalah berdasarkan konsensus. Maknanya kalau ada sebarang bentuk keputusan yang hendak dibuat ia perlu mendapatkan *unanimous decision by* semua anggota. Oleh yang demikian, sebarang tindakan yang disebut ini perlu melalui rangka kerja ASEAN dan juga sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Piagam ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah penjelasan saya berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitan dengan di bawah Kementerian...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sekejap sebab pendek sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Sekejap sangat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Atas tindakan, atas langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan kita atas isu Rohingya sekarang ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kesan kepada kerajaan, kepada negara kita atas apa yang berlaku hari ini. Seluruh dunia tahu bahawa Malaysia begitu aktif desak Kerajaan Myanmar supaya dapat menangani isu ini. Jadi, saya hendak tahu apakah kesan kepada kerajaan kalau ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Sebenarnya apa-apa tindakan oleh pihak kerajaan tentu ada kesan. Kalau hendak kira daripada segi kesan perdagangan, kesan kita rakan dagangan yang ketujuh terbesar untuk negara Myanmar. Kalau daripada segi pelaburan saya difahamkan kita ada sekitar hampir RM1.9 bilion terutamanya diterajui oleh Petronas dan juga Maybank.

Namun ada perkara-perkara yang bila mana ia mengatasi kepentingan yang lain yang perlu disuarakan. Oleh sebab itulah pendirian yang kita ambil mengikut lunas-lunas diplomatik seperti mana yang kita amalkan sebelum ini. Kita tidak nyatakan *condemnation* terhadap Kerajaan Myanmar. Kita menggesa supaya apa yang disebut *escalation violence in Rakhine state* ditangani supaya mereka yang dianggap sebagai *Internally Displace People* ataupun IDP ini tidak akan menjadi masalah yang membawa kepada *spill over*, limpahan kepada negara-negara yang lain.

Sebagaimana yang berlaku kalau kita ingat pada tahun lalu, *boat people crisis* yang menyebabkan 7,000 Rohingya tersadai dan akhirnya ia bukan isu dalaman Myanmar semata-mata dan kalau hendak dianggap bahawa ini isu dalaman maka tentulah ia tidak akan membawa kepada sebarang bentuk penyelesaian kalau kita hanya sekadar berdiam diri. Kita boleh bersuara isu tentang Syria, kita bersuara isu tentang Yaman, kita bersuara isu tentang Palestine *but* isu yang benar-benar *right under our nose we kept quiet*.

So, di bawah Piagam ASEAN selain daripada *Non-Intervention in Other Domestic Affairs of Other Countries*, Piagam ASEAN juga menyatakan bahawa semua negara ASEAN perlu *uphold to the conduct of human rights so any failure of upholding to human rights conduct* tanggungjawab negara-negara ASEAN juga untuk menyuarakan. So sebab itulah untuk menjawab kepada Senator Datuk Haji Yahaya, saya fikir memang ada tetapi soal kemanusiaan, soal apa yang berlaku mengatasi apa yang menjadi kepada kepentingan negara.

Namun kalau kita tidak ambil *the fleeing of-* pun Tuan Yang di-Pertua, kita ada 56,000 orang pemegang kad UNHCR daripada Rohingya yang berada di dalam negara kita. Bayangkan kalau keadaan suasana ini terus berlaku tentu ia akan menjadi *a spill over problem* dan ia akan merebak bukan hanya pada Malaysia malah mungkin pada Thailand, dan juga pada Singapura dan Indonesia.

Jadi kesan-kesan yang diimbangi ini dilihat bahawa perlu dan ternyata desakan Malaysia yang berulang, yang berterusan, yang konsisten di luar dan di dalam dan untuk makluman hatta semalam ketika mesyuarat *bilateral* bersama dengan *Prime Minister Lee*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *consistently* race bangkitkan isu berkaitan dengan keganasan

apa yang didakwa sebagai keganasan di Rakhine dan minta supaya benda ini diselesaikan kerana isu ini isu yang wajar dianggap sebagai isu serantau.

So, saya hendak jelaskan kita bukannya hendak menjuarai di gelanggang luar, di gelanggang dalam, di dua hala, di *multilateral* di pelbagai platform-platform rantau Asia Tenggara *we race this genuinely* kerana kita menganggap bahawa ini isu serantau. Jadi panjang sudah *kot* Datuk Haji Yahaya saya pun tadi tidak berapa stim jugalah kalau pendek sangat *[Ketawa]* So, kalau tidak ada apa, Tuan Yang di-Pertua saya pohon untuk menyatakan terima kasih kepada semua yang memberi pandangan dan juga yang telah menyertai...

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ha, okey.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih atas jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian Luar mempunyai maklumat bahawa konflik yang sedang berlaku yang dikenakan ke atas ejim tentera Myanmar hari ini atas etnik Rohingya, mereka dinasihat oleh penasihat-penasihat dari Israel. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Saya tidak ada makluman tentang perkara begitu namun saya jelaskan sememangnya ada banyak maklumat yang datang dan ada yang terakhir adalah sebagaimana yang saya maklumkan tadi. Ada maklumat daripada laporan daripada *Special Advisor to Secretary General* di *United Nations Security Council* pada 17 November and has been made public on 8th December.

So, laporan itu laporan yang datang daripada UNSC sendiri. Pada peringkat mula laporan itu dibuat pada 17 November tetapi waktu itu *it was a closed meeting* bersama dengan *Council Member* maka laporan itu tidak boleh dikeluarkan tetapi setelah diasak dan diminta dan akhirnya laporan itu dikeluarkan pada 8 Disember dan laporan itu mengatakan bahawa memang terdapat berlakunya keganasan dan berlakunya apa yang disebut sebagai IDP yang dipinggirkan dan juga kanak-kanak yang menjadi mangsa.

Namun pada waktu yang sama saya hendak jelaskan juga pada Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, ada juga laporan yang dikeluarkan oleh Kofi Annan, Yayasan Kofi Annan saya sempat bertemu beliau di Bali. Beliau *reckon, he reckonthat there was a violence but he mention that did not tantamount to genocide.* So, kepada kita, kita tidak ambil kira sama

ada genocide ataupun tidak tetapi yang penting kita hendak supaya *the violence that has taken place in Rakhine state to have immediate stoppage*. Terima kasih.

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican telah menjawab dengan penuh ikhlas, terang kepada kita. Saya juga hendak juga memaklumkan bahawa malam tadi pun saya berpeluang melihat perkara- pihak Myanmar ini kepada Rohingya. Saya pun tidak tahan menitis air mata saya tengok. Saya minta kerajaan kita terus membantu mereka ini. Rohingya ini sangat menyayat hati kita. Sekian. Jadi saya nak pergi pula- terima kasih Dato' Seri Reezal Merican.

Saya hendak pergi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Silakan.

**4.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

Izinkan saya menjelaskan pertanyaan dalam perbahasan Belanjawan 2017 daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; dan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib bertanyakan bantuan kepada wanita menghidap kanser. Peruntukan program subsidi ujian mamogram yang dijalankan oleh kementerian melalui LPPKN merupakan ujian saringan bagi pengesanan awal kanser payudara yang dijalankan pusat-pusat mamogram swasta. Sekiranya terdapat *abnormality* pada keputusan mamogram, klien akan dirujuk ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia atau hospital swasta mengikut kehendak klien tersebut bagi menjalani pemeriksaan lanjut.

Bagi tahun 2017, sebanyak RM27,500,000 diperuntukkan untuk Program Subsidi Mamogram yang akan dimanfaatkan oleh seramai 65,000 orang wanita. Manakala pemberian vaksin HPV secara percuma kepada wanita yang lahir pada tahun 1990 sehingga 1996 akan membantu mengurangkan penyakit serviks dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Dalam hal wanita yang dikesan menghidap kanser, pihak kementerian melalui LPPKN menyediakan perkhidmatan kaunseling oleh 17 orang kaunselor di 59 Klinik Nur Sejahtera di seluruh negara. Perkhidmatan kaunseling disediakan membantu pesakit kanser dan ahli keluarga menangani emosi mereka. Perkhidmatan ini disediakan di peringkat awal sebagai sokongan emosi sebelum mereka menjalani pemeriksaan susulan di hospital. Pesakit kanser di bawah paras garis kemiskinan boleh dipertimbangkan bantuan kewangan daripada JKM bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga dan penjaga terutamanya bagi pesakit yang bergantung kepada penjaga untuk kehidupan seharian.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib berhubung Program Ibu Tunggal, kementerian sememangnya maklum akan kekangan yang dihadapi oleh wanita-wanita luar bandar dalam usaha menjana serta meningkatkan pendapatan mereka demi kelestarian ekonomi.

Sehubungan dengan itu, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita merancang untuk mengadakan jalinan strategik dengan agensi-agensi kerajaan yang menyediakan bantuan kewangan atau material yang boleh dimanfaatkan oleh peserta-peserta Program I-Kit atau I-Keunita bagi membolehkan mereka untuk memulakan perusahaan kecil serta mengembangkan perniagaan mereka demi peningkatan hasil pendapatan serta pemerkasaan ekonomi. Bagi tujuan pelaksanaan Program I-Kit dan I-Keunita pada tahun 2017 pihak Jabatan Pembangunan Wanita memperoleh peruntukan sebanyak RM900,000 bagi menjalankan program tersebut di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib bertanyakan tentang persediaan KPWKM dalam peningkatan warga emas. Bagi memantau pelaksanaan dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas.

Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara akan menerima laporan daripada Jawatankuasa Teknikal yang turut dianggotai oleh tujuh buah kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan. Senarai jawatankuasa kecil adalah seperti di bawah:

- (xi) Kesihatan dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan;
- (xii) sosial dan rekreasi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (xiii) pendidikan dan kerohanian di bawah Kementerian Pelajaran;

- (xiv) perumahan dan persekitaran dipengerusikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (xv) ekonomi oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri;
- (xvi) pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia; dan
- (xvii) penyelidikan dan pembangunan dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selain itu, antara langkah lain yang telah diambil penubuhan *task force* mengenai isu cabaran dan penuaan, kementerian telah menujuhkan *task force* bagi mengenal pasti isu dan cabaran penuaan yang merangkumi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan sosial dan penuaan aktif, positif termasuk peluang pekerjaan, kesukarelawanan dan pembelajaran sepanjang hayat serta menetapkan keutamaan bidang yang akan ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus kepada isu yang diketengahkan. Ini termasuk isu kebergantungan ekonomi warga emas.

Mengenai kesihatan, bagi menghadapi isu ini kira-kira 27,000 orang anggota kesihatan telah dilatih dalam penjagaan kesihatan warga emas oleh Kementerian Kesihatan. Selain itu, 500 buah kemudahan kesihatan kerajaan di seluruh negara telah mengambil inisiatif menyediakan *fast track* bagi warga emas. Melalui *National Blue Ocean Strategy* atau NBOS 7, *1Malaysia Family Care*, perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas di institusi warga emas terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai isu persediaan kewangan. Dalam hal ini kerajaan telah meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Pertambahan lima tahun ini akan membantu menjamin kestabilan ekonomi golongan warga emas apabila mencapai usia persaraan kelak melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lebih besar. Sumbangan dan peranan warga emas yang masih aktif dan produktif telah dipertingkatkan melalui peluang pekerjaan terutama kepada warga emas yang berada dalam kategori miskin. Dalam hal ini kerajaan telah mengorak langkah mengadakan perbincangan dengan pihak swasta bagi mendapatkan penglibatan dan komitmen mereka untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dengan waktu kerja yang lebih fleksibel melalui Kementerian Sumber Manusia.

Mengenai kemudahan dan infrastruktur yang mesra warga emas bagi menggalakkan warga emas untuk berdikari dan menyokong penglibatan mereka dalam masyarakat, kemudahan dan infrastruktur yang mesra warga emas adalah penting. Dalam hal ini kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah

menyediakan satu garis panduan perancangan fizikal bagi warga emas yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan fizikal bagi penempatan warga emas serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Garis panduan ini disediakan dengan tujuan untuk memberi bantuan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pemaju, syarikat swasta, perseorangan, badan bukan kerajaan dan lain-lain bagi penyediaan penempatan warga emas dan kemudahan sokongan yang perlu disediakan. Contoh penempatan warga emas ialah *retirement village* seperti *AraGreens Residence* di Damansara Kuala Lumpur dan *Eden on the Park* di Kuching Sarawak.

#### ■1620

Mengenai *Respite Care*. *Respite Care* ialah perkhidmatan alternatif kepada waris penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan. Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada warga emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan tempat tinggal di institusi. Pada masa ini, perkhidmatan ini akan disediakan di Rumah Seri Kenangan, Cheras. RSK Cheras dipilih memandangkan lokasi RSK Cheras yang berhampiran kawasan pekerjaan selain persekitaran yang sesuai untuk pelaksanaan perkhidmatan *Respite Care* ini bermula pada 31 Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanyakan tentang bilangan dan profil warga emas. Berdasarkan anggaran penduduk semasa Malaysia bagi tahun 2014 ke 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, warga emas dianggarkan berjumlah 2.9 juta orang daripada 31.7 juta orang iaitu 9.1 peratus orang penduduk Malaysia pada tahun 2016.

KPWKM sedang dalam proses membangunkan sistem pangkalan data Maklumat Nasional Isu-isu Sosial yang dinamakan MaNIS untuk menjadikan sebagai sumber rujukan berpusat. Sistem MaNIS akan mengumpulkan maklumat berkaitan lapan buah kumpulan sasar KPWKM termasuklah warga emas. Sistem MaNIS berperanan untuk mengumpul, mengawal, menganalisis dan membuat laporan berkenaan data-data seperti:

- (i) unjuran bilangan warga emas mengikut jantina;
- (ii) bilangan lokasi dan maklumat rumah warga emas;
- (iii) bilangan lokasi dan maklumat pusat aktiviti warga emas; dan,

- (iv) lain-lain bagi membantu penggubalan dasar serta pembangunan program sosial yang berkualiti untuk dilaksanakan oleh kementerian.

Sistem MaNIS ini dijangka boleh digunakan sepenuhnya pada Disember 2017. Selain itu, selaras dengan saranan kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, kementerian juga boleh mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara sekiranya perlu memandangkan JPN telah mempunyai sistem sedia ada yang menghimpunkan profil rakyat Malaysia dari lahir hingga ke tua.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanyakan tentang institusi warga emas. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dan memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut agar mereka dapat menikmati penuaan sihat, produktif dan aktif. Pihak kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif.

Sehingga tahun ini, terdapat sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan di Semenanjung Malaysia yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,619 orang penghuni. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, masih terdapat sebanyak 138 kekosongan di Rumah Seri Kenangan. Selain daripada itu, terdapat dua buah Rumah Ehsan yang memberi perlindungan dan penempatan kepada seramai 218 orang penghuni dan seramai 155 orang penghuni keseluruhannya terdiri daripada warga emas. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2016 juga menunjukkan bahawa seramai 7,432 orang warga emas telah mendapat manfaat perlindungan dan penjagaan daripada 341 buah pusat jagaan warga emas di bawah kelolaan pihak swasta dan NGO seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian berpendirian bahawa adalah wajar golongan warga emas terus tinggal dalam komuniti dan bersama keluarga kerana tanggungjawab penjagaan ibu dan bapa menjadi keutamaan dan kewajipan kepada seseorang anak atau saudara-mara dalam menunaikan tanggungjawab sesebuah keluarga.

Di bawah strategi penglibatan dan kesepadan antara generasi, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memperkasakan dan mendaya upayakan komuniti untuk menujuhkan Organisasi Berasaskan Komuniti iaitu *Community Based Organization*, dengan izin. Dalam hal ini, fokus terhadap penglibatan kerajaan semata-mata dalam aspek penjagaan warga emas

perlu diubah dengan melibatkan komuniti dan memandang isu ini sebagai tanggungjawab bersama antara kerajaan, komuniti dan keluarga.

Pada masa kini, kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif pemerkasaan komuniti dalam aspek penjagaan warga emas bagi meletakkan asas untuk menjayakan rancangan masa depan. Antaranya ialah:

- (i) Pusat Aktiviti Warga Emas atau PAWE;
- (ii) Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*);
- (iii) Unit Penyayang Warga Emas;
- (iv) perkhidmatan *Respite Care*;
- (v) skim bantuan kewangan seperti Bantuan Orang Tua;
- (vi) skim bantuan kewangan iaitu Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar; dan,
- (vii) geran bantuan kewangan kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan pendaftaran pusat jagaan warga emas.

Komitmen kerajaan dalam usaha memperkasakan komuniti tidak hanya terhenti kepada penerima manfaat semata-mata. Kerajaan turut menunjukkan komitmen melalui *Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons in ASEAN*, dengan izin, yang telah diterima dalam sidang kemuncak ASEAN kali ke-27 yang lalu. Kerajaan melalui KPWKM turut mengadakan kerjasama dengan negara Jepun menerusi *Japan International Cooperation Agency (JICA)* bagi melihat dan mempelajari cara memperkasakan dan mendaya upayakan komuniti dalam aspek penjagaan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib membangkitkan pengurangan bilangan warga emas di PAWE. Pusat Aktiviti Warga Emas adalah salah satu program yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberi peluang kepada warga emas agar terus berada dalam komuniti dan melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan di samping perkongsian pengalaman dan pengetahuan warga emas yang boleh dikongsi bersama masyarakat setempat.

Berdasarkan Pelan Strategi KPWKM 2013-2017, sasaran penyertaan warga emas dalam aktiviti dan program di PAWE adalah sebanyak 5 peratus setahun. Statistik juga menunjukkan bahawa jumlah kekerapan kehadiran warga emas di PAWE pada tahun 2013 sebanyak 189,852 kali.

Tahun 2014, sebanyak 215,175 kali dan pada tahun 2015, sebanyak 415,586 kali. Jumlah keseluruhan kekerapan kehadiran warga emas di PAWE sepanjang tiga tahun tersebut

adalah sekata dan stabil serta berlaku peningkatan kehadiran melebihi sasaran pada tahun 2015. Faktor-faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada kekerapan kehadiran warga emas ke PAWE adalah seperti kesihatan, jarak perjalanan, program dan aktiviti di PAWE serta persekitaran sekeliling yang sedikit sebanyak mempengaruhi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail bertanyakan tentang pembinaan PAWE baru, lokasi dan kosnya. Melalui Bajet 2017 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lapan buah PAWE baru akan ditubuhkan. Kriteria penubuhan PAWE baru adalah perlu mengambil kira perkara tersebut:

- (i) bilangan warga emas di dalam komuniti tersebut;
- (ii) lokasi PAWE perlu dilaksanakan di dalam komuniti yang strategik serta mudah diakses oleh warga emas;
- (iii) pemilihan premis mempunyai bangunan yang sesuai;
- (iv) komuniti penggerak pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat yang mempunyai minat dan komitmen serta boleh menyumbang kepada pelaksanaan;
- (v) nasihat oleh JKM negeri dan PKMD.

Kos bagi penubuhan setiap PAWE adalah sebanyak RM80,000 dan kos pengoperasian PAWE adalah sebanyak RM33,330 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib juga bertanya tentang saku institusi warga emas. Peruntukan wang saku institusi warga emas sebanyak RM1,213,300 pada tahun 2015 hasil peningkatan kadar wang saku dari RM10 kepada RM30 sebulan mulai tahun tersebut bagi menampung keperluan belanja harian penghuni.

Peruntukan ini dapat memberi manfaat kepada seramai 3,370 orang penghuni. Perbandingan pada tahun 2014, peruntukan bagi wang saku institusi warga emas adalah sebanyak RM397,300. Penghuni di institusi tidak mempunyai punca pendapatan tetap bagi menampung kehendak serta keperluan peribadi mereka. Peruntukan wang saku yang diberikan digunakan sepenuhnya untuk berbelanja, terutamanya bagi memenuhi keperluan dan keinginan peribadi seperti membeli makanan dan minuman selain daripada yang disediakan oleh institusi, perbelanjaan semasa riadah dan aktiviti luar institusi dan keperluan-keperluan harian yang sesuai bagi kepentingan penghuni.

Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib juga menyentuh mengenai isu-isu ekonomi warga emas. Berdasarkan kepada perbelanjaan di bawah Program Sosioekonomi Warga Emas, Bantuan Orang Tua Tahun 2016, kementerian telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM501,245,700 yang memberi manfaat kepada 137,014 orang penerima bantuan orang tua di seluruh negara.

Semakan buku bajet menunjukkan bahawa peruntukan yang diterima bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM422,318,700 iaitu kekurangan 15.7 peratus atau RM78,756,700 berbanding tahun 2016. Peruntukan yang diterima dijangka boleh menampung keperluan pembayaran bantuan orang tua sehingga Oktober 2017 ke atas jumlah kes yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian akan melaksanakan beberapa perkara seperti:

- (i) melaksanakan proses pemutihan bagi tujuan memberi bantuan hanya kepada kes yang benar-benar layak dan memerlukan;
- (ii) meningkatkan kerjasama dengan agensi pemberi bantuan lain seperti Pusat Zakat, Baitulmal untuk membantu kes-kes lain yang memerlukan; dan
- (iii) memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan pada Jun 2017 bagi menampung ketidakcukupan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail menyentuh tentang pemantauan permasalahan birokrasi atau permohonan bantuan warga emas. Kementerian komited dan amat serius untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Permohonan bantuan boleh dibuat sendiri oleh pemohon atau wakil. Setiap permohonan akan dijalankan siasatan bagi menentukan kelayakan dan kriteria pertimbangan bantuan.

Bagi kes-kes warga emas yang sukar untuk hadir ke pejabat, pihak kementerian melaksanakan Program Cari dan Bantu, *Search and Serve*. Bagi memastikan setiap kumpulan sasar dilayan sesuai dengan keperluannya, termasuklah bayaran bantuan ke rumah. Pemberian bantuan kebajikan adalah bersifat sementara atau perkhidmatan berbentuk transit. Sebelum tempoh kelulusan berkenaan tamat, pegawai kes akan membuat kaji semula untuk menentukan sama ada bantuan berkenaan wajar diteruskan atau ditamatkan. Kadar bantuan orang tua RM300 sebulan bagi tujuan saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti. Kriteria kelayakan adalah:

- (i) warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;

- (ii) warga emas berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- (iii) tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup. Jika mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail tentang penyeliaan rumah-rumah orang tua. Akta Pusat Jagaan 1993 telah digubal dan berfungsi untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat jagaan.

Oleh itu, penyeliaan pusat-pusat jagaan warga emas yang ditubuhkan sama ada oleh individu, syarikat agensi sama ada untuk upah atau selainnya adalah tertakluk di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Peraturan nombor 28, Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 telah menyatakan dengan jelas berkenaan keperluan untuk mengendali atau menyelia, membuat aduan dan sekiranya gagal, terdapat penalti yang boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail bertanya tentang kaji semula gaji pekerja taska. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melantik UNITAR Capital Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian perkhidmatan taska mulai 15 Oktober 2016 dan dijangka selesai 14 Oktober 2017. Kajian mengenai keseluruhan perkhidmatan taska merangkumi kualiti perkhidmatan asuhan dan didikan di taska. Kurikulum pendidikan, tahap perkembangan menyeluruh kanak-kanak, penambahbaikan terhadap akta dan peraturan dan lain-lain. Salah satu aspek kajian dalam kualiti perkhidmatan taska yang dilaksanakan termasuklah mengenai bayaran gaji, insentif kepada pengasuh dan pekerja taska.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff bertanyakan tentang kenaikan elauan makan anak yatim. Geran rangsum ialah bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni yang tinggal di kediaman atau datang secara harian ke Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Pemberian geran makan minum kepada PSK yang memberikan perkhidmatan jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak adalah untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK. Pemberian adalah tertakluk kepada syarat kelayakan dan kaedah yang telah ditetapkan dalam garis panduan pemberian bantuan kewangan kerajaan kepada PSK. Kadar geran rangsum ini adalah seperti berikut, penghuni yang ditinggal berkediaman di PSK diberikan RM8 sehari bagi

setiap seorang dan penghuni datang secara harian ke PSK sebanyak RM4 sehari bagi setiap seorang.

Pada tahun ini sebanyak RM11.8 juta telah diluluskan bagi geran rangsum kepada 167 buah PSK melibatkan 10,874 orang penghuni. Kementerian mengambil berat isu-isu yang dibangkitkan oleh PSK dan sentiasa berusaha untuk memastikan semua penghuni PSK mendapat perkhidmatan yang lebih baik, termasuk dalam aspek penyediaan makan minum. Sebagai menyokong usaha kerajaan, NGO juga diharap dapat mengambil inisiatif sendiri untuk mengumpul dana bagi pengurusan rumah masing-masing. Sebagai contoh, mendapatkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat daripada syarikat korporat. Kementerian boleh memberikan sokongan pengecualian cukai kepada syarikat tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff menyentuh tentang usaha mengatasi masalah gelandangan. KPWKM telah menubuhkan sekretariat penyelarasan bagi menangani isu golongan gelandangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Bertujuan untuk menyelaras semua operasi, aktiviti, bantuan berkaitan pengemisan dan gelandangan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan seperti PDRM, DBKL, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, AADK, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesejahteraan bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan tindakan yang lebih holistik dan berkesan.

#### ■1640

Penubuhan sekretariat ini rentetan daripada Mesyuarat *High Level Committee* Majlis Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 18 Februari 2016 yang telah memutuskan supaya kementerian menjadi agensi peneraju dalam menangani isu pengemis dan gelandangan di Malaysia.

Sekretariat ini telah bermesyuarat pada 12 April 2016 telah menubuhkan beberapa jawatankuasa teknikal bagi membantu pelaksanaan tindakan dan inisiatif mengikut isu iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai Jawatankuasa *Focal Point* Kebajikan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan tempatan bertanggungjawab atas Jawatankuasa *Focal Point* Perumahan, Penginapan; Kementerian Sumber Manusia iaitu Jawatankuasa *Focal Point* Pekerjaan, Kemahiran; Kementerian Dalam Negeri yang menjaga Jawatankuasa *Focal Point* Bukan Warganegara; dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempengerusikan Jawatankuasa *Focal Point* Kesihatan.

JKM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Membanteras Pengemisan, Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Jawatankuasa ini

dianggotai oleh agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam menangani isu pengemis. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras gerak kerja operasi dengan lebih kemas dan bersepadu. Melalui operasi bersepadu ini, pengemis atau gelandangan yang diselamatkan akan diserahkan kepada agensi penguatkuasaan untuk tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016, sebanyak 2,008 operasi bersepadu dilaksanakan dengan jumlah pengemis yang diselamatkan adalah berjumlah 1,595 orang. Kementerian mengambil makluman akan cadangan pelanjutan operasi yang dijalankan dan turut mengalu-alukan kerjasama serta kolaborasi semua pihak bagi membantu menangani isu gelandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, kementerian merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap perkara-perkara yang telah menyentuh bidang tugas kementerian ini. Kami akan mengambil perhatian terhadap pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha-usaha kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan hasrat kerajaan untuk merealisasikan tema belanjawan tahun 2017 iaitu, *“Menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi berhemah, perbelanjaan inklusif, mensejahtera kehidupan rakyat seluruh”* dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan Kementerian Kerja Raya.

#### **4.43 ptg.**

##### **Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan turut menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya pada minggu lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji

Suhaili; Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun; dan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin.

Segala isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amatlah saya hargai dan *insya-Allah*, akan diberikan jawapan serta perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan sesi penggulungan ini, izinkan terlebih dahulu untuk memaklumkan secara ringkas mengenai peruntukan Bajet 2017 yang bakal diterima oleh Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada tahun hadapan iaitu 2017 dijangka akan menerima peruntukan sebanyak RM5.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak hampir RM2.89 bilion atau 49 peratus akan diterima di bawah perbelanjaan pembangunan secara langsung di mana sebahagian besar peruntukan tersebut akan digunakan bagi tujuan meningkatkan jaringan jalan-jalan utama yang lebih selamat dan selesa seperti membina dan menaik taraf jalan dan jambatan, membina jejambat bertingkat, membaik pulih cerun dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan titik hitam atau *black spot*, dengan izin.

Manakala sebanyak RM964 juta lagi iaitu 16.5 peratus ialah peruntukan di bawah maksud perbelanjaan mengurus iaitu bagi maksud pembayaran gaji dan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan termasuk menyelenggarakan jalan-jalan Persekutuan, bangunan-bangunan guna sama Persekutuan dan cerun.

Baki peruntukan sebanyak RM2.1 bilion lagi atau 34.5 peratus disediakan sebagai pinjaman mudah kerajaan secara langsung bagi tujuan pembinaan beberapa projek lebuh raya baru.

Sebagai agensi teknikal utama kerajaan, kementerian ini akan berusaha sebaik mungkin untuk mengoptimumkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diamanahkan itu demi meningkatkan aspek kesejahteraan rakyat terutama melalui pembangunan infrastruktur awam yang melibatkan jalan, jambatan, cerun dan bangunan kerajaan. Cadangan Bajet 2017 untuk kementerian ini membuktikan komitmen kerajaan terhadap Kementerian Kerja Raya sebagai ejen perubahan yang akan meneruskan kelangsungan momentum pembangunan negara tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu cadangan projek baru iaitu Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 yang menghubungkan negeri Terengganu dan Kelantan Darul Naim telah menarik perhatian dan dibangkitkan oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Yang Berhormat Senator Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat

Senator Engku Naimah binti Engku Taib yang inginkan penjelasan sama ada kajian kebolehlaksanaan ataupun *feasibility study*, dengan izin, telah dijalankan dan adakah jajaran LPT3 sudah ditentukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 atau LPT3 ini sememangnya termasuk dalam perancangan kerajaan untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Ini bagi melengkapkan rangkaian keseluruhan Lebuhraya Pantai Timur iaitu melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan sebagaimana rekomendasi dalam Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia atau HNDP Fasa 1 dari tahun 2008 hingga 2020.

Kajian kemungkinan awalan projek LPT3 ini telah disiapkan oleh kementerian pada tahun 2009. Cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer di mana ia melibatkan tiga buah daerah di Terengganu iaitu Kuala Terengganu, Setiu dan Besut, dan lima buah daerah lagi di Kelantan iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat. Berdasarkan kajian tersebut, projek LPT3 ini berpotensi dilaksanakan secara kaedah penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan sama ada kerajaan akan melaksanakan projek LPT3 ini merupakan perkara dasar di mana ia kini sedang diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pihak agensi pusat. Antara faktor-faktor yang diberikan perhatian ialah melibatkan kos projek, kaedah pelaksanaan dan impak sosial terhadap ekonomi negeri dan negara secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, bagi mengimbangi pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur khususnya di Kelantan, Kerajaan Pusat memberikan komitmen dan keutamaan bagi melaksanakan projek membina dan menaik taraf jalan *Central Spine* yang menghubungkan Bentong di Pahang sehingga ke Kota Bharu, Kelantan.

Di samping itu, sebagaimana pengumuman kerajaan semasa sesi pembentangan Bajet 2017 yang lalu, bagi meningkatkan lagi rangkaian jalan perhubungan ke Pantai Timur, kerajaan juga akan melancarkan projek Laluan Keretapi Pantai Timur atau ECRL yang dirancang akan dimulakan pembinaannya pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari bin Mat juga mencadangkan supaya rangkaian Lebuhraya Pantai Timur turut melibatkan laluan di sebelah bahagian Pantai Timur Semenanjung iaitu dari timur negeri Johor melalui Pengerang seterusnya ke Desaru, ke Mersing, ke Kuala Rompin, seterusnya ke Pekan dan seterusnya ke

Kuantan dan seterusnya memasuki negeri Terengganu dan berakhir hingga ke Pengkalan Kubor di negeri Kelantan.

■1650

Kementerian ini sememangnya amat mengalu-alukan cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Namun begitu sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan jalan raya dan lebuh raya di negara kita dibuat berdasarkan kepada strategi yang telah digariskan oleh Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP).

Laporan HNDP untuk Semenanjung Malaysia telah mengenal pasti cadangan projek-projek baru dan naik taraf jalan yang akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil pelbagai faktor seperti kadar pertumbuhan trafik dan juga kemampuan kewangan kerajaan.

Pada masa kini kerajaan telah meluluskan projek membina jalan baru empat buah lorong dua hala dari FT092 ke Pularek Kota Tinggi sepanjang 14 kilometer dengan kos sebanyak RM294 juta. Laluan baru itu juga merupakan jalan utama untuk ke kawasan *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC). Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan projek menaik taraf jalan FT92 dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit daripada dua buah lorong sedia ada kepada empat buah lorong dengan kos sebanyak RM393 juta. Kedua-dua projek berkenaan ini sedang giat dibina dan dirancang akan disiapkan secara berperingkat iaitu selewat-lewatnya pada akhir tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, manakala untuk Jalan Persekutuan 3, atau FT03 pula iaitu melibatkan jajaran dari Desaru ke Mersing seterusnya ke Kuala Rompin dan seterusnya ke Pekan, projek menaik taraf laluan itu sememangnya ada dalam perancangan kerajaan untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Tertakluk kepada faktor kewangan kerajaan, laluan yang menghubungkan kawasan pantai timur negeri Johor ke negeri Pahang itu juga dicadangkan untuk dinaiktarafkan kepada jalan empat buah lorong dua hala. Pada masa kini aliran trafik di laluan berkenaan masih mampu untuk menampung keperluan trafik semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin telah membangkitkan isu status permohonan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperoleh 40 peratus daripada jumlah hasil keseluruhan Konsesi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2. Ini berikutan RM1.85 bilion daripada keseluruhan pembinaan LPT iaitu RM4.1 bilion telah dibiayai menerusi peruntukan dana khas Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah melantik Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn Bhd (LPT2 Sdn Bhd) iaitu sebuah syarikat milik penuh PLUS Malaysia Berhad untuk melaksanakan operasi penyelenggaraan dan kutipan tol di lebuh raya tersebut. Pemilihan syarikat ini dibuat setelah mengambil kira perakuan daripada Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) setelah meneliti parameter komersial oleh pembida-pembida konsesi yang dijemput mengambil bahagian dalam tender secara kaedah *Request for Proposal* (RFP), dengan izin.

Berdasarkan syarat dan terma-terma utama iaitu *salient terms* dalam perjanjian konsesi ia tidak menetapkan sebarang terma bagi perkongsian keuntungan atau *profit sharing* dengan izin antara pihak konsesi LPT2 Sdn Bhd dengan kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri yang mengambil kira hasil penilaian keseluruhan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) dari segi tempoh konsesi, kadar tol, aliran trafik dan kadar pulangan dalaman (IRR) kepada pembida konsesi. Ini bermakna isu perkongsian hasil dengan kerajaan negeri sebenarnya tidak berbangkit dalam perjanjian konsesi LPT2.

Namun demikian Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan peruntukan khas sebanyak RM145 juta iaitu baki daripada peruntukan dana khas RM1.85 bilion yang tidak dibelanjakan untuk disalurkan terus kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan projek-projek lain yang menjadi keutamaan kerajaan negeri.

Untuk rekod, di bawah Kementerian Kerja Raya, terdapat 11 buah projek Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah diluluskan di negeri Terengganu dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM1.1 bilion. Ini termasuklah sebuah projek yang baru sahaja diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu projek membina jalan baru Kampung Keruak, Besut dengan kos projek sebanyak RM423 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun telah membangkitkan mengenai isu kesesakan trafik yang sering berlaku di persimpangan Jalan Dengkil ke KLIA ke Putrajaya dan seterusnya ke Bangi. Kementerian ini sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Jalan Persekutuan 31 atau FT31 dari Dengkil ke Banting tersebut terutama di persimpangan Jalan Dengkil ke KLIA ke Putrajaya dan seterusnya ke Bangi. Kesesakan di persimpangan itu berpunca daripada pertambahan bilangan trafik di laluan berkenaan iaitu dianggarkan melebihi 50,000 buah kenderaan sehari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini baru sahaja menerima kelulusan daripada agensi pusat pada bulan April 2016 yang lalu. Skop projek yang melibatkan pembinaan jejambat empat buah lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKRR5 di

persimpangan laluan berkenaan. Kos projek keseluruhan pula ialah sebanyak RM80 juta termasuk kos pengambilan balik tanah, kos pengalihan utiliti dan kos reka bentuk projek. Pada masa kini, projek tersebut sedang melalui proses akhir makmal pengurusan nilai dan dijangka akan di tender pada awal tahun hadapan iaitu tahun 2017. Berdasarkan perancangan, projek ini dirancang akan dimulakan pada bulan Mac 2017 dan mengambil masa 36 bulan untuk disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili telah mencadangkan supaya kerajaan membina dan menaiktarafkan jalan pesisir pantai Sarawak sepanjang 900 kilometer kepada laluan bertaraf lebuh raya. Cadangan Lebuh raya Pesisir Pantai Sarawak ini boleh menjadi laluan kedua atau alternatif kepada Lebuh raya Pan-Borneo yang kini sedang dibina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan pesisir pantai tersebut adalah berstatus jalan negeri iaitu terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Walaupun begitu, Kerajaan Pusat sentiasa prihatin dan berusaha sebaik mungkin untuk memberikan kemudahan jalan raya yang terbaik kepada rakyat negeri Sarawak.

Ini dibuktikan menerusi peruntukan pusat sebanyak RM1.1 bilion yang telah dibelanjakan sejak Rancangan Malaysia Kelapan sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi melaksanakan beberapa projek di laluan jalan pesisir pantai Sarawak iaitu Jalan Pusa ke Sesang sebanyak RM180 juta dan siap pada Rancangan Malaysia Kelapan. Jalan pesisir pantai dari Bintulu ke Miri dengan kos RM585 juta dan siap pada Rancangan Malaysia Kesembilan dan Jalan Oya seterusnya ke Mukah dan seterusnya ke Balingian dengan kos projek RM336 juta dan siap pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas pula, Kerajaan Pusat telah meluluskan pelaksanaan projek membina Jambatan Batang Lumar, Sarawak yang akan dibina secara perkongsian kos 50:50 di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

## ■1700

Projek bernilai RM1 bilion ini menghubungkan jalan pesisir pantai Sarawak antara bahagian Samarahan dan Betong. Sekali gus dapat mengukuhkan jaringan *accessibility* laluan jalan raya pesisir pantai di Sarawak yang masih belum terhubung sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat juga sebelum ini telah membiayai sepenuhnya kos pembinaan Jambatan Batang Sadong yang merupakan salah satu daripada jambatan utama di sepanjang laluan jalan pesisir pantai negeri

Sarawak. Jambatan sepanjang 1.48 kilometer dan menelan perbelanjaan sebanyak RM231 juta ini telah disiapkan dan dibuka kepada lalu lintas pada bulan Oktober 2016 yang lalu.

Di samping itu, Kerajaan Pusat juga dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini telah meluluskan tiga buah lagi jambatan di jalan pesisir pantai Sarawak iaitu Jambatan Batang Samarahan dengan kos projek sebanyak RM112 juta, sedang dalam peringkat pembinaan. Jambatan Rambongan dengan kos projek sebanyak RM130 juta dan Jambatan Batang Igan, Mukah dengan kos projek RM300 juta. Projek Jambatan Rambongan dan Jambatan Batang Igan dijangka akan dapat dimulakan selewat-lewatnya pada akhir tahun hadapan iaitu setelah kerja-kerja reka bentuk projek disiapkan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili juga mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah agensi khusus bagi tujuan mengawal selia Lebuhraya Pan Borneo iaitu sebagaimana fungsi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) di Semenanjung. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo di kedua-dua buah negeri tersebut pada masa kini sedang dibina menerusi kaedah Rakan Pelaksana Projek atau *Project Delivery Partner* (PDP), dengan izin. Peranan PDP ini ialah sebagai pengurus projek yang akan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan projek LPB ini dapat disiapkan mengikut kos, kualiti, piawaian dan spesifikasi serta tempoh masa yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan siap pada akhir tahun 2021. Apabila siap kelak, lebuh raya ini akan diserahkan kepada pihak kerajaan. Sehubungan itu, cadangan untuk menujuhkan Agensi Kawal Selia Lebuhraya Pan Borneo memerlukan kajian dibuat terlebih dahulu sebelum kerajaan memutuskan perkara dasar berkaitan perkara tersebut. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun telah membangkitkan isu berkaitan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan berkaitan dengan risiko berlaku keruntuhan cerun yang boleh mengundang tragedi dan juga kehilangan nyawa manusia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan atau *preemptive* bagi mengurangkan risiko keruntuhan cerun seperti kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh di sepanjang jalan dan lebuh raya negara ini. Sehubungan itu, kementerian ini telah menjalankan kerja-kerja siasatan lereng dan cerun serta pemberian cerun yang telah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi sama ada di lebuh raya

mahupun Jalan Persekutuan. Kajian ini melibatkan kepakaran agensi-agensi di bawah kementerian seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Cawangan Kecerunan Kejuruteraan Cerun JKR, Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik JKR dan juga penglibatan secara langsung oleh syarikat-syarikat konsesi lebuh raya.

Di samping itu kementerian ini turut bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mengkaji langkah-langkah bagi mengurangkan risiko keruntuhan cerun.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi memantau kawasan-kawasan bercerun dan lereng-lereng berbukit di lebuh raya dan Jalan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) menghasilkan peta bahaya dan berisiko cerun di mana data cerun-cerun terlibat akan diklasifikasikan mengikut kategori risiko iaitu tinggi, sederhana dan rendah;
- (ii) *Slope mapping*, dengan izin, dengan menggunakan teknologi *Light Detection and Ranging* (LIDAR), dengan izin, iaitu maklumat berkaitan inventori dan profil cerun-cerun;
- (iii) menjalankan kajian kejuruteraan geoteknikal dan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala dan tetap untuk cerun-cerun yang berisiko tinggi dan menunjukkan tanda-tanda kegagalan cerun;
- (iv) sistem pemantauan dan amaran awal secara *real time* yang dipasang oleh syarikat-syarikat konsesi lebuh raya utama seperti PLUS dan ANIH Berhad iaitu teknologi RTMS menggunakan tolok hujan *piezometer* yang dipasang di cerun-cerun berisiko tinggi;
- (v) meningkatkan pemantauan melalui udara dan juga berjalan kaki setiap dua kali sebulan untuk kawasan-kawasan cerun yang terdapat di Lebuhraya PLUS; dan
- (vi) melaksanakan kempen-kempen kesedaran awam dan amaran tanah runtuh melalui media elektronik dan media cetak yang dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun juga telah membangkitkan rasa kebimbangan beliau terhadap tahap kompetensi kontraktor yang dipilih masa kini untuk melaksanakan projek-projek kerajaan. Ini berikut daripada beberapa

insiden kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan. Oleh itu beliau ingin tahu, apakah usaha dan langkah kerajaan untuk mengatasi kes-kes kemalangan di tapak pembinaan?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya memandang serius aspek keselamatan di tapak pembinaan di negara ini. Ini kerana sebarang insiden kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan khususnya di tapak-tapak pembinaan berisiko tinggi boleh membawa kejadian yang tidak diingini kepada orang awam. Namun begitu, insiden kemalangan di tapak pembinaan sebenarnya isu bersilang kementerian dan melibatkan beberapa buah agensi kerajaan.

Justeru itu bagi tujuan menambah baik aspek kawal selia industri pembinaan, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 iaitu Akta 520 telah dipinda dan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 yang lalu di mana antara lain telah menetapkan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) seksyen 31, kontraktor tertakluk kepada akta iaitu peruntukan bahawa semua kontraktor sama ada berdaftar atau tidak adalah tertakluk kepada Akta 520;
- (ii) seksyen 33A, akreditasi dan perakuan penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir iaitu peruntukan bagi memastikan hanya personel binaan yang kompeten sahaja dapat terus berada dalam industri pembinaan. Oleh itu personel binaan perlu berdaftar dengan CIDB;
- (iii) seksyen 34B, kewajipan kontraktor iaitu peruntukan baharu yang meletakkan tanggungjawab kepada ataupun terhadap kontraktor atas hasil kerja mereka; dan
- (iv) seksyen 34D, kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor iaitu memperuntukkan penalti tidak melebihi RM500,000 atau di penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali kepada kontraktor yang cuai sehingga menyebabkan berlaku kemalangan atau kematian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha untuk menangani isu-isu keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan di tapak binaan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan Pelan Transformasi Industri Pembinaan atau lebih dikenali sebagai *Construction Industry Transformation Programme* (CITP), dengan izin, sebagai pelan induk kerajaan bagi mentransformasikan industri pembinaan untuk tempoh dari tahun

2016 hingga tahun 2020. Sasaran CITP ini antara lain ialah untuk mengurangkan kemalangan di tapak pembinaan sehingga 50 peratus menjelang tahun 2020.

■1710

Di bawah CITP ini terdapat satu kumpulan kerja teras yang telah ditubuhkan bagi melihat aspek berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tapak binaan. Ia diwakili oleh pelbagai pihak yang berkepentingan termasuklah wakil dari para pemain industri dan juga badan bukan kerajaan atau NGO.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin telah membangkitkan isu berkaitan keretakan struktur bangunan di Pasar Besar Melaka. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bangunan Pasar Besar Melaka di premis itu ialah bangunan milik Kerajaan Negeri Melaka iaitu di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Kerajaan negeri telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. untuk membuat kajian tentang tahap keselamatan struktur bangunan tersebut. Berdasarkan kepada laporan akhbar, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah mengesahkan bahawa hasil laporan tersebut telah diterima oleh kerajaan negeri di mana bangunan itu telah disahkan tidak lagi selamat berikutan berlaku mendapan tanah di kawasan itu. Mengenai permohonan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membina pasar besar yang baru, permohonan itu perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka atau melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan peringkat pusat.

Di peringkat Kementerian Kerja Raya, setakat ini pihak kementerian masih belum menerima sebarang permohonan daripada kerajaan negeri bagi mendapatkan bantuan dan nasihat teknikal berkaitan dengan struktur bangunan pasar berkenaan. Walaupun begitu sebagai agensi teknikal utama kerajaan, kementerian ini menerusi Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur di ibu pejabat JKR sedia membantu kerajaan negeri sekiranya diperlukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. ialah sebuah entiti korporat swasta yang ditubuhkan pada tahun 1997 sebaik sahaja Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) diswastakan kepada pihak berkenaan.

Pada masa kini, pusat latihan JKR yang baru dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) yang terletak kebetulan di negeri Yang Berhormat sendiri di Alor Gajah, Melaka. CREaTE baru sahaja memulakan operasi pada bulan Oktober 2016 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sepanjang perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian akan sentiasa mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberi perhatian dan tindakan susulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Sumber Manusia.

### 5.13 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa.*

Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Menteri dan semua keluarga Kementerian Sumber Manusia dan juga semua pekerja mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator seperti berikut yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia dan kebajikan pekerja negara kita.

Antara mereka Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; dan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua. Sebelas isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri. Jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tiada di dalam Dewan ini boleh diberi bertulis.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk menjimatkan masa.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua sebelas isu telah dibangkitkan oleh 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator. Bagi memudahkan jawapan dan penjelasan Kementerian Sumber Manusia dan saya cuba kluster dan klasifikasikan kepada lima kumpulan tajuk utama yang mana isu-isunya saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas membangkitkan isu pemberhentian kerja dan skim insurans pekerjaan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sentiasa membuat pemantauan pemberhentian pekerja melalui peruntukan undang-undang dan garis panduan sedia ada. Di samping itu, kementerian juga melaksanakan pemantauan melalui bilik gerakan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di peringkat negeri dan juga nasional. Pada masa ini, pekerja diberhentikan berhak untuk mendapatkan faedah mengikut peruntukan di bawah Akta Kerja 1955.

Untuk makluman Dewan yang mulia, terdapat dua jenis tindakan pemberhentian yang dilaksanakan oleh majikan iaitu pemberhentian biasa dan pemberhentian secara sukarela (VSS). Pekerja, Tuan Yang di-Pertua boleh memfailkan representasi di bawah seksyen 20 jika mereka anggap pemberhentian yang dilakukan terhadap mereka adalah tidak adil.

Pada tahun 2014, seramai 25,917 orang pekerja telah diberhentikan yang melibatkan 16,820 iaitu 64.9 peratus pemberhentian biasa dan 9,097 ataupun 35.1 peratus pemberhentian sukarela. Jumlah pemberhentian ini semakin meningkat pada tahun 2015 yang mencatatkan seramai 38,499 orang pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut seramai 18,608 ataupun 48.3 peratus pemberhentian biasa dan 19,891 ataupun 51.67 peratus pemberhentian secara sukarela. Manakala bagi bulan Januari hingga Oktober 2016, seramai 33,575 orang pekerja telah diberhentikan yang melibatkan 19,000 pemberhentian biasa dan 14,500 pemberhentian sukarela.

Majikan dikehendaki melaporkan kepada JTK yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tindakan pemberhentian kerja dilaksanakan. Laporan awal ini bertujuan untuk membolehkan pihak Jabatan Tenaga Kerja membuat pemantauan ke atas proses pemberhentian. Kegagalan majikan untuk mengemukakan laporan merupakan satu kesalahan dan tindakan pendakwaan boleh diambil.

Dalam masa yang sama, portal *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja turut membantu menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah menubuhkan 1Malaysia Outplacement Centre (1MOC) seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016. Antara aktiviti ialah kaunseling kerjaya dan perancangan, platform bagi suai padan permohonan pekerjaan dan latihan bagi mempersiapkan golongan yang diberhentikan kerja untuk kerjaya yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah juga membuat jangkaan bahawa bilangan pekerja diberhentikan akan meningkat. Alasan mengatakan mengelakkan bayaran bonus. Berdasarkan laporan pemberhentian kerja yang diterima daripada majikan terdapat beberapa faktor berikut. Sebenarnya alasan ini tidak betul, kurang tepat Yang Berhormat ya? Kurang tepat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ada soalan. Cuma hendak menjelaskan seperti saya beritahu hari itu. *Statement* itu, bahawa pengangguran ataupun pemberhentian kerja akan menambah pada bulan Disember itu dibuat oleh Presiden MEF sendiri dan alasan dia bagi tiga alasan, tiga sebab. Salah satu ialah kerana hendak elak pembayaran bonus dari Datuk Shamsuddin Bardan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator sebenarnya andaian tidak boleh dijadikan bukti bahawa suatu perkara itu benar. Macam main golf Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya katalah saya *tee off* masuk ke lubang terus *hole in one*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu satu kenyataan yang tidak benar.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Itu tidak betul. Kalau *smooth* kalau semua betul. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan pemberhentian kerja yang diterima daripada majikan terdapat beberapa faktor berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan barang dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya ataupun sebahagian;
- (v) pengecilan tenaga kerja; dan
- (vi) pengambilalihan syarikat.

**■1720**

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturran semula organisasi dan penggabungan syarikat. Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan garis panduan proses dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh majikan yang terpaksa mengambil tindakan pemberhentian pekerja.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff juga membangkitkan isu pengangguran belia. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencelah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ini mungkin jawapannya ada selepas ini. Cuma / hendak tanya sahaja, pasal ikut topik, kalau Yang Berhormat Menteri jawab ikut topik, berkenaan dengan topik pengangguran, ada satu lagi isu yang saya mahu bangkitkan iaitu *ratification ILO* punya konvensyen. / tidak tahu sama ada you ikut topik atau apa ini.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat Senator, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila kementerian menjawab, kalau tidak menjawab isu yang dibangkitkan dalam perbahasan Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehlah minta. Akan tetapi biarlah Yang Berhormat Menteri itu menjawab apa yang ada pada dia dan selepas itu, boleh bangkitkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada 15 isu yang dibangkitkan tetapi saya cuma *classify*-kan, rumuskan beberapa tajuk besar.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun 2016, kadar pengangguran belia yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun sebanyak 10.7 peratus atau seramai 237,600 orang daripada 450,300 orang penganggur.

Bagi tempoh yang sama, kadar pengangguran belia dalam lingkungan umur 15 hingga 19 tahun ialah 15.7 peratus iaitu 84,100 orang. Manakala bagi belia dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun, sebanyak 9.3 peratus iaitu 189,500.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih lagi merupakan negara yang menggunakan tenaga penuh di mana kadar pengangguran kita hanyalah 3.5 peratus bagi suku tahun ketiga tahun ini. Empat peratus ke atas dianggap sebagai negara pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi mengatasi masalah ini:

- (i) portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja merupakan portal yang kita buka untuk diakses oleh pencari-pencari pekerja dan mereka yang diberhentikan;
- (ii) penubuhan pusat kerjaya, *JobsMalaysia Centre* di *Urban Transformation Centre* (UTC). Baru-baru ini kita lancarkan sembilan *jobs fair* yang melibatkan lebih kurang 15,000 kerja kosong yang ditawarkan oleh lebih daripada 200 buah syarikat. *Alhamdulillah*, mendapat sambutan yang cukup baik;
- (iii) penubuhan pusat kerjaya, *Career Information Centre*, dengan izin. Pusat ini berfungsi sebagai *one stop centre* bagi pencari kerja. Pusat ini ditempatkan di *JobsMalaysia* yang berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja;
- (iv) karnival kerjaya, *jobs fair*. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu panjangkan sangat, ramai orang sudah tahu. Mereka sudah kenal dengan *jobs fair* ini;
- (v) program *Graduate Enhancement Programme for Employability* (GENERAte) oleh Pembangunan Sumber Manusia. Program ini bertujuan untuk membantu golongan graduan siswazah menganggur menerusi latihan berkemahiran tinggi dan *application based* yang diperlukan oleh industri bagi mempertingkatkan kebolehpekerjaan;
- (vi) program pekerja dan *future workers* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Kementerian Sumber Manusia. Program ini akan dilaksanakan kepada golongan *future workers* yang merangkumi kursus *hard skill, high impact, high value* yang memenuhi keperluan industri setempat. Kursus yang dijalankan ini merupakan nilai tambah kepada pencari kerja dan seterusnya menjadi pelengkap kepada jurang kemahiran antara pelatih dan kehendak majikan; dan,
- (vii) program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), Tuan Yang di-Pertua. Ini pun juga terkenal di negara kita di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam menangani isu pengangguran-Yang Berhormat Senator, pengangguran, ya? Di negara ini menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi yang telah merangka dan melaksanakan program-program mereka:

- (i) *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)*, dengan izin, oleh TalentCorp. Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpekerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri;
- (ii) program *Industrial Skills Enhancement (INSEP)*. Program ini dapat meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekali gus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan;
- (iii) program Sistem Latihan Dual Nasional. Program ini mengukuhkan dan memperkasakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama seperti program strategi untuk belia 1Malaysia dan belia berwawasan bagi mengurangkan jurang *mismatch* kemahiran dengan keperluan industri; dan,
- (iv) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, program ini memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburi diri dalam bidang keusahawanan, melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah membangkitkan isu peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan bergantung kepada kekosongan dan peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud dalam pasaran tenaga kerja di sektor awam dan swasta.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran suku tahun ketiga 2016 di negara ini adalah sekitar 3.5 peratus. Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah pengangguran dengan membantu pencari kerja mendapat pekerjaan melalui mekanisme Program Penempatan Pekerjaan ataupun 3P.

Sehingga 30 November 2016, sebanyak 172,702 buah penempatan ataupun 96 peratus telah dicapai berbanding sasaran sebanyak 180,000 pada tahun 2016. Program 3P berkenaan antaranya ialah karnival pekerjaan, temu duga terbuka, *night career fair*, penempatan melalui *client account*, kerjasama dengan agensi program penyesuaian kerjaya dan penempatan melalui portal *JobsMalaysia*. Pada masa ini, tiada undang-undang yang mewajibkan syarikat melaporkan kekosongan peluang pekerjaan kepada Kementerian Sumber Manusia. Oleh itu, syarikat mempunyai pilihan untuk mengiklankan kekosongan jawatan melalui media cetak, laman web dan melalui Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Sistem perkhidmatan pemandangan pekerjaan secara talian yang terdapat akses *internet* secara percuma. Perkhidmatan ini disediakan kepada pencari kerja warganegara yang ingin memohon pekerjaan dan pihak majikan mendaftar kekosongan jawatan. Melalui perkhidmatan ini, pencari-pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan-kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dikehendaki.

Berdasarkan dokumen RMK-11, jumlah tenaga kerja mahir negara berjumlah 28 peratus pada tahun 2015 dan diunjurkan akan meningkat 35 peratus pada tahun 2020 menjelang negara maju. Selaras dengan itu, kementerian amat komited melalui bidang fokus utama iaitu bagi menambah baik kecekapan pasaran buruh, mentransformasikan pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), memperkuatkuhan pembelajaran sepanjang hayat dan menambah baik kualiti pendidikan selaras dengan hasrat mencapai negara maju pekerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping Kementerian Sumber Manusia juga, khususnya Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mengadakan pelbagai langkah bagi menyampaikan maklumat pekerjaan kepada pencari kerja. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah pertama, Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang saya sudah sebutkan tadi, ceramah kerjaya, media elektronik yang juga sebahagiannya telah pun saya jelaskan, pameran kerjaya, *roadshow* yang kita adakan di seluruh negara dan negeri bagi memberikan penerangan dan kesedaran kepada pencari kerja supaya mereka tampil ke hadapan bagi mencari kerja yang masih kosong.

Antara penglibatan bersama ialah yang melibatkan agensi lain termasuk di Sabah dan Sarawak seperti Skim Latihan 1Malaysia, *Sarawak Career and Training Fair*, dengan izin, *Graduate Enhancement Training Sarawak (GETS)*, *Technical Vocational Education and Training (TVET)* dan program Lan Berambeh yang diadakan. Saya ucapkan tahniah kepada rakyat Sarawak yang mencapai matlamat mengadakan Lan Berambeh baru-baru ini, dihoskan oleh kementerian kita, Kementerian Sumber Manusia. Kelima, media cetak. Kita gunakan media cetak, Tuan Yang di-Pertua untuk menyebarkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penyertaan tenaga buruh ialah 14.5 juta orang. Manakala bagi suku tahun ketiga 2016, bilangan tenaga buruh meningkat kepada 14.82 juta.

Pertambahan sebanyak 0.32 juta orang disumbangkan oleh peningkatan penduduk bekerja. Secara keseluruhannya, kadar penyertaan tenaga buruh lelaki lebih tinggi berbanding penyertaan wanita dalam pasaran kerja.

Daripada rekod kekosongan jawatan yang dilaporkan di dalam Portal *JobsMalaysia* bagi tahun 2010 hingga 2016, sejumlah 9,855,434 kekosongan jawatan telah dilaporkan, di mana tahun 2011 mencatatkan jumlah kekosongan jawatan yang tertinggi iaitu sebanyak 2,255,923 ataupun 22.8 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pencari kerja aktif yang berdaftar melalui Portal *JobsMalaysia* pada tahun 2015 adalah sebanyak 283,000 orang. Tahun 2016, 309,750 orang sehingga 31 Oktober 2016.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

Manakala bilangan pencari kerja mengikut akademik, kelayakan mereka adalah yang berkelulusan SPM sebanyak 75,500 orang. Diploma sebanyak 67,106 orang. Ijazah pertama sebanyak 95,574 orang. Pada tahun 2016 pula, SPM sebanyak 67,993. Diploma sebanyak 72,131 dan Ijazah Pertama 121,838.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 30 September 2016 terdapat seramai 1.8 juta orang pekerja asing diberi pas lawatan kerja.

Ini Yang Berhormat Senator, kita masukkan sekali ya sebab berkaitan dengan pekerja ini. Jadi, kalau ada tak faham, boleh timbulkan. Terdapat seramai 1.85 juta orang pekerja asing diberi pas lawatan kerja sementara (PLKS) ini secara *official, legal* berbanding seramai 2.114 juta orang pada tahun 2015. Penurunan ini kerana kesan daripada langkah kerajaan yang telah menguatkuasakan kadar levi yang baharu mulai 18 Mac 2016 dan membolehkan kerajaan mengawal dan menguruskan pekerja asing dengan lebih baik serta memberi keutamaan kepada warganegara tempatan dalam pekerjaan.

Kementerian telah menyediakan perkhidmatan secara atas talian kepada pencari kerja yang mempunyai capaian kepada *internet*. Pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dimiliki. Kemudahan ini boleh diperolehi di 54 buah pejabat tenaga kerja di Semenanjung Malaysia, 14 buah pejabat PTK Sabah dan 16 buah pejabat tenaga kerja di Sarawak serta 21 *JobsMalaysia Centre* ataupun JMC di negara kita.

Di samping itu, jabatan juga mengadakan lawatan keperluan guna tenaga di syarikat-syarikat berpotensi bagi kita mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan untuk kita tawarkan kepada pencari-pencari kerja di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan membangkitkan isu pengangguran OKU. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat seramai 270,000 OKU yang berumur antara 15 hingga 64 tahun di negara ini. Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk memastikan OKU yang digajikan sama ada secara tetap atau kontrak di bawah suatu kontrak perkhidmatan menikmati faedah dan perlindungan yang sama sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Kerja 1955.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian Wanita dan lain-lain kementerian yang bekerjasama dengan kita dalam kita menangani isu dan menjaga kepentingan OKU ini.

Jabatan Tenaga Kerja telah melaksanakan beberapa usaha di sektor swasta untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi OKU. Antaranya, menerusi inisiatif Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya. Inisiatif Skim Galakan Orang Kurang Upaya telah bermula pada 2007 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi membantu usahawan OKU. Pada tahun 2016, seramai 62 orang OKU telah diberi bantuan dengan harapan semakin ramai OKU lain akan digajikan. Sehingga Oktober 2016, seramai 290 OKU telah berjaya digajikan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Kerja turut terlibat dalam inisiatif sokongan pekerjaan kepada orang kurang upaya atau *job coach*, dengan izin, bersama-sama dengan jabatan, agensi dan organisasi lain yang turut mempunyai objektif yang sama iaitu untuk meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran kerja melalui Kursus Asas Sokongan Pekerjaan.

Jabatan Tenaga Kerja juga menyediakan perkhidmatan pencarian dan pemandanan pekerja secara atas talian yang dikenal pasti sebagai Portal *JobsMalaysia*. Tuan Yang di-Pertua, melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan berkenaan. Bagi tahun 2016, seramai 400 OKU telah berdaftar di dalam Portal *JobsMalaysia*.

Daripada jumlah tersebut, seramai 153 orang adalah dalam kalangan graduan. Terdapat sebanyak 6,438 kekosongan bagi jawatan pengurus dan profesional telah diiklankan dalam Portal *JobsMalaysia* bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 16 November 2016. Daripada jumlah

kekosongan jawatan tersebut, seramai 5 peratus daripada 153 orang graduan OKU telah dipadankan pekerjaan dengan jawatan yang diiklankan. Ini Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk program di bawah SOCSO, *Return to Work* yang kita pulihkan pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan di pusat pemulihan kita di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, JTK bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Persatuan OKU telah mengadakan beberapa karnival OKU peringkat negeri dan kebangsaan, di mana seramai 849 OKU berjaya ditempatkan dalam pekerjaan pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Tuan Ramli bin Shariff turut mendapati gaji dan upah yang dibayar kepada belia adalah lebih rendah dibandingkan dengan kelayakan mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia telah menyedari perkara ini sejak tahun 2015 lagi dan telah melancarkan Buku Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih berdasarkan kemahiran yang kita lancarkan baru-baru ini. Belia boleh melihat melalui buku ini, apa jawatan-jawatan ataupun pekerjaan yang terpilih 160 ini yang boleh mereka mencari untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan di negara kita ini.

Inisiatif yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia ini dibuat selepas mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) kajian selidik pengesanan graduan yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja terhadap lepasan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia mendapati pekerja-pekerja mempunyai kelayakan sijil dan diploma kemahiran daripada institusi latihan kemahiran, ramai yang ditawarkan gaji yang tidak berbeza dengan pekerja-pekerja asas yang lain yang tidak memiliki apa-apa kemahiran;
- (ii) panduan gaji yang ada di pasaran sekarang seperti yang dikeluarkan oleh Persatuan-persatuan Industri didapati menetapkan kadar gaji permulaan yang rendah. Susulan daripada itu, keadaan ini secara tidak langsung juga menyukarkan perundingan berkenaan gaji pokok permulaan yang sesuai dengan tahap kemahiran graduan lepasan TVET kerana tiada sebarang panduan gaji pokok permulaan yang disediakan oleh kerajaan; dan
- (iii) sekiranya pasaran pekerjaan atau majikan tidak mengiktiraf kemahiran yang dimiliki oleh pekerja melalui insentif gaji, ia boleh menyebabkan belia dan lepasan sekolah tidak berminat menjalani latihan kemahiran.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia setelah berbincang dengan pelbagai pihak telah menerbitkan Buku Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerja Terpilih berdasarkan kemahiran bagi mencapai matlamat di atas. Buat permulaan Tuan Yang di-Pertua, kadar gaji pokok permulaan yang disyorkan dalam panduan gaji ini adalah seperti berikut:

<b>TAHAP KEMAHIRAN</b>	<b>KADAR GAJI POKOK PERMULAAN YANG DISYORKAN (RM)</b>
SKM Tahap 1	1,130
SKM Tahap 2	1,250
SKM Tahap 3	1,500
Diploma Kemahiran Tahap 4	1,830
Diploma Latihan Kemahiran Tahap 5	2,270

Dengan adanya buku ini, saya kira kita berharap anak-anak kita dan mahasiswa dan juga pekerja-pekerja yang boleh mencari kerja dapat mengisi ruang-ruang kosong yang terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah juga membangkitkan ratifikasi Konvensyen ILO seperti *Termination Of Employment Convention 158* dan *Termination Of Employment Convention 166*. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum mengenai kedua-dua instrumen berhubung pengurusan pemberhentian pekerja oleh majikan atas sebab salah laku pekerja atau penutupan operasi syarikat iaitu *Termination Of Employment Convention 1982 C158* dan *Termination of Employment Recommendation 1980 R166*.

**Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [Bangun]**

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat Senator, saya ingat tak payah tanyalah. Jelas Yang Berhormat Senator tahu.

■1740

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Isu yang saya bangkitkan. Sorry, sorry. Isu yang saya bangkitkan spesifik soalan. Pasal tadi kalau kita tengok jawapan Yang Berhormat Menteri daripada segi pemberhentian kerja, hampir 38,000 dan sebagainya peratus ya. Jumlah peratus yang diberi daripada segi berapa bayak voluntari dan berapa banyak *retrenchment* dengan VSS dan sebagainya.

Lagi satu isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri daripada segi perlindungan sekarang, Akta Kerja. Akan tetapi isu yang saya bangkitkan ialah satu lagi peratus daripada segi 38,000 itu atau hampir 39,000 yang diberhentikan, 48 peratus tidak mendapat

perlindungan di bawah Akta Kerja. So, soalan saya spesifik sama ada kerajaan akan meratifikasi kedua-dua konvensyen itu? Sekurang-kurangnya akan menimbang untuk *ratification*.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Dato. Sebenarnya ada di belakang, ada yang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak panjangkan sikit. Konvensyen C158 berkenaan peruntukan prosedur yang perlu dipatuhi sebelum pekerja diberhentikan, tempoh notis, pampasan, serta peluang kepada pekerja untuk membuat rayuan atas pemberhentian ini. Manakala Rekomendasi R166 menggariskan dengan lebih terperinci akan langkah-langkah yang boleh diambil dalam proses pemberhentian kerja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu berikut. Ada lima sahaja, tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua. Perlindungan sosial. Ini dia, Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Tuan Chandran Mohan, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng membangkitkan perkara ini.

Dalam usaha kerajaan menambah baik sistem perlindungan sosial kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia sedang merangka model Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kita tengah buat sekarang ini, Yang Berhormat. Kita harap dapat segerakan dan *insya-Allah*, mendapat pulangan ataupun faedah yang baik kepada pekerja kita yang diberhentikan. Bagi membantu pekerja kehilangan pekerjaan menampung kos sara hidup selepas diberhentikan dan pada masa yang sama membantu pekerja tersebut kembali ke dalam pekerjaan dengan segera.

Kementerian Sumber Manusia telah membentangkan cadangan SIP ini ataupun sistem perlindungan sosial ini kepada Majlis Ekonomi Negara (EC) dan kini sedang memperhalusi cadangan dan struktur caruman SIP berdasarkan maklum balas daripada EC bagi memastikan sistem yang diwujudkan mampan dan dapat bertahan dalam keadaan ekonomi yang lebih mencabar. Aspek kemampuan dana adalah amat penting bagi memastikan faedah-faedah yang dicadangkan dapat direalisasikan kepada golongan pekerja dan majikan.

Yang Berhormat Senator, sebenarnya Perdana Menteri kita cukup prihatin, kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin. Walaupun dalam keadaan ekonomi hari ini tetapi kita memikirkan bahawa berjuta-juta pekerja kita, beratus ribu, berpuluhan ribu yang berhenti ini perlu kita bela.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memandang serius terhadap keadaan persaraan dalam negara ini. Antara langkah proaktif yang telah dilakukan adalah menguatkuasakan Akta

Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753] yang antara lain untuk melanjutkan tempoh bekerja sehingga umur 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu perlindungan pekerja yang tidak dilindungi Akta Kerja 1955, Yang Berhormat Senator. Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk memberikan perlindungan sewajarnya kepada semua pekerja yang diberhentikan oleh majikan. Pekerja-pekerja ini adalah layak kepada faedah-faedah penamatan kerja yang paling minimum sekiranya mereka dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 atau faedah-faedah yang dinyatakan dalam perjanjian bersama. Secara amnya, pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 adalah layak untuk menuntut faedah-faedah seperti gaji ganti, notis faedah penamatan kerja, bayaran ganti bagi cuti tahunan dan baki gaji berikut sekiranya diberhentikan kerja dan lain-lain faedah yang layak untuk mereka.

Selain itu, sekiranya pekerja tidak berpuas hati dengan tindakan pemberhentian yang dilakukan oleh majikan, mereka juga boleh menuntut pemuliharan kerja di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sebagai alternatif pekerja-pekerja yang diberhentikan yang tidak dilindungi di bawah mana-mana peruntukan akta perburuhan masih boleh memfailkan tuntutan terhadap bekas majikannya, faedah di mahkamah sivil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk latihan, kemahiran dan latihan secara *online*, tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu ini. Antara mereka ialah Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahimah binti Idris membangkitkan isu latihan kemahiran latihan secara *online*.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui institusi TVET awam dan swasta membuka luas peluang latihan kemahiran kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan status ekonomi mereka. Program-program TVET di bawah Kementerian Sumber Manusia khususnya merupakan latihan berdasarkan sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang menggunakan standard yang dibangunkan oleh industri. Standard-standard ini melibatkan kompetensi termasuk kemahiran berkomunikasi, teknologi maklumat, komunikasi elektrik dan elektronik, telekomunikasi dan penyiaran yang dikaji secara berterusan dengan kerjasama industri.

*Massive Open Online Course (MOOC)*, dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad program yang dilaksanakan oleh

Kementerian Pendidikan Tinggi. Program seumpama ini juga dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Di Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Skim Pendidikan Jarak Jauh Maya atau *Online Distance Learning*, dengan izin, telah diperkenalkan semenjak tahun 2010 kepada majikan yang dilitupi di bawah Akta PSMB 2001 khususnya bagi majikan yang berdaftar daripada sektor perkilangan, perkhidmatan, perlombongan dan kuari. Majikan-majikan ini layak untuk memperoleh bantuan-bantuan kewangan bagi latihan dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Senator Hajah Engku Naimah binti Engku Taib membangkitkan isu peruntukan sebanyak RM4.6 bilion dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur kolej vokasional awam dan swasta di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai 32 buah institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia yang turut melaksanakan pendidikan teknikal dan latihan kemahiran yang mana infrastruktur dan peralatan latihan dibekalkan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia lima tahun.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail membangkitkan isu kebolehkerjaan graduan sektor ICT. Pelbagai kursus berkaitan ICT ditawarkan di peringkat sijil dan diploma oleh institusi latihan kemahiran awam dan swasta. Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia menawarkan kursus dalam bidang ICT telah mengambil inisiatif melengkapkan graduan dengan persijilan profesional melalui kerjasama badan-badan persijilan seperti *Cisco Computing Industrial Association*, dengan izin, dan *Microsoft* dengan persijilan seperti *Cisco Certified Network Associates*, *Microsoft Certified System Engineer*, *CompTIA* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, inisiatif yang bakal dilaksanakan dalam mewujudkan 1.5 juta pekerjaan baru menjelang tahun 2020 yang mana memerlukan 60 peratus daripada pekerjaan tersebut. Bagi menyokong keperluan tersebut, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membuat penjenamaan semula latihan kemahiran di bawah *Skills Malaysia* untuk menyatukan dan menyelaraskan kualiti latihan kemahiran yang dilaksanakan di negara ini supaya menepati keperluan industri.

Kementerian melalui Jabatan Tenaga Manusia giat menjalankan pelbagai aktiviti promosi bagi memperkenalkan dan menggalakkan penyertaan golongan keciciran ini untuk mengikuti latihan TVET di 32 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di kementerian

seluruh Malaysia. Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia menjalankan promosi menerusi penyertaan pameran serta memenuhi undangan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah dan menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti setempat dengan juga sokongan daripada kementerian-kementerian lain.

Bagi membantu golongan belia di Sabah dan Sarawak pula, PSMB turut memperkenalkan *Special Programme Intended for Community Enrichment*, dengan izin, untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelatih dalam bidang keusahawanan bagi membolehkan mereka membuka perniagaan sendiri atau mendapat pekerjaan bagi membantu mereka menjana pendapatan sehari-hari.

Perkara keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah penggajian pekerja asing dan pelarian. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah telah membangkitkan isu penggajian pekerja asing dan isu pelarian.

Dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memastikan hak dan kebijakan pekerja tempatan dipelihara dalam isu ini.

#### ■1750

Dalam isu pemberhentian kerja dan mengantikan dengan pekerja asing sebelum sebarang tindakan pemberhentian kerja dibuat, majikan dikehendaki melaporkan sebulan lebih awal ke Jabatan Tenaga Kerja sekiranya bercadang menjalankan pemberhentian kerja sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Jabatan Tenaga Kerja menjalankan pemantauan bagi memastikan majikan mematuhi seksyen 60N, Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] iaitu bagi memastikan majikan memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan.

Jabatan Tenaga Kerja juga membuat pemantauan berterusan ke atas majikan yang menjalankan tindakan pemberhentian pekerja secara sebahagian bagi memastikan majikan berkenaan mematuhi seksyen 60M, Akta 265 iaitu tidak boleh memberhentikan pekerja tempatan bagi maksud mengantikan dengan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas kementerian meletakkan bahawa bilangan pekerja asing dalam negara hendaklah tidak melebihi 15 peratus. Berdasarkan perangkaan, jumlah tenaga buruh oleh Jabatan Statistik sehingga September 2016, jumlah tenaga buruh ialah 14.76 juta orang, manakala bilangan pekerja asing sehingga September 2016 pula berjumlah 1.85 juta iaitu 12.53 peratus masih lagi dalam jumlah ataupun peratus yang diizinkan oleh kerajaan.

Pada 19 Februari 2016, kerajaan telah mengumumkan pembekuan atau penangguhan pengambilan pekerja asing baru bagi semua sektor. Pembekuan ini akan diteruskan sehingga kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar guna tenaga negara. Kementerian akan sentiasa memastikan supaya pengambilan pekerja asing dirancang dan diurus secara teratur supaya tidak menjelaskan peluang bekerja bagi rakyat tempatan. Bagi mengurangkan penggantungan berterusan kepada pekerja asing, majikan digalakkan mengamalkan sistem layan diri dan disarankan supaya menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi menarik minat orang tempatan.

Berhubung dengan isu *access* pekerja kepada pemegang kad UNHCR etnik Rohingya, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dalam proses memperhalus pelaksanaan *pilot project* untuk menempatkan 300 orang daripada etnik Rohingya untuk bekerja dalam sektor perkilangan dan perladangan, ia masih belum dimuktamadkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir ialah penjimatan perbelanjaan dan *right sharing*. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan isu penjimatan dan perbelanjaan operasi badan-badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian beri peruntukan RM1.240 bilion bagi pembangunan mengurus dan pembangunan pada tahun hadapan. Walaupun peruntukan ini sedikit kurang tetapi kita akan mencari jalan bagaimana kita boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan berbelanja berhemah. Apa yang pasti kita nak tentukan supaya kepentingan pekerja dan juga rakyat negara kita ini tidak rugi dan tidak hilang hasil akibat daripada mengurangkan perbelanjaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga buah agensi yang terlibat dalam usaha-usaha untuk kita mengurangkan perbelanjaan kementerian ini di mana kita memberikan keupayaan supaya tiga-tiga agensi ini Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Keselamatan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan akan kita mantapkan peranan mereka termasuklah melibatkan sebagai peneraju pembangunan dan latihan modal insan negara bawah PSMB.

PSMB juga turut memperkenalkan pelbagai skim dan program latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula pekerja. Kesemua latihan yang diperkenalkan oleh PSMB kepada majikan berdaftar adalah menjurus kepada pembangunan semula dan latihan yang membolehkan *multitasking* yang melibatkan para pekerja tempatan masing-masing. Dari mula penubuhan PSMB sebenarnya PSMB telah memainkan peranan yang cukup besar di dalam kita meningkatkan kemahiran dan juga kepakaran pekerja-pekerja tempatan.

Begitu jugalah yang kedua, PERKESO. PERKESO sebuah badan berkanun di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia yang diamanahkan untuk melaksanakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Banyak program PERKESO yang kita anjurkan dalam kita mempertahankan, membela masa depan pekerja-pekerja kita termasuklah mengadakan pusat pemulihan di Melaka yang mana kita telah boleh mengambil semula pekerja-pekerja yang telah terlibat dengan kemalangan untuk bekerja dan mencari pendapatan sambungan untuk hidup mereka. Program-program di atas ini cukup berkesan kepada kita. Kita yakin bahawa ia dapat menjimatkan kewangan negara dan akan membantu peluang-peluang yang baik untuk pekerja.

Agenzi yang ketiga, ialah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH). NIOSH agensi berkanun terakhir di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab melaksanakan latihan, khidmat rundingan, kajian dan penyebaran maklumat dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan Malaysia.

Sebagai sebuah syarikat milik kerajaan NIOSH sentiasa mengamalkan penjimatan kos operasi bagi memastikan keuntungan syarikat yang baik seperti pembukaan pejabat baru NIOSH di empat buah lokasi tanpa melibatkan kewangan tambahan, meramaikan tenaga pekerja dalaman berbanding tenaga pekerja di luar agar kos bayaran tenaga pengajar dapat dikurangkan, dan menjadi amalan NIOSH menugaskan kakitangan teknikal yang sama untuk melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan kajian khidmat rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian Sumber Manusia tenat, letih dan bertungkus-lumus, apa yang kita nak pastikan supaya pekerja negara kita dapat kita bela dan pembangunan negara dapat kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak Menteri dan seluruh keluarga Kementerian Sumber Manusia dan tenaga semua pekerja di negara kita ucapan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan pelbagai isu, yang mana jelas mereka memperjuangkan masa depan pekerja kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Sekian tadi ucapan Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib mengenai dengan sumber manusia. Dia telah berjuang habis-habisan agar hasrat murni kementeriannya tercapai. Tahniah dan terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak pergi kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

**5.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017.

Seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada tiga perkara utama iaitu:

- (i) perkhidmatan telekomunikasi dan pelaksanaan jalur lebar berkelajuan tinggi;
- (ii) pembangunan ekonomi digital; dan
- (iii) industri penyiaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap isu-isu berkaitan telekomunikasi dan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Bagi tujuan mempertingkatkan liputan jalur lebar di seluruh negara, pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah memperuntukkan RM1 bilion bagi tahun 2017 untuk tujuan pelaksanaan pelbagai inisiatif berdasarkan infrastruktur jalur lebar seperti perluasan liputan jalur lebar mudah alih dan juga perluasan jalur lebar talian tetap, terutamanya kepada pengguna di kawasan luar bandar.

Di bawah inisiatif perluasan liputan jalur lebar mudah alih ini, ia melibatkan pembinaan menara-menara komunikasi baru di kawasan-kawasan yang tiada atau kurang liputan dan juga penaik tarafan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G, atau 4G ,LTE di menara-menara sedia ada. Ini kita memperuntukkan lebih kurang RM800 juta daripada jumlah satu bilion yang telah diperuntukkan.

Selain daripada itu, projek penaik tarafan jalur lebar yang tertumpu di kawasan luar bandar juga turut dilaksanakan melalui inisiatif perluasan jalur lebar talian tetap yang mampu

menyediakan capaian internet dengan kelajuan sehingga *20 megabit per second*, dengan izin. Di mana peruntukan sejumlah RM200 juta daripada jumlah RM1 bilion yang telah diperuntukkan tadi.

■1800

Kesemua inisiatif ini akan dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat bagi memastikan semua kawasan di seluruh negara mempunyai perkhidmatan jalur lebar yang lebih laju dan berkualiti untuk kegunaan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebagai perincian sejak tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 2,963 buah lokasi telah pun diaktifkan dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G. Tambahan 1,008 buah lokasi lagi sedang dilaksanakan di seluruh negara dan dijangka siap secara berperingkat sehingga akhir tahun 2017.

Manakala bagi liputan jalur lebar mudah alih 4G, peluasan liputan sedang giat dilaksanakan dengan tumpuan di bandar-bandar utama, pertengahan dan juga bandar kecil. Setakat ini liputan populasi 4G ialah sebanyak 63 peratus dan usaha ini akan diperluaskan termasuk ke kawasan luar bandar secara berperingkat sehingga tahun 2020. Bagi negeri Sabah, sehingga kini sebanyak 654 buah lokasi telah pun dinaik taraf dengan liputan 3G dan sebanyak 226 buah lokasi lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan di bawah peruntukan RM1 bilion yang sama dianggarkan sebanyak 80 buah menara komunikasi baru akan dibina di Sabah dan dijangka akan siap pada akhir tahun 2017.

Bagi negeri Sarawak pula di bawah peruntukan RM1 bilion yang sama dianggarkan sebanyak 85 buah menara telekomunikasi yang baru akan dibina di Sarawak dan dijangka akan siap pada akhir tahun 2017. Selain daripada itu, pihak kerajaan sedang melaksanakan Projek Jalur Lebar Berkelaian Tinggi Fasa 2 yang akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan sehingga *100 megabit per second*, dengan izin, termasuk di DUN Batu Kawah. Sehingga kini sebanyak 8,712 sambungan yang melibatkan dua ibu sawat telah pun tersedia di Parlimen Stampin. Sebanyak 4,168 sambungan lagi masih dalam peringkat pelaksanaan yang turut akan memberi liputan di DUN Batu Kawah dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, pihak Telekom Malaysia Berhad memaklumkan mereka menghadapi masalah kecurian kabel yang tinggi di DUN Batu Kawah yang menyebabkan gangguan kepada kelancaran kerja-kerja menyediakan perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di antara cabaran dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi di Sabah dan Sarawak antaranya ialah:

- (i) populasi penduduk yang berterburu;
- (ii) kawasan geografi yang berbukit bukau dan jaringan pokok yang padat;
- (iii) kos pelaksanaan projek yang tinggi;
- (iv) kesukaran untuk mendapatkan bekalan elektrik ke tapak menara komunikasi;
- (v) kesukaran untuk mendapatkan tapak yang bersesuaian untuk pembinaan menara; dan
- (vi) proses kelulusan yang agak lama bagi membina sesebuah menara.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya memberi penjelasan mengenai pelaksanaan Projek *WiFi Community* ataupun dulunya dipanggil Kampung Tanpa Wayar sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Projek *WiFi Community* merupakan satu inisiatif bersifat sementara di mana tujuan utamanya adalah untuk memberi akses permulaan secara kolektif kepada komuniti terutamanya di luar bandar dalam memupuk minat rakyat terhadap penggunaan internet.

Dulunya liputan *WiFi Community* ini di kawasan kampung sahaja di mana setiap *WiFi Community* dipasang dengan tiga alat pemancar yang akan memberi capaian dalam lingkungan jarak sehingga 250 meter bergantung kepada keadaan geografi dan juga bangunan yang sedia ada. Kini pelaksanaannya menggunakan konsep teknikal ataupun pusat dan jaringan dengan izin, *hub and spoke* sahaja di mana melalui konsep ini setiap jaringan *WiFi Community* akan disambungkan secara terus ke Pusat Internet 1Malaysia yang bertindak sebagai pusat ataupun hab.

Jumlah rangkaian teras ataupun, dengan izin, *back haul* yang akan dibekalkan ke Pusat Internet 1Malaysia sebanyak *20 megabit per second*. Sehingga kini sebanyak 736 Pusat Internet 1Malaysia telah pun siap dan beroperasi di seluruh negara manakala 123 Pusat Internet 1Malaysia masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ke-tiga tahun 2017. Pada masa yang sama rakyat turut mempunyai pilihan untuk melanggan perkhidmatan jalur lebar secara komersial bagi kualiti yang lebih baik bagi kawasan-kawasan yang telah mempunyai perkhidmatan jalur lebar.

Pihak kementerian tidak berhasrat untuk meneruskan Projek *WiFi Community* dan akan memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang menjadi keperluan asas kepada penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang lebih stabil, berkualiti dan bersifat jangka masa panjang. Pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur sebegini penting bagi memastikan perkhidmatan komunikasi dan capaian internet yang lebih baik serta berkualiti kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara pintar menjelang tahun 2020.

Sehingga kini sebanyak RM10 bilion telah pun diperuntukkan di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat ataupun, dengan izin, USP bagi pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara sejak tahun 2002. Jumlah ini antara lain melibatkan projek-projek seperti peluasan perkhidmatan jalur lebar talian tetap ataupun, dengan izin, *fix line* dan mudah alih, sistem kabel dasar laut atau *submarine cable*, dengan izin, rangkaian gentian optik, pakej peranti pintar dengan internet, telefoni awam dan Pusat Internet 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya saya ingin memberikan maklum balas mengenai usaha Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina perkhidmatan internet ataupun, dengan izin, *Cyber Superhighway* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili. Sehingga kini sebanyak RM1.9 bilion telah diperuntukkan untuk negeri Sarawak bagi projek sedia ada iaitu bermula pada tahun 2008 sehingga kini untuk pembangunan infrastruktur komunikasi. Jumlah ini antara lain iaitu:

- (i) melibatkan projek-projek seperti peluasan perkhidmatan jalur lebar talian tetap termasuklah Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2 ataupun dengan izin, *High Speed Broadband 1* dan *2*;
- (ii) peluasan liputan jalur lebar mudah alih meliputi pembinaan menara baru dan penaiktarafan menara sedia ada ke liputan *3G*;
- (iii) sistem Kabel Rakyat 1Malaysia ataupun SKR1M yang melibatkan sistem kabel dasar laut dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak;
- (iv) inisiatif peluasan jaringan gentian optik bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan internet yang sedia ada;
- (v) pakej peranti pintar yang menawarkan harga peranti yang lebih rendah dari harga pasaran; dan
- (vi) Pusat Internet 1Malaysia yang menyediakan capaian internet secara kolektif dan latihan ICT kepada komuniti setempat.

Perkara-perkara dan cadangan berkaitan isu caj perkhidmatan internet oleh syarikat telekomunikasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff adalah menarik di mana pihak kementerian ini meraikan cadangan-cadangan yang diutarakan tersebut sebagai input yang berguna dalam menambahbaikkan kualiti perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada masa kini aduan berkaitan dengan isu telekomunikasi disalurkan oleh pengguna kepada kementerian ini melalui Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ini merupakan salah satu forum di bawah kementerian ini di mana bagi tempoh bulan Januari sehingga November tahun 2016 sebanyak 2,654 aduan pengguna telah diterima melalui forum pengguna berkenaan isu bil dan caj termasuklah isu caj perkhidmatan internet oleh syarikat telekomunikasi. Tempoh aku terima ataupun *acknowledgment*, dengan izin, bagi aduan 48 jam dan tempoh penyelesaian aduan adalah tidak melebihi daripada 30 hari bekerja.

Bagi isu gangguan perkhidmatan internet dan telekomunikasi yang berlaku, ketersediaan perkhidmatan telekomunikasi adalah tertakluk kepada *standard mandatory* dalam aspek kawal selia oleh pihak SKMM. Mengenai pemberian rebet ia adalah berdasarkan penelitian kes ataupun *case-to-case basis* dan bergantung kepada jenis serta gangguan. Setakat ini terdapat empat orang pengguna yang mengalami gangguan diberi rebet dalam bentuk *airtime*, sms percuma ataupun diskau bayaran bulanan. Pada masa yang sama pihak SKMM juga boleh mengenakan denda di atas ketidakpatuhan *mandatory standard* oleh syarikat telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan mengenai isu berkaitan pembangunan ekonomi digital yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Sejajar dengan usaha membangunkan ekonomi digital ini di samping menyediakan dan mempertingkatkan jalur lebar di seluruh negara, pihak kementerian melalui agensinya iaitu MDEC telah melaksanakan pelbagai inisiatif khususnya dalam membangunkan ekosistem ekonomi digital negara yang mampan.

Usaha ini termasuk dalam memacu pelaburan, memperkasa syarikat tempatan, memangkinkan pembangunan ekosistem, inovatif serta dalam merakyatkan ekonomi digital.

## ■1810

Bagi menyediakan modal insan yang berilmu dan berkemahiran selaras dengan permintaan dan keperluan industri teknologi digital dan ekonomi digital, pihak kerajaan telah

melaksanakan pelbagai program dan inisiatif yang merangkumi penerapan kemahiran sejak peringkat universiti sehingga kepada peringkat latihan praktikal industri dan pensijilan profesional dalam bidang-bidang tertentu teknologi digital. Dalam melaksanakan program dan inisiatif ini pihak kementerian melalui MDEC telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan agensi seperti TalentCorp dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad ataupun, dengan izin, HRDF. Antara program latihan kemahiran teknikal dan profesional dalam bidang teknologi digital yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 ialah:

- (i) program untuk siswazah TVET;
- (ii) program untuk bidang *Big Data Analytics*, dengan izin;
- (iii) program untuk bidang *gaming*, dengan izin;
- (iv) program untuk bidang *Global Business Services*, dengan izin;
- (v) program kolaborasi industri dan akademia seperti program latihan untuk industri spesifik seperti, dengan izin, *The Big Data Analytics* dan *The Internet of Things*; dan
- (vi) program, dengan izin, *Train the Trainer* bersama dengan syarikat peneraju teknologi seperti ARM, Intel, Sisco, Huawei dan TRIZ.

Selain daripada itu, melalui program e-keusahawanan ilmu keusahawanan diterapkan kepada pelajar TVET dan usahawan kecil seperti, dengan izin, *social media marketing*, *mobile commerce analyst*, *e-payment digital advertising* dan *cyber security*. Pihak MDEC akan mengadakan latihan *e-commerce* kepada syarikat teknologi melalui portal *My E-Commerce Exchange* mengenai asas e-dagang serta panduan mengenai eksport dan juga perdagangan rentas sempadan sebagai persediaan kepada syarikat-syarikat ini meneroka laluan pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, penekanan reformasi terhadap ekonomi digital dan pembangunan bersepadu ekonomi digital sememangnya akan diselaraskan dengan pelan tindakan pihak kerajaan yang komprehensif dan holistik melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak industri dan swasta daripada pelbagai sektor. Ini bagi memastikan negara sentiasa bersedia dalam menghadapi sebarang ancaman serangan siber termasuklah dalam mengekang ancaman penggodaman *board net*, *web defacement*, kecurian maklumat, pengintipan dan sebagainya. Pelan tindakan tersebut memberikan penumpuan terhadap tiga aspek utama iaitu urus tadbir, teknikal dan pembangunan kapasiti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas bagi persoalan mengenai industri penyiaran negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bidang penyiaran merupakan satu bidang yang memerlukan jumlah pelaburan yang besar untuk menampung kos penyediaan infrastruktur, kos operasi serta kos pembelian kandungan *contentnya* yang mana harganya sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Justeru penyediaan perkhidmatan televisyen berbayar memerlukan komitmen kewangan yang kukuh di samping perancangan pelaburan jangka panjang. Sehingga kini sebanyak 44 lesen *content application service provider*, dengan izin, ataupun CSPI telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang memohon dan layak untuk memberikan perkhidmatan televisyen berbayar.

Ini bererti pasaran adalah bersifat terbuka untuk mana-mana pemain baru yang berkemampuan dan memegang lesen-lesen yang sah serta berkaitan untuk turut menceburι bidang penyiaran satelit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, hak eksklusif kepada pihak ASTRO...

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua hendak mencelah sikit tentang penyiaran ini. Kita dapat tahu yang filem-filem termasuk filemlah penyiaran di televisyen kena tapis oleh LPF. Adakah filem-filem yang lain yang bukan daripada TV1 atau TV kerajaan ataupun ASTRO adakah dikenakan tapisan oleh LPF. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Proses yang sama akan terpakai kepada mana-mana kandungan yang dirasakan akan mempunyai elemen-elemen yang tertentu. Oleh sebab ini merupakan satu kawal selia bersifat holistik di mana daripada segi proses penapisan dan sebagainya memang kita serahkan kepada pihak LPF manakala daripada segi proses pelesenan dan penyiaran diserahkan kepada pihak Kementerian Komunikasi di bawah SKMM.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penggulungan iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator hak eksklusif kepada ASTRO sebagai syarikat tunggal yang menyediakan perkhidmatan secara terus kepada pengguna menerusi satelit adalah bagi tempoh 20 tahun mulai 1 Mac 1997 sehingga 28 Februari 2017 yang akan berakhir tahun depan. ASTRO juga menyediakan perkhidmatan *Njoi* juga dengan bayaran sekali sahaja iaitu RM285...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Mohon mencelah. Saya pun baru tahu ini Tuan Yang di-Pertua yang ASTRO ini akan tamat konsesi dia. Adakah kerajaan berhasrat langkah seterusnya terhadap syarikat ASTRO ini dan saya dapat tahu juga ada satu lagi lesen diluluskan dahulu iaitu *MyTV* apa sudah jadi apa keadaan yang berlaku selepas itu. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan persoalan. Berkaitan dengan ASTRO, sekiranya tempoh *exclusivity* itu tamat pada 28 Februari pada tahun hadapan, ia akan memainkan peranan seperti mana, mana-mana pemegang lesen yang sedia ada.

Untuk *MyTV* pula untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan infrastruktur TV *terrestrial digital* ini merupakan salah satu alternatif kepada badan penyiaran yang lain di mana fasa satu pun sudah selesai pada bulan April tahun ini di mana pembinaan 14 buah pemancar TV di mana hampir 85 peratus kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia telah pun diliputi dengan perkhidmatan TV digital.

Penjadualan semula bagi fasa kedua telah dibuat oleh *MyTV* untuk baki 46 buah pemancar TV di mana ia akan memberikan liputan sehingga 98 peratus kawasan berpenduduk seperti berikut pertamanya fasa 2A iaitu 20 buah pemancar TV dijangka beroperasi pada suku pertama 2017 dan fasa 2B iaitu baki 26 buah pemancar TV dijangka siap pada suku keempat tahun 2017. Terima kasih.

Jadi berbalik kepada ASTRO, ASTRO telah menyediakan perkhidmatan Njoi dengan bayaran sekali sahaja iaitu RM285 untuk 48 saluran tanpa bayaran langganan bulanan maknanya *free*. Sehingga kini pelanggan Njoi adalah seramai 1.6 juta orang dan pihak ASTRO juga bekerjasama dengan pihak kementerian untuk memberikan perkhidmatan Njoi secara percuma kepada mereka yang layak di bawah program eKasih.

Pada masa kini masyarakat mempunyai pilihan siaran berbayar selain daripada pihak ASTRO dengan langganan minimum sebanyak RM40.35 sebulan sahaja iaitu *HypTV* daripada TM dengan langganan minimum sebanyak RM179 sebulan bersekali dengan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan 30 *megabits per second*. Selain daripada itu masyarakat turut mempunyai pilihan siaran melalui *over the top*, dengan izin, percuma seperti [www.tonton.com.my](http://www.tonton.com.my) secara *streaming* ataupun *catch up*.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia

Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambahbaik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jailani bin Johari melalui penerangan yang begitu jelas dan panjang lebar dan Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih dan tahniah. Saya juga sekarang ini beralih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, dipersilakan Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

#### **6.19 ptg.**

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada 17 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 Kementerian Pendidikan Tinggi. Untuk Bajet 2017, kementerian mendapat peruntukan sebanyak RM12,132,640,700. Ini merupakan 9.3 peratus lebih rendah pada tahun lalu.

#### **■1820**

Akan tetapi saya hendak mengatakan di sini walaupun ia lebih rendah, ia adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dan juga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mana kita dapatkan bahawa pergantungan universiti awam terhadap kerajaan terlalu tinggi. Kalau kita lihat, saya bawa buku sini kerana senang dilihat. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 jelas dikatakan bahawa universiti awam terlalu bergantung kepada pendanaan kerajaan, jelas.

Jadi, apa yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bajet baru-baru ini adalah selaras dengan pelan pendidikan negara. Ini dikeluarkan pada tahun lalu. Tahun yang sebelumnya pada tahun 2007, tujuh atau lapan tahun yang lalu juga dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dikeluarkan pada tahun 2007 juga jelas menyatakan bahawa pada tahun 2020 di sini, melangkaui tahun 2020, pergantungan akan turun ke peringkat 70 peratus sahaja. Pergantungan masa kini ialah di peringkat 80 peratus hingga 90 peratus.

Jadi, apabila dikaji dan dilihat, pergantungan ini tidak mendatangkan kebaikan kepada universiti. Ini kerana di luar negara, pergantungan hanya di peringkat 50 peratus sahaja. Pergantungan di peringkat 80 peratus atau 90 peratus ini adalah tidak mampan dan tidak *sustainable*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat jiran kita, di *Thammasat*

*University*, pergantungan hanya di peringkat 30 peratus sahaja. Hendak katakan lagi bahawa ia selaras dengan pelan strategik pembangunan universiti-universiti kita di seluruh negara.

Juga saya hendak mengatakan di sini bahawa kemampuan universiti awam juga untuk menjana dana mereka sendiri. Kalau kita lihat kepada angka dalam bulan September tahun ini, UKM sendiri telah dapat menjana 21 peratus daripada dana yang mereka perlu, UPM 22 peratus, UTM 18 peratus, UniSZA 26 peratus, UNIMAS 23 peratus mengatakan mereka *insya-Allah* mampu untuk menjana dana mereka sendiri. Jadi, apa yang dilakukan oleh kerajaan itu selaras dengan perancangan yang telah dibuat.

Di samping dana kerajaan juga, kita lihat universiti awam juga mendapat geran daripada antarabangsa untuk penyelidikan. Untuk tahun 2011 hingga tahun 2015, universiti awam mendapat RM223 juta geran daripada *Japan International Cooperation Agency*, Newton-Ungku Omar, Australia IRU, daripada industri mendapat RM237 juta. Ingin mengatakan geran dari luar yang didapati oleh universiti awam kita meningkat kepada RM461 juta.

Universiti kita juga mampu saya katakan tadi, untuk menjana pendapatan sendiri dan mencari sumber luar dalam pembinaan penginapan untuk pelajar-pelajar. UTM Jalan Semarak mampu mendapat dana melalui pinjaman lebih RM100 juta dari bank. UNIMAS juga untuk penginapan pelajar, RM52 juta dari bank. UPM dalam perancangannya untuk membina juga sebuah hotel 3 Bintang dan juga kelengkapan pendidikan akan mendapat bantuan dana dari bank sebanyak RM400 juta.

UniMAP baru-baru ini mendapat pembiayaan RM58 juta juga dari bank dan ada individu-individu yang memberi derma, sumbangan. Katakanlah kalau Kompleks Azman Hashim di USM, kompleks sukan adalah dengan derma, sumbangan sebanyak RM10 juta. Ini contoh-contoh saya beri untuk mengatakan bahawa universiti kita mampu. Walaupun ada pengurangan, tetapi universiti kita *insya-Allah* mampu untuk menjana pendapatan sendiri.

Dari tadi juga kita lihat- Ini maaf, itu untuk menjawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Mat. Kita lihat ada juga kita menggalakkan universiti kita membuka tabung-tabung wakaf. Ini juga dalam perancangan sebenarnya. Kalau kita lihat telah keluarkan buku *Purple Book*, pelan pelaksanaan *Enhancing University Income Generation* melalui *endowment* dan juga wakaf. Buku sudah ada, sudah keluar untuk panduan universiti-universiti. Kita lihat *alhamdulillah*, tujuh buah universiti telah dapat menujuhan tabung wakaf mereka. Antaranya UKM, UPM, USM, USIM, UTM dan juga UMP. Ada yang macam UPM telah dapat menjana, mengutip RM7.5 juta untuk tabung wakaf mereka. USIM telah dapat mengutip RM3.93 juta untuk tabung wakaf mereka.

Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tabung Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang telah banyak memberi kerjasama untuk menjayakan pelaksanaan tabung wakaf di universiti-universiti. *Insya-Allah*, saya jangka pada tahun hadapan ini, kesemua 20 buah universiti kita ini mempunyai tabung wakaf mereka masing-masing. Tidak kurang juga peranan yang boleh dimainkan oleh alumni-alumni universiti dan juga anak-anak syarikat universiti yang ditubuhkan untuk menjana pendapatan untuk universiti mereka masing-masing. Untuk dana *endowment* pula kita lihat UM sudah ada RM1.35 bilion dana *endowment*, USM ada RM115 juta dan UKM mempunyai RM65 juta dana *endowment*.

Untuk menjawab soalan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah tentang bajet UiTM yang mana untuk perbelanjaan pembangunannya meningkat begitu mendadak. Memang betul kerana tahun dahulunya, semua perbelanjaan PFI diletakkan di bawah belanja mengurus ataupun OE. Pada tahun 2017, semua perbelanjaan PFI diletakkan di bawah DE.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga mengatakan bahawa mengapa peruntukan untuk penyelidikan dikurangkan. Sebenarnya, peruntukan untuk penyelidikan bukan berkurangan. Pada tahun ini, peruntukan untuk penyelidikan bertambah. Untuk Bajet 2016, peruntukan untuk penyelidikan hanya RM370 juta, untuk Bajet 2017, ia meningkat kepada RM400 juta. Peningkatan sebanyak RM30 juta.

Berhubung dengan isu yuran juga, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya tentang yuran. Juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga bertanya tentang yuran. Sebenarnya saya hendak beritahu di sini bahawa yuran di IPT untuk kursus ijazah kekal, tidak ada kenaikan. Saya telah berkata banyak kali dan saya akan kata lagi. Saya hendak katakan di sini, yuran terutamanya yuran di UiTM adalah hampir percuma. Saya ulangi, hampir percuma. Kalau kita lihat di UiTM- ini bekas VC dia pun ada di sini. Bagi dia jangan mengantuk sangat.

Dia boleh beri kepastian, yuran di UiTM ialah RM200 satu semester. RM200 satu semester, bermakna RM50 sebulan. Oleh sebab itu saya katakan hampir percuma tadi. Kawan saya hantar anak tadika RM300 sebulan. Yuran UiTM RM50 sebulan. Oleh sebab itu saya katakan hampir percuma dan memang ada baru-baru ini kenaikan yuran untuk pelajar luar kampus Yang Berhormat Senator Dato' Rahman, orang Terengganu. Memang ada. Itu untuk pelajar luar kampus, memang ada. Akan tetapi bukan untuk pelajar sepenuh masa kerana

mereka sudah bekerja. Itu pun kenaikan daripada RM100 kepada RM120 satu jam kredit yang dirasakan mampu untuk mereka membayar.

■1830

Untuk jawapan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tentang kenaikan yuran. Saya katakan tadi bahawa yuran tidak akan dinaikkan untuk pelajar siswazah. Di Malaysia ini, yuran di negara kita merupakan antara yang terendah di Asia kerana subsidi kerajaan ialah hampir 90 peratus dan yuran-yuran universiti semua dikecualikan daripada GST. Berhubung dengan pertanyaan orang kampung saya, Yang Berhormat YM. Engku Naimah binti Engku Taib tentang Baucar Buku 1Malaysia, juga Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin berhubung dengan perkara yang sama.

Saya hendak mengatakan memang kita setuju bahawa memang ada kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan baucar Buku 1Malaysia dahulu. Sebab itu dalam pengumuman bajet yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan telah membuat penambahbaikan dengan penggunaan kad debit yang mana diperluaskan lagi penggunaannya. Kalau dulu hanya untuk membeli buku sahaja tetapi kali ini boleh digunakan untuk membeli peralatan komputer, boleh membeli alat tulis dan juga boleh akses internet menggunakan peruntukan yang disediakan itu.

Seterusnya ialah isu TVET, juga oleh Yang Berhormat YM. Engku Naimah yang mengatakan tentang infrastruktur TVET. Sekarang ini ada sebuah politeknik yang sedang dibina di Hulu Terengganu dan *insya-Allah* dijangka akan siap pada tahun- sepatutnya 2017, kerana kelewatan sedikit, *insya-Allah* siap pada 2018. Baru-baru ini kita lihat juga pengumuman bahawa lima IPG akan ditukar dijadikan politeknik. Ini akan menambah tempat-tempat di mana TVET boleh dilaksanakan. Tiga buah politeknik baru akan dibangunkan sebagaimana dalam ucapan bajet baru-baru ini, termasuk satu di Parlimen Yang Berhormat. Parlimen mana? Besut kot?

Yang Berhormat Puan Siti Aishah berkata tentang sibus TVET perlu ditambah baik selari dengan keperluan industri. Saya juga setuju dengan pandangan tersebut. Itulah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh kementerian sebenarnya untuk bekerja sama dengan industri, bukan untuk bekerjasama juga untuk melihat kurikulum TVET itu agar selaras dengan keperluan industri. Sehingga kini politeknik sendiri ada lebih 400- rakan industri yang mereka sedang bekerjasama dan terus dipertingkatkan.

Untuk soalan yang lebih khusus Yang Berhormat tentang dalam bidang ICT, memang politeknik sedang bekerjasama dengan MDEC juga dengan 20- rakan industri seperti Infosys,

Cisco, CompTIA untuk mewujudkan *Program Diploma Digital Technology* dan *Diploma Creative Technology*. Saya hendak katakan juga apa yang mereka laksanakan ini dalam bentuk *stackable* dan *modular*.

Ini saya perlu memberi sedikit penerangan kerana ia merupakan, dengan izin, *free entry/free exit*, boleh masuk bila-bila masa, boleh keluar bila-bila masa, untuk memberi kelonggaran kepada mereka yang bekerja untuk masuk ke politeknik. Apabila katakanlah mengambil 12 jam kredit, dia boleh keluar balik, lepas itu semester depan berhenti satu semester, masuk balik katakanlah. Bila cukup 90 jam kredit, dia akan mendapat diploma. Kalau 60, dapat sijil sahaja. Itulah yang dikatakan antara sistem-sistem yang telah dilaksanakan oleh politeknik dan juga kolej komuniti untuk memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar keseluruhannya.

Kita lihat kemudian ini kebolehpasaran telah meningkat walaupun kita dengar cerita-cerita kebolehpasaran ini. Angka terakhir kebolehpasaran politeknik ialah 88.6 peratus. Kalau tahun lalu 79.4 peratus. Ini merupakan peningkatan daripada 79 hingga 88 peratus. Kebolehpasaran untuk kolej komuniti ialah 97 peratus, ia berbeza dengan bidang akademik biasa. Di universiti, kebolehpasaran di peringkat 77 peratus tetapi untuk TVET saya katakan tadi politeknik 88 peratus, di kolej komuniti 97 peratus.

Untuk menjawab pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tentang TVET juga, saya ingin beri penjelasan di sini bahawa Kementerian telah mengarus perdanakan TVET. Saya katakan demikian di mana TVET bukan lagi menjadi pilihan alternatif dan TVET bukan lagi menjadi pilihan kedua sebenarnya. Di kementerian, kita melihat perkembangan TVET untuk jangka masa perancangan pelan kita hingga tahun 2025 antara 7 hingga 8 peratus. Perkembangan bidang akademik hanya 2 ke-3 peratus. Bermakna perkembangan TVET lebih tinggi dibandingkan dengan perkembangan akademik semasa. Juga 60 peratus daripada tenaga kerja Rancangan Malaysia Kesebelas ialah daripada bidang TVET.

Kementerian sedang mengadakan beberapa program antaranya Program Pendidikan Tinggi untuk memperemosikan TVET ini dan antaranya kita juga mengadakan Program Soaring Upwards yang mungkin dah tengok tangan naik ini, 45 darjah yang tegak ini mengatakan bahawa *insya-Allah* sistem pendidikan tinggi negara akan terus meningkat. Di mana kita lihat ada mereka daripada jurusan TVET menjadi profesor-profesor di universiti dan tidak kurang juga ada yang telah menjadi jutawan-jutawan.

Berhubung dengan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah dan juga Yang Berhormat Senator Puan Shahanim tentang MOOC dan juga APEL. MOOC ialah

*Massive Open Online Courses* ataupun pembelajaran atas talian. Nama *glamoumya* MOOC. Kalau kata MOOC tu nampak cerdik lagi lah. Kalau *online* tu betul juga tapi orang Terengganu kata kurang hilir dan juga APEL. APEL ialah *Accreditation of Prior Experiential Learning*. Akreditasi yang diberi kepada pembelajaran ataupun pengiktirafan kepada kerja yang kita buat, pengalaman yang terdahulu, itu APEL. *Accreditation of Prior Experiential Learning*, dengan izin, ini ayatnya Tuan Yang di-Pertua, kena pakailah APEL ini. Itu senang tetapi asasnya MOOC ialah pembelajaran atas talian, APEL ialah pembelajaran pengalaman bekerja yang terdahulu.

Kementerian mengiktiraf MOOC kerana kita lihat ia memperluaskan kaedah pembelajaran. Kaedah pembelajaran perlu diperluaskan kerana maklumat sekarang ini berada di *cloud*, di awan, di merata-rata, mana-mana pun kita boleh. Bila-bila masa pun kita boleh belajar sekarang ini. Mungkin setengah-setengah kita dapat banyak maklumat daripada ‘pak cik Google’ kita daripada pensyarah kadang-kadang kerana pensyarah bukan tahu semua. Jadi, inilah mengapa kementerian memastikan pembelajaran *online* ini yang mana *information is in the cloud*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, diperluaskan.

Begitu juga dengan APEL. APEL di mana kita mengiktiraf pengalaman yang terdahulu untuk memberi peluang dan lebih ruang kepada mereka yang mempunyai pengalaman untuk mendapat ijazah untuk membuat sarjana dan juga PhD. Ini juga selaras dengan pembelajaran sepanjang hayat kerana belajar tak berhenti. Saya pun sudah beruban, sudah tua pun belajar lagi. Sudah jadi Menteri pun belajar lagi tak habis-habis. Baru ini seseorang tanya saya dalam kapal terbang, saya baca buku, duduk tanda atas buku. Dia kata, “*Dato’ jadi Menteri teruk belajar lagi?*”. Saya kata, “*Bukan teruk ni, seronok ni*”. Pembelajaran sepanjang hayat... [Menyebut pepatah Arab] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*Pembelajaran itu dari pada kecil di buaian hingga ke liang lahad*”.

Ini yang dikatakan dalam kementerian yang mana kita mereka bentuk semula pendidikan tinggi negara. Ataupun kita menggunakan ayat dengan ayat, *redesigning higher education* yang sedang berlaku. *Insya-Allah* saya akan edarkan buku-buku kalau Datuk Dr. Mary Yap Ken Jin belum edar buku, *Redesigning Higher Education* untuk kita melihat bagaimana kita merubah reka bentuk semula pendidikan negara kita.

## ■1840

Kerana kita lihat ada ramai yang menerima *WhatsApp* tentang- dia kata, “*You are teaching the fish to climb the tree*”. Yang tengok ikan dalam mangkuk itu. Ramai hantar kepada saya ini kerana, dia kata, saya Menteri Pendidikan Tinggi.

Sebenarnya itulah sebenarnya yang sedang kita laksanakan. Dan tidak segan saya mengatakan bahawa kita mendapat pengiktirafan antarabangsa di antara negeri-negeri yang banyak membuat perubahan dalam sistem pendidikan kita kerana dikatakan sistem pendidikan tinggi dalam dunia ini sudah hampir 100 tahun tidak berubah. *Insya-Allah*, kita akan berubah.

Berhubung dengan kurikulum dan juga program pengajian...

**Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan pembelajaran yang telah dinyatakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya nampak Yang Berhormat Menteri lebih *advance* daripada orang lain. Yang saya bimbang- sebab, tadi saya bertanya juga soalan berhubung juga dengan Kampung WiFi ini. Jadi Yang Berhormat Menteri punya program ini dia hendaklah menggunakan *internet system*, *WiFi* dan sebagainya untuk mereka ini melayari seperti mana yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi, *Cloud* dan sebagainya.

Kampung WiFi sudah diberhentikan. Tadi Yang Berhormat Menteri jawab sudah diberhentikan. Dan di kampung-kampung, Yang Berhormat Menteri, *access to internet* ini memang susah.

Jadi, *advancenya* Yang Berhormat Menteri daripada segi sistem ataupun program yang Yang Berhormat buat tidak selari dengan apa yang ada sekarang ini, infrastruktur daripada segi *website* dan sebagainya.

Jadi saya hendak bertanya, apakah Yang Berhormat ada *relationship* dengan kementerian-kementerian lain supaya dapat *support program* yang sebegini? Atau, akhirnya program Yang Berhormat akan hilang begitu sahaja tanpa sistem yang ada? Yes, we have the system, dengan izin, tetapi *not up to the standard* yang Yang Berhormat cerita ini yang we have to get from the *Cloud* kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kita tidak boleh lari daripada menggunakan teknologi dan tidak boleh lari daripada menggunakan teknologi yang paling terkini. Betul kata Yang Berhormat, bukan semua tempat mempunyai kemudahan, kelengkapan. Akan tetapi oleh sebab tidak semua tempat ada kemudahan, katakanlah akses kepada *100 gigabit per second* yang kita sedang- ini kita akan mempunyai juga dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengatakan bahawa akses *broadband* kita rendah.

Akan tetapi itulah yang dikatakan dalam bajet baru-baru ini dalam program *MyRent*, kita akan menghubungi 20 buah universiti kita ini dengan satu talian *broadband* yang baru, jalur

lebar, *dark fibre* yang baru yang mana setiap universiti berkapasiti *100 gigabit per second*. Ini kita buat sendiri kerana kita tidak boleh tunggu orang lain sudah. Lama sudah kita tunggu. Sekarang ini di universiti hanya tiga, empat, lima *gigabit*. Sekarang kita pergi kepada *100 gigabit per second*. Itu yang ada *accessibility* kepada teknologi tersebut.

Akan tetapi yang di kampung boleh. Kita boleh guna *dish*, tidak payah kita guna- sudah tahu payah, ada bukit apa semua, guna *dish* boleh juga. Itu bukan guna teknologi yang saya katakan tadi *broadband* biasa tapi kita guna *dish*, boleh. Ia tidak payah hendak- itu guna *online* cara dahulu. Dahulu pun ada juga orang *online*, pendidikan jarak jauh. Dia kata mahasiswa masuk universiti dahulu. Saya ingat dahulu saya masuk di USM dahulu, ramai orang tua-tua masuk universiti. Akan tetapi sekarang sudah berbeza.

Jadi dari pendeknya mengatakan bahawa kita tidak boleh lari daripada kita menggunakan kaedah-kaedah teknologi masa kini. Dan juga yang tidak ada akses kepada *internet*, kita gunakan- ada teknologi lagi. Ada teknologi lagi, *virtual reality*. Dia tidak masuk lagi tadi. Nanti Yang Berhormat tanya lain pula.

Sebenarnya *virtual reality* tidak perlu kepada talian. Kalau sudah ada dalam talian itu pun boleh *local network*. *Local network* ini di mana dia boleh dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada. Mungkin kita tidak sebesar Kementerian Komunikasi. Kementerian Komunikasi dia kena semua. Kita tertakluk hanya kawasan-kawasan universiti. Mungkin kemampuan kita itu dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tersusun.

Berhubung dengan kurikulum dan juga program pengajian, Yang Berhormat Khairiah Mohamad bertanya tentang perkembangan tentang bidang pendidikan Islam dan juga tamadun di UIA. Sebenarnya TITAS iaitu pengajian Islam dan juga tamadun merupakan subjek wajib lulus di setiap universiti awam dan juga syarat menamatkan pengajian di IPTS. Semua IPTS di seluruh negara.

Kalau dahulunya kita hanya mempunyai UM dan UKM untuk- dengan program Pengajian Islam, kita sekarang ada universiti seperti USIM, kita ada UIAM, kita ada UNISZA yang memang memberi fokus kepada pengajian Islam.

Saya hendak mengatakan bahawa bukan hanya begitu tetapi sekarang ini telah dipertingkatkan terutamanya USIM. USIM, Universiti Sains Islam Malaysia ini sudah menawarkan program dwi ijazah. Saya katakan dwi ijazah ini di mana pelajar itu bukan hanya belajar dalam bidang pengajian Al-Quran dan Sunah tetapi juga belajar kaunseling pada masa yang sama. Dia akan keluar dengan dua ijazah. Bukan hanya saya katakan dalam Al-Quran dan Sunah, pengajian Al-Quran tetapi juga mempelajari sains komputer. Juga dalam bidang

fiqh dan fatwa, ada dwi ijazah satu lagi iaitu dalam bidang sains dan Kepujian Bioteknologi Makanan.

Ini yang dikatakan penambahbaikan yang sedang kita laksanakan dalam bidang pendidikan Islam untuk memastikan pelajar-pelajar bukan hanya mempunyai pengajian dalam bidang agama tetapi juga mempunyai pengetahuan dalam bidang-bidang yang lain.

Ini yang saya menggunakan perkataan *multi-disciplinary*. Bukan hanya bagus dalam satu disiplin tetapi bagus dalam banyak disiplin. Kalau kita lihat ulama-ulama pada zaman dahulu, saintis-saintis Islam zaman dahulu, dia bukan dalam satu bidang. Dia kadang-kadang 10 bidang. Dalam bidang biologi, kimia, usuluddin, fiqh, astronomi dia semua sampai 10 bidang yang melihat kehebatannya. Itu kita hendak mengembalikan kehebatan ini melalui program-program, untuk masa ini, program dwi ijazah dan mungkin selepas ini, tri ijazah- tiga, empat, lima. *Insya-Allah*, kita akan tingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Juga, Yang Berhormat Dato' Dr. Lucas memberi pandangan tentang pengangguran yang berlaku kerana program ditawarkan dikatakan tidak memenuhi keperluan industri. Sebenarnya itulah yang dilaksanakan. Kita memang setuju juga dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Lucas ini. Sebab itulah universiti sekarang ini kita mempunyai program-program yang kita panggil, antaranya, 2U2I. Ini juga program baru yang hanya ada di Malaysia yang kita dalam mereka bentuk semula sistem pendidikan kita. Dua tahun universiti, dua tahun di industri. Bila dia keluar nanti dia tahu apa yang dikehendaki oleh industri.

Program-program CEO Fakulti yang mana lebih 60 CEO-CEO syarikat-syarikat gergasi dalam negara dan juga multinasional seperti Shell, Novatis, Samsung, Huawei- dia tidak boleh, bila ada Samsung, kena ada Huawei. Dia marah, dia tidak boleh. Kita panggil dua-dua. Dalam negara, CIMB, Maybank, Khazanah, semua, AirAsia, *Everyone can fly*, semuanya sudah ada. Bila panggil mula Tan Sri Tony Fernandes pergi universiti, penuh Dewan kerana ramai pelajar hendak dapat tiket *free*, tiket percuma. Mereka bukan hanya datang ke universiti dan memberi syarahan tetapi mereka melihat kurikulum di universiti itu sendiri. Menambah baik kurikulum supaya ia lebih relevan kepada keperluan industri.

Dan juga program *Integrated CGPA*. Ini satu perkara lagi yang saya katakan tiga-tiga perkara ini perkara yang memang dicipta di negara kita di Malaysia. *Integrated CGPA* ini bukan hanya- dia lebih daripada CGPA biasa. CGPA biasa hanya mengukur pencapaian akademik tetapi *Integrated CGPA* mengukur, mentakrif pencapaian bukan hanya akademik tetapi juga dalam bidang komunikasi pelajar tersebut, kemahiran, praktikal pelajar tersebut, keusahawanan pelajar tersebut, nilai pelajar tersebut selaras dengan kehendak OCE dan juga UNESCO.

**■1850**

Ini program-program yang saya katakan tadi ini merupakan program-program yang saya katakan *redesigning education* yang sedang berlaku untuk memastikan agar tidak wujud masalah pengangguran di kalangan pelajar-pelajar kita.

Oleh sebab itulah saya katakan tadi pada tahun ini kita lihat peningkatan daripada segi kebolehpasaran sebanyak 1.1 peratus. Melalui *tracers study* yang kita telah laksanakan iaitu peningkatan kalau dahulunya 76.1 peratus meningkat kepada 77.2 peratus peningkatan.

Ini kerana kita dengar dalam akhbar hari ini pun saya ada tengok surat khabar ada mengatakan bahawa pengangguran kita bertambah teruk. Itu sebenarnya tidak benar kerana kita membuat *tracers study*. Setiap graduan yang keluar daripada universiti kita kira kepala, *head count*. Ini merupakan peningkatan sebanyak 1.1 peratus. Memanglah apa yang kita laksanakan ini tidak boleh dilihat pencapaian dalam masa satu tahun, dua tahun kerana masa di universiti adalah antara tiga tahun hingga empat tahun untuk pelajar-pelajar.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan juga membangkitkan beberapa perkara tentang graduan OKU. Sebenarnya memang ada beberapa program terutama di politeknik ini untuk OKU. Antaranya ialah Hotel De Catering, Pembinaan Awam, Penyelenggaraan Mekanikal, Reka Bentuk Grafik, Rekaan Fesyen dan Pakaian. Saya hendak beritahu pada hari ini bahawa kita berasa sukacita kerana baru-baru ini seorang pelajar kita, pelajar OKU dari Kolej Komuniti Selayang menang Pertandingan Kemahiran Abilimpik Antarabangsa, dapat nombor enam di Bordeaux, France. Bukan bodoh, bukan tidak cerdik. Nama tempat, di Bordeaux France, di Perancis.

Bermakna melalui program-program yang telah dilaksanakan di politeknik kita lihat antara mereka telah mencapai kejayaan-kejayaan di peringkat antarabangsa. *Insya-Allah* program-program akan terus ditingkatkan untuk memastikan graduan-graduan OKU tidak tertinggal. Hari Kerjaya OKU akan diadakan di UM pada 14 hari bulan hingga 16 hari bulan. Hari ini bermula hingga esok lusa untuk memastikan OKU-OKU akan sentiasa diberi tempat. *Insya-Allah* saya akan pastikan mereka tidak akan diketepikan dalam sistem pendidikan kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Tadi ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia ada.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak apalah. Saya jawablah fasal dia cakap fasal belia yang bankrap umur masih muda ini. Program-program di perhentian dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memastikan ada modul pengurusan kewangan peribadi. Kadang-kadang kalau kita pinjam duit kita tidak fikir perlu ada baki untuk

kita sehingga kita mendapat bahan kebankapan. Ia sedang dilaksanakan di kementerian juga kerjasama PTPTN juga dengan AKPK untuk memberi khidmat nasihat pengurusan kredit untuk pelajar-pelajar.

Begitu juga asas di USIM ada Program Asas Keusahawanan Islam dan juga Kursus Lanjutan Keusahawanan Islam yang lebih memberi penekanan kepada penabungan. Ini kerana kita belanja kita lupa untuk menabung. Ini merupakan satu budaya yang harus ditingkatkan di universiti-universiti.

Lain-lain isu yang diungkit antaranya ialah berhubung yang diungkit oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili tentang cadangan Dialog Nasional Usaha Jaya TN50. *Insya-Allah* kita akan bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan memberi pandangan-pandangan mereka untuk melahirkan generasi TN50.

Juga Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin bertanya tentang cadangan untuk menaik taraf Akademi Laut Malaysia. Saya harap Akademi Laut Malaysia boleh membuat permohonan kepada kementerian. *Insya-Allah* saya akan membantu. Akhirnya kita lihat Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong juga bertanya tentang pengiktirafan Ijazah Bahasa Siam dari Universiti Thailand. Ini boleh dianjurkan dan diunjurkan kepada MQA untuk diberi pengiktirafan oleh mereka. Saya difahami bahawa hari ini merupakan hari akhir Yang Berhormat Datuk Seri. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri. Manakah dia?... *[Datuk Seri Boon Som A/L Inong masuk ke dalam Dewan]* Pandai dia, macam tahu-tahu sahaja.

Saya juga hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri yang telah banyak berjasa bukan hanya kepada kaum Siam tetapi juga kepada negara keseluruhannya. Boleh tepukkan sekali kepada Yang Berhormatlah *[Tepuk]* Saya pun berhubung dengan Yang Berhormat banyak kali “*kap kun kap*”, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua...

**Datuk Seri Boon Som A/L Inong:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Cela selalu.

**Datuk Seri Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah sepanjang saya jadi Senator ini kita mendapat Menteri Pengajian Tinggi ini. Pada tahun ini dan tahun lepas, tahun inilah tahun ini tidak seorang pun ibu bapa yang datang kepada saya menyatakan bahawa saya daripada masyarakat Siam. Datang kepada saya menyatakan bahawa anak dia tidak boleh masuk universiti. Akan tetapi yang datang kebanyakannya dia kata, “*Universiti itu jauh. Bawa balik ke UUM dekat kampung situ.*” Terima kasihlah kepada

Yang Berhormat Dato' Seri kerana pejuang walaupun kita ada etnik *group*, minoriti *group* tetapi Dato' Seri sentiasa memberi peluang kepada pelajar luar bandar macam kami ini, pelajar bumiputera Siam. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sempat lagi mencelah [Ketawa] Terima kasih semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya pun hendak celah juga. Boleh?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** [Ketawa]

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Bukan hendak mencelah hendak celah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya patut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita perhatikan hujah-hujah yang diberikan tadi saya rasa cukup kuat, cukup kukuh di mana kita patut memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di bawah pentadbiran beliau banyak usaha. Walaupun kita tidaklah *perfect* tetapi banyak usaha yang dilakukan oleh kementerian dalam penambahbaikan. Kualiti pendidikan kita bukan sahaja daripada segi *employability of graduate*, dengan izin, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Hujah-hujah tadi saya perhatikan cukup kuat tetapi saya cuma bimbang ramai yang tidak tahu di mana fakta-fakta yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri saya ingin mencadangkan kalau dapat dibukukan, dicompile satu persatu. Saya tahu lah saya dalam bidang ini tetapi saya rasa kebanyakan mungkin tidak tahu fakta-fakta daripada segi penambahbaikan. Ini kerana sekarang kita berlawan dengan persepsi. Ramai orang memandang negatif terhadap kita tetapi apabila kita memberikan fakta-fakta macam ini kita mengharapkan mereka membuka mata dan menerima hakikat kita adalah dalam proses penambahbaikan dan kita *soaring awkward*.

Akan tetapi fakta itu penting kalau kita dapat bukukan walaupun saya tahu Yang Berhormat Menteri ada buku yang lain tetapi kita masuk yang terbaru tadi. Banyak Yang Berhormat Dato' Seri cakap tadi mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sini kurang jelas. Jadi kalau mereka jelas sudah mesti ini akan membantu di dalam menangani persepsi-persepsi negatif terhadap kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah* kita akan edarkan buku *Redesigning Higher Education* yang merupakan buku pendek untuk diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita juga sedang mencetak, "Soaring Upwards", *insya-Allah*. Juga kita akan edarkan, "Soaring Upwards" peningkatan berterusan sebenarnya. Oleh sebab itu

kita lihat naik, naik, naik, turun, naik dia tidaklah naik begitu. Kalau naik begitu payah sedikit dia naik 45 darjah kita lihat.

Ini menggambarkan bukannya ada dalam bentuk perkataan kita dengar orang bercakap, “*Soaring Upwards*” tetapi dalam bentuk perbuatan, dalam bentuk pemikiran, dalam bentuk pembudayaan, peningkatan yang berterusan, sistem pendidikan tinggi negara kita. Ini kerana saya berjanji kepada rakyat Malaysia keseluruhannya kepada pelajar-pelajar kita hendak pastikan negara kita dapat membekalkan satu sistem pendidikan tinggi yang terbaik untuk mereka.

Itulah harapan kami. Insya-allah dengan bajet baru-baru ini kita akan menggunakan bajet sebaik-baiknya untuk kebaikan seluruh rakyat Malaysia. Semua mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama. Sekian, terima kasih.

#### ■1900

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya tadi asyik sungguh mendengar penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kita sebab saya ini bekas pendidik. Kemudian itu saya menjadi Pegawai Khas, 1981 kepada Timbalan Menteri Pelajaran bernama Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak. Selepas itu saya jadi pula Pegawai Khas kepada Dato' Haji Suhaimi, Timbalan Menteri Pelajaran. Seterusnya saya jadi pula Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Pelajaran, Tun Khalil Yaakob, itu sejarah. Kemudian 1996, saya Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Pelajaran.

Jadi bila saya dengar cerita penerangan oleh Yang Berhormat Menteri kita, saya senang hati, ada kemajuan. Ia berpaksi kepada, “*Sekali air bah, sekali pasir berubah.*” Tidak jumudbaguslah, kita ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kita selalunya ke arah yang lebih tinggi, mercu kejayaan. Jadi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, terima kasih ya.

Saya hendak pergi kepada, tadi tentang pelajaran sudah, kerja raya sudah. Saya minta pula Kementerian Kesihatan, dipersilakan.

#### 7.01 mIml.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kebenaran untuk menjawab perkara-perkara spesifik berkenaan dengan sesebuah hospital ataupun klinik secara bertulis untuk menjimatkan masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Mahamad dan Yang Berhormat Chandra Mohan A/L S. Thambirajah telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan graduan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, graduan perubatan tiap-tiap tahun makin bertambah. Pada tahun lepas hingga tahun ini 2016 sehingga sekarang jumlah graduan telah meningkat kepada hampir 5,000 orang dan pada tahun 2017 dijangka 5,500 orang- keluaran dari dalam negara dan luar negara. Dalam negara ada 33 buah universiti dan kolej perubatan dan di luar negara jumlah universiti yang telah diiktiraf oleh MMC ialah 370 buah. Jumlah kesemuanya yang *graduate* pada setiap tahun lebih kurang 5,000 orang.

Daripada jumlah tersebut, memang jumlah 1,000 yang disebut gagal sebenarnya bukan gagal Tuan Yang di-Pertua. 5,000 orang jumlahnya, 1,000 orang ialah mereka yang memang ada masalah daripada segi kompetensi tetapi akhirnya selepas bimbingan oleh pakar-pakar kita maka akhirnya mereka berjaya. Yang tidak betul-betul tidak berjaya, yang gagal ialah 1.2 peratus sahaja. Ini sebab antaranya mereka sendiri letak jawatan, ada yang tidak datang kerja, ada yang berpindah ke luar negara dan sebagainya ataupun yang ada masalah disiplin, maka mereka telah pun terkeluar daripada latihan. Ini jumlahnya 1.2 peratus daripada jumlah lebih kurang lima ribu orang graduan.

Berkenaan dengan menunggu begitu lama, menunggu graduan yang telah pun balik ataupun yang telah pun *graduate* daripada universiti tempatan, mereka terpaksa menunggu sehingga enam bulan, lapan bulan hingga setahun untuk ditempatkan di tempat latihan masing-masing. Memang kita ada masalah tahun lepas dan tahun ini tetapi *alhamdulillah* Perdana Menteri telah pun membuat pengumuman dalam bajet *speech* yang lepas ini iaitu mereka yang berkenaan lebih kurang 2,600 orang akan diambil sebagai *on contract basis* Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan proaktif dengan telah pun melantik 1,317 orang graduan perubatan, 6,601 orang graduan farmasi pada 5 Disember yang lepas, baru ini. 699 orang graduan pergigian akan dilantik pada bulan Januari, 9 Januari tahun depan. Maknanya tindakan telah pun diambil dan *alhamdulillah* mereka ini semua dapat ditempatkan untuk latihan.

Tempat-tempat latihan Tuan Yang di-Pertua adalah berjumlah semuanya 44 buah hospital latihan seluruh negara. Kita akan terus berusaha untuk menambah lagi tempat-tempat, hospital-hospital latihan. Dalam hal ini kita telah pun berunding dengan pihak angkatan tentera dan mereka bersetuju untuk menjadi hospital latihan. Satu lagi hospital ialah hospital Shah Alam yang baru Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai *e-housemen* Tuan Yang di-Pertua, ikut prosedurnya begini bila *graduate*, bila selepas *graduation* mereka hendaklah mendaftar dengan MMC. Setelah mendaftar dengan MMC, mereka akan dipanggil oleh SPA untuk temu duga. Selepas lulus temu duga, mereka bolehlah masuk *e-housemen* dan mereka boleh pilih tempat latihan mereka sendiri. Kalau mereka memilih di Lembah Klang misalnya, maka dia akan mengambil masa untuk ditempatkan kerana tempat di Lembah Klang kawasan yang popular. Jadi ramai yang minta untuk berlatih di Lembah Klang, banyak hospital di sini. Akan tetapi oleh sebab popular itu, maka penempatan kalau mereka memilih di Lembah Klang memang akan lambatlah. Akan tetapi kalau mereka memilih di tempat-tempat yang jauh ataupun di Sabah dan Sarawak, maka mereka boleh ditempatkan segera Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal Mohd. membangkitkan isu kempen tak nak merokok. Kempen ini telah pun diadakan sekian lama oleh Kementerian Kesihatan dan masih diteruskan dan ia merupakan salah satu kempen utama bagi mencegah penyakit tidak berjangkit. Rokok merupakan tabiat yang menyebabkan penyakit jantung koronari, penyakit kronik paru-paru, penyakit kanser dan- telah pun membunuh setiap tahun lebih kurang 20,000 orang dewasa Tuan Yang di-Pertua, terlalu ramai.

Seterusnya, untuk mengukuhkan kedudukan daripada segi pendekatan strategi penumpuan kepada kumpulan sasar serta mesej-mesej yang hendak disampaikan. Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, antara aktiviti yang telah dijalankan dan akan diteruskan ialah Kempen Media “*Tak Nak Merokok*”, ini dah lama berjalan dan diteruskan. Kempen Berhenti Merokok di klinik dan hospital, ini program *M Quit*, semua hospital kerajaan ada perkhidmatan berhenti merokok ini dan ada 500 buah klinik kesihatan yang juga memberi perkhidmatan berhenti merokok.

Setakat ini kejayaan pada peringkat awalnya 18 peratus tetapi sekarang telah meningkat kepada 30 peratus. Maknanya tiap-tiap seratus yang datang untuk rawatan berhenti merokok, tiga puluh berjaya berhenti merokok Tuan Yang di-Pertua.

Aktiviti pendidikan dan pencegahan merokok di sekolah. Ini pun satu perkara yang telah pun kita jalankan. Ini program di bawah doktor muda, ‘*I Am Free*’. Ini kerjasama dengan

Kementerian Pendidikan. Sekarang dah ada lebih daripada 3,000 buah sekolah yang ada doktor muda, sekolah rendah. Sekolah menengah ada 300 buah sekolah menengah yang telah pun ada program doktor muda. Mereka semuanya dilatih untuk menjaga kesihatan dan mereka faham dan mereka juga akan menggalakkan kawan-kawan mereka untuk menjaga kesihatan masing-masing.

Kempen anti merokok di tempat kerja, kempen anti merokok di dalam komuniti. Ini ada kaitan dengan KOSPEN Tuan Yang di-Pertua. KOSPEN satu program saringan kesihatan yang telah dijalankan dan telah berjalan selama dua tahun. Setakat ini kita telah pun melatih lebih daripada 40,000 orang sukarelawan yang tahu tentang kesihatan dan mereka akan membuat pemeriksaan kesihatan di kawasan masing-masing dan juga berkempen tentang merokok dan sebagainya.

Penguatkuasaan larangan merokok di tempat awam, yang ini kerjasama dengan PBT Tuan Yang di-Pertua. Mewartakan kawasan larangan merokok, ini pun kerjasama dengan PBT dan setakat ini sudah ada 22 jenis premis yang telah pun dilarang merokok termasuk kawasan *air-cond*, hospital, universiti dan sebagainya dan termasuk juga R&R Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1910

Inisiatif bebas merokok oleh agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan. Seterusnya kita juga bekerjasama dengan USM Tuan Yang di-Pertua. Ini menyediakan khidmat kaunseling atas talian ataupun *quit line* yang membantu dalam kempen di samping mewujudkan laman web [www.JomQuit.com.my](http://www.JomQuit.com.my) yang telah memberikan banyak informasi yang berguna. Tuan Yang di-Pertua, KKM akan terus melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan anti merokok bagi memastikan rakyat Malaysia bebas daripada amalan merokok.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah membangkitkan tentang isu perkhidmatan kardiologi Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini terdapat seramai 249 orang pakar kardiologi yang berdaftar dengan National Specialist Registry. Daripada jumlah itu, seramai 80 orang, sedang berkhidmat dengan sektor awam dan 169 dengan sektor swasta.

Pesakit yang memerlukan rawatan segera akan diberi keutamaan dan rawatan dijalankan secepat mungkin. *Risk certification*, kaedah digunakan untuk mengenal pasti pesakit yang berisiko tinggi. Piawaian masa rawatan bagi kes *cardiology invasive* tiga bulan di Pusat Kardiologi KKM, 50 peratus pesakit menerima rawatan dalam masa tiga bulan dan yang selebihnya menerima rawatan dalam tempoh enam bulan hingga 12 bulan bergantung kepada kes.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan hospital-hospital yang ada khidmat psikologi saya sebut di sini di Kedah - Hospital Sultanah Bahiyah; di Pulau Pinang - Hospital Besar Pulau Pinang; di Perak - Hospital Raja Perempuan Bainun; di Selangor - Hospital Serdang; di Johor - Hospital Sultanah Aminah; dan Hospital Sultan Ismail; di Pahang - Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan; Terengganu - Hospital Sultanah Najihah Kuala Terengganu; di Kelantan - Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Baharu; di Sabah - Hospital Queen Elizabeth I dan II; dan di Sarawak - Hospital Umum Sarawak Kuching.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah ini berkenaan *aging population*. Ini negara menjadi tua Tuan Yang di-Pertua. Mengikut unjuran pada tahun 2030 akan terdapat 15 peratus warga emas di Malaysia ini. Sebagai persediaan menjadi warga tua menjelang tahun 2030, Kementerian Kesihatan Malaysia sudah 20 tahun melaksanakan perkhidmatan kesihatan warga emas. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan kerajaan merangkumi pendidikan, promosi dan saringan kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, khidmat rawatan dan rujukan, perkhidmatan rehabilitasi dan penubuhan kelab-kelab warga emas untuk melaksanakan aktiviti rekreatif, sosial dan kebajikan.

Perkhidmatan genetrik ataupun untuk warga emas ini asas secara umumnya adalah disediakan di semua hospital KKM. Pesakit warga emas boleh menerima rawatan dari mana-mana hospital yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Namun begitu, bagi mana-mana pesakit warga emas yang memerlukan rawatan lanjut atau khusus perlu dirujuk kepada mana-mana hospital yang menyediakan perkhidmatan khusus tersebut. Kini telah terdapat sebanyak sembilan buah hospital yang menyediakan perkhidmatan wad khusus untuk pesakit warga emas yang memerlukan rawatan lanjut termasuk di Sabah dan Sarawak.

Perkhidmatan genetrik merupakan salah satu bidang sub kepakaran. Di bawah kepakaran perubatan, semua peruntukan yang disediakan bagi rawatan pesakit warga emas ditempatkan di bawah aktiviti kepakaran perubatan dan tidak disebut secara khusus dalam pembentangan bajet. Namun begitu, semua pesakit warga emas akan menerima rawatan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, KKM mempunyai perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan genetrik yang khusus kepada hospital-hospital utama secara berfasa bergantung kepada sumber kepakaran pakar perubatan. Bagi mengurangkan kekangan yang dihadapi oleh

hospital yang tidak mempunyai pakar perubatan genetrik, pakar-pakar *visiting specialist* ada disediakan secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut di sini penempatan pakar-pakar genetrik secara residen itu di hospital berikut iaitu Hospital Kuala Lumpur; Hospital Selayang; Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang; Hospital Sungai Buloh; Hospital Taiping; Hospital Umum Sarawak; dan Hospital Queen Elizabeth. Bagi memperluaskan perkhidmatan ini ke hospital-hospital lain, pakar perubatan genetrik dari Hospital Kuala Lumpur turut menyampaikan perkhidmatan ini ke Hospital Seremban, Hospital Banting dan Hospital Rehabilitasi Cheras secara lawatan berkala.

Manakala pakar perubatan genetrik dari Hospital Taiping mengadakan lawatan berkala ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh dan Hospital Sungai Siput.

Pakar perubatan genetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah mengadakan lawatan secara berkala ke Hospital Temerloh. Perkhidmatan wad genetrik di hospital KKM pada ketika ini terdapat di hospital berikut Tuan Yang di-Pertua. Hospital Kuala Lumpur, Hospital Seremban, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Umum Sarawak, Hospital Selayang, Hospital Banting dan Hospital Taiping Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman bertanya tentang hutang bil rawatan warga asing Tuan Yang di-Pertua.

Kalau ikut rekod yang ada Tuan Yang di-Pertua, tahun 2014 hutang warga asing yang dimasukkan ke wad hutangnya yang tertunggak RM16,400,000. Tahun 2015 hutang meningkat kepada RM32,900,000. Tahun 2016 sehingga bulan Oktober Tuan Yang di-Pertua hutang RM41,078,000 makin meningkat Tuan Yang di-Pertua.

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengutip bayaran tertunggak seperti melaksanakan SOP berhubung dengan kutipan hasil pesakit warga asing dengan memastikan pesakit membuat bayaran deposit dan caj rawatan bagi kemasukan ke hospital. Bagi kes-kes kecemasan di mana pesakit perlu dimasukkan ke wad dengan segera tanpa bayaran deposit, pesakit akan dimaklumkan untuk membayar deposit berkenaan dan segala usaha akan diambil bagi mengutip bayaran deposit atau caj rawatan tersebut.

Selain daripada itu, pihak wad juga sentiasa memantau dan mengemas kini kepingan caj setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit yang mempunyai bil melebihi jumlah deposit Tuan Yang di-Pertua. Pihak hospital juga akan memastikan rekod-rekod pesakit seperti alamat, nombor telefon dan waris yang boleh dihubungi adalah lengkap sebelum pesakit di discaj Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya pesakit masih juga gagal membuat rayuan membuat

bayaran, notis tuntutan secara berjadual akan dikemukakan kepada pesakit bagi menuntut bayaran yang tertunggak. Selain daripada itu, bil-bil rawatan yang tertunggak juga dikemukakan kepada pejabat konsul atau kedutaan untuk tujuan pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan insurans bagi warga asing bukanlah perkara baru. Kerajaan telah menetapkan agar majikan yang ingin mendapatkan pekerja asing diwajibkan mendapatkan insurans kesihatan untuk pekerja tersebut. Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) telah digunakan dan telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada bulan Januari 2011, di Sabah pada bulan Julai 2012 dan di Sarawak pada bulan Februari 2013.

Melalui skim tersebut, dengan jumlah premium RM120 setahun, pekerja asing mendapat perlindungan insurans sehingga RM20,000 setahun. Bagi tempoh 2011 sehingga Disember 2016, seramai 1,712,012 orang pekerja warga asing telah dilindungi di bawah skim ini Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1920

Bagi warga asing yang didaftarkan di bawah UNHCR pula, *Refugee Medical Insurance* atau REMEDI telah diperkenalkan pada tahun 2016 dengan jumlah perlindungan insurans sebanyak RM10,000 setahun bagi seorang individu berdaftar. Pelajar antarabangsa juga diwajibkan untuk memiliki insurans kesihatan berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin bertanya berkenaan dengan ambulans, bertanya berkenaan peruntukan kesihatan untuk Sabah dan Sarawak dan berkenaan dengan tempat letak kereta dan juga tentang *Hospital Duchess of Kent*. Maklumat tentang Hospital Duchess of Kent, panjang. Saya bercadang untuk menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab berkenaan dengan peruntukan Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, bagi tahun 2013, peruntukan pembangunan yang telah diperuntukkan kepada hospital di negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM147,193,000. Pecahan peruntukan bagi negeri Sabah adalah berjumlah RM62,341,000 manakala bagi negeri Sarawak ialah RM84,852,000. Pecahan peruntukan merangkumi kemudahan hospital baru, naik taraf, ubah suai dan pembaikan, penyelenggaraan kuarters KKM dan pembelian peralatan bukan perubatan dan kenderaan, Tuan Yang di-Pertua.

KKM akan membuat perolehan sebanyak 500 buah kenderaan ambulans pada tahun 2017 sehingga 2019. Di mana 36 buah akan diagihkan kepada hospital-hospital negeri Sarawak

manakala sebanyak 55 buah kenderaan ambulans akan diagihkan kepada hospital-hospital di Sabah. Pada perolehan kenderaan ambulans yang sekarang iaitu 2014 hingga 2016, sebanyak 17 buah telah pun diagihkan kepada hospital di Sarawak manakala sebanyak 29 buah ke hospital-hospital di negeri Sabah.

Buat masa ini, jumlah keseluruhan kenderaan ambulans bagi hospital dan klinik kesihatan yang ada di negeri Sabah adalah sebanyak 209 buah. Bagi perolehan 2014 sehingga 2016, 47 buah kenderaan ambulans telah diagihkan bagi negeri Sabah iaitu 29 untuk hospital dan 18 untuk klinik-klinik kesihatan.

Untuk perolehan 2017 hingga 2019, sebanyak 84 buah kenderaan ambulans tambahan akan diberikan iaitu 55 buah untuk hospital dan 29 buah untuk klinik kesihatan, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan tempat letak kereta. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat kekangan serta terdapat keperluan untuk menaik taraf tempat letak kereta sedia ada kepada tempat letak kereta bertingkat di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, berikutan kos pembinaan dan penyelenggaraan tempat letak kereta bertingkat yang agak tinggi dan melihatkan keadaan peruntukan yang terhad pada masa ini, kerajaan berhasrat untuk membina tempat letak kereta bertingkat secara *public-private partnership* ataupun PPP dengan kaedah *build, operate and transfer*, Tuan Yang di-Pertua.

Buat masa ini, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek tempat letak kereta bertingkat ini secara rintis ataupun *pilot project* di dua buah hospital di kawasan Lembah Klang iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan seterusnya Hospital Serdang. Sekiranya berjaya, projek ini akan diperluaskan untuk pelaksanaan di mana-mana hospital yang dipercayai mempunyai masalah tempat letak kereta yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili ini menekankan tentang kerajaan jangan tidak mengabaikan kerja-kerja naik taraf hospital-hospital dan klinik di seluruh Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin mutu perkhidmatan dan pencapaian kesihatan yang berkesan kepada rakyat, kementerian sentiasa berusaha bagi menambah baik kemudahan di hospital-hospital di Sarawak dan kementerian juga telah meluluskan peruntukan yang bagi membaik pulih infrastruktur hospital seperti lif yang tidak berfungsi di hospital-hospital di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, penggantian enam unit lif di bahagian di bangunan induk Hospital Umum Sarawak akan dilaksanakan pada 2017 oleh JKR dengan peruntukan sebanyak RM5.4 juta dan dijangka siap

pada tahun 2018. Secara amnya, kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah baik keperluan bagi perkhidmatan hospital dan klinik-klinik dengan pembinaan fasiliti baru dan menaik taraf fasiliti-fasiliti yang ada selaras dengan kemampuan kewangan kerajaan serta keupayaan menyediakan sumber tenaga manusia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum akan masalah kekurangan lif dan tempat *parking* kereta di Hospital Umum Sarawak. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju bagi KKM melaksanakan projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di samping kemudahan *day care* Jabatan Patologi dan Tabung Darah secara bekerjasama awam dan swasta. Perancangan teknikal projek telah selesai dan pada masa ini, ia sedang di peringkat akhir semakan dokumen perjanjian konsesi dan dijangka dapat memulakan kerja pembinaan pada pertengahan 2017.

Bagi menangani isu lif pula Tuan Yang di-Pertua, KKM telah menerima peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja penggantian dan naik taraf kemudahan lif di Hospital Umum Sarawak. Kerja-kerja penggantian lapan buah lif ini akan dilaksanakan secara berfasa, dimulakan pada pertengahan tahun 2016 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun 2018. Sehingga Disember 2016, satu buah lif telah siap dipasang di Unit Rawatan Radioterapi di Hospital Umum Sarawak.

KKM sentiasa berusaha menambah baik pencapaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutama penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memang serius berhubung kerja-kerja naik taraf hospital-hospital dan klinik-klinik di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Petrajaya.

Untuk makluman Dewan, kemajuan fizikal projek ini sehingga 30 November 2016- 43.1 peratus berbanding 82.99 peratus. Kelewatan sebanyak 38.89 peratus bersamaan dengan 236 hari. Kemajuan ini adalah berdasarkan kepada tarikh siap semasa iaitu pada 9 Jun 2017. Kementerian ini bersama dengan JKR dan agensi-agensi kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kawasan Matang, Petrajaya terletak dalam bahagian Kuching yang telah pun terdapat beberapa buah hospital awam termasuk Hospital Umum Sarawak 959 buah katil, Hospital Sentosa 339 buah katil, Hospital RCBM 20 buah katil, Hospital Bau 68 buah katil dan Hospital Lulu 46 buah katil. Manakala yang terbaru adalah Hospital Petrajaya 300 buah katil yang sedang dalam pembinaan. Ia dijadualkan siap pada tahun 2017. Namun, seperti yang dikatakan tadi, projek ini sedang mengalami kelewatan.

Di bahagian ini juga terdapat lima buah hospital swasta yang menyumbang sebanyak 322 buah katil. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, KKM berpendapat, kemudahan-kemudahan hospital sedia ada masih mampu menampung keperluan penduduk Kuching termasuk penduduk kawasan Matang, Petrajaya. Keperluan hospital tambahan bagi kawasan Matang, Petrajaya perlu mengambil kira impak dari Hospital Petrajaya nanti serta kajian semula distribusi kemudahan kesihatan yang boleh disediakan oleh kerajaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa terdapatkekangan serta terdapat keperluan untuk menaik taraf tempat letak kereta sedia ada dan tempat letak kereta bertingkat di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Namun demikian, seperti saya sebut tadi, keadaan ekonomi semasa dan kekurangan dana ini adalah menjadi satu kekangan kepada kerajaan. Oleh sebab itu saya sebut tadi bahawa kita pihak KKM akan melaksanakan projek *pilot*, dua projek di Lembah Klang untuk menyediakan tempat letak kereta secara PFI, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, beliau membangkitkan isu-isu spesifik iaitu berkenaan dengan Hospital Miri, Hospital Lawas dan Hospital Kapit.

#### ■1930

Semua ini saya akan jawab secara bertulis adalah untuk menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, ini berkenaan dengan pembinaan Hospital Bentong. Ini juga melibatkan dasar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Hospital Bentong, Pahang hospital berpakar *minor* yang telah beroperasi sejak tahun 1920-an dan dirasmikan pada tahun 1966. Pada masa ini, hospital ini mempunyai kapasiti 152 buah katil dengan tiga orang pakar perubatan iaitu psikiatri, kecemasan dan perubatan.

Dalam usaha untuk menampung keperluan perkhidmatan perubatan, sebuah blok tambahan telah dibina dan disiapkan pada April 2014 yang mengandungi jabatan kecemasan dan dua buah wad pesakit dalam, sebuah dewan bedah modular (OT) yang baru juga telah dibina dan beroperasi pada tahun ini untuk kes-kes pembedahan ortopedik secara berkala. Sehubungan daripada itu, kementerian berpendapat bahawa keperluan terhadap hospital baru Bentong adalah kurang mendesak memandangkan penggunaan kemudahan tersedia, termasuk blok tambahan dan dewan bedah baru belum di tahap optimum, di mana kadar penggunaan katil ataupun *bed occupancy rate* Tuan Yang di-Pertua, adalah hanya 30 peratus hingga 40 peratus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun memohon untuk sebuah hospital didirikan di lokasi yang lebih sesuai untuk diakses untuk penduduk Sepang iaitu di Bandar Baru Salak Tinggi berikutan kedudukannya di tengah-tengah Daerah Sepang. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini terdapat dua buah hospital awam yang boleh diakses oleh penduduk Daerah Sepang iaitu Hospital Serdang - 620 buah katil; dan Hospital Putrajaya - 391 buah katil. Kedua-dua hospital ini juga sedang di peringkat untuk dinaiktarafkan bagi meningkatkan perkhidmatannya.

Selain itu, dua buah hospital akan dibina di daerah ini iaitu Hospital Pengajar UPM - 400 buah katil; dan Hospital Cyberjaya - 288 buah katil. Dengan adanya kemudahan hospital-hospital tersebut, perkhidmatannya dijangka mampu untuk menampung keperluan penduduk Daerah Sepang. Cadangan pembangunan Hospital Sepang di Salak Tinggi akan diselaraskan dengan perancangan pembangunan *facility* kesihatan seluruh negara dengan mengambil kira keupayaan penyediaan anggota kesihatan serta sumber kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga semua pegawai kita yang telah pun berusaha bertungkus-lumus untuk menyediakan jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan penerangan yang baik dan ringkas tadi. Saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menyampaikan dia punya cadangan-cadangan jangka panjang yang kita hendak buat untuk kepentingan kesihatan negara kita. Saya ucapkan terima kasih.

Saya beralih kepada nombor sekian iaitu daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

### **7.34 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang lalu.

Sepanjang perbahasan, seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim

bin Kader; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh; dan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff telah membahaskan sebanyak lima perkara yang akan saya jelaskan di Dewan yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama mengenai monopoli dalam pasaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Dalam usaha untuk mengurangkan salah guna kedudukan dominan dalam pasaran atau monopoli, kerajaan telah mewujudkan Akta Persaingan 2010 yang turut memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi mengawal selia dan melindungi proses persaingan dalam pasaran barang atau perkhidmatan. Antara contoh-contoh tingkah laku yang boleh dikatakan sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan ialah diskriminasi harga yang tidak adil, berkelakuan seakan pemangsa, enggan untuk membekalkan dan jualan terikat.

Sekiranya sesuatu syarikat didapati terlibat dalam perbuatan anti persaingan yang dilarang di bawah Akta Persaingan 2010, syarikat berkenaan boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak 10 peratus daripada nilai perolehannya di seluruh dunia, *world wide turn over*. Setakat ini, MyCC telah menyelesaikan 15 daripada 25 penyiasatan yang dijalankan di bawah larangan penyalahgunaan kuasa dominan. MyCC juga telah menyertai atau menjalankan sebanyak 200 program advocacy di seluruh negara. Antaranya termasuklah kepada pihak kerajaan, swasta, institusi pendidikan tinggi, persatuan-persatuan perniagaan dan juga pihak awam bagi memberi kefahaman berkenaan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim juga telah membangkitkan isu mengenai penglibatan warga asing dalam perniagaan di *Kenanga Wholesale City*.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini sehingga 7 Disember 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan sebanyak 14,659 pemeriksaan terhadap premis perniagaan bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Daripada jumlah tersebut, 3,146 merupakan pemeriksaan bersama lain-lain agensi penguat kuasa di bawah Ops Niaga bagi memantau perniagaan oleh warga asing.

Menyentuh berkenaan Kenanga Wholesale City Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, KPDNKK bersama SSM dan Jabatan Imigresen telah menjalankan Ops Niaga di kompleks tersebut pada 5 Oktober 2016. Sebanyak 119 buah premis telah diperiksa dan

hasil daripada pemeriksaan, sebanyak 44 Notis telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Syarikat 1965. Selain itu, notis juga telah dikeluarkan kepada pemilik perniagaan yang didapati menggunakan warga asing dalam mengendalikan perniagaan bagi mendapatkan pengesahan berhubung status penglibatan warga asing dalam perniagaan tersebut.

Dalam usaha untuk menangani isu peniaga warga asing ini, KPDKKK melalui SSM akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen bermula pada tahun hadapan untuk mengenal pasti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing tanpa permit dan SSM akan mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran perniagaan mereka.

#### ■1940

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai kos sara hidup dan harga barang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

Kementerian ini telah dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah bagi mendapatkan barang keperluan harian pada harga yang berpatutan melalui pelaksanaan Program Kempen Harga Berpatutan, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Program Kedai Harga Patut.

Bagi membantu rakyat di kawasan pedalaman, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan harga barang keperluan asas iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum, cecair LPG, petrol RON95 dan diesel adalah seragam melalui Program Penyeragaman Harga dan Program 1Malaysia 1Harga. Pada masa yang sama, inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dinyatakan sebelum ini juga berperanan penting dalam memastikan seluruh rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pelbagai barang pada harga berpatutan.

Kementerian ini juga telah mengambil langkah-langkah kawalan terhadap harga barang melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas peniaga yang cuba menaikkan harga barang dan disyaki mencatut serta Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993 di mana para peniaga diwajibkan meletakkan tanda harga ke atas barang yang dijual atau mempamerkan senarai harga.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disebutkan, kerajaan berharap agar kesan peningkatan kos sara hidup rakyat dapat ditangani demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah bertanyakan sama ada terdapat kaedah bagi membandingkan perbezaan kos sara hidup dari tahun ke tahun.

Pada masa ini, Indeks Harga Pengguna (IHP) yang dikeluarkan secara rasmi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia digunakan sebagai asas untuk menganggarkan perubahan dalam kos sara hidup sama ada perbandingan dilakukan berasaskan antara bulan ke bulan atau antara tahun ke tahun. IHP diwujudkan dengan tujuan menyediakan satu ukuran am perubahan dalam harga yang dialami oleh pengguna-pengguna dalam negara secara am. Pengiraan IHP adalah berasaskan bakul tetap barang dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh penduduk Malaysia secara keseluruhan dan bukannya berdasarkan pengalaman individu yang lebih fokus kepada keperluan masing-masing.

Penyiasatan perbelanjaan isi rumah dijalankan pada setiap lima tahun sekali di mana corak sebenar perbelanjaan terkini adalah berasaskan penyiasatan perbelanjaan isi rumah yang dijalankan pada tahun 2014.

Sehubungan itu, IHP bukanlah indeks bagi pengalaman atau pengukuran mana-mana individu atau kumpulan spesifik. Sekiranya ada individu yang ingin menumpukan kepada barang dan perkhidmatan tertentu, mereka boleh merujuk kepada indeks yang khusus bagi barang atau perkhidmatan tersebut daripada laporan IHP yang dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman mencadangkan supaya diwujudkan undang-undang bagi mengelakkan peniaga mengenakan caj perkhidmatan atau *service charge* kepada pengguna.

Untuk makluman, kerajaan telah memutuskan bahawa buat masa ini, pihak industri perhotelan dan restoran yang mempunyai *collective agreement* bagi pekerja yang mempunyai kesatuan dan *contract of service* bagi pekerja yang tidak berkesatuan antara majikan dengan pekerja sahaja yang boleh mengenakan caj perkhidmatan. Namun, pihak hotel dan restoran perlu memaparkan notis di premis perniagaan untuk memberi makluman kepada pengguna mengenai pengenaan caj perkhidmatan. Melalui pemaparan notis ini, pengguna dapat membuat pilihan sama ada ingin menggunakan perkhidmatan premis tersebut atau tidak.

Pihak industri adalah tertakluk kepada Peraturan P.U.A (79) yang diwartakan pada 23 April 2015 berkenaan dengan penandaan caj perkhidmatan bagi hotel dan restoran di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2015. Pihak hotel dan restoran yang mengenakan caj perkhidmatan dikehendaki mempamerkan notis pengenaan caj perkhidmatan di premis masing-masing. Kegagalan peniaga untuk mematuhi

peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Perkara 5, P.U.A (79) Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran) 2015. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai pematuhan dan penguatkuasaan minyak masak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader; Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim mencadangkan supaya KPDKKK mengkaji semula struktur pemberian lesen minyak kepada pengusaha-pengusaha minyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemegang lesen barang kawalan adalah tertakluk kepada arahan pengawal bekalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 pada setiap masa dan peraturan yang ditetapkan di bawah akta ini adalah sangat komprehensif dan mampu mengelakkan berlakunya masalah ketirisan barang kawalan bersubsidi...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat Menteri, mencelah kejap.

**Dato' Henry Sum Agong:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap mengenai lesen minyak masak ini- sebab, kita tengok subsidi dulu kerajaan bagi 85,000 tan sebulan. Kemudian bila dicheck tengok, penggunaan untuk dalam negara, subsidi ini, cuma 45,000. Bermakna, 40,000 itu hilang. Jadi, saya minta supaya lesen-lesen yang ada di sempadan ini distrukturkan semula supaya tidak berlaku ketirisan. Contohnya, kalau dekat Rantau Panjang itu, banyak minyak masak dekat Rantau Panjang tak ada, dekat Thailand banyak. Orang kita dekat Rantau Panjang pergi beli dekat pasar Golok- gula kah, minyak kah.

Kemudian yang kedua, dah bercakap itu, saya nak cakaplah. Saya tengok gerakan daripada segi penguatkuasaan ya.

#### ■1950

Saya tengok KPDKKK ini kalau dia hendak buat *enforcement*. Dia pergi *by teamwork*. Jadi, sebelum pergi itu kedai dah tahu dah. Boleh tidak KPDKKK sebab ini masalah rakyat. Kalau boleh KPDKKK lantik *Special Branch* (SB). Makna dia tidak tahu orang ini bekerja dengan KPDKKK- barulah dapat kita *trace* siapa, kedai mana, tauke mana yang naikkan harga-harga itu. Ini saya tengok bila hendak pergi *enforcement* pergi dengan *teamwork* 15 orang.

Sebelum sampai ke kedai sudah tutup da. Hendak *enforce* apa? Jadi, kalau boleh lantik SB sebab ini untuk menangani kos sara hidup yang naik ini yang sengaja dinaikkan oleh tauke-tauke ini.

Kemudian yang- kalau bolehlah saya hendak cadangkan kepada KPDKKK tambah lagi penguat kuasa ini, sementara pun tidak apa. Sama ada sementara ataupun kontrak lebih-lebih lagi tahun depan kita hendak pilihan raya, tambah lagi ambil budak-budak yang *graduate* ini yang menganggur ini, yang tidak ada kerja ini bagi dia *temporary*, sementara ataupun kontrak. Umur 21 tahun ke atas. Ada *mileage* kepada kerajaan dekat-dekat pilihan raya tahun depan.

Satu lagi saya hendak tanya pihak KPDKKK sedar atau tidak minyak yang subsidi ini dibeli oleh tauke kemudian ditukar masuk ke dalam tin menjadi tidak subsidi. Ini jual harga mahal. Oleh sebab itu saya hendak benda ini biar *enforcement* daripada KPDKKK ini biar betul-betul rahsia dan kita boleh *trace* siapa dan tauke mana yang cuba mengaut keuntungan dalam keadaan kos harga barang naikkan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan soalan tadi. Semua apa yang merupakan cadangan daripada Yang Berhormat Senator itu baik dan itu akan diambil maklum oleh pihak kementerian.

Akan tetapi, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pihak kementerian dan kerajaan amat prihatin tentang kebijakan masyarakat dan keperluan yang ada khususnya dengan warga ataupun golongan yang kurang mampu ini. Daripada segi penguat kuasa tadi yang dikatakan memang pun menjadi tanggungjawab pihak penguat kuasa untuk menjalankan tugas. Semasa menjalankan tugas tentulah itu merupakan satu keperluan bahawa mereka harus menjalankan tugas secara berpasukan dan juga menggunakan uniform. Maka sebab itu pihak awam mengenali mereka. Memang pun tidak dinafikan bahawa penguat kuasa kita tidak mencukupi tetapi kerajaan disebabkan keprihatinan yang saya katakan tadi melantik apa yang kita panggil PPH pegawai ini untuk membantu pihak penguat kuasa.

Mereka ini tidak ada uniform, pegawai kontrak. Seolah-olah mereka seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, menjalankan tugas tanpa dikenali oleh pihak awam. Untuk membantu kita dalam masalah ini, kita di kementerian ada mewujudkan apa yang kami katakan *Friends of KPDKKK*. Ini melibatkan sebenarnya orang awam keseluruhannya, khusus pihak pegawai-pegawai kerajaan dan juga pasukan RELA, agensi-agensi kerajaan yang lain, NGOs dan termasuk juga di peringkat kampung; penghulu dan ketua kaum kita. Sama ada mereka

sudah menjadi ahli *Friends of KPDKKK* ini ataupun belum boleh menyalurkan maklumat-maklumat kepada pihak KPDKKK melalui portal e-aduan dan talian *hotline* ada 1-800-886-800 ataupun hadir sendiri. Ini antara tindakan yang boleh diambil oleh pihak awam mengadu kepada pihak KPDKKK yang berhampiran. Itu antara tindakan yang kami dipihak kementerian inginkan supaya kita dapat lakukan ini untuk menyelesaikan masalah yang timbul ini.

Baik. Yang Berhormat. Saya teruskan. Selain itu, KPDKKK telah menjalankan tindakan penguatkuasaan secara meluas meliputi semua peringkat pengedaran iaitu pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit minyak masak. Pemantauan secara berterusan ini memastikan bekalan minyak masak bersubsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan disalurkan terus kepada rakyat. Malah, kementerian turut mengadakan kerjasama dengan agensi kawalan sempadan yang lain bagi mengelakkan berlakunya pengaliran keluar minyak masak bersubsidi ke luar negara. Ini menjawab soalan Yang Berhormat tadi.

Mulai 21 Oktober 2016 sehingga 8 Disember 2016, sebanyak 46 kes berkaitan minyak masak telah dihasilkan melibatkan pelbagai kesalahan dengan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM563,000 dan sebanyak 82.72 tan metrik minyak masak di sita. Daripada jumlah itu, empat kes melibatkan pembungkus minyak masak selain tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, mereka juga berhadapan dengan tindakan penggantungan ataupun pembatalan kuota.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas telah mencadangkan supaya diwujudkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji kelemahan agensi penguatkuasaan di sempadan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kuasa-kuasa kawalan penyeludupan secara khususnya adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Walau bagaimanapun, KPDKKK turut mengambil langkah pencegahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi menghalang dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sebarang bentuk penyelewengan yang menjurus kepada cubaan untuk menyeludup seperti melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan pengauditan secara harian ke atas semua peringkat perniagaan dari kilang-kilang penapis sehingga kepada peruncit.

Kedua, mengadakan mesyuarat penyelarasan penguatkuasaan bersama agensi-agensi kawalan sempadan. Ketiga, melaksanakan operasi besar-besaran di seluruh negara bagi membanteras sebarang bentuk penyelewengan minyak masak di bawah operasi khas Ops COSS.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader mencadangkan supaya kerajaan membuat penerangan yang komprehensif kepada rakyat berkenaan dengan sesuatu rasionalisasi subsidi. KPDKKK sememangnya telah bersedia dengan pelan komunikasi strategik bagi tujuan menguar-uarkan program dan inisiatif kementerian termasuk rasionalisasi subsidi. Sebagai contoh dalam Pelaksanaan Rasionalisasi Subsidi Minyak Masak atau Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) baru-baru ini pihak KPDKKK telah mula melaksanakan pelan komunikasi dua minggu sebelum pelaksanaan COSS ini pada 1 November 2016. Strategi yang telah dirangka merangkumi tiga fasa iaitu sebelum pelaksanaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan.

#### ■2000

Pelaksanaan pelan ini merangkumi semua saluran media termasuk media elektronik, media cetak serta media sosial dan sehingga ini ia masih berjalan iaitu dalam fasa ketiga iaitu pasca pelaksanaan. Dalam melaksanakan Pelan Komunikasi Rasionalisasi Subsidi ini, kementerian turut melibatkan pihak ketiga seperti NGO dan tokoh akademik bagi menjelaskan kepada rakyat berkenaan isu ini. Selain itu, KPDKKK turut mengadakan sesi *engagement* semasa bersama persatuan-persatuan masyarakat, badan-badan NGO serta masyarakat awam bagi menjelaskan pelaksanaan COSS ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkuuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri KPDKKK. Berbahas dengan jawapan yang baik dan terang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak. Tadi kita dapati daripada Yang Berhormat Dato' Sri Helmi. Now kita sudah pergi pula kepada Yang Berhormat Dato' Henry, dan itu terima kasih.

Kita hendak beralih kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

#### 8.03 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih tidak terhingga atas jemputan ini.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan ataupun mengusulkan sejumlah peruntukan RM2.457 bilion merangkumi peruntukan belanja mengurus sejumlah RM864.05 juta atau peruntukan pembangunan sejumlah RM1.593 bilion. Kementerian ini juga turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada lapan Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan bajet ataupun Rang Undang-undang Perbekalan 2017 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan isu berkaitan banjir kerana ia merupakan isu yang paling hangat dibangkitkan bagi kementerian ini semasa sesi perbahasan kali ini. Justeru saya akan memberikan penjelasan bagi isu ini terlebih dahulu. Fenomena banjir boleh berpunca daripada kenaikan paras air laut dan sungai, kejadian air pasang besar dan banjir kilat. Ini juga berkaitan rapat dengan perubahan iklim serta juga pelepasan gas rumah kaca ataupun *greenhouse gases* ke atmosfera telah menyebabkan kenaikan suhu purata bumi dan mengakibatkan fenomena pemanasan global. Seterusnya menyebabkan kenaikan paras air laut dan mengakibatkan banjir.

Saya ingin hendak mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa kejadian banjir dalam bandar ataupun *flash flood* bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dalam membantu pihak berkuasa tempatan negeri dari sudut teknikal dan juga kewangan demi kepentingan rakyat di negara ini.

Isu rancangan tebatan banjir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili serta Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran sedang mengambil tindakan bagi memulakan pembinaan kedua-dua projek tebatan banjir lembangan Sungai Kelantan dan juga lembangan Sungai Golok. Bagi projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok fasa satu, JPS sedang menyediakan dokumen tawaran. Manakala bagi projek satu lagi PLSB Sungai Kelantan fasa satu, JPS sedang menyediakan dokumen tawaran bagi tujuan tersebut.

Kementerian juga di dalam *Rolling Plan* Satu RMKe-11 telah meluluskan RM300 juta untuk Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 di negeri Kelantan yang turut mengandungi komponen tebatan banjir, selain struktur perlindungan pantai

*Light Detection and Ranging (LIDAR)* yang diperoleh daripada JUPEM boleh digunakan sebagai input data topografi dalam pemodenan hidrologi untuk meramal kejadian banjir.

Seterusnya projek RTB Kuching, Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta dalam RMKe-11 bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir untuk mengatasi banjir di Bandaraya Kuching dan Samarahan iaitu projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak. NRE melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran sedang menyediakan dokumen untuk pelantikan kontraktor dan projek dijangka bermula Ogos 2017.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed memohon penjelasan tentang projek tebatan banjir di Kelantan dan Terengganu. Saya rasa yang di Kelantan saya telah pun jawab bersekali tadi dengan Yang Berhormat Senator- Yang Berhormat dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Cuma Terengganu, Rancangan Tebatan Banjir bagi negeri Terengganu adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Terengganu. Rancangan Tebatan Banjir Kemasik;
- (ii) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Besut fasa satu Sungai Nil, Terengganu;
- (iii) Projek Tebatan Banjir Gantung Luar Setiu, Terengganu;
- (iv) Projek Tebatan Banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu; dan
- (v) Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara, UMT dan kawasan sekitar Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah meminta kerajaan mempertimbangkan untuk membeli-untuk mewujudkan ataupun menyediakan secara *ad hoc* bagi meningkatkan bekalan bank tanah dengan tujuan memulakan projek-projek pembangunan semula dan menyediakan rumah mampu milik. Kementerian ini sentiasa menyokong usaha untuk membangunkan semula *regeneration* kawasan bandar khususnya di kawasan-kawasan yang persekitarannya kurang menarik atau bangunan yang lama. Pada masa ini, penamatan Skim Berstrata boleh dibuat berdasarkan keadaan-keadaan di bawah seksyen 52(1), 57(1) Akta Hak Milik Strata dengan mendapat keputusan secara sebulat suara daripada setiap pemilik petak atau blok sementara.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tidak mendapat persetujuan sebulat suara pemilik petak, pemegang gadai ataupun Perbadanan Pengurusan boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk meneruskan penembatan tersebut. Dalam pada itu juga, kerajaan

boleh mengguna pakai Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 bagi tujuan pengambilan tanah keseluruhannya bagi Skim Pembangunan Berstrata tersebut. Tambahan pula Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 juga telah dipinda pada tahun 2016 bagi tujuan memantapkan prosedur tersebut yang sedang menunggu tarikh kuat kuasa.

Kementerian ini juga akan mengkaji Akta Hak Milik Strata 1985 bagi memudahkan projek-projek pembangunan semula pada masa yang sama memastikan hak-hak serta kebijakan pemilik adalah terjamin. Dalam hubungan ini, kerajaan mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Juga pandangan-pandangan daripada pelbagai pemegang taruh ataupun *stakeholders* terutamanya daripada segi kesan sosial *political* kepada negara dan kajian terhadap *best practices* yang diamalkan di luar negara yang berkaitan juga hendaklah diambil kira.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga memohon agar pengurusan e-Tanah hak milik strata e-Kadaster, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Sistem Maklumat Guna Tanah di Wilayah Persekutuan diperkasakan agar kecekapan terhadap transaksi urus niaga dan pindah milik atau daftar cagaran harta tanah lebih efisien dan mempercepatkan perancangan pembangunan oleh pihak awam dan swasta. Pelaksanaan e-Tanah Kuala Lumpur yang telah bermula pembangunan sistemnya bermula November 2014 merangkumi sembilan modul utama dan pengurusan hak milik strata termasuk dalam skop projeknya.

## ■2010

Antara modul-modul yang terlibat pendaftaran, hasil pembangunan, pelupusan strata, lelong, penguatkuasaan, pengambilan dan *consent*. Dalam sistem e-Tanah ini, keseluruhan modul saling berhubung antara satu sama lain membolehkan kecekapan dalam sebarang transaksi dapat dilaksanakan. Pangkalan data untuk setiap modul dalam sistem e-Tanah adalah bersepdua dan tidak boleh berasingan.

Dalam sistem e-Tanah diperkenalkan juga konsep SPOC, dengan izin, *single point of contact* di mana setiap urusan pentadbiran tanah hanya perlu melalui satu kaunter sahaja. Manakala bagi sistem e-Kadaster telah dibangunkan pada tahun 2009 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Penyelenggaraan sistem telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan berjalan lancar. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sistem e-Kadaster akan dinaiktarafkan bagi menggantikan perkasan dan perisian yang usang di samping mengambil kira perkembangan dan kemajuan teknologi semasa.

Projek menaiktarafkan e-Kadaster dijangka selesai menjelang tahun 2018. Hasil daripada pelaksanaan e-Kadaster oleh JUPEM ialah:

- (i) sistem pendaftaran hak milik oleh pejabat tanah telah dapat dipercepatkan melalui pembekalan pelan hak milik secara atas talian;
- (ii) semua urusan pengukuran hak milik adalah secara digital;
- (iii) menjadi pemungkin kepada pelaksanaan e-Tanah; dan
- (iv) penggunaan sistem koordinat global ataupun dengan izin, *geocentric datum* merujuk kepada pusat bumi yang boleh diintegrasikan dengan sistem-sistem yang dibangunkan oleh agensi-agensi berkaitan tanah. Dengan ini, ia boleh membantu dalam mempercepatkan analisa data bagi membuat keputusan. Ini termasuk antara negeri dengan negeri tertentu.

Dengan pelaksanaan e-Kadaster, JUPEM juga telah membangunkan pelbagai modul termasuk modul bagi mengendalikan permohonan hak milik strata selaras dengan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2013 yang dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015.

Bagi menyokong pertumbuhan sektor harta tanah agar ia dapat mempercepatkan perancangan pembangunan, sistem e-Kadaster diperkasakan dengan pelaksanaan pembangunan pangkalan data tiga dimensi atau 3D yang menawarkan maklumat 3D *city model*, model para muka bumi, maklumat foto udara berskala besar yang menunjukkan maklumat terperinci dengan tepat. Maklumat-maklumat tersebut apabila diintegrasikan dengan maklumat lot-lot tanah dapat digunakan bagi membuat analisa atau analisis yang lebih komprehensif bagi membuat keputusan yang lebih holistik dan lestari dalam perancangan pembangunan.

JUPEM juga mengkaji kesesuaian pelaksanaan modul standard antarabangsa bagi pentadbiran tanah untuk mewujudkan perkongsian maklumat antara e-Kadaster dan e-Tanah dan pelaksanaan model standard antarabangsa ini akan memberi impak yang positif kepada kedudukan kemudahan menjalankan perniagaan yang dilaporkan oleh Bank Dunia. Kementerian ini juga memperuntukkan teras satu di dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu pengurusan sumber asli yang bernilai tinggi untuk bidang bagi menguruskan tanah, ukur dan pemetaan untuk memperkasakan pengurusan tanah di seluruh negara.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaik Ismail menyentuh mengenai isu sekumpulan kera liar. Tak ada ya? Kalau tak ada, saya jawab secara bertulislah. Gitu gini pun soal kera ini kan. Okey.

Kemudian Yang Berhormat Senator Hajah Azizah binti Harun ada? Ada ya. Okey. Beliau memohon penjelasan tentang tindakan dan langkah-langkah terkini yang diambil oleh kementerian ini mengenai masalah air di Selangor. Mungkin kali ini lebih terperinci daripada sesi soal jawab ya. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memandang serius setiap kali berlakunya insiden penutupan loji rawatan air bukan sahaja di Selangor malah di mana-mana negeri di seluruh Malaysia.

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seksyen 25(3), Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan ke atas pelepasan *affluent* dan sisa kumbahan dari kawasan industri dan loji rawatan yang tidak mengikut standard yang dibenarkan dan menyedari peranan, tanggungjawab dan kuasa LUAS atau Lembaga Urus Air Selangor khususnya daripada segi pelaksanaan yang terbatas. Justeru kementerian telah mengadakan pelbagai siri perbincangan termasuklah dengan mendapatkan nasihat pakar dalam menangani masalah ini melalui mesyuarat khas yang diadakan seperti Mesyuarat Majlis Kualiti Ahli Alam Sekeliling bagi mendapatkan nasihat dan cadangan langkah-langkah terbaik yang boleh diambil dalam menangani masalah ini.

Malah satu perjumpaan dengan Menteri Besar Selangor juga telah diadakan bagi membincangkan isu ini demi kepentingan rakyat khususnya di Selangor. Kita harus sedar bahawa kepesatan pertambahan penduduk telah mengakibatkan kerajaan negeri mula meneroka kawasan hulu sungai bagi memberi laluan terhadap projek pembangunan untuk penempatan manusia. Keadaan ini telah menyebabkan muka sauk bagi loji rawatan air sentiasa diancam ataupun terancam oleh pelbagai unsur pencemaran sama ada ia di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar atau agensi-agensi negeri sendiri. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin terhadap masalah rakyat, langkah-langkah berikut akan terus diperkuuhkan dan dilaksanakan, iaitu:

- (i) mengkaji secara terperinci setiap cadangan projek yang dirujuk oleh kerajaan negeri terutamanya di lokasi berisiko seperti di hulu muka sauk;
- (ii) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan dan perundangan terhadap mana-mana pihak yang berpotensi melakukan pencemaran terutama industri yang terletak di atas muka sauk ataupun *intake point*;
- (iii) menjalankan Strategi secara Lautan Biru (NBOS) sama ada dengan Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri terbabit;

- (iv) memperkemaskan SOP bagi menangani insiden pencemaran sungai sama ada berlaku secara sengaja atau tidak sengaja seperti pencemaran akibat kemalangan;
- (v) mengkaji struktur perundangan sedia ada dan membuat penambahbaikan terhadap setiap kelemahan dalam perundangan tersebut dan; dan
- (vi) meminta operator loji rawatan air mengkaji semula kemampuan loji yang sedang beroperasi dan menggalakkan penggunaan teknologi terkini dalam rawatan air mentah. Ini bersesuaian dengan pembangunan yang pesat dan menyebabkan pencemaran air yang sukar dikawal.

Sebagai tambahan, kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar tidak akan teragak-agak mendakwa sesiapa sahaja bertanggungjawab melakukan kesalahan mencemarkan sungai di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan kementerian ini juga dengan tegasnya menyarankan kerajaan negeri juga mengguna pakai semua perundangan yang ada di peringkat negeri seperti Enakmen LUAS dalam menangani isu ini kerana hanya dengan tindakan secara menyeluruh dan bersepada sahaja dapat meminimumkan insiden penutupan loji rawatan air daripada berulang.

Bagi memantapkan kawalan pengurusan untuk jangka masa panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang menggunakan MSMA atau Manual Saliran Mesra Alam serta Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) untuk membuat pengesyoran kepada pihak berkuasa agar kerja pembukaan tanah dalam sektor pembinaan tidak akan menyebabkan banjir lumpur di kawasan sekitar dan akhirnya mencemarkan sungai. Syarat ESCP ini sedang dirancang untuk dikembangkan ke sektor pertanian supaya kerja pembersihan ladang tanaman komoditi juga perlu mengambil langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodak dalam memastikan kualiti air akan terus terpelihara.

Yang terakhirnya ialah lanjutan dari tadi, semua langkah yang dinyatakan akan diperkuatkkan lagi dengan pengubalan Rang Undang-undang Sumber Air Negara yang merangkumi aspek pengurusan sumber air yang lebih luas dan membolehkan peraturan dan kawalan dibuat ke atas perkara-perkara yang berkaitan pengurusan sumber air serta mengawal selia sumber air negara dengan lebih berkesan termasuklah kualiti dan kuantiti. Undang-undang yang komprehensif dan seragam di peringkat negeri akan membolehkan pihak berkuasa negeri melaksanakan pengurusan sumber air bersepada secara holistik.

Oleh sebab itulah kementerian berharap supaya semua negeri menerima pakai cadangan rang undang-undang tersebut untuk dienakmenkan oleh negeri-negeri. Akhirnya

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 pada Mesyuarat Ketiga ini.

## ■2020

Saya berharap daripada penjelasan-penjelasan tersebut, ia telah dapat menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah pun bertungkus-lumus mencatat dan membantu dalam penyediaan jawapan dan kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab ataupun digulung pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Menteri, silakan.

### 8.21 mlm.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat malam, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perbelanjaan yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang berbanyak-banyak atas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian. Seramai 29 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 dan membangkitkan 69 isu yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM43.9 bilion atau 16.7 peratus daripada keseluruhan bajet tahun 2017. Jumlah tersebut merangkumi RM42.89 bilion iaitu 97.5 peratus untuk belanja mengurus dan RM1.09 bilion atau 2.5 peratus untuk belanja pembangunan. Fokus penggulungan saya pada malam ini menjurus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan,

keguruan, TVET, kurikulum, pentafsiran, penukaran status sembilan IPG, pendidikan khas, teknologi komunikasi dan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, rumusannya, dalam pembangunan dan penyelenggaraan, ada 11 Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan di sekolah, menaik taraf infrastruktur, baik pulih, pembangunan sekolah daif dan pembangunan kawasan pesat membangun. Sukalah saya menyebut bahawa di negara kita pada waktu ini, jumlah sekolah, keseluruhan sekolah 10,179 buah sekolah, sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah.

Dalam 10,179 buah sekolah itu termasuklah sekolah rendah ataupun sekolah kebangsaan yang terdiri daripada sekolah kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(C)), dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK(T)). Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ada 530 buah sekolah, SRJK(C) ada 1,126 buah sekolah. Daripada 10,000 buah sekolah itu, kita boleh bahagikan sekolah ini kepada empat kategori dari segi demografinya iaitu:

- (i) sekolah-sekolah dalam bandar;
- (ii) sekolah-sekolah pinggir bandar;
- (iii) sekolah-sekolah di luar bandar; dan,
- (iv) sekolah di pedalaman.

Pedalaman boleh dibahagi kepada tiga pula. Pedalaman bagi rakan-rakan di Sabah, di Sarawak dan juga negeri-negeri di Semenanjung seperti di Kelantan, Terengganu dan juga Pahang boleh kategorikan kepada tiga iaitu Pedalaman 1, Pedalaman 2 dan Pedalaman 3. Jadi, apabila berada di Pedalaman 3 misalnya, pengangkutan yang paling banyak digunakan, naik bot, naik kereta dan berjalan kaki, barulah sampai ke sekolah.

Jadi perbezaan lokasi daripada segi geografi ini, boleh saya kategorikan kepada Yang Berhormat Senator telah membangkitkan bagaimana untuk membaik pulih. Misalnya Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili membangkitkan mengenai dengan penyediaan tempat makanan untuk RMT misalnya dan beliau telah menyentuh mengenai dengan rupa bentuk kantin, tempat yang baik ataupun tempat yang kondusif untuk penyediaan makanan. Ini kita sedar kerana ada banyak kemudahan tempat makan yang ada kaitan dengan di mana kantin disediakan untuk makanan. Jadi seperti yang saya sebut tadi bagaimana kita kena menyusun secara keseluruhan sama ada di bandar ataupun di luar bandar ataupun pedalaman. *Insyah-Allah*, ini kita ambil perhatian seperti mana yang disebut.

Saya sedar berapa banyak sebenarnya sekolah yang berada pada kategori yang disebut sebagai sekolah daif. Bagaimana kategori yang disebut sekolah yang mempunyai usia yang agak lama dan ini ada kaitan dengan di mana kedudukan sekolah itu. Ada rakan Yang Berhormat...

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** *Assalamualaikum.* Boleh mohon mencelah sedikit?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Hai! Awal lagi ini.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** *[Ketawa]* Boleh? Tidak, sebab perkara itu masuk Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencelah sikit.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Sekejap lagi ya.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Okey.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty? Tidak ada. Yang Berhormat Senator Prof. Dr. Sim Kui Hian? Tidak ada. Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng? Hah! Bagus. Tidak ada, ini senang... *[Dewan Ketawa]*

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh? Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah- Yang Berhormat Senator ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi membangkitkan mengenai dengan pengubahsuaian sekolah ataupun memastikan kerja-kerja pengubahsuaian sekolah, menaik taraf semua sekolah yang daif tanpa mengira jenis sekolah. Ini salah satu daripada perkara yang kita ambil perhatian. Sebenarnya di kementerian, saya sudah minta Bahagian R&D ataupun Bahagian Research di kementerian untuk mengkategorikan.

Sebab sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, ada sekolah yang telah mencapai usia 100 tahun, melebihi daripada 100 tahun. Ada sekolah yang berusia 50 tahun hingga ke-100 tahun. Ada sekolah yang berusia melebihi daripada 30 tahun dan ada sekolah yang berusia 15 tahun ke bawah. Jadi kalau usia sekolah itu yang jauh dan fizikal sekolah itu pun nampak tidak begitu sihat sudah, maka sudah tentulah kena ambil tindakan. Tindakan yang boleh diambil oleh kementerian ada tiga.

Pertama, dipanggil penyelenggaraan. Maknanya, kena buat *maintenance* kepada sekolah dan untuk *maintenance* ini memerlukan perbelanjaan. Keduanya, ubahsuai sekolah dan yang ketiganya, yang telah dinasihati oleh JKR. Ada sekolah yang telah dinasihati oleh sekolah, sekolah itu atau bangunan itu tidak boleh lagi digunakan. Maka sekolah ini kena

ditutup dan tidak boleh pelajar masuk di situ dan dia kena buat bangunan yang baru. Ini banyak juga sekolah yang telah mendapat nasihat daripada pihak JKR untuk membolehkan kita kenakan kementerian kena cari peruntukan untuk membuat bangunan yang baru. Jadi ini adalah salah satu usahalah yang dibuat oleh seperti mana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** ...Dari Tenom yang membangkitkan mengenai dengan sekolah di pedalaman. Untuk mencapai akademik, pendidikan di Sabah, saya amat maklum Yang Berhormat Senator Datuk bahawa di negeri Sabah, ada dua buah kawasan yang mesti diambil perhatian. Satu adalah di pedalaman seumpamanya, saya sudah pun sampai ke SK Tilis di Tenom. Yang Berhormat Senator Datuk pun ada sekali dengan saya waktu di Tilis.

#### ■2030

Tilis, perjalanan dari bandar Tenom ke Tilis itu lebih kurang dua jam dan sekolah ini betul-betul di pedalaman. Itu satu daripada mesti dilihat. Satu lagi di negeri Sabah ialah sekolah-sekolah kebangsaan di pulau-pulau, ia ada dua. Satu di pulau, satu lagi adalah berada di pedalaman. Ini kerajaan telah mengenal pasti antara kawasan sekolah-sekolah ini di bagi prioriti, yang kita bagi prioriti 'A', prioriti 'B', prioriti 'C'. Prioriti 'A', maksudnya bangunan itu kena diganti dan kerajaan melalui bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umum baru-baru ini bahawa mulai tahun hadapan kita memperkenalkan sistem IBS untuk diperkenalkan sekolah-sekolah, bukan sahaja di Sabah, bukan sahaja di Sarawak, termasuk juga sekolah-sekolah daif yang ada di Semenanjung.

Selain daripada sistem IBS yang diperkenalkan kepada sekolah, diperuntukkan juga peruntukan untuk baik pulih setengah-setengah daripada sekolah-sekolah yang memerlukan perhatian yang penuh mengikut laporan yang dihantar oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Misalnya, Pejabat Pendidikan Daerah Tenom, Pejabat Pendidikan Daerah Nabawan dan Pejabat Pendidikan Daerah Keningau bagi kawasan pedalaman di negeri Sabah. Saya sedar di Tenom pun ada sekolah kebangsaan yang jaraknya tidak jauhlah dengan sempadan Indonesia. Jadi, itu kita ambil perhatian Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun, di Sepang kita sedar bahawa antara masalah yang dihadapi masalah yang berkaitan dengan ketiadaan air atau gangguan bekalan air dan saya sudah sebutlah tadi sekolah yang berusia lebih daripada 30 tahun.

Ini satu masalah lagi, masalah gangguan bekalan air. Air ini di bawah penguasaan negeri-negeri masing-masing. Kita daripada Kementerian Pendidikan, kita kena ambil bekalan air itu dari negeri. Masalahnya kalau di luar sana yang ada masalah, ia diganggu habis terutamanya sekolah-sekolah yang ada asrama. Inilah yang akhirnya pengetua membuat keputusan untuk membenarkan pelajar balik sebab tak boleh duduklah- 300 orang pelajar ada di asrama, air tak ada.

Saya mengesyorkan supaya pengetua membuat keputusan pada waktu itu tak payah tunggu kementerianlah. Pengetua tengok sudah tak boleh ada air sudah, maka dia kata pelajar boleh balik. Kalau tunggu pun budak tak mandi tiga hari. Tiga hari saya ingat kalau budak tak mandi tiga hari pun ada masalah dengan pergi sekolah itu.

Jadi, sebab itu ini masalah yang ada setengah-setengah negeri yang ada masalah dengan bekalan air yang seumpama dengan itu. Ini kita cubalah selesai mengikut kesesuaian setempat. Ada yang kita pakai *tube well* di sekolah dan ada juga yang kita panggil atas inisiatif PIBG misalnya, ada sekolah yang buat dipanggil *rainwater harvesting* dengan mengumpul air hujan bukan untuk tujuan minuman tetapi mengumpul air hujan ini untuk tujuan kegunaan lain kepada pelajar-pelajar di asrama.

Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab Hamid mengenai dengan K9 bagi pelajar-pelajar Orang Asli tetapi bukan sahaja untuk Orang Asli tetapi untuk kaum lain juga. K9, maksudnya Darjah 1 sampai Darjah 6 - enam tahun, Tingkatan 1, 2, 3- tiga tahun, jadi enam tahun campur tiga tahun, jadi 9 tahun, itu dipanggil K9. Guru besar sama, guru besar satu sahaja. Guru besar itu jugalah yang mengendalikan pengurusan sekolah itu. Ini sedang dikembangkan dan ada banyak sudah sebenarnya Yang Berhormat Senator, sekolah K9 yang dikembangkan.

Akan tetapi setakat ini belum ada lagi kes 11 lah, Yang Berhormat ada tanya mengenai dengan kes 11, belum ada lagi sampai Tingkatan 4 dan 5 di satu pengurusan. Setakat ini sampai Tingkatan 3 ada. Asrama SK Banun yang tidak selesa dan agak usang, ini pihak kementerian ambil perhatian dengan teguran ataupun pandangan Yang Berhormat pada hari perbahasan. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan berkaitan dengan SJKT Ladang Minyak dan SJKT Mahkota Cheras. Mahkota Cheras dalam proses pembinaan, telah diserah kepada kontraktor dan untuk Ladang Minyak ini, belum lagi setakat ini Yang Berhormat. Kemudian...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, cuma sedikit penjelasan. Dari gambar saya dapat ini, saya nampak Ladang Minyak sudah *start piling*, SJKT Ladang Minyak sudah *start piling*. Jawapan Menteri saya rasa terbalik, yang Bandar Mahkota

masih belum *start*. Sebenarnya, daripada maklumat yang saya dapat daripada jawatankuasa yang dilantik oleh kementerian, upacara pecah tanah *fixed* untuk 14 November tetapi tiba-tiba di *postponed*. So, dari gambar yang saya dapat semalam, SJK(T) Ladang Minyak sudah *start piling*, Bandar Mahkota belum lagi. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** SRJKT Ladang Minyak tertangguh disebabkan isu hak milik tanah yang melibatkan Lembaga Pengelola Sekolah lama dan LPS baru. Isu tapak telah mengambil masa yang lama untuk diselesaikan sehingga menyebabkan perunding menarik diri daripada projek tersebut. Projek ini walau bagaimanapun dijangka siap pada 19 Mei 2017, maknanya Yang Berhormat. Perkataan yang awal tadi mungkin saya boleh tarik balik.

SRJK Bandar Baru Mahkota Cheras telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Prosesnya agak panjang, perolehan melibatkan tempoh yang agak panjang untuk diselesaikan. Projek kini dalam pembinaan, projek ini pun dalam pembinaan Yang Berhormat. Statusnya 2 peratus daripada projek ini dan dijangka siap pada 19 Ogos 2018. Itu keseluruhan mengenai dengan apa yang disebut sebagai projek-projek pembangunanlah yang ada di dalam-  
Isu kedua yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah yang berkaitan dengan keguruan yang melibatkan perkhidmatan perguruan.

Salah satu daripada isu yang dibangkitkan di sini oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat ialah isu yang berkisar mengenai dengan kedudukan perjawatan perguruan itu sendiri. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa untuk pengetahuan Yang Berhormat, graduan IPGM adalah untuk sekolah rendah. Graduan siswazah universiti adalah untuk sekolah menengah.

Jadi, IPGM dan universiti diambil dan pada waktu ini pengambilan ke universiti, kita telah bermesyuarat dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membolehkan kita membuat *balance* antara pengambilan itu dengan akhirnya nanti tawaran perjawatan guru. Sebabnya ialah kita tidak mahu ada lambakan siswazah pendidikan yang banyak dalam masyarakat. Sebabnya hari ini guru di seluruh negara mempunyai jumlah guru 430,000 Tuan Yang di-Pertua. Jumlah 430,000 ini guru ada di seluruh negara. Bila guru hendak diambil, maknanya guru itu tak bolehlah hendak macam dulu, dia sudah *stagnant* sebenarnya jumlah guru. Apa yang ada pada tahun berikutnya, yang pertama guru yang bersara wajib, guru yang bersara pilihan, dan ada kes-kes lain yang menyebabkan mereka meninggalkan perjawatan guru. Ini sahaja sebenarnya yang diambil guru. Jadi jumlah guru itu hendak dikira dengan pengambilan masuk universiti dan pengambilan masuk ke IPGM.

**■2040**

Kalau ini kita boleh buat, maknanya pada tahun berikutnya dia akan ada lebih kuranglah dengan jumlah yang ada dalam pasaran dan keperluan guru sebenarnya.

Untuk guru ini, dia ada *time based*. DG41 lapan tahun, DG44 lapan tahun. Dia ada lapan, lapan, lapan. Lapan tahun 41 hingga 44, lapan tahun 44 hingga 48. Dari 48 hendak pergi 52 enam tahun dan selepas itu perjawatan itu boleh tengok macam mana gred dia hendak pergilah selepas dia jadi pengetua ataupun dia telah menjawat jawatan lain di PPD atau jabatan. Jadi, perjawatan guru itu berasas kepada *time based*, lapan, lapan. Lapan tahun 41, lapan tahun lagi 44 dan lepas itu lapan tahun di 48.

Jadi ini saya kira bahawa perkhidmatan pendidikan melalui Kementerian Pendidikan yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk mempertingkatkan, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, dalam hal yang berkaitan dengan perguruan.

Kemudian juga yang bertanya Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim berkaitan dengan mengkaji elauan guru penolong kanan. Ini elauan guru penolong kanan yang terakhir dikaji adalah pada tahun 2002 melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 3, Tahun 2002. Elauan ini adalah di bawah pertimbangan agensi pusat dan sebarang cadangan pindaan kepada kadar tersebut perlulah dilihat secara menyeluruh kerana melibatkan lain-lain perkhidmatan dalam sektor awam yang bergantung kepada kemampuan kewangan.

Perkara lain yang dibangkitkan dalam isu perguruan ini ialah yang berkaitan dengan kebijakan guru yang ada kaitan dengan istilah yang digunakan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Engku Naimah, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Antara yang dibangkitkan ini guru-guru yang disebut sebagai '*guru duka lara*' ataupun guru yang berjauhan suami isteri.

Jadi, ini kementerian ambil perhatian dan *alhamdulillah*, dalam tahun 2016 ini dari bulan Jun dan juga bulan Disember ini, kita telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya sekitar 8,000 lebih guru yang dapat disatukan suami isteri- yang jauh kepada dekat. Walaupun 8,000 lebih, Tuan Yang di-Pertua, masih ramai lagi sebenarnya yang memerlukan pertolongan. Sampai di Dewan yang mulia ini pun, saya ada di luar tadi menunggu untuk menjawab, ada lagi datang untuk minta tolong kalau boleh membuat pertukaran. Sebahagian daripadanya dibawa melalui Yang Berhormat Senator jugalah.

Terima kasihlah datang menolong guru-guru yang berduka lara ini. Sekurang-kurangnya hari ini sebab saya datang ke sini untuk menjawab, Yang Berhormat Senator dapat jumpa, yang jumpa tadi itu saya luluskan pertukaran mereka [*Tepuk*]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, mencelah sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab itulah kita hendak Menteri yang menjawab, menggulung.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada orang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh mencelah sebentar?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini memang amat berminatlah dengan Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir Khalid ini, Menteri yang hebatlah. Berintegriti dan memperkasakan Dewan Negara. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang datang dari Kelantan tadi bini di Johor sudah enam tahun, terus lulus. Januari tahun hadapan itu boleh tukar balik Kelantan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Kemudian saya hendak *repeat* yang tadi yang saya bangkitkan. Guru penolong kanan ini *last* sekali kajian tahun 2002. Ini sudah tahun 2016. Sudah jadi 14 tahun sudah belum ada kajian semula untuk kenaikan elau. Saya ini menyampaikan hasrat yang disampaikan oleh guru-guru penolong kanan. Sebab, dia kata baru-baru ini dalam bajet, guru besar sudah naik dari RM100 kepada RM200. Dia ini penolong kanan- sebenarnya penolong kanan ini lebih berat kerja daripada guru besar. Guru besar ini kalau ada *mileage* itu dia pergi sendiri, kalau yang dekat-dekat itu, "*PK1, sila hadir*". Jadi, kalau hendak kaji pun kaji biar betul sebab tahun hadapan hendak pilihan raya, kita hendak guna PK1 ini untuk kempen menang Barisan Nasional di Kelantan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bila masa perbahasan, perkara-perkara yang berbabit yang telah ditanya kepada kementerian-kementerian terbabit akan dijawab oleh Menteri. Akan tetapi kalau perkara-perkara yang baru dikemukakan, susahlah untuk Menteri hendak menjawab. Itu satu.

Kedua itu, kalau Yang Berhormat yang tidak berbahas tentang kementerian itu, jangan ambil kesempatan ini untuk bertanya dengan isu-isu yang lain. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. *Insya-Allah*, kita ambil perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan kedudukan penolong kanan.

Saya sambung. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Saya ingin menjawab jugalah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pengambilan guru baru dengan memberi keutamaan kepada IPG dan juga universiti awam.

Seperti yang saya sebut tadilah, Yang Berhormat, bahawa kita mengambil pegawai perkhidmatan pendidikan ini berdasarkan kepada Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil. 1, Tahun 2014 yang menetapkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan kepentingan perkhidmatan awam dari semasa ke semasa. Saya menjawab beliau kerana saya sedar bahawa malam ini malam yang terakhir beliau berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasihlah Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som.

Berikutnya adalah berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Isa Ab Hamid yang berkaitan dengan fleksibiliti kepada anak-anak Orang Asli, jadual anjal perlu diaplikasikan. Saya sedar, ini adalah salah satu lagi perkara yang menjadi masalah sebab dalam mesyuarat-mesyuarat kita, ada kita bincang mengenai dengan kehadiran pelajar-pelajar daripada anak-anak Orang Asli.

Untuk pengetahuan di Dewan yang mulia ini, sekolah kebangsaan, saya sebut tadi 90 buah sekolah kebangsaan, sebenarnya 90 buah itu 100 peratus kepunyaan anak-anak Orang Asli. Sebanyak 90 buah sekolah yang ada 100 peratus pelajar dia anak-anak Orang Asli. Dari situ, kita sedar ada sekolah yang terpaksa buat asrama. Sekolah kebangsaan ada asrama sebab kampung dia jauh.

Jadi bila kampung dia jauh, dia kena buat sekolah di tengah-tengah dan kita kena bawa anak-anak itu. Bayangkanlah kalau anak-anak Darjah 1 ini datang tinggal di asrama dan mereka di kalangan- saya sedar bahawa ini bukanlah sesuatu yang mudah sebenarnya, tetapi itulah antara perkara yang diletakkan.

Ada kes di mana yang sememangnya dia susah hendak datang dan kita perlukan fleksibiliti daripada segi jadual. Kita sedar itu dan kita benarkan sebenarnya. Kita boleh benarkan sebab kalau dia balik hari Jumaat, hari Sabtu, hari Ahad, kadang-kadang hari Isnin baru dia datang. Hari Isnin dia datang, hari Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat dia ada di sekolah dan kadang-kadang cikgu benarkan dua minggu. Akan tetapi kalau sudah sampai sebulan dia tidak balik, dia lain macam sudah itu sebab dia hidup dengan suasana alam yang ada di sekeliling dia itu, dia tidak dapat hendak *feel*, hendak merasai, dia sudah kena balik. Jadi

itu daripada segi kementerian walaupun ada pekeliling yang berkaitan dengan jumlah berada di sekolah itu, tetapi untuk masyarakat ini kita ada fleksibilitilah, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ada. Jadi Yang Berhormat, ini berkaitan dengan bantuan guaman kepada guru. Kita sedar pada zaman ini macam-macam peristiwa boleh berlaku. Insiden-insiden yang tidak sepatutnya berlaku tetapi akhirnya nampak ada gangguan yang lebih kepada guru-guru. Kementerian melihat perkara ini daripada perspektif yang positif.

## ■2050

Kita tidak- kita bukan berurusan untuk menyalahi masyarakat, bukan berurusan untuk membetulkan sebelah pihak sahaja. Akan tetapi ingin saya tegaskan di sini bahawa apa-apa perbuatan atau apa-apa tingkah laku yang dibuat oleh guru atau sekumpulan guru di sekolah itu sebenarnya mewakili perkhidmatan perguruan itu sendiri. Jadi kadang-kadang ada kes yang terpaksa mereka hadapi melalui tindakan undang-undang. Ini ingin saya jelaskan bahawa mereka, guru itu adalah salah seorang daripada penjawat awam yang dilindungi oleh peraturan-peraturan yang sedia ada.

Maknanya kalau mereka diambil tindakan maka kerajaan bertanggungjawab untuk melindungi mereka. Ini disokong oleh peringkat kementerian sendiri untuk melihat bagaimana kita boleh membantu seorang guru atau sekumpulan guru yang telah diambil tindakan oleh pihak-pihak tertentu. Saya dapat bahawa kes ini tidaklah begitu besar tetapi ada melibatkan beberapa kes. Dia taklah kata ramai tetapi jumlah itu ada di kalangan yang telah diambil tindakan.

Yang Berhormat Senator Puan Puan Bathmavathi Krishnan berkaitan dengan OKU. Ini sememangnya saya sedar kalau kita hendak kira daripada segi guru pelatih OKU misalnya, guru pelatih OKU lelaki ada 160 orang, perempuan ada 183 orang. Ada 343 orang guru yang telah menjalani latihan di IPG. Untuk waktu ini sehingga sekarang di IPG ada 22 orang. Apa yang disebut guru 343 tadi yang telah menjadi guru. Bukan guru ada 1,068 orang. Ini sehingga 9 Disember 2016. Jumlah keseluruhan 1,411 orang.

Isu lain yang berkaitan dengan perguruan ini isu yang berkaitan dengan khidmat psikologi dan kaunseling. Ini juga adalah satu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah. Ini pun salah satu perkara yang diberi perkhidmatan juga berkaitan dengan kaunseling ini. Ada juga guru yang perlu kaunselor datang fasal dia stress. Dia stress ini banyak sebab. Salah satu stress sudah banyak tahun tak boleh tukar

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta pencelahan dan penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Ya, yang duduk.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Saya di sini.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Yang saya tanya itu ialah *career counseling* iaitu menyediakan graduan-graduan ini untuk *to enter the workforce*. Untuk masuk ke alam pekerjaan. Bukan *psychological counseling*.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Saya bagi jawapan yang berasingan Yang Berhormat sebab saya tiada *figure* tu yang berkaitan dengan kaunseling. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah tadi guru-guru yang memerlukan khidmat kaunseling.

Berikutnya adalah keseluruhan mengenai dengan *Technical Vocational Education and Training* (TVET), salah satu dari laluan untuk mendapatkan pekerjaan. Saya hendak maklumkan di sini bahawa kita telah memulakan satu daripada aliran yang pada mulanya dipanggil- kita ada dua aliran. Satu aliran akademik yang biasa telah lama kita pakai daripada kita merdeka sampai hari ini satu aliran sahaja aliran akademik. Ditanya oleh- Tuan Yang di-Pertua, ditanya oleh ibu bapa, “*Anak kamu dapat berapa 'A' dan masuk sekolah mana?*”.

Jadi disebut sebagai *boarding school*, disebut sebagai sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Kalau di Kuala Lumpur ini dia kata anak saya di Sekolah St. John, anak saya di Anderson, anak saya di Clifford, anak saya di semua sekolah inilah termasuk di *boarding school*. Sekolah teknik atau sekolah vokasional ini dia berada di kelas yang kedua.

Kemudian, kerajaan telah *transform* pendidikan ini untuk angkat teknik ini menjadi TVET supaya selari dengan akademik biasa. Bila dia hendak selari dengan akademik biasa tidak bermakna kita bersaing dengan pelajar-pelajar yang mendapat tempat daripada segi aliran akademik. Tujuan TVET ini adalah untuk *workforce* untuk *skill*. Bila mereka ada kemahiran, mereka boleh terus mendapat pekerjaan.

Jadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah berkaitan dengan pelajar-pelajar TVET yang terus mendapatkan pekerjaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, tahun 2016 adalah *first batch* Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dipanggil setelah empat tahun pelajar berada di sekolah Tingkatan 4, Tingkatan 5 campur lagi dua tahun. Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dia dapat Sijil Vokasional, campur lagi dua tahun dia dapat Diploma Vokasional. Diploma Vokasional ini pada usia 19 tahun. Akan tetapi kita dah sebut daripada awal dia *workforce*, *skill*.

Maka daripada 2,500 orang graduan DVM ini Diploma Vokasional ini, 73 peratus telah mendapat pekerjaan. Pekerjaan mereka dalam bidang yang mereka belajar sama ada yang melibatkan *tourism*, sebab *tourism* ini ada dalam *services*, perkhidmatan ada dalam *hospitality* ada dalam kulinari. Kalau kita dalam industri automotif, industri berat, *plumbing* atau apa juga yang mereka belajar mereka akan dapat. Sekarang ini untuk maklumat 72 peratus telah mendapat pekerjaan.

Kemudian yang berikutnya- Yang Berhormat Senator Siti Aishah tiada di sini kan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey yang seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah KPM terus mempromosikan TVET kepada ibu bapa.

Ini salah satu daripada- terima kasih atas cadangan ini. *Insya-Allah* Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai *Communication Pelan-* Pelan Komunikasi untuk memberi keyakinan kepada masyarakat terutamanya golongan muda bahawa sebenarnya dia tidak berada di atas, dia bukan dia pergi *second class*. Dia pergi TVET ini dia tidak pergi pada *second class*. Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ini dia dapat dia pergi kerja dua tahun, selepas dua tahun dia kerja dia boleh melalui satu aliran yang dipanggil APEL untuk dia masuk untuk membuat ijazah.

Akan tetapi kalau dia terus kerja pun tidak ada masalah sebab kita sudah kelaskan yang ini *tourism*, ini *oil and gas* dan ini industri. Kita hendak tengok misalnya Pengerang, saya baru minta laporan tentang kedudukan *oil and gas* di Pengerang sebab Pengerang itu kita boleh bina kolej vokasional yang berdasarkan *oil and gas*. Iskandar misalnya kita tak perlu buat Diploma *Oil and Gas* di Iskandar. Kita perlu kepada futuristik, kita perlu kepada *innovation* diploma di situ yang ada kaitan dengan IT. Kalau Langkawi, Kuching dan Kota Kinabalu itu pusat-pusat pelancongan. Jadi lebih baik di situ kita letakkan vokasional yang berdasarkan kepada perkhidmatan pelancongan.

Kalau Kulim Hi-Tech Park misalnya dan juga Pulau Pinang di situ lebih kepada industri Hi-Tech. Apakah kolej vokasional yang sesuai untuk kita letakkan di situ? Itu kaedah yang kita bawa yang berkaitan dengan teknikal vokasional. Jadi dalam hal promosi ini *insya-Allah* kita akan membuat promosi transformasi pendidikan vokasional pada tiap-tiap tahun. *Insya-Allah* pada tahun ini kita akan memperbanyak lagi Pelan Strategik Transformasi Pendidikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyebut mengenai dengan status pertimbangan untuk Institut Pendidikan Guru (IPG). Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri membentangkan Bajet 2017 pada Oktober

dahulu, beliau telah menyebut mengenai dengan sembilan IPG yang akan ditukar statusnya. Sebenarnya untuk pengetahuan di Dewan yang mulia ini, seluruh negara IPG mempunyai 27 buah Institut Pendidikan Guru. Dulu kita panggil nama Maktab Perguruan. Kita ada IPG sebanyak 27 buah. Sebanyak 27 buah IPG ini kita campur semua sekali zaman dahulu, 10 tahun dahulu, satu IPG mengambil pelajar satu tahun senang-senang 1,000 orang, 800 orang dan kampus itu boleh memuat sekurang-kurangnya 2,000 orang guru pelatih satu masa.

## ■2100

Hari ini tahun 2016 ada Maktab Perguruan, ada IPG yang ada pelajar dalamnya hanya tidak sampai 500 untuk empat tahun, satu tahun 100. Maknanya hostel yang ada itu dia ada hostel lagi boleh dimuat 1,000 orang lagi untuk hostel sedangkan dia ada pelajar hanya 500 orang. Jadi apa yang kita hendak buat dengan bangunan yang lebih itu?

Ini sebab bangunan yang lebih itulah yang dicadangkan untuk ditukar kepada politeknik Tuan Yang di-Pertua ataupun kolej vokasional. Ditukar bukan maknanya ditutup, ditukar kepada kolej vokasional ataupun politeknik. Maka timbullah persoalan kedudukan pelajar dan kedudukan pensyarah yang berada di IPG. Sukalah saya menjelaskan bahawa untuk tujuan mengubah daripada IPG kepada kolej vokasional atau politeknik itu tidak boleh jadi dalam masa satu bulan atau tidak boleh jadi dalam masa satu tahun. Apa pun yang berlaku kita akan pergi kepada berperingkat-peringkat dan dalam peringkat-peringkat ini mengambil masa yang lama. Kalau mengambil masa yang lama pada waktu itu IPG masih ada sampai satu ketika politeknik boleh berjalan dan sampai akhirnya nanti barulah ditutup sepenuhnya dan diganti dengan politeknik.

Proses ini tidak mengambil kesembilan-sembilan itu. Proses ini akan berjalan secara perlahan-lahan. Ada setengah-setengah negeri Sabah misalnya telah memberi penjelasan. Kerajaan Negeri Sabah minta kalau boleh IPG Gaya ada sentimental di situ dan IPG Kent misalnya dua daripada IPG ini tidak ditutup. Jadi kita mengambil perhatian atas apa yang disebut oleh Kerajaan Negeri Sabah. Begitu juga ada lagi di Semenanjung ini disebut beberapa IPG lagi disebut yang ada sentimental dan kalau boleh tidak ditutup dan ini kita ambil maklum dan ambil perhatian hal yang berkaitan dengan isu IPG.

Kemudian yang berikutnya adalah berkaitan dengan isu pendidikan khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan iaitu untuk golongan OKU yang tidak dapat ke sekolah ini dipanggil *home schooling*. Ibu bapa yang berhasrat untuk anak-anak OKU tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Surat Pekeliling Ikhtisas, garis panduan memproses permohonan pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib di

peringkat sekolah. *Home schooling* merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada ibu bapa yang memerlukan. Mengikut dasar yang sedia ada KPM telah mempunyai Dasar *Home Schooling* sejak tahun 2002 dan merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada ibu bapa.

Di bawah garis panduan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah yang dihasilkan pada tahun 2003, kementerian telah pun membuat perancangan awal mengenai perkara ini dengan mengambil kira semua aspek termasuk Surat Pekeliling Ikhtisas. Hal ini bagi membolehkan pihak kementerian bersama dengan semua agensi dipertanggungjawabkan kepada Pelan Tindakan OKU dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Ini bagi mereka yang tidak berupaya hadir ke sekolah maknanya *home schooling* ini ada proses pembelajaran alternatif yang disediakan dalam Program Tindakan Jangka Panjang 2016-2022.

Berapa ramai pelajar OKU penglihatan di Sekolah Pendidikan Khas. Setakat ini apa yang boleh saya sebut 314 orang pelajar kurang upaya penglihatan. Sekolah Pendidikan Khas sekolah yang menempatkan murid kurang upaya penglihatan, pendengaran, masalah pembelajaran terdapat 28 buah sekolah rendah dan enam buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Lagi mengenai dengan perkhidmatan sokongan lain disediakan untuk golongan kurang upaya dan penglihatan di Sekolah Khas. Ini termasuklah khidmat sokongan dan bantuan yang merangkumi elaun murid khas, Kumpulan Wang Amanah, Rancangan Makanan Tambahan, bantuan makanan asrama dan lain-lain khidmat sokongan yang ada di situ, ini khusus mengenai dengan buku.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan bertanya juga mengenai dengan bas untuk pendidikan khas. Sebanyak 34 buah bas ada di seluruh negara. Ada lagi tanya mengenai dengan buku teks dalam *braille*. Jadi bermula tahun 2010, KSSR Tahun 1 hingga Tahun 6 telah ditranskripkan dalam bentuk *braille* dan dibekalkan kepada sesi persekolahan mengikut tahun kegunaan.

Akhirnya mengenai dengan teknologi komunikasi dan maklumat. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. tidak ada di sini. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey. Ini berkaitan dengan pembekalan laptop yang sejak tahun 2014 lagi. Semua pembekalan ini dibuat oleh kontraktor Suruhanjaya Komunikasi Multimedia. Memandangkan tempoh jaminan hingga 31 Disember 2015 tarikh penerimaan *netbook* tersebut. Jadi sehingga kini, ada sebanyak kerosakan kepada yang dilaporkan adalah

sebanyak 1,622 buah unit. Jadi ini yang sudah lama sudah sebenarnya. Cuma saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini satu perkara yang berkaitan dengan internet yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah iaitu keupayaan kita. Kita di dalam 10,000, 100 buah sekolah yang saya sebut tadi ada sekolah yang telah mencapai *connectivity internet 4G*, ada lagi sekolah yang masih menggunakan ADSL yang mencapai bawah daripada dua megabait *per second*.

Kepada Bestari Net sekarang ini masuk fasa yang kedua. Kita telah memberi arahan kepada Bestari Net. Dia telah menunjukkan jadual kepada saya bahawa kita hendakkan supaya dalam fasa dua ini ada sekolah boleh diangkat. Kalau dua megabait *per second* sekolah ada lebih kurang 30 buah sekolah, cikgu ada 1,000 lebih. Bila cikgu tekan sahaja hendak masuk *online* dia keluar itu yang itu... *[Disampuk]* Bukan donut. Kalau donut itu keluar dari pukul 8.00, pukul 12.00 pun tidak boleh keluar lagi, tidak habis lagi donut cikgu itu marah dan yang marah itu dia marah dekat kitalah. Jadi sebab itu kita hendak sekarang ini supaya dia buat, ditunjukkan pada kita ikut zon, di mana yang boleh diangkat menjadi enam megabait *per second* di mana zon yang boleh menjadi 10 megabait *per second*. Juga di mana zon yang boleh menjadi 15 megabait *per second*.

Kalau ini boleh diangkat dalam tempoh enam bulan dan kita boleh lihat bahawa kebanyakan sekolah boleh menggunakan sistem *online* dengan baik. Kalau boleh digunakan sistem *online* dengan baik ini salah satu perkara yang menjadi keresahan di kalangan guru iaitu mereka tidak dapat menggunakan *connectivity* ini tidak ada di tempat mereka.

## ■2110

Apabila *connectivity* tidak ada, dia ada perasaan yang agak marah dan kurang seronok dengan apa yang berlaku di depan mereka. Akan tetapi kalau kita boleh angkat *connectivity* itu kepada satu tahap yang tinggi dan saya telah memberi arahan Tuan Yang di-Pertua kepada kontraktor supaya kita dapat melihat balik dia punya *timeline* dan untuk membuat perkhidmatan ataupun servis kepada perkhidmatan di sekolah-sekolah yang ada sama ada di bandar ataupun di luar bandar dan juga malah lebih jauh dari itu adalah kawasan-kawasan pedalaman yang ada.

Jadi...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri.

Saya merujuk kepada *Hansard* saya. Saya menyatakan di sini bahawa sebanyak RM340 juta

telah diperuntukkan untuk pembelian tablet kepada guru-guru. Saya membuat perbandingan pada ketika itu dahulu semasa kita bagi *note book 1Malaysia* kepada pelajar-pelajar. Banyak sekali kita bagi.

Selepas seminggu anak-anak kita ini menggunakan Netbook 1Malaysia rosak. Jadi saya meminta supaya Kementerian Pendidikan diberi kuasa. Kita faham bahawa SKMM yang akan memberi tablet ini. Akan tetapi memberi kuasa kepada Kementerian Pendidikan menentukan tablet yang bagaimana supaya kerosakan ini tidak berlaku.

Maknanya yes, peruntukan itu diletakkan kepada SKMM tetapi pemberiannya hendaklah dibuat saringan oleh Kementerian Pendidikan supaya seperti mana Yang Berhormat kata tadi donat itu tidak berlaku. Donat ini juga tadi saya bertanya dengan Menteri SKMM, satu Kampung WiFi ini sudah berhenti. Jadi sekolah-sekolah kita di kawasan pedalaman kalau Kampung-kampung WiFi projek ini juga diberhentikan nampaknya donat itu akan berpanjangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan itu. Sukalah saya memaklumkan bahawa kita mempunyai jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan juga Kementerian Kewangan. Jadi biarlah jawatankuasa ini yang melibatkan ketiga-tiga kementerian ini memutuskan. Kita boleh mengesyorkan kepada jawatankuasa seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi bahawa kita memilih yang mana yang terbaik. Saya yakin bahawa cadangan itu boleh diketengahkan dan membolehkan akhirnya guru mendapat produk yang ada kualiti dan boleh digunakan dalam tempoh yang panjang. Kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah...

**Datuk Seri Boon Som A/L Inong:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ada lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan saya tempoh hari pernah menyentuh tentang pembelajaran bahasa Siam dimasukkan dalam satu pelajaran dalam sekolah kebangsaan. Hanya hendak tahu perkembangan. Akan tetapi walau bagaimanapun, hari ini merupakan hari akhir saya. Jadi hal ini menampakkan bahawa Menteri Pendidikan datang menjawab soalan. Saya begitu teruja [*Tepuk*]

Di Kedah ini kita pernah lahir pemimpin agung, pemimpin yang berwibawa terutama Bapa Kemerdekaan Malaysia yang berdarah Siam. Jadi di sini menampakkan bahawa akan

lahir kembali seorang pemimpin agung berwibawa ini. Jadi semuanya saya akan rangkumkan dalam satu pantun kepada Yang Berhormat Menteri mantan bos saya.

*Bila membenam ke muka laut,  
Nampak sampan mudik ke hulu,  
Hati terkenang, mulut menyebut,  
Budi Dato' Seri dikenang selalu [Tepuk]*

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Ada pantun Melayu hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil...

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada lagi seorang.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menambah perbahasan yang saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak bersara pada hari ini.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Apakah itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak berpantun kah?

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Saya tidak pantun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab saya juga ada mengutarakan isu mengenai isu pembelajaran bahasa Kadazan Dusun di Sabah. Kemudian apabila saya terlepas pandang soalan itu saya telah atur dengan Setiausaha Dewan Negara untuk diberi kepada kementerian.

Akan tetapi malangnya tidak ada berlaku demikian. Isu yang sebenarnya saya utarakan ialah untuk bertanyakan berapa ramai graduan daripada pengajian bahasa KadazanDusun yang telah menamatkan pengajian di UPSI dan juga IPG setakat ini? Berapa ramaikah yang telah mengajar di sekolah di negeri Sabah?

Itulah pertanyaan saya yang keduanya juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengutarakan mengenai isu pembabitan Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang sering kali memohon peruntukan khas. Jadi ini belum tersentuh saya rasa. Dalam pertanyaan saya isu hari itu memohon supaya kementerian mengambil perhatian mengenai peruntukan-peruntukan khas kepada PIBG-PIBG di seluruh Malaysia dan juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Saya mengambil kesempatan ini sebentar tadi Yang Berhormat Menteri adalah satu-satunya Yang Berhormat Menteri yang telah banyak melawat sekolah-sekolah pedalaman di Sabah. Bagi pihak masyarakat negeri Sabah, saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana

Yang Berhormat Menteri Pendidikan turun padang untuk merasai denyut nadi warga pendidik di pedalaman. Sekian, terima kasih. Tahniah Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih. Untuk bahasa Siam seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong tadi sekarang ini belum lagi ada dibawa untuk pembelajaran itu. Walau bagaimanapun saya difahamkan setakat ini secara tidak rasminya ada sekolah-sekolah yang dibuka di wat-wat Siam ada guru-guru yang melatih dalam bahasa Siam.

Untuk bahasa KadazanDusun, sebenarnya guru yang telah mendapat latihan dalam perkhidmatan Bahasa KadazanDusun untuk tahun 2011- 30 orang; tahun 2012 - 25 orang; 2014 - 57 orang; dan tahun 2015 - 31 orang. Bahasa KadazanDusun ditawarkan di negeri Sabah, 41 buah sekolah menengah menawarkan kelas melibatkan 280 buah kelas, dan 5,184 orang murid yang belajar bahasa KadazanDusun, dan sekolah menengah – 41 buah; sekolah rendah -338 buah sekolah. Jadi jumlahnya 378 buah sekolah.

Di institusi pengajian tinggi di UPSI dan di IPG, misalnya tahun 2016 ada 11 orang yang belajar ijazah dalam Bahasa KadazanDusun di UPSI. Pada tahun 2015, 2014, 2013 jumlah semua 47 orang di UPSI yang belajar dalam Bahasa KadazanDusun.

Jadi itu yang akhirnya daripada saya. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2017 Kementerian Pendidikan. Kepada semua pegawai dari Kementerian Pendidikan saya juga ucap terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucap terima kasih. Terima kasih kepada semua yang telah terlibat. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang menggulung pada petang ini. Sekarang beralih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan.

■2120

**9.20 mlm.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Belanjawan 2017 pada sidang Dewan Negara kali ini dan menyentuh isu di Wilayah Persekutuan iaitu Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han; Ahli Yang

Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit; dan Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

Secara umumnya, terdapat tujuh isu di Wilayah Persekutuan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau RUMAWIP, kelulusan projek-projek pembangunan di Kuala Lumpur, pemberian lesen perniagaan kepada warga asing, pelan perancangan bandar baru di Wilayah Persekutuan, inisiatif bekalan air mentah bagi Kuala Lumpur dan Putrajaya, penguatkuasaan terhadap kenderaan berat di Kuala Lumpur dan pengurusan kawasan pasar borong.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau RUMAWIP. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya telah membangkitkan isu tentang pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau RUMAWIP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan sedikit tentang konsep pelaksanaan RUMAWIP yang dilaksanakan oleh kementerian. Pelaksanaan program RUMAWIP dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu:

- (i) secara usaha sama dengan agensi di bawah kementerian; dan
- (ii) melalui inisiatif swasta yang disyaratkan pembangunan RUMAWIP semasa proses kelulusan kebenaran merancang.

Dalam hal ini, pelaksanaan RUMAWIP kebanyakannya didorong oleh inisiatif swasta oleh pemaju. Langkah mengenakan syarat RUMAWIP dalam syarat pembangunan ini adalah bagi membolehkan hasrat untuk mencapai sasaran 80,000 unit kediaman yang ditetapkan di Wilayah Persekutuan dapat dicapai. Dalam setiap perancangan RUMAWIP yang kita buat, sudah pasti banyak kesukaran yang perlu dihadapi dalam melaksanakannya. Dalam hal ini, antara kesukaran yang kita hadapi adalah dalam menawarkan harga rumah yang lebih kompetitif kepada golongan berpendapatan sederhana kerana pelbagai faktor yang antaranya melibatkan sumber tanah kerajaan yang terhad di Kuala Lumpur, kos penyediaan infrastruktur serta penglibatan inisiatif swasta.

Di atas kekangan sumber tanah kerajaan terutamanya di Kuala Lumpur inilah, kementerian menggalakkan lebih banyak penglibatan swasta yang turut sama membangunkan rumah mampu milik. Walau bagaimanapun, kementerian melalui DBKL terutamanya sedar akan keperluan untuk menyediakan lebih banyak kediaman pada harga yang lebih rendah daripada RM300,000. Sebagai permulaan, kementerian telah mula menawarkan lebih banyak kediaman pada harga RM198,000 bagi membantu golongan yang memerlukan memiliki kediaman RUMAWIP.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pada itu juga, antara usaha yang sedang dirancang oleh DBKL adalah membangunkan *council home* kepada golongan belia terutamanya golongan B40 untuk menyewa rumah di Kuala Lumpur. Pembinaan *council home* ini dicadangkan dengan keluasan antara 600 hingga 700 kaki persegi pada kadar sewa yang berpatutan. Ini bagi membolehkan golongan belia terutamanya yang baru menamatkan pengajian dapat menyewa kediaman pada harga yang berpatutan di Kuala Lumpur untuk satu tempoh yang tertentu sebagai permulaan kepada kehidupan bekerja mereka.

Beberapa buah tapak telah dikenal pasti untuk tujuan ini sebagai memenuhi keperluan kumpulan sasaran tersebut. Perkara ini bagaimanapun masih di peringkat perancangan. Dalam usaha menyediakan lebih banyak perumahan untuk golongan B40 ini, kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan projek-projek perumahan untuk rakyat antaranya PPR boleh dibangunkan lebih banyak khususnya di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan projek pembangunan di Kuala Lumpur. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya turut membangkitkan isu tentang kelulusan projek-projek pembangunan di Kuala Lumpur khususnya di kawasan beliau iaitu Parlimen Batu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui DBKL sentiasa peka terhadap pembangunan yang dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat ataupun JKTPS. Sehubungan itu, draf pelan bandar raya Kuala Lumpur 2020 telah disediakan sebagai asas garis panduan pembangunan yang telah mengambil kira aspek-aspek alam sekitar, sosial, fizikal, ekonomi dan politik.

Setiap pembangunan yang melibatkan penukaran kegunaan zon guna tanah serta pertambahan kepadatan penduduk juga perlu melalui kaedah lima, pelawaan, bantahan, pemilik, bersebelahan mengikut Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 iaitu Akta 267. Akta ini memberi peluang kepada penduduk setempat dan bersebelahan yang layak untuk mengemukakan bantahan secara bertulis kepada DBKL. Sekiranya bantahan diterima, DBKL akan memanggil pembantah-pembantah dalam satu mesyuarat yang dipanggil Sesi Mendengar Bantahan bagi mendengar dan merekodkan asas bantahan untuk dilaporkan kepada JKTPS sebelum keputusan permohonan pembangunan tersebut dimuktamadkan.

Setiap pembangunan yang dirancang juga perlu mematuhi garis panduan serta keperluan teknikal DBKL seperti penyediaan tempat letak kereta, penyediaan kemudahan penduduk dan sebagainya. Kesemua syarat ini terkandung dalam kelulusan perintah

pembangunan yang dikeluarkan oleh DBKL. Pemantauan terhadap syarat-syarat tersebut dapat mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas, masalah peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa kelulusan dan sebagainya.

Bagi setiap pembangunan yang mempunyai impak besar kepada alam sekitar dan penduduk sekitarnya, sesi *engagement* bersama penduduk dan *stakeholder* perlu dijalankan oleh pihak pemaju. Ini penting bagi pemaju menerangkan cadangan projek mereka untuk mendapat reaksi awal penduduk yang terlibat agar pembangunan yang akan dilaksanakan di tapak, selari dengan kelulusan DBKL di samping memberi peluang kepada penduduk setempat untuk memberi input serta maklum balas terhadap pembangunan yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Norliza- tidak ada, okey.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah mengutarakan aspek terpenting dalam pembangunan di Wilayah Persekutuan iaitu pelan perancangan bandar baru merangkumi aspek penyediaan rumah mampu milik, pembawaan komuniti serta gaya hidup yang *vibrant* dan *livable*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan perancangan bandar adalah di bawah Senarai Bersama atau, dengan izin, *Concurrent List* dalam Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, dalam konteks Wilayah Persekutuan yang meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Menteri Wilayah Persekutuan menjalankan kuasa-kuasa sebagai kerajaan negeri berkaitan perancangan bandar. Ketiga-tiga pihak berkuasa tempatan PBT iaitu DBKL, PPJ dan PL telah pun menyediakan pelan atau rancangan pembangunan masing-masing yang telah diluluskan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan. Kesemua pelan atau rancangan pembangunan tersebut akan dikaji semula setiap lima tahun mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu Akta 172, dan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 iaitu Akta 267.

Dalam hubungan ini, kementerian bersama-sama PBT berkenaan telah pun mengambil kira dan menimbang perkara-perkara yang berbangkit oleh Ahli Yang Berhormat.

## ■2130

Kementerian juga telah menggubal dasar pembangunan semula bandar yang menetapkan aspek meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat, keselesaan dan kesejahteraan penduduk sebagai teras pertama daripada empat buah teras di bawah dasar berkenaan. Pelaksanaan teras tersebut di dokong oleh strategik-strategik berikut:

- (i) penyediaan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah;

- (ii) penyediaan rumah khusus untuk golongan istimewa seperti warga emas dan warga kelainan upaya;
- (iii) mengekalkan rangkaian sosial dalam komuniti setempat;
- (iv) memberi keutamaan kepada keperluan penduduk asal kawasan setempat melalui penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam proses perancangan;
- (v) menyediakan lebih banyak kawasan lapang dan kemudahan untuk komuniti;
- (vi) menambah baik nilai seni bandar dengan landskap yang menarik; dan
- (vii) mereka bentuk bandar yang mesra pengguna dan meningkatkan tahap keselamatan setempat.

Kementerian Wilayah Persekutuan percaya, sekiranya strategi-strategi tersebut dapat diikuti sepenuhnya, matlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat, keselesaan dan kesejahteraan di kawasan pembangunan bandar baru atau pembangunan semula Wilayah Persekutuan dapat dipenuhi. Seterusnya, hasrat mewujudkan komuniti dan gaya hidup yang *vibrant* dan *livable*, dengan izin, dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany telah mengulas cadangan beliau tentang inisiatif bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Wilayah Persekutuan telah menujuhkan Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Air secara interim sebelum satu buah badan atau jabatan ditubuhkan bagi memastikan pengurusan air, termasuk sumber rawatan dan bekalan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya diletakkan di bawak kawalan kementerian.

Untuk jangka panjang, kementerian kini telah bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) ke arah penubuhan Jabatan Pengurusan Air Wilayah Persekutuan. Ini bagi memastikan Wilayah Persekutuan dapat menguruskan sendiri sumber rawatan dan bekalan air tanpa bergantung kebergantungan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sejajar dengan itu, langkah-langkah yang telah diambil seperti berikut. Pertama, melaksanakan kajian sumber air bawah tanah Wilayah Persekutuan melibatkan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kajian ini telah mula pada April 2016 dan akan dimuktamadkan pada Mac 2017. Keputusan awal kajian menunjukkan sumber air bawah tanah di kawasan Putrajaya mampu

membekalkan sejumlah 20 juta tan liter sehari iaitu kira-kira 30 peratus daripada keperluan sehari penduduk di Putrajaya. Manakala keputusan kajian di Kuala Lumpur akan hanya diperolehi dalam bulan Mac 2017.

Kementerian juga sedang bekerjasama dengan KeTTHA untuk menggunakan sebahagian daripada air tasik Putrajaya sebagai sumber bekalan air.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, kapasiti air tasik Putrajaya adalah berjumlah 23.5 bilion liter. Mengikut kajian, jumlah air tasik yang boleh digunakan sebanyak 93.3 juta liter sehari, termasuk 24 juta liter sehari sewaktu aliran rendah. Jumlah ini dianggarkan dapat menampung keperluan sekurang-kurangnya kira-kira 466,000 orang penduduk dengan anggaran purata penggunaan sebanyak 200 liter sehari per kapita.

Dari pada aspek perundangan, kementerian telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi membolehkan Rang Undang-undang Sumber Air Negara dapat dibentangkan oleh NRE di Parlimen pada sesi akan datang. Dengan adanya Rang Undang-undang Sumber Air Negara ini kementerian mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai pihak berkuasa air, termasuklah daripada aspek memelihara sumber air, penguatkuasaan dan kutipan hasil bagi air mentah yang diabstrakkan oleh pihak konsesi dan industri.

Selain itu, kementerian juga sedang mengenal pasti sumber air alternatif, termasuk sumber air hujan, air larian ribut atau *storm water*, kolam takungan banjir dan sumber-sumber lain sebagai imbuhan ataupun alternatif kepada sumber air sedia ada. Sumber ini akan dibangunkan secara optimum dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada sumber air permukaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin kemudiannya telah memperbaikaskan permasalahan tentang kenderaan berat yang menjadi punca kepada kesesakan lalu lintas serta aspek penguatkuasaan yang perlu ditambah baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL sedia maklum dengan kemasukan kenderaan-kenderaan berat di dalam kawasan pusat bandar Kuala Lumpur, khasnya pada waktu puncak. Perkara ini berlaku berikutan terdapatnya pembangunan projek-projek mega yang sedang giat dilaksanakan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan hasrat kerajaan untuk merealisasikan Bandaraya Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia. Bagi mengehadkan kenderaan bergerak perlahan memasuki kawasan Pusat Bandar, DBKL telah menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987,

Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994.

Undang-undang ini melarang kenderaan yang mempunyai muatan melebih 5 tan termasuk traktor, treler, jengkaut pengalih tanah dan jentolak daripada memasuki pusat bandar pada waktu yang ditetapkan dari jam 6.30 pagi hingga 9.30 pagi dan dari jam 4.30 petang hingga 7.30 petang. Tindakan diambil di jalan-jalan yang disempadani oleh Jalan Tun Razak, Jalan U, Jalan Sungai Besi, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Istana dan Lebuhraya Sultan Iskandar atau dahulunya dikenali sebagai Lebuhraya Mahameru.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Minta laluan boleh, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Boleh saya habiskan..

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Minta laluan sedikit sahaja, bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bisik, bukan tidak boleh, di sebelah tetapi untuk rekod kena ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Apa yang saya maksudkan, undang-undang itu memang sudah ada saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Penguatkuasaan itu, sebab hari ini, semalam, dulu semalam, sebelum ini, kesesakan itu masih berlaku. Bererti 6.30 sampai 9.30, apa pun Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, penguatkuasaan tidak ada. Yang itu yang kita sebut, yang jadi sesak ini, kenderaan jentolaklah, apa ini semua, treler. Kita faham fasal pembangunan tetapi janganlah benarkan- *time*, waktu yang diperlukan iaitu *peak hours*, dengan izin, dibenarkan kenderaan-kenderaan ini masuk, yang ini yang menjadi kesesakan di Kuala Lumpur.

Saya pernah mengatakan kepada Yang Berhormat Menteri, bos kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di Kuala Lumpur ini hendak belok kiri bagilah laluan dan saya tengok ada beberapa buah tempat telah pun dilaksanakan. Bermakna Yang Berhormat Menteri prihatin, dengar kita kata boleh belok kiri, dibubuh *signboard*. Kalau boleh kita buat lagi banyak macam itu supaya kita mengelakkan kesesakan, itu maksud saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang penguatkuasaan dijalankan secara aktif. Katakan tidak ada itu, saya tidak boleh terimalah. Ini Yang Berhormat kena tahu, Menteri Wilayah Persekutuan sekarang ini bukan senang hendak *dealing*, dia sendiri akan turun *check*.

Keduanya, berkenaan dengan sistem-sistem di mana kita hendak menambah baik aliran trafik seperti membelok kiri dan sebagainya sedang dijalankan dan rancangan adalah berperingkat-peringkat.

■2140

Apa yang sudah kita dapat kita laksanakan dulu dan kita akan terus melaksanakan untuk demi kebaikan dan juga keselesaan warga kota Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL juga telah bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia bagi mengambil tindakan ke atas perkara-perkara tersebut. Statistik tindakan penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh DBKL ke atas kenderaan bergerak perlahan yang didapati mengingkari arahan waktu masuk pusat bandar sepanjang bulan Januari 2016 hingga 10 Disember 2016 sebanyak 1,413 Notis Kesalahan. Saya sekarang harap Yang Berhormat Dato' Seri mengambil maklumlah tadi kerana main *phone*.

Papan-papan tanda menunjukkan waktu larangan telah dipasang di jalan-jalan utama dan penguatkuasaan juga sering dijalankan. Untuk meningkatkan penguatkuasaan, DBKL juga telah memasang peralatan yang dinamakan sebagai *heavy vehicle classification system*, dengan izin, untuk mengesan kenderaan berat atau kenderaan bergerak perlahan semasa waktu puncak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin juga membahaskan isu tentang keadaan pasar borong di Kuala Lumpur yang tidak memberi gambaran positif terhadap aspek kebersihan dan pengurusan keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umum mengetahui bahawa Pasar Borong Kuala Lumpur merupakan pusat penyediaan bahan mentah seperti ikan, sayur dan buah yang berkonsepkan jualan secara borong bagi kawasan Lembah Klang dan kawasan-kawasan yang berhampiran seperti Negeri Sembilan, Perak dan lain-lain.

Setakat ini...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebut pasal borong, saya kena bangunlah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Satu para habis?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Okey.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Setakat ini, aktiviti-aktiviti di pasar borong melibatkan pemborong, pembekal dan peruncit. Ini termasuklah pekerja Konsortium Pasar Borong dan juga pekerja *Forever Fresh Coldstore Technology* yang dilantik oleh DBKL.

Mereka ini dibekalkan pengenalan diri dalam bentuk pas kerja dan uniform DBKL... *[Disampuk]*  
Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.  
Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Menteri baca hari ini hanya ditulis oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Menteri tidak menghayati sendiri di bawah. Saya duduk di bawah, saya duduk di pasar borong. Apakah yang berlaku di pasar borong hari ini? Betullah cakap, “*Forever Fresh...*”, *whatever*, semua betul. Akan tetapi, di kaki-kaki lima di tepi-tepi pasar borong, peniaga-peniaga haram banyak termasuklah Myanmar. Banyak peniaga haram. Dewan Bandaraya kadang-kadang pergi lalu sahaja, tidak buat tindakan pun. Minta maaf kawan-kawan saya ini, minta maaf. Tidak ada tindakan pun. Kalau ada tindakan, sampai sekarang kenapa masih ada peniaga-peniaga haram?

Dan juga daripada segi kedudukan pasar borong, keadaan pasar borong hari ini, ya Allah, kalau Tuan Yang di-Pertua datang masuk pasar borong pun, jijik pasar borong ini. Tidak boleh, kotor. So, saya harap Yang Berhormat Menteri kena buat sesuatu, kena mengatasi masalah-masalah yang ada pada hari ini. Jalan pecah, macam-macamlah, air bertakung, peniaga haram, *pusher* tempat dadah pun ada, masalah tembak-menembak, mati pun ada di situ. So, kena ambil perhatianlah. Itu tempat tumpuan orang ramai.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya bukan bantai Menteri itu.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.  
Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya kadang-kadang pun kagumlah dengan cara-cara Ahli-ahli Senator dari Wilayah Persekutuan ini dia memberi dia punya ulasan dia, dia punya penjelasan dia. Saya pun tidak tahu macam mana dia boleh cakap benda-benda yang dia tahu kita sedang jalankan kajian, kita sedang jalankan penguatkuasaan tapi dia boleh bagi tahulah. Macam tadi Yang Berhormat...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Sebentarlah, Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Saya akan jawab soalan Yang Berhormat, saya akan jawab. Tapi sementara itu, saya hendak jawab tadi macam Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin kata tidak ada penguatkuasaan tapi dalam Januari sampai 10 Disember, kita ada 1,413 Notis atas kenderaan-kenderaan yang telah melakukan kesalahan.

Seperti itu juga di kawasan pasar borong ini di mana kita mengambil tindakan, kita ada tindakan seperti penguatkuasaan penjual-penjual haram. Kita akan masuk, *task force* akan *clear*. Kita ada satu *task force* untuk mencegah aktiviti-aktiviti haram di Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' KSU sendiri di bawah arahan Menteri. Kita ada *task force* untuk memastikan peniaga asing tidak dibenarkan berniaga. Kita ada berbagai-bagai *task force* untuk membantu kita menjalankan penguatkuasaan.

Memang betul, saya setuju bahawa setiap kali kita lakukan operasi, selepas beberapa hari akan timbul balik. Saya setuju tapi ini adalah *ongoing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab dia *ongoing*, kita terpaksa *continue*, terpaksa teruskan penguatkuasaan ini. Saya harap Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani ini faham maksud yang saya cakapkan.

Berkenaan dengan penjualan ini juga, kita ada masalah yang tidak *direct*, tidak terus langsung dengan kementerian. Kemasukan Rohingya yang datang ke negara ini mencari hidup mereka. Mereka pun berniaga untuk hidup. Mereka tidak ada pekerjaan, mereka carilah apa-apa yang mereka dapat untuk mencari sumber hidup mereka. Ini terlibat dengan kementerian lain iaitu Kementerian Dalam Negeri, Imigresen dan sebagainya.

Kementerian Wilayah Persekutuan hanya dapat membuat penguatkuasaan ke atas perniagaan haram. Mereka tidak ada lesen, kita boleh sita, ambil barang semua, kita kutip. Selepas itu tidak lama, dia datang baliklah... *[Disampuk]* Kutip, Yang Berhormat Datuk, kutip. Kalau Yang Berhormat Datuk mahu, saya boleh hantar sayur-sayur itu juga. Saya minta pegawai saya hantar sayur yang dikutip itu, saya akan hantar. Macam-macam kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika ini DBKL sedang melaksanakan langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah kebanjiran warga asing di kawasan ini dan isu kawalan kemasukan orang awam diberi penekanan dalam pelaksanaan langkah-langkah tersebut.

Selain itu, DBKL juga sedang merancang untuk membangunkan semula serta menaik taraf pasar borong ini seperti penambahan blok baru dan pembinaan tapak letak kereta bertingkat yang akan dimulakan pada tahun hadapan sebagai langkah awal penjenamaan semula Pasar Borong Kuala Lumpur. Di samping ini juga, kerja-kerja pembersihan dan pembaikan infrastruktur sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala teguran, pandangan dan cadangan

yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah kami hargai dan akan kami manfaatkan untuk kepentingan bersama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Berkaitan dengan soalan itu, jawapan tadi itu.

**Seorang Ahli:** Bolehlah, bolehlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada bahaskah?

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tidak ada tapi hendak tambah sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Pertamanya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri. Saya minta Timbalan Menteri dapat sampaikan penghargaan saya kepada Menteri atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara.

Keduanya, saya hendak beri kepujian kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini...  
[Disampuk] Tak ada erk ini [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini bukan tempat nak beri pujian. Jumpalah Menteri terus.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak dapatkan penjelasan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Pertamanya hendak bagi tahu pasal rumah mampu milik. Okey?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya bersyukur kerana di dalam kawasan dalam bandar raya, kita boleh dapat rumah 900 kaki persegi dengan harga RM300,000. Ini satu pengorbanan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Yang mana betul, betul. Apa yang Yang Berhormat Datuk Abbas cakap itu antara dia tapi saya menyampaikan satu perkara yang disampaikan kepada saya untuk disampaikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Itu. Kerana hendak beli rumah RM700,000, RM800,000 di Taman Desa keluasan 900 kaki persegi adalah berharga RM600,000.

■2150

Akan tetapi Kementerian Wilayah Persekutuan boleh *create* 900 kaki persegi kepada RM300,000. Jadi terima kasih banyak. Satu lagi soalan, bukan soalan, pertanyaan okey. Saya hendak tahu daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, kita duduk dalam Bandaraya Kuala Lumpur sebab saya pun dalam Kuala Lumpur, banyak kementerian duduk dalam program-

program dalam bandar raya. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan ada mendapat bantuan daripada kementerian-kementerian lain untuk menjayakan program-program kerana saya sebagai lembaga penasihat kadang-kadang saya pun sedih bila mendengar asyik keluar duit bandar raya, adakah kementerian juga membantu dalam membina aktiviti-aktiviti apa sahaja yang berkaitan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Majlis Senator yang kita adakan ini akan memberikan latihan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator baru untuk bagaimana hendak bertanya soalan sebelum sesuatu kementerian menghabiskan penggulungan. Pada masa yang sama saya pun mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal yang baru dilantik- saya faham, saya akan jawab juga bagi peluang kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, soalannya adakah kita mendapat dana atau bantuan peruntukan daripada kementerian-kementerian lain?

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap kementerian mempunyai peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka sendiri. Dalam hal Kementerian Wilayah Persekutuan, semua peruntukan yang diberikan kepada kementerian akan dibelanjakan untuk projek-projek ataupun segala aspek di Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya juga akan memperuntukkan bajet untuk menjalankan projek serta penyelenggaraan di kawasan-kawasan tersebut.

Kita berharap kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya dapat membantu kita dalam penyelenggaraan PPR dan sebagainya kerana kos penyelenggaraan di PPR dan perumahan awam yang sedia ada ini adalah tinggi. Akan tetapi pada masa sekarang kita tidak mendapat bajet, kita perlu menggunakan bajet dalaman.

Kedua, berkenaan dengan jalan-jalan dan sebagainya pun kita tidak mendapat peruntukan daripada Kementerian Pengangkutan, kita menggunakan peruntukan sendiri. So, kebanyakannya kita jalankan sendiri hanya sekadar jikalau ada kita dapat peruntukan khas, maka kita akan diberikan peruntukan untuk menjalankan aktiviti tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, silakan.

### 9.53 mIm

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam kepada semua Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia semasa perbahasan peringkat dasar Bajet 2017 di Dewan Negara. Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian di atas semua pandangan, saran dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim ada? Mencadangkan kepada kementerian untuk melihat kawasan Rantau Panjang, Kelantan yang boleh dibangunkan sebagai tempat ataupun pusat pelancongan terutamanya di tengah-tengah sungai di Bukit Tandak yang terdapat sebuah bukit ataupun pulau di situ. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kawasan tersebut dibangunkan restoran makanan laut di situ kerana mempunyai pelan bagi membina hotel bertaraf 5 Bintang dan telah dibuat secara pertandingan motor air pada setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM45.11 juta telah pun diperuntukkan di bawah kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membiayai 86 projek pelancongan di negeri Kelantan termasuk tiga buah projek di Rantau Panjang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM13.5 juta. Projek-projek yang terlibat projek peningkatan kemudahan pelancongan di pintu masuk Rantau Panjang yang berjumlah kepada RM13 juta, projek naik taraf pusat bandar Rantau Panjang sebagai pintu masuk Selatan Thailand, Fasa 10 sebanyak RM200,000 dan projek membina dan menyiapkan satu Blok Tiga Tingkat Pasar Baru Rantau Panjang, Fasa 19 yang berjumlah RM300,000.

Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM18.41 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi membiayai 19 buah projek berkaitan produk pelancongan di negeri Kelantan termasuk projek menaik taraf kemudahan pelancongan di stesen teksi Rantau Panjang yang telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM100,000. Di bawah *Rolling*

Plan Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak RM1.65 juta juga telah diperuntukkan kementerian bagi membiayai tiga buah projek pelancongan di negeri Kelantan iaitu projek peningkatan kemudahan pelancongan...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Takut pergi juah lagi nanti sudah lupa. Sebut pasal Rantau Panjang, saya sudah cadangkan hari itu dekat Bukit Tandak itu ada sekeliling itu air luas macam laut, tengah-tengah itu pulau. Saya cadangkan supaya dibuat pusat pelancongan. Kedua, kita dapat elakkan *current exchange* kita, duit kita mengalir ke Thailand, jadi kita hendak orang Thailand mari ke Rantau Panjang pula. Jadi bila hendak pergi melawatnya? Hendak tanya. Lawatan untuk cadangan pusat pelancongan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat untuk tempat pelancongan untuk membuat satu lagi di pulau tersebut dan meminta supaya antara saya, Yang Berhormat Menteri ataupun saya datang, *insya-Allah* tidak ada masalah. *Insya-Allah* kita boleh aturkan bersama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kelantan untuk diaturkan untuk dibuat lawatan tersebut. Kementerian juga mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat dan juga mengesyorkan supaya cadangan tersebut diselaraskan dengan pelan pembangunan induk pihak berkuasa tempatan di Rantau Panjang terlebih dahulu agar pembangunan yang lebih menyeluruh dapat kita laksanakan selain daripada mampu memberikan faedah kepada masyarakat tempatan.

Penyelarasannya ini juga akan turut memudahkan pihak berkuasa tempatan untuk memperoleh perakuan daripada pihak kementerian sebelum cadangan tersebut dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan pertimbangan yang sewajarnya di bawah *Rolling Plan Ketiga*, RMKe-11.

Kementerian juga berpandangan bahawa cadangan tersebut juga mungkin boleh dipelopori oleh pihak swasta dengan penawaran dana pelancongan dalam bentuk pinjaman *soft loan* iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) yang dikelolakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan juga Tabung Khas Pelancongan yang dikelolakan oleh

Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia di bawah SME Bank dan butiran lanjut mengenai pinjaman ini bolehlah dicapai melalui laman sesawang kami iaitu [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my). Pada masa yang sama juga pihak kementerian melalui agensi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia iaitu Tourism Malaysia juga sentiasa berusaha untuk mempromosikan dan memasarkan destinasi pelancongan Malaysia termasuk di negeri Kelantan di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin ada memohon berkenaan untuk jawab berkenaan kes penipuan umrah. Saya jawab secara bertulis kerana beliau pun tidak ada di sini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pemantauan *homestay*. Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib meminta kementerian menyatakan adakah pengawalan ataupun pemantauan dilakukan dan adakah lesen khusus dikeluarkan bagi memastikan kemudahan dan juga keselamatan pengguna *homestay* di seluruh negara terjamin berikutan dengan kewujudan penginapan *homestay* yang banyak sekarang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, program *homestay* di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia adalah dibangunkan melalui Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan isi rumah serta taraf hidup masyarakat luar bandar serta menawarkan peluang kepada para pelancong untuk merasai nikmat ataupun tinggal bersama keluarga pengusaha *homestay* dan juga mengalami gaya hidup sehari-hari dan kebudayaan masyarakat kampung. Itu tujuannya.

Perkampungan dan pengusaha *homestay* dipilih melalui beberapa kriteria yang melibatkan sekurang-kurangnya minimum 10 buah rumah di sebuah kampung, mempunyai kemudahsampaian serta daya tarikan di persekitarannya. Sebelum didaftarkan setiap *homestay* ini hendaklah lulus pemeriksaan rumah dan menghadiri kursus asas *homestay* selama tiga hari yang melibatkan aspek pengurusan *homestay*, pembangunan pakej, penyediaan makanan serta khidmat pelanggan anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

## ■2200

Setiap rumah yang berdaftar ini akan diberikan plak *homestay* yang akan digantung di luar rumah itu, menunjukkan *homestay* ini telah pun berdaftar dengan kementerian. Maka ia selamat serta selesa untuk para pelancong duduki. Kementerian juga menyenaraikan semua *homestay* yang berdaftar dalam laman sesawang kementerian untuk memudahkan para pelancong untuk pilih mana satu yang mereka kehendaki atau pun mereka berminat. Kita bagi

pihak kementerian juga, kita melakukan penilaian selama tiga tahun sekali atau pun sekiranya sebarang aduan yang kita terima, kita akan buat penilaian atau pun pemantauan dan sebagainya.

Setakat ini, kementerian belum menerima sebarang aduan terhadap mana-mana pengusaha *homestay* yang berdaftar di bawah kementerian kami. Sehingga kini, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sebanyak 193 *cluster homestay* telah didaftar di seluruh Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang terdiri daripada 341 buah kampung dengan penglibatan seramai 3,800 orang pengusaha yang menawarkan 5,354 buah bilik kepada pelancong. Bagi tahun 2015, pelaksanaan program *homestay* ini telah menerima seramai 391,225 orang pelancong di mana daripada jumlah tersebut 82 peratus merupakan pelancong domestik dan menjana pendapatan sebanyak RM28.3 juta kepada pengusaha *homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili mencadangkan kepada pihak kementerian supaya bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi mempromosikan pelancongan di Malaysia. Kedua memberi sokongan daripada segi bantuan kewangan dan juga logistik bagi acara-acara seperti Pesta Telaga Air, *nature challenge*, BHR Padawan Nature Challenge dan juga Padawan Raft Safari yang telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Padawan supaya pembangunan pelancongan di Negeri Sarawak dapat dipertingkatkan.

Bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, kita mempunyai pejabat di setiap negeri untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri serta jabatan dan agensi di bawahnya untuk mempromosikan pelancongan kepada para pelancong domestik dan antarabangsa sama ada daripada segi pembangunan projek infrastruktur dan juga promosi pelancongan.

Bagi negeri Sarawak khususnya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah pun memberikan bantuan peruntukan sebanyak RM749,936 iaitu bagi *Borneo Jazz Festival*, *Borneo Culture Festival*, *Rainforest World Music Festival*, *Sarawak International Dragon Boat Regatta*, Regatta Sarawak, Pesta Benak Sri Aman, *Padawan Raft Safari*, *Pesta Siniawan* dan *Batang Sadong Beach Run 2016* yang baru sahaja lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bersedia untuk mempromosikan acara-acara di negeri terutama acara-acara yang telah pun ditetapkan tarikh dan tempat dalam kalender pelancongan negara yang telah diedarkan secara digital dan melalui agensi-agensi pelancongan antarabangsa dan juga

domestik serta pejabat *tourism Malaysia* serata dunia. Berhubungan dengan cadangan daripada acara-acara daripada Yang Berhormat Senator, kementerian boleh menimbangkan permohonan bantuan kewangan kepada Majlis Perbandaran Padawan sekiranya mempunyai lebihan peruntukan pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han dari Melaka, sahabat saya juga meminta pihak kementerian menyatakan apakah strategi dan usaha kementerian untuk membawa lebih ramai pelancong China ke Malaysia terutama ke negeri Melaka memandangkan hubungan yang erat antara Malaysia dan China dapat meningkatkan sektor pelancongan negara. Antara strategi menggalakkan lebih ramai pelancong China adalah daripada segi usaha untuk memudahkan proses visa.

Pihak kerajaan telah memperkenalkan e-visa dan *visa free system entry* yang bertujuan bagi tujuan sosial sahaja dan e-visa dan *visa free system entry* diperkenalkan bagi memudahkan pengguna untuk memohon visa secara *online* atau pun melalui agensi pelancongan berdaftar dengan pejabat perwakilan Malaysia dan boleh mencetaknya sendiri setelah mendapat kelulusan dalam tempoh 24 jam, e-visa tau pun serta-merta *visa free system entry* setelah permohonan lengkap dikemukakan.

E-visa diberikan kepada rakyat RRC di China dan dari seluruh dunia yang mana tempoh lawatan tidak lebih daripada 30 hari berkuat kuasa daripada 1 Mac 2016 melalui pintu masuk semua yang diwartakan dalam warta kerajaan. Manakala *visa free system entry* menawarkan pengecualian visa tidak lebih lawatan daripada 15 hari kepada rakyat RRC sahaja berkuat kuasa 1 Mac 2016 sehingga 31 Disember 2017 yang telah dilanjutkan melalui pintu masuk udara sahaja iaitu KLIA, KLIA2, Lapangan Terbang Pulau Pinang, Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor Bharu, Lapangan Terbang Pulau Langkawi, Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Kuching melalui penerbangan terus daripada China. Dengan pengenalan kemudahan visa ini, jumlah ketibaan pelancong China bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016 adalah seramai 1,406,417 orang iaitu peningkatan sebanyak 26.3 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah mengadakan promosi penerbangan sewa khas dari China dan sehingga kini bagi tahun 2016. Sejumlah 112 penerbangan sewa khas yang telah direkodkan iaitu yang pertama, 17 penerbangan ke Kota Kinabalu dan Chengdu Kang Ning, tujuh Naning daripada Januari hingga Oktober 2016. 11 penerbangan ke Kuala Lumpur daripada Haikuo September 2016 dan 25 penerbangan ke Melaka, *direct* daripada Guangzhao dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka Oktober 2016 hingga Januari

2017. Tourism Malaysia akan meneruskan usaha mempromosikan penerbangan sewa khas daripada China ini terutamanya dari bandar-bandar *second tier* ke Malaysia untuk meningkatkan kemudahsampaian pelancong China ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Airlines Berhad juga telah mengumumkan akan memulakan penerbangan ke-8 buah destinasi baru ke China dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang bermula pada awal tahun 2017. Destinasi-destinasi yang baru Haikou, Nanjing, Fuzhao, Wuhan, Chengdu, Chongqing, Tianjing dan Shenzhen.

Di samping itu, MAS juga akan menambah penerbangan kepada dua kali sehari antara Kuala Lumpur dan Shanghai tertakluk kepada slot pada bulan April 2017. Tourism Malaysia juga akan meningkatkan usaha sama dengan Malaysian Airlines Berhad untuk melancarkan lawatan media dan juga agen pelancongan dari lapan buah destinasi tersebut ke Malaysia bagi tujuan promosi dan publisiti di samping mengusahakan inisiatif-inisiatif pemasaran lain yang merangkumi program-program percutian ke Melaka.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui usaha *Tourism Malaysia* juga sentiasa mempelbagaikan usaha-usaha promosi di negara China. Walau bagaimanapun, seiring dengan saranan perbelanjaan berhemah, *Tourism Malaysia* telah pun merancang beberapa aktiviti strategik bagi memaksimumkan impak promosi yang dijalankan dengan usaha-usaha yang berikut;

- (i) Bekerjasama dengan pihak Alibaba dot com melalui pembangunan *Malaysian Tourism Pavilion* (MTP) dalam platform '*Ali Trade*'. MTP sebuah portal e-dagang yang menjualkan produk-produk dan juga pakej-pakej pelancongan kepada pengguna Alibaba dan juga '*AliTrade*' terutama daripada pasaran China. MTP telah beroperasi dan telah dilancarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Penggerusi Eksekutif *Alibaba Group*, Jack Ma di Beijing pada 4 November yang lepas. Ia dijangka akan memberikan impak yang besar kepada promosi Malaysia di seluruh dunia terutamanya di pasaran China;
- (ii) dengan menyertai bersama-sama penggiat industri pelancongan Malaysia di pameran dan juga di ekspos pelancongan utama seperti *World Travel Fair di Shanghai Beijing*, *International Tourism Expo*, *China-ASEAN Expo* di Nanjing dan *China International Travel Mart* di Shanghai agar maklumat pelancongan terkini sentiasa dapat kita sebarkan kepada kumpulan sasar. Tambahan kepada itu, kementerian melalui *Tourism*

- Malaysia juga menjemput kerajaan negeri untuk turut sama dalam misi galakan sedemikian;
- (iii) penggunaan saluran media sosial secara meluas dalam memasarkan Malaysia kepada pasaran China;
  - (iv) meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program mega fam dengan membawa para wartawan dan juga *bloggers*, *social influencers* daripada negara yang berkaitan yang mana kita jemput *bloggers*, agensi pelancongan serta kru profileman;
  - (v) menggalakkan lebih banyak pakej insentif istimewa yang memberi fokus kepada percutian premium; dan
  - (vi) memperbanyak kerjasama pintar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan dan juga badan-badan korporat.

Berkenaan dengan persoalan tentang jumlah peserta MM2H Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah ada sini, meminta kementerian menyatakan jumlah terkini peserta yang menyertai Program MM2H mengikut kewarganegaraan dan apakah fasilitet yang disediakan serta faedah yang diberikan oleh pihak kerajaan.

#### ■2210

Untuk makluman Yang Berhormat program Malaysia My Second Home ataupun kita kenali sebagai MM2H merupakan satu program *long stay* ataupun inap panjang bagi menarik dan juga menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan juga berbelanja lebih banyak di Malaysia. Program ini peserta MM2H akan diberikan pas lawatan sosial selama 10 tahun dengan berserta *multiple entry visa*.

Sejak program MM2H ini dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Oktober 2016 seramai 31,097 permohonan warganegara asing daripada 126 buah negara telah pun diluluskan. Jumlah peserta yang menyertai program ini mengikut kewarganegaraan yang paling tinggi negara China iaitu sebanyak 7,659 permohonan diluluskan bagi tempoh tersebut. Diikuti dengan warganegara Jepun sebanyak 4,071; ketiga, warganegara Bangladesh - 3,343; United Kingdom - 2,344; Iran - 1,327; Singapura - 1,244; Taiwan - 1,155; Korea Selatan - 1,154; Pakistan – 952; dan negara lain - 7,848. Antara insentif yang kita berikan kepada peserta adalah seperti berikut:

- (i) mereka boleh membawa keluarga sebagai pengiring termasuk anak-anak di bawah umur 21 tahun, ibu bapa serta mertua yang berusia 60 tahun ke atas. Maksudnya, kalau mertua dia muda tidak boleh bawalah dan dari

seorang isteri sahaja. Kalau lebih isteri tidak boleh. Isteri muda tengok dia ada berapa orang isteri. Yang Berhormat jangan ajar yang bukan-bukan Yang Berhormat;

- (ii) kemudahan menggaji seorang pembantu rumah dari negara yang dibenarkan seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Vietnam, Laos dan juga Cambodia;
- (iii) pengecualian daripada cukai ke atas semua pendapatan yang dibawa dari luar negara.
- (iv) pengecualian setakat RM150,000 bagi pembelian kenderaan baru pemasangan tempatan CKD. Manakala pengimportan kereta persendirian CBU adalah pengecualian duti eksais setakat 50 peratus bermula 1 Januari 2017; dan
- (v) dalam tahun kedua peserta MM2H ini dibenarkan untuk keluarkan daripada wang akaun simpanan tetap sehingga RM150,000 bagi kategori bawah 50 tahun dan RM50,000 bagi kategori 50 tahun ke atas untuk tujuan pembelian rumah, pelajaran anak-anak, kesihatan dan pembelian kereta yang diluluskan. Pembelian rumah adalah tertakluk kepada harga minimum yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program ini juga telah memberikan sumbangan kepada ekonomi negara melalui perkara-perkara berikut;

- (i) kutipan fi visa sebanyak RM90 setiap tahun. Fi visa ini sedang disemak semula oleh Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) kutipan *journey performance visa* sebanyak RM500. Di mana berkenaan setiap orang dikenakan;
- (iii) *multiple entry visa* RM50 setiap seorang bergantung kepada warganegara;
- (iv) pembukaan simpanan tetap diwajibkan kepada setiap peserta iaitu RM300,000 untuk mereka yang berusia di bawah 50 tahun dan RM150,000 untuk kategori yang berusia 50 tahun ke atas;
- (v) penjualan rumah dan harta tanah oleh syarikat-syarikat swasta; dan
- (vi) perbelanjaan isi rumah bulanan dalam lingkungan sebanyak RM5,000 kepada RM12,000 sebulan bergantung pada bilangan dalam keluarga.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun ada tanya saya soalan tetapi dia tidak ada sini. Tetapi apa pun saya hendak ucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada beliau walaupun baru tetapi beliau telah pun menyentuh tentang soal seni budaya dan ini saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk saya jawab secara bertulis kepada beliau. Panjang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang tidak ada di dalam Dewan Yang Berhormat boleh bagi secara bertulis.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Okey. Terima kasih. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun menyentuh isu bawah pihak kementerian. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai segala pandangan, saranan, teguran dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mana-mana persoalan yang ini saya akan susuli dengan cara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Kewangan. Yang Berhormat Menteri.

#### **10.15 mlm.**

**Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan amatlah dihargai.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit; dan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah Kementerian Kewangan. Pertama, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor.

Cadangan serta pelan kerajaan untuk tambah rizab serta strategi bagi meningkatkan reserve negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kedudukan *reserve* antarabangsa negara terkini pada 30 November 2016 kekal kukuh berjumlah RM399.6 bilion ataupun USD96.4 billion yang telah meningkat sebanyak USD1.1 bilion berbanding USD95.3 bilion pada akhir tahun 2015.

Paras *reserved* terkini adalah mencukupi untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negara jangka pendek. Turun naik paras rizab antarabangsa adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya termasuklah keadaan semasa, pasaran kewangan global, jumlah aliran masuk pelaburan langsung (FDI) dan popular prestasi perdagangan. Selain itu, rizab antarabangsa dan juga dijangka meningkat apabila pasaran mata wang Ringgit stabil kerana ia akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur asing untuk membawa aliran masuk dana dalam negara. Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk merancakkan aktiviti ekonomi dan pelaburan yang seterusnya boleh menarik aliran masuk dana bagi meningkatkan rizab antarabangsa.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Mekanisme bagaimana pertumbuhan KDNK 4 hingga 5 peratus dan prestasi pasaran modal di pengaruhi oleh nilai Ringgit. Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016, ekonomi negara terus berkembang dengan keluaran dalam negara kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus Januari hingga September 2015 kalau dibandingkan pada Januari hingga September 2016 iaitu 5.1.

Pertumbuhan yang menggalakkan ini disokong oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan dengan sektor swasta kekal memaju pertumbuhan ekonomi. Selain daripada itu, Malaysia juga terus menerima aliran masuk bersih FDI berjumlah RM3.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama. Penyumbang utama FDI Hong Kong - 48 peratus; Singapura - 20 peratus; United Kingdom - 70 peratus; dan Amerika Syarikat – 5 peratus.

Kerajaan juga telah mengambil berbagai-bagai usaha dan langkah strategik termasuk inisiatif di bawah Bajet 2017 bagi memastikan keadaan ekonomi negara kekal mampan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Menyekat spekulasi Ringgit dan agensi penarafan antarabangsa yang menetapkan Ringgit Malaysia menjadi keutamaan untuk pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kadar tukaran Ringgit bukanlah faktor utama penentu pelaburan di Malaysia sebaliknya pelabur lebih menekankan faktor kestabilan politik serta kemudahan menjalankan perniagaan atau *ease of doing business* dan daya saing negara.

Ini terbukti dengan ketiga-tiga agensi penarafan utama *Fitch, Moody's, Standard & Poor's* masih lagi mengekalkan kedudukan penarafan Malaysia pada A minus dengan *outlook stable* walaupun dalam keadaan kadar tukaran yang lemah.

## ■2220

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah juga, impak kepada sektor tenaga perkilangan jika isu ringgit belum dapat diatasi menjelang suku tahun pertama 2017. Meskipun negara berhadapan dengan penyusutan nilai ringgit iaitu hampir 3.9 peratus daripada Januari hingga November, prestasi ekonomi kekal kukuh dengan Keluaran Dalam Negara Kasar, merekod pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama di pacu oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik. Berdasarkan prestasi yang menggalakkan ini, ekonomi negara dijangka berkembang sebanyak 4 peratus hingga 4.5 peratus pada tahun 2016. Seperti sistem kadar pertukaran asing yang lain, pergerakan ringgit memberikan impak berbeza yang mana terdapat sektor dalam ekonomi yang akan mendapat manfaat dan ada juga sektor yang mengalami kerugian berikutan penyusutan nilai Ringgit.

Sebagai contoh, apabila Ringgit menyusut nilai, pengeksport akan mendapat manfaat kerana barang dan perkhidmatan negara akan menjadi lebih murah berbanding dengan negara asing. Malah, pengeksport akan memperoleh peningkatan pendapatan eksport lebih-lebih lagi sekiranya harga barang eksport tersebut adalah berasaskan nilai mata wang asing sementara barang import diperoleh dalam mata wang ringgit daripada sumber tempatan. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak 8.3 peratus daripada jumlah eksport kasar. Dalam tempoh sembilan bulan pertama, eksport barang dan perkhidmatan meningkat RM2.6 bilion kepada RM568.4 bilion.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, sejauh mana Malaysia dapat mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak tiga peratus pada tahun 2017 dan ketidaktentuan luaran. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah iaitu mengawal perbelanjaan, meningkatkan *revenue base* kerajaan seperti contoh, menukar sistem SST

kepada GST, menguatkuaskan pemantauan pengutipan cukai dan juga merealisasikan sebahagian daripada subsidi negara.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty- tidak ada? Tidak apa, tidak apalah.

Ini saya hendak kena jawab sikit. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM67 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2008-2009.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997 hingga 1998, *Asian Financial Crisis*, GDP kita menguncup sebanyak 7 peratus. Kemudian, pada tahun 2008-2009, bila *Global Financial Crisis*, kita punya GDP menguncup sebanyak 1.5 peratus. Kedua-dua *financial crisis* yang kita berdepan ini, kerajaan menggunakan banyak peruntukan wang untuk kita buat *stimulation of economy* ataupun membelanjakan sebanyak RM67 bilion pada tahun 2008-2009. Akan tetapi apa yang kita berhadapan hari ini, kita tidak berdepan dengan masalah penguncutan ekonomi sebab ekonomi kita masih berkembang 4.2 peratus, 4 peratus dan 4.3 peratus, ketiga-tiga *quarter*. *On average about 4.2 peratus*. Oleh sebab itu kita tidak melakukan seperti mana yang kita lakukan pada tahun 2008 dan 2009.

Seterusnya kejatuhan nilai ringgit. Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib, adakah kejatuhan nilai Ringgit memberi kesan kepada hutang tidak berbayar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah hutang kita kalau dibandingkan dengan kedudukan daripada segi Ringgit dan juga hutang luar *pouring the denomination of* kita punya *debt* ini, 96 peratus daripada kita punya hutang ini adalah berdasarkan Ringgit *base*. Oleh sebab itu, naik turun Ringgit ini ia kurang memberi kesan sekiranya *exposure* kita daripada segi hutang luar negara ini tinggi. Hutang luar negara kita cuma lebih kurang 4 peratus. Oleh itu kita tidak merasakan kesannya sangat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, meskipun keadaan semakin mencabar, ekonomi negara dijangka kekal kukuh. Ekonomi negara bukan hanya dipengaruhi kejutan daripada kadar pertukaran malah kejutan-kejutan lain seperti kejatuhan harga komoditi yang ketara, Brexit dan lain-lain lagi. Jadi daripada segi impak kepada kita, ada impak tetapi tidak sebesar kalau dibandingkan dengan negara-negara yang mempunyai *exposure* hutang yang begitu banyak daripada segi pinjaman luar negara.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Kumpulan M40 menanggung kos sara hidup yang tinggi akibat rasionalisasi subsidi, GST dan mempunyai bilangan ahli keluarga yang besar, maka soalan kerajaan mencari kaedah

bantuan yang lebih memberi kesan kepada golongan M40 bagi menangani kos sara hidup mereka yang semakin tinggi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebagai kerajaan yang prihatin, kesejahteraan rakyat sentiasa diletakkan sebagai keutamaan dalam setiap agenda pembangunan negara. Dalam hal ini, kerajaan sedar akan kos sara hidup yang kian meningkat dan terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya sekali mereka yang tinggal di bandar besar dan juga kelompok bawahan. Kenaikan yang berlaku ini bukan disebabkan semata-mata oleh pelarasan subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengekalkan kelestarian fiskal dan ekonomi yang mampan. Terdapat juga pelbagai faktor dan gelagat pasaran di luar kawalan kerajaan yang mempengaruhi kenaikan kos tersebut. Antaranya, pengurangan penawaran akibat perubahan cuaca, permintaan berlebihan pada musim perayaan, penurunan nilai Ringgit serta peningkatan kos pengeluaran.

Namun begitu, sebagai kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab, usaha akan terus diambil agar kebajikan rakyat yang terkesan dengan kenaikan ini dapat terus dibela. Oleh demikian, kerajaan tetap telah mengambil langkah proaktif menangani kos-kos sara hidup termasuklah walaupun usaha pelarasan subsidi perlu dilaksanakan, banyak juga subsidi yang terus dikekalkan seperti subsidi gas dan sebagainya. Penyediaan Kedai-kedai Rakyat 1Malaysia dan juga beberapa program meningkatkan pendapatan kerajaan seperti pelbagai latihan keusahawanan seperti eRezeki, eUsahawan, skim pembiayaan hendak memudahkan cara perniagaan kepada individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi pelbagai agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, SME Corp, SME Bank, MARA, KEMAS dan lain-lain lagi.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, cadangan supaya kad OKU dapat digunakan sebagai pengesahan untuk mendapat pengecualian GST bagi pembelian peralatan OKU tanpa perlu mendapat borang di JKM.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara asasnya, penggunaan borang *Certificate of GST Relief* adalah untuk membuat pemantauan yang berkesan ke atas pembelian mana-mana barang dan peralatan yang telah diberi pelepasan GST. Dengan itu, mekanisme yang serupa perlu juga diguna pakai bagi pembelian barang-barang dan peralatan yang layak bagi mana-mana OKU sebagaimana yang telah diumumkan dalam Bajet 2017. Tambahan pula, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa memantau rapi penggunaan borang *Certificate of GST Relief* ini untuk memastikan ia teratur dan tidak disalahgunakan.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, mekanisme- ini saya sudah jawab tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty pun tidak ada. Ini saya sudah jawab.

Bantuan Rakyat 1Malaysia. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, kerajaan dicadangkan mencari alternatif lain kepada BR1M yang berbentuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan ini dan akan meneliti alternatif yang bersesuaian bagi tujuan membantu rakyat dalam jangka masa panjang. Pada masa ini, Bantuan Rakyat 1Malaysia akan diteruskan sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat di negara ini.

Di samping itu, banyak program yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran rakyat seperti program latihan kemahiran di bawah Majlis Amanah Rakyat yang merangkumi institusi pendidikan seperti Institusi Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Pusat GiatMARA, program latihan kemahiran yang dijalankan oleh institusi perindustrian dan juga pusat latihan teknologi tinggi.

#### ■2230

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, SPNB membuat pembayaran yang lambat kepada kontraktor bumiputera yang terlibat dalam pembinaan rumah SPNB yang menjadikan beban kepada mereka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya telah mengarahkan pihak SPNB untuk melihat mana-mana kontraktor yang tidak dibayar oleh SPNB ini, saya hendak tahu sebab apa yang lambat bayar. Jadi, itu saya akan ambil tindakan secepat mungkin dan kalau ada masalah lain yang berbangkit daripada kontraktor ini, sila maklumkan saya selepas ini.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sekejap Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai rumah SPNB ini, SPNB ini Rumah Mesra Rakyat dan kontraktornya kalau di Kelantan ini *100 percent* bumiputera dan Kelas ‘F’ atau G1.

Pertama, kebijakan kontraktor. Boleh dikatakan *99 percent* ambil pinjaman MARA. RM48,000 dapat, harga rumah RM60,000. MARA ambil RM2,000 tinggal RM50,000. Jadi, *balance* lagi RM10,000, wang tahanan 5 persen atau RM3,000.

Jadi, lebihnya itu sahaja, jadi saya rasa hendak cari makan susah. Kalau bayar cepat, saya rasa boleh cari makanlah tetapi kalau bolehlah saya hendak cadangkanlah rumah PPRT RM40,000 dah jadi RM56,000. SPNB ini saya hendak minta Menteri kalau PPRT dah

RM56,000, Rumah Mesra Rakyat takkan kekal RM60,000. Saya minta naiklah sampai RM90,000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil maklum cadangan. Bila keadaan kedudukan kewangan kerajaan mengizinkan, *insya-Allah* kita akan tengok perkara ini dan mengenai masalah kontraktor lambat bayar itu, saya akan arahkan SPNB untuk melihat perkara ini.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya hendak minta Menteri Kewangan, liabiliti tahanan itu boleh ke daripada setahun ke-tiga bulan sahaja. Duit tahanan lima persen itu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Dia tangguh sampai setahun?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Setakat ini setahun. Kalau boleh tiga bulan sudahlah, Yang Berhormat Menteri. Yang lima persen itu tiga bulan sudahlah, tak payah enam bulan ke setahun.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, nanti saya tengok dia punya *legality aspect of it*. Takut rumah yang dia orang buat ini dia takut lepas tiga bulan rumah itu roboh, jadi dia hendak kena bagi lama sedikit kerana takut simen semua tak kering lepas itu roboh, dia pun dah dapat dia punya deposit, dah tak ada siapa hendak *repair* rumah ini. Akan tetapi tak apalah, kita akan tengok Yang Berhormat.

Okey, Senator Dato' Jaspal Singh merancang perancangan bagi akses perkhidmatan kewangan ATM kepada penduduk luar bandar. Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan institusi kewangan untuk memperluaskan kemudahan perkhidmatan perbankan, terutamanya kepada golongan masyarakat yang menetap di kawasan luar bandar.

Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menggalakkan pembangunan saluran hantaran kewangan alternatif yang inovatif, termasuk perbankan tanpa cawangan. Berikutnya langkah tersebut, untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, termasuk pelaksanaan Ejen Bank berdaftar atau EB pada 2012, rangkaian cawangan bank dan EB telah berkembang untuk menyediakan sekurang-kurangnya lima buah pusat akses kepada perkhidmatan kewangan iaitu 95 peratus daripada kesemua 144 buah daerah di Malaysia.

Tambahan pula, orang awam juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian transaksi-transaksi yang dibuat di setiap daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat, EB atau Ejen Bank berdaftar ini dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan seperti pengeluaran wang yang boleh dilakukan melalui mesin ATM. Selain itu, EB juga menyediakan perkhidmatan perbankan asas

lain seperti mengambil deposit, mengendalikan pengeluaran wang, mengendalikan pindahan dana wang, menerima pembayaran pinjaman, mengendalikan pembayaran bil, membuka akaun simpanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya mohon mencelah. Ada satu soalan saya yang belum dijawab.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Apakah soalan?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya ada bertanyakan berkait dengan *sin tax*. Apakah hala tuju kerajaan berkait kutipan dan juga perbelanjaan *sin tax* ini? Adakah satu perancangan yang jelas untuk pengurusan *sin tax* dan adakah perancangan kerajaan untuk mengasingkan perbelanjaan *sin tax* ini kepada perbelanjaan-perbelanjaan tertentu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Memang kerajaan ini- kita ini mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Jadi, ada juga produk-produk dan barang-barang yang kita anggap sebagai produk yang majoriti masyarakat Islam dia agak sensitif. Contohnya, *taxes* yang kita kutip daripada aktiviti-aktiviti perjudian, kemudian daripada segi minuman arak ataupun barang-barang yang berdasarkan alkohol dan ketiga, rokok yang mana juga merupakan kategori *sin tax* yang kita ada untuk tiga barang ini.

Jadi, *taxes* ini pada secara dasarnya kita memang mengenakan *tax* yang begitu tinggi kepada ketiga-tiga produk ini iaitu aktiviti *gambling*, alkohol dan juga rokok dan *income* ini memang dimasukkan dalam *consolidated fund*. Maknanya, ia masuk sekali.

Jadi, dalam cadangan baru ini di Dewan Rakyat, kita memang- saya pun telah buat satu inisiatif untuk mengasingkan duit ini supaya dia tidak bercampur dengan duit keseluruhan dalam *consolidated account*. Masuk dalam akaun yang lain dan akaun ini bolehlah kita bayar subsidi-subsiidi yang kita guna untuk bayar tol. Yang tak boleh naik itu kita kena bayar subsidi, yang itu kita gunakan duit itu dan banyak benda yang kita buat yang tidak melibatkan benda yang secara menyentuh sensitiviti masyarakat Islam. Okey.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta nasihat daripada Yang Berhormat Menteri. Dalam mukadimah ucapan saya, saya telah pun mengambil kesempatan mengucapkan menjunjung kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kedah.

Dalam ucapan tersebut, saya telah menyatakan bahawa kalau Lee Chong Wei menang di Olimpik pun dapat 1 juta, Paralimpik pun dapat anugerah, jadi saya telah mencadangkan agar Kerajaan Malaysia memberi sebanyak RM200 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah, penganugerahan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana *break the record*, dua kali menjadi Agong. Saya mendengar dengan teliti semua jawapan daripada Menteri yang pertama sampai yang terakhir ini, tidak ada seorang pun memberi komitmen kepada cadangan saya tersebut.

Sebab itu saya hendak minta nasihat daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tak ada orang lain dah ataupun perlukah saya menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kebetulan pula saya berjumpa pada petang tersebut, berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan saya menyatakan demikian. Saya bimbang takut menjadi isu yang bukan-bukan, jadi saya memberitahu beliau dan beliau kata kalau dapat baguslah. Terima kasihlah kata dia dan maknanya dapat memakmurkan rakyat Kedah kerana rakyat Kedah menjaga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan begitu baik, sihat sehingga hari terakhir beliau bergerak balik ke Istana Darul Aman. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya tak tengok juga jawapan daripada *Hansard* saya ini. Saya juga mencadangkan agar syarikat-syarikat GLC seperti Tabung Haji dan sebagainya, Lembaga Angkatan Tentera dan sebagainya membantu dalam syarikat-syarikat halal ini dan saya ambil contoh di kampung saya. Saya mencadangkan agar Tabung Haji mengambil 30 peratus daripada syarikat-syarikat bumiputera kerana kalau kita tengok keseluruhan syarikat halal di Malaysia ini, hanya 29 peratus sahaja terdiri daripada syarikat-syarikat bumiputera.

## ■2240

Dalam RM40 bilion *trading* yang berlaku itu, hanya enam peratus sahaja *valuenya* syarikat-syarikat bumiputera. Jadi, saya mencadangkan agar Tabung Haji kalau ada syarikat-syarikat bumiputera yang kita tahu susah hendak mendapat *requirement* halal itu membeli 30 peratus dan membantu syarikat ini dan biarkan mereka ini meneruskan perniagaan hanya memegang saham 30 peratus, *pump in the capital* supaya mereka ini dapat membesar. Kalau satu buah negeri kita dapat 30 buah syarikat yang sedemikian saya rasa akan ramai lagi halal syarikat-syarikat halal bumiputera.

Jadi saya hendak bertanya di mana jawapan kepada ataupun tidak dicatatkan. *Wallahu a'lam bissawab*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. walaupun tidak catat tidak apa, kita akan jawab. Tidak ada hal punya hal. So, pertama fasal hendak jadikan Agong

ini, Sultan Kedah untuk bagi *special* peruntukan kepada negeri Kedah. Suruh Menteri Besar tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, minta dia *special consideration*. Nanti kita bincanglah dengan Yang Amat Berhormat. Suruh dia tulis surat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena tulis, bagi alasan fasal Yang Tuanku ini, boleh?

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Boleh.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Bilakah boleh hantar surat?... [Dewan ketawa] Okey, nombor dua GLC ini. Saya setujulah GLC kena banyak main peranan untuk membangunkan industri halal ini terutama syarikat-syarikat yang terletak di luar-luar bandar yang ada potensi banyak produk-produk dia. Boleh, tetapi dengan syarat bahawa kalau kita hendak melibatkan GLC ini terlibat dalam industri-industri ini, syarikat-syarikat yang hendak *offer* ini dia mesti ada satu standard dia. Standard itu mesti mahu ada, saiz dia walaupun tidak besar tetapi kena ada standard. Iaitu daripada segi standard apa? Daripada segi pengurusan, daripada segi *record keeping*, itu semua hendak kena ada.

Produk-produk ini produk-produk yang berdasarkan ada potensi untuk dieksport ataupun menjadi suatu produk-produk yang menggunakan ataupun yang *high demand* dalam domestik. Kalau itu ada, *prepare info memo*, hantar surat dekat saya, nanti saya cari, suruh cari GLC pergi analisa syarikat-syarikat ini. Kalau betul-betul ada mempunyai kriteria-kriteria yang sesuai, kita akan suruh dia melabur untuk bantu syarikat-syarikat ini, tidak ada masalah.

Akan tetapi masalah dia banyak syarikat ini ada potensi, tetapi *record keeping* tidak betul, lepas itu dia pun tidak boleh membezakan sama ada duit syarikat dengan duit dia. Jadi tidak boleh dengan GLC ini fasal GLC ini kena *proper governance*. Makna kalau syarikat-syarikat, kalau duit sendiri, duit sendiri. Kalau hendak *between* duit syarikat hendak pergi duit sendiri dia kena bayar dividen, dia tidak boleh campur aduk. So yang ini kita kena ada. Selalu banyak syarikat yang bagus-bagus ini oleh sebab ia tidak mempunyai *record keeping* yang bagus maka ia tidak tahu sama ada betul-betul untung atau rugi sebab *record keeping* tidak ada.

Akan tetapi tidak apa, bagi saya kalau ada apa-apa cadangan yang ada pada masa akan datang hantar kepada saya, *insya-Allah* saya akan tengok-tengokkan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan Mesyuarat saya ingin mengambil peluang untuk memaklumkan kepada Majlis Mesyuarat bahawa hari ini merupakan hari terakhir dua orang Ahli Dewan Negara memberikan khidmat bakti mereka kepada Dewan Negara. Dua orang sahabat kita tersebut Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit *[Tepuk]*

Saya juga bagi pihak semua Ahli Dewan Negara ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas segala sumbangan dan bakti Yang Berhormat telah curahkan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada negara. Saya mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua bidang Yang Berhormat akan ceburi selepas ini.

Semoga persahabatan dan semangat setia kawan yang wujud di antara kita tidak berakhir di sini dan akan kekal selama-lamanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang jam di Dewan sudah menunjukkan pukul 10.46 malam, saya dengan ini menangguhkan Mesyuarat Dewan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 15 Disember.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.46 malam]***